PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : KELULUSAN TANAH KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN

1. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Adakah kakitangan kerajaan atau Pejabat Daerah & Tanah ditawarkan tanah setelah berkhidmat dalam tempoh tertentu?

b) Nyatakan tawaran-tawaran yang dibuat oleh GLC berkaitan hartanah kepada mana-mana kakitangan awam/ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri. Apakah kadar yang dikenakan?

JAWAPAN :

a) Tiada peruntukan sebagai peraturan menawarkan tanah kepada kakitangan Kerajaan Negeri atau Pejabat Daerah & Tanah setelah berkhidmat untuk tempoh tertentu. Walau bagaimanapun sebagai Rakyat Malaysia, mereka boleh memohon dan memiliki tanah tertakluk Seksyen 43 kepada Kanun Tanah Negara.

b) Rekod tawaran berkaitan hartanah kepada Kakitangan Awam / Ahli Majlis Mesyuarat Negeri tidak terdapat dalam simpanan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Walau bagaimanapun setiap penjawat Awam / Ahli Majlis Kerajaan Negeri boleh memohon dan memiliki hartanah yang diiklankan oleh GLC. Tawaran adalah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh GLC dan Penjawat Awam yang ditawarkan akan mengisytiharkannya kepada Ketua Jabatan selaras dengan keperluan semua Penjawat Awam perlu mengisytiharkan harta berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bi.3/2002. Ini bukan anugerah daripada GLC kerana kadar yang dibayar sama seperti kadar yang dibayar oleh orang lain (pembeli).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PUSAT TEATER SHAH ALAM

2. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pusat tersebut dan bagaimanakah sumbangannya terhadap kesenian Negeri Selangor ?

b) Sila nyatakan berapakah jumlah keseluruhan kos pembinaan Teater tersebut dan bilakah ia mula digunakan ?

c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan pusat Teater tersebut supaya dapat menonjolkan seni budaya Negeri Selangor dan sekali gus menarik lebih ramai pelancong datang melawat Selangor ?

JAWAPAN :

a) Pada 28hb. Julai 2010 satu mesyuarat telah diadakan di bilik Mesyuarat Kekwa di Pejabat Kerajaan Negeri Selangor yang telah dipengerusikan oleh YB Rodziah Ismail. Dalam mesyuarat tersebut pengerusi telah memaklumkan bahawa pihak beliau dengan kerjasama Pertubuhan Arkitek Malaysia akan memeriksa mengenal pasti penambahbaikan-penambahbaikan yang perlu dibuat ke atas bangunan Teater ini sebelum bangunan tersebut digunakan. Sumbangan bangunan ini terhadap kesenian Negeri Selangor bergantung kepada perancangan yang akan diaturkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak "End-User" yang akan dilantik dan diberi tanggungjawab.

b) Kos keseluruhan pembinaan Teater ini adalah berjumlah RM43,840,000.00 dan bangunan ini boleh digunakan apabila pihak Kerajaan Negeri sebagai pemilik bangunan ini melantik "End-User" yang akan diberi tanggungjawab untuk menjalankan aktiviti di bangunan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : LADANG HUTAN

3. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 49: "Pada pendapat Audit, pengurusan hutan secara konsesi kepada PKPS tidak memuaskan kerana memberi kesan kepada kepupusan habitat flora dan fauna bagi kawasan yang terlibat dengan program ladang hutan".

Dalam muka surat 48, semakan Audit mendapati seluas 11,381.06 hektar kawasan HSK di Zon Hulu Selangor iaitu HSK Bukit Tarek dan HSK Rantau Panjang telah diberi secara konsesi selama 60 tahun kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada 22 Februari 2001.

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 61-62, Para 3.5.1.2 (a).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah butiran-butiran utama dalam perjanjian konsesi selama 60 tahun antara Jabatan dengan PKPS?

b) Apakah sistem dan program pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan PKPS mematuhi piawai dalam pengurusan ladang hutan?

c) Apakah status perjanjian konsesi 60 tahun ini dan adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyemaknya semula?

JAWAPAN :

a) Tahun 2001 melibatkan pemajakan kawasan HSK seluas 10,000 hektar (5,000 hektar di Hutan Simpan Rantau Panjang dan 5,000 hektar di Hutan Simpan Bukit Tarek) untuk tempoh selama 60 tahun bagi tujuan untuk PKPS menghutan semula (reforestation) kawasan ladang hutan ini mengikut pelan rancangan penghutanan semula Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS)setelah kayu balak yang ada diusahasilkan/keluaran oleh PKPS secara konsesi. PKPS juga dibenarkan untuk mengadakan Perjanjian secara *sub-lease*, *joint venture*, melantik kontraktor atau sub-kontraktor bagi melaksanakan konsesi pembalakan dan program penghutanan semula. Seluas 1,000 hektar daripada kawasan ini diperuntukkan untuk Kerajaan Negeri bagi pembangunan ladang buah-buahan.

b) Sistem dan program pemantauan yang dilaksanakan oleh JPNS hanya terhad kepada proses-proses yang melibatkan pengeluaran kayu balak (pembalakan) dalam konsesi PKPS sahaja. Projek-projek "penghutanan semula" yang dilaksanakan oleh PKPS tidak pernah dimaklumkan secara dokumentasi kepada JPNS.

c) Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan pada 2 Jun, 2010 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk membatalkan perjanjian dengan PKPS dan menarik balik keseluruhan kawasan perjanjian ini serta menyerahkan semula kepada JPNS untuk pemulihan hutan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan atau 'road-map' untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Alam Flora Sdn. Bhd.?

b) Apakah rancangan dan strategi kerajaan dalam menggalakkan kitar semula ?

c) Apakah rancangan kerajaan dan 'road -map' dalam menggunakan teknologi pelupusan sampah yang mesra alam?

JAWAPAN :

b) Sehingga kini masih belum ada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil alih operasi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) dari Alam Flora Sdn Bhd (AFSB).

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Worldwide Holdings Berhad, anak syarikat PKNS untuk mengkaji *viability* pengambilalihan operasi PSPPA di bandar Klang dan juga syarikat Core Competencies Sdn Bhd (CCSB) untuk operasi di bandar Kajang.

Jika sekiranya, konsep dan mekanisme kerja yang diaplikasikan di kedua bandar ini berjaya, Kerajaan Negeri akan menimbangkan duplikasi konsep ini kepada bandar-bandar lain di Selangor.

b) Kerajaan Negeri sentiasa menggerakkan program-program untuk menggalakkan kitar semula di kalangan masyarakat awam. Antara kempen yang dijalankan sejak dari dulu ialah Kempen 3R iaitu '*Reduce, Reuse and Recycle*' dan di bawah inisiatif Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah dilaksanakan dan dilihat kempen ini mendapat sambutan dan majoriti masyarakat telah menerima pakai idea yang diterapkan kepada mereka.

c) Kerajaan Negeri sentiasa mencari kaedah-kaedah pelupusan sisa pepejal yang terbaik untuk diaplikasikan. Sehingga ke hari ini, kita telah mempunyai satu loji yang menggunakan teknologi *Refuse Derived Fuel* (RDF) di kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Teknologi ini digunakan untuk menukar sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga elektrik.

Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri telah meneliti beberapa teknologi lain yang difikirkan sesuai untuk diguna pakai seperti *Material Resources Facility* (MRF) dan *Mechanical Biological Treatment* (MBT) yang akan menukarkan sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga atau produk yang berasaskan barangan kitar semula.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK : BANTUAN BERPENDAPATAN *(WORFARE)*

5. Kerajaan negeri ada bercadang untuk menyedia dan melatih golongan menerima bantuan kebajikan agar dapat berdikari.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah perkembangan program bantuan berpendapatan ini ?

b) Berapa orangkah yang telah dilatih dan menerima manfaat hasil program ini mengikut daerah?

c) Berapakah nilai pendapatan yang diperolehi oleh mereka yang terlibat ?

JAWAPAN :

a) Bantuan kebajikan sedia ada yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan kurang berkesan dalam menangani isu-isu kemiskinan terutama miskin bandar. Hanya 7% daripada keseluruhan penerima bantuan kebajikan JKM telah ditamatkan bantuan bukan kerana mereka telah dapat dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan tetapi atas faktor penerima bantuan tersebut telah meninggal dunia ataupun telah berpindah ke daerah atau negeri yang lain.

Oleh itu, bagi menangani isu-isu kemiskinan terutamanya miskin bandar, Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah drastik dengan mengubah dasar kebajikan (bantuan kewangan) kepada bantuan berpendapatan ("workfare").Di Selangor, terdapat lebih daripada 1.56 juta rakyat miskin bilamana Kerajaan Negeri Selangor menetapkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) ialah RM 1500. Daripada 1.56 juta ini, Kerajaan Negeri Selangor akan membahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama akan dimasukkan ke dalam program di bawah dasar "workfare" dan kategori kedua masih menerima bantuan kebajikan sedia ada berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria-Kriteria yang telah ditetapkan tersebut ialah fakir miskin yang benar-benar tidak mempunyai sesuatu, hutang yang tidak mampu terbayar, dan penyakit yang membuat seseorang itu tidak mampu berusaha. Selain daripada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan ini, penerima-penerima bantuan sedia ada akan diberi bantuan menerusi program di bawah dasar "workfare".

Sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam peringkat untuk menyatukan dan mengintegrasikan data-data daripada agensi-agensi kebajikan di Selangor seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Unit Kemiskinan Bandar Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Prihatin, data daripada portal e-bu, Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, serta Lembaga Perumahan Selangor. Sistem pengkalan data pusat ini menjadi ciri penting di dalam usaha memberikan bantuan berpendapatan kepada rakyat miskin di Selangor ini. Ini adalah kerana data-data bantuan sedia ada bertaburan di setiap agensi kerajaan dan ianya tidak disatukan serta diselaraskan. Ini mengakibatkan jumlah sebenar rakyat Selangor yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) tidak dapat dikenal pasti. Namun, sementara pengkalan data ini sedang dalam proses penyatuan, Kerajaan Negeri telah memilih peserta daripada senarai data-data kebajikan sedia ada untuk “pilot project” program di bawah dasar “workfare” ini.

b) Program-program latihan Kerajaan Negeri Selangor telah dijalankan di 14 buah Pusat Komuniti Wanita (PKW) dan sejumlah RM 210 000 telah di belanjakan, Lembaga Zakat juga telah mengadakan program pembangunan ekonomi bagi melatih penerima-penerima bantuan zakat dalam bidang perusahaan. Program terkini yang sedang dijalankan Kerajaan Negeri Selangor ialah Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) yang telah bermula pada September yang lalu dan Kerajaan Negeri Selangor telah menemu duga dan mengenal pasti 33 orang yang berpotensi yang mana profil mereka diambil daripada data-data kebajikan sedia ada.

c) Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan rakyat Selangor yang dibantu di bawah dasar “workfare” ini akan mempunyai pendapatan minima RM 1500 sebulan yang mana RM 1500 ialah Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan Kerajaan Negeri Selangor. Ianya selari dengan objektif dasar “Workfare” ini iaitu mengeluarkan rakyat Selangor yang miskin keluar dari kepompong kemiskinan dengan mempunyai pendapatan sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
SEMENTA

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR

6. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan garis panduan untuk perlaksanaan Sistem Komuniti Berpagar.

Bertanya kepada YAB. Dato Menteri Besar :-

a) Bagaimanakah status perlaksanaan Sistem Komuniti Berpagar ini di Selangor?

b) Nyatakan bilangan komuniti berpagar dan jumlah unit rumah terbabit mengikut PBT?

JAWAPAN:

a) Seperti Yang Berhormat sedia maklum, konsep skim perumahan komuniti berpagar *('gated community')* pada awalnya terhad kepada pembangunan kediaman berstrata (berbilang tingkat) seperti kondominium dan apartmen mewah dengan menawarkan kemudahan harta bersama *('common property')* seperti kolam renang, rumah kelab, perkhidmatan keselamatan, kemudahan sukan dan rekreasi. Namun, seiringan kemajuan dan peredaran zaman, konsep ini telah diambil dan diguna pakai oleh pemaju perumahan bagi projek pemajuan perumahan jenis bertanah *('landed development housing projects')* yang mengandungi rumah teres, rumah teres berkembar, banglo dan lain-lain. Oleh itu, pindaan terhadap Akta Hak milik Strata 1985 (Akta 318) pada 12 April 2007 telah dibuat untuk membenarkan pembangunan *'gated community'* bagi projek pemajuan perumahan jenis bertanah *('landed development')*.

Secara dasarnya Kerajaan Negeri menerima baik Garis Panduan dan Perancangan *'Gated Community and Guarded Neighbourhood'* yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana sebahagian besarnya merupakan cadangan garis panduan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Namun yang demikian terdapat beberapa perbezaan yang ketara khususnya yang melibatkan konsep 'guarded neighbourhood' yang mana penduduk Kerajaan Negeri menetapkan persetujuan 85% daripada pemilik (termasuk penyewa) sedangkan KPKT hanya meletakkan persetujuan 51% sahaja. Oleh itu, rundingan lanjut dengan pihak KPKT akan dibuat untuk menyelaraskan perkara ini sebelum diguna pakai secara seragam oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.

Bagi permohonan baru yang berkonsepkan *'gated community'* pula, Kerajaan Negeri telah menetapkan ia mematuhi peruntukan Akta Hak milik Strata 1985, (Akta 318) selaras dengan garis panduan yang disediakan oleh KPKT.

b) Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada PBT secara keseluruhannya dianggarkan terdapat sebanyak 338 skim perumahan berkonsepkan skim komuniti berpagar *('gated community berpagar')* di Negeri Selangor sama ada dengan kelulusan PBT ataupun tidak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 259 skim perumahan berkonsepkan komuniti berpengawal, 1 skim perumahan berkonsepkan komuniti berpagar dan 78 skim. Bilangan unit rumah yang terlibat dengan konsep komuniti berpagar ini adalah sukar diperolehi. berkonsepkan komuniti berpengawal dan berpagar. Pecahan penuh mengikut PBT dan kelulusan adalah seperti jadual di bawah:

Anggaran Skim Perumahan Berkonsepkan Komuniti Berpagar (sama ada dengan atau tanpa kebenaran) Di Semua PBT di Negeri Selangor.

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Konsep Komuniti Berpengawal *(Guarded Community)*		Konsep Komuniti Berpagar *(Gated Community)*		Konsep Komuniti Berpengawal & Komuniti Berpagar *(Guarded & Gated Community)*		Jumlah
		Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	Dengan Kebenaran / Lulus PBT	Tiada Kelulusan Permit PBT	
1.	MBSA	24	62	-	-	20	11	**117**
2.	MBPJ	1	38	-	-	-	-	**39**
3.	MPK	T.M	T.M	T.M	T.M	T.M	T.M	**T.M**
4.	MPSJ	-	57	-	-	14	27	**98**
5.	MPAJ	5	15	-	-	-	-	**20**
6.	MPS	6	-	1	-	4	-	**11**
7.	MPKJ	31	-	-	-	-	-	**31**
8.	MPSp	7	10	-	-	-	-	**17**
9.	MDKL	-	-	-	-	-	-	**0**
10.	MDKS	-	3	-	-	-	-	**3**
11.	MDHS	-	-	-	-	-	2	**2**
12.	MDSB	-	-	-	-	-	-	**0**
JUMLAH		**74**	**185**	**1**	**-**	**38**	**40**	**338**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : KUALITI BEKALAN AIR

7. Terdapat aduan bekalan air tidak berkualiti kepada penduduk Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan statistik dan jenis aduan tentang kualiti bekalan air yang diterima daripada pengguna?

b) Adakah proses penggantian paip lama telah diselesaikan di seluruh Selangor?

c) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan bekalan air kurang berkualiti setelah walaupun paip lama diganti?

JAWAPAN :

a)

STATISTIK PURATA ADUAN KUALITI BEKALAN AIR DARI TAHUN 2005 HINGGA 2010						
Tahun	**2005**	**2006**	**2007**	**2008**	**20009**	**2010 (Jan – Sep)**
Purata Aduan Bagi Setiap Bulan	211	386	290	252	278	280

Aduan kualiti air yang paling kerap diterima adalah air berwarna manakala terdapat juga aduan berkenaan air berbau.

Antara sebab-sebab utama yang telah dikenal pasti menyumbang kepada masalah kualiti air adalah paip air uzur dan berkarat serta perpaipan dan tangki air dalam premis pengguna sendiri yang lama dan berkarat yang mana perlu diganti. Ini merupakan 20.4% daripada jumlah aduan yang diterima.

Walau bagaimanapun keseluruhan bekalan air yang dibekalkan oleh SYABAS adalah sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan ia disahkan menepati Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan.

b) Projek penggantian paip air lama yang dirancang dalam tempoh konsesi penswastaan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya masih belum dapat diselesaikan secara menyeluruh. Mengikut perancangan SYABAS sebanyak 6000 km paip jenis AC (Asbestos Cemment) di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya perlu diganti dalam tempoh konsesi. Namun projek ini terpaksa ditangguhkan disebabkan pembekuan CAPEX mulai tahun 2008. Berikut adalah pencapaian dan perancangan di dalam tempoh operasi pertama hingga ketiga;

Bil.	**Keterangan**	**Perjanjian Konsesi**		**Pencapaian SYABAS**	
		Panjang Paip (km)	RM	Panjang Paip (km)	RM
1.	Tempoh Operasi Pertama dan Kedua. (1 Jan 2005 – 31 Dis 200*	2,543	383.2 juta	808	396 juta
2.	Tempoh Operasi Ketiga (Jan 2009 – Dis 2011)	1,335	-	-	-
Jumlah		**3,878**	**383.2 juta**	**808**	**396 juta**

c) SYABAS telah mengenal pasti kira-kira 6000 km paip Asbestos Cemment (AC) yang uzur dalam sistem agihan dan perlu diganti. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya sepanjang 808 km paip uzur dapat diganti disebabkan oleh pembekuan CAPEX oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor sejak Julai 2008. Oleh itu masih terdapat banyak lagi paip uzur yang perlu diganti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : SISTEM TENDER TANAH

8. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan tanah-tanah milikan kerajaan negeri yang telah ditenderkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2010.

b) Badan/ jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau sistem dan proses tender tanah dan apakah kriteria yang ditetapkan?

c) Adakah tanah milik anak syarikat Negeri Selangor yang tidak dibayar premium juga akan ditenderkan dan senaraikan tanah milikan anak-anak syarikat Negeri Selangor yang telah ditenderkan daripada tahun 2007-2010.

JAWAPAN:

a) Sehingga kini tiada Tanah Kerajaan yang telah ditenderkan di Daerah Sepang.

Untuk di daerah Kuala Selangor, tiada permohonan tanah secara tender yang diterima.

b) Merujuk kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6/2010, pihak Pejabat Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah akan membuat hebahan kepada orang awam mengenai jualan tanah Kerajaan Negeri secara tender melalui Website SUK, PTG, semua PBT, LPHS dan lain-lain hebahan yang difikirkan sesuai selama satu (1) bulan. Maklumat yang dihebahkan adalah seperti berikut.

1) Lokasi Tanah berserta pelan tapak.

2) Keluasan Tanah.

3) Kegunaan yang perlu akan dibenarkan.

4) Zonning dan;

5) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan.

6) Pemohon yang berminat perlu mendapatkan senarai semak berserta borang permohonan PB01/2010 daripada PTD yang berkenaan dengan mengemukakan harga yang akan ditawarkan kepada PBN ;

7) Mengemukakan bayaran pemprosesan ;

8) setelah permohonan diterima, PTD dikehendaki menyediakan kertas ringkasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bagi memilih pemohon yang berkelayakan berserta pengenaan syarat-syarat terperinci ;

9) PTGS sediakan perakuan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam dan kemukakan untuk pertimbangan MMKN ;

10) Setelah keputusan diperolehi, maklumkan keputusan, syarat-syarat terperinci dan Borang 5A (premium berdasarkan harga belian yang telah dipersetujui). Pemohon perlu mengemukakan bayaran penuh dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh borang 5A diterima. Sekiranya pemohon tidak menjelaskan bayaran dala masa yang ditetapkan, permohonan tersebut adalah terbatal dengan sendirinya.

c) Tanah Milik PKNS yang telah ditenderkan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :-

i) <u>Daerah Petaling</u>

a) Tapak Pam Minyak seluas 19,167 kps di SS 4B/10 Sg. Way
b) Tapak pam minyak seluas 14,987 kps di SS 3/39, Kelana Jaya

ii) <u>Daerah Hulu Langat</u>

Kawasan Perindustrian Cheras Jaya seluas 3,003 kaki persegi iaitu :-

a) No. 2, Jalan 6B (PT 23629)
b) No. 4, Jalan 6B (PT 23630)
c) Tapak perniagaan seluas 2,089 meter persegi di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi
d) Tapak perniagaan seluas 1.6 ekar di Seksyen 4, Bandar Baru Bangi

iii) <u>Daerah Shah Alam</u>

Bil.	Perkara	Keluasan (mps)
1.	4 Buah Tapak Tadika Seksyen 7, Shah Alam	15,975 mps.
2.	Sebuah Tapak Tadika Seksyen 19, Shah Alam	1,132 mps.
3.	2 Tapak Pam Minyak Seksyen 24,	8213 mps.
4.	Tapak Pam Minyak Pasar Borong Seri Kembangan	4133 mps.
5.	Tapak Gerai Bandar Sultan Suleiman	5180 mps.
6.	3 Tapak Industri Seksyen 23 Shah Alam,	23,852 mps
7.	1 Tapak Industri Seksyen 16 Shah Alam,	7892 mps.
8.	Tapak Perumahan Taman Sri Andalas Klang,	657 mps.
9.	Tapak Perumahan Seksyen 16 Shah Alam,	13,625 mps.
10.	Tapak Gudang/Stor Seksyen 17, Shah Alam,	2,023.4 mps
11.	Tapak Banglo Seksyen 7 Shah Alam,	3,021 mps.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: USAHA UNTUK MENARIK PELABURAN KE SELANGOR.

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sejak tahun 2008 berapakah kawasan yang telah dinaiktaraf oleh kerajaan untuk menarik pelaburan?

b) Sila nyatakan projek atau program yang dilancarkan oleh kerajaan untuk memudahkan pelaburan.

c) Berapakah kesannya dengan *One-Stop-Centre* untuk menolong pelabur-pelabur?

JAWAPAN:

a) Bagi tahun 2009 sejumlah **RM 28 juta** telah diperuntukkan oleh MIDA dibawah **RM Ke-9** bagi menaiktaraf **24 buah** kawasan perindustrian di negeri Selangor.

b) Bagi memudahkan para pelabur untuk melabur di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program seperti;-

i. Menubuhkan Unit Pelaburan dan melantik Pegawai Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan. Pegawai Pelaburan berperanan sebagai pemudah cara di mana para pelabur boleh mendapatkan khidmat nasihat bagi memudahkan urusan kelulusan dengan pelbagai jabatan yang berkaitan di dalam sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Menerusi langkah ini proses kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan oleh para pelabur dapat dipantau dan secara langsung membantu mempercepatkan tempoh kelulusan sesuatu permohonan. Penubuhan Unit Pelaburan dan Perdagangan adalah untuk memantapkan lagi peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan dalam urusan pelaburan dan perdagangan terutamanya yang meliputi kawasan PBT.

ii. Membentuk Industrial Park Management Committe (IPMC) di setiap kawasan perindustrian bagi memudahkan para pelabur menyuarakan sebarang isu yang dihadapi yang melibatkan isu-isu berkenaan penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian di negeri Selangor.

iii. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

iv. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

v. Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikan sistem penyampaian di Negeri Selangor

c) One-Stop-Centre berperanan penting dalam membantu para pelabur dimana One-Stop-Centre berperanan untuk ;-

i. Memberikan maklumat berkenaan proses pelaburan kepada para pelabur baru yang ingin melabur di Negeri Selangor.

ii. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.

iii. Membantu para pelabur menyelesaikan isu atau permasalahan yang dihadapi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PERUNDANGAN SYARIAT ISLAM

10. Sejarah telah membuktikan sistem perundangan syariat Islam telah diguna pakai dan di terima dengan baik oleh berbagai kaum dan bangsa di dunia ini bagi menjamin keselesaan, keamanan dan kebebasan kehidupan mereka

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang telah di jalankan oleh pihak JAIS atau MAIS untuk menjelaskan tasawur perundangan Islam yang sebenarnya kepada non-muslims di Negeri Selangor supaya Islam phobia yang mereka hadapi dapat dihakiskan dari pemikiran mereka ?

b) Setakat ini adakah pernah pihak JAIS atau MAIS mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menjalankan hukuman syariah ke atas penganut-penganut Islam sahaja di Negeri Selangor dan kalau pernah, apakah halangan-halangan yang dihadapi untuk melaksanakan nya ?

JAWAPAN :

a) Antara langkah – langkah yang dilaksanakan oleh JAIS dan MAIS untuk menjelaskan tasawur perundangan Islam kepada non-Muslim di Selangor ialah :-

i) Mengadakan kaunter penerangan mengenai agama Islam di Kompleks-kompleks membeli-belah

ii) Mengadakan lawatan muhibah ke rumah ibadat pihak non-Muslim, contohnya lawatan ke gereja di Brickfield.

iii) Mengadakan program mengeratkan hubungan silaturahim dengan non – Muslim, antaranya :-
- Majlis berbuka puasa bersama non – Muslim
- Majlis Hi-Tea bersama CEO non – Muslim

iv) Mengadakan ziarah dan melaksanakan sukan / sukaneka dan beramah mesra di perkampungan orang asli.

v) Mengedarkan pamflet mengenai Islam di lokasi terpilih.

vi) Bekerjasama dengan NGO Malaysian Muslim (MIM) dalam pelbagai program mendekati masyarakat India untuk lebih mengenali agama Islam.

vii) Mengadakan ziarah hospital kepada Muslim dan non-Muslim secara berjadual di 10 buah hospital di Negeri Selangor.

b) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal orang Islam termasuklah dalam soal perundangan / hukuman syariah adalah terletak di bawah pentadbiran atau bidangkuasa kerajaan negeri. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Kedua, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan seperti berikut :

" Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut ugama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrifan serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian ugama Islam dan khairat, yayasan, amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu: zakat fitrah dan Baitulmal atau hasil ugama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam ...

Berdasarkan peruntukkan tersebut setiap negeri mempunyai kuasa untuk melaksanakan Hukum Syarak hanya terhadap orang-orang Islam di dalam negeri masing-masing selagi tidak melampaui takat bidangkuasa yang disebutkan dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Dengan lain perkataan perlaksanaannya (hukum syarak) tidak boleh digunakan atau dikenakan ke atas penganut-penganut yang bukan Islam. Perlaksanaan Hukum Syarak di Negeri Selangor dapat dilihat perlaksanaannya melalui kewujudan Enakmen-enakmen perundangan Syarak yang telah digubal di Negeri Selangor seperti Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995 yang memperuntukkan jenis-jenis kesalahan jenayah syariah yang boleh dihukum dan bentuk-bentuk hukuman yang boleh dikenakan sekiranya seseorang itu disabitkan bersalah oleh Mahkamah Syariah. Begitu juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 yang digubal bagi menjamin hak-hak seseorang Muslim yang berkaitan dengan undang-undang keluarga itu agar terpelihara dan mendapat pembelaan sewajarnya. Penguatkuasaan enakmen-enakmen ini telah dizahirkan melalui perjalanan prosedur-prosedur yang dilakukan di Mahkamah Syariah di Negeri Selangor .

Oleh yang demikian, isu pengesyoran daripada pihak JAIS atau MAIS kepada Kerajaan Selangor untuk menjalankan hukuman syariah ke atas orang-orang Islam sahaja di Negeri Selangor tidak timbul kerana ianya adalah kuasa yang telah dianugerahkan kepada setiap negeri di negara ini termasuklah Negeri Selangor oleh Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan isu halangan-halangan yang ada pula, ianya lebih tertumpu dalam soal untuk melaksanakan secara berkesan Undang-undang Syarak di negeri ini kekangan tenaga kerja, sekali gus kekurangan tenaga mahir, pakar dan berpengalaman dalam bidang ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : TANAH PERKUBURAN DI DAERAH PETALING

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan caruman kepada tabung pembangunan tanah perkuburan di Selangor daripada para pemaju?

b) Sila memberi penerangan tentang pembangunan tanah-tanah perkuburan baru di negeri Selangor.

c) Adakah kerajaan Selangor bercadang untuk menggalakkan orang ramai untuk cara krematorium dan menara abu mayat (ash tower) untuk menjimatkan penggunaan tanah?

JAWAPAN :

a) Kerajaan ada bercadang untuk menaikkan caruman kepada tabung pembangunan tanah perkuburan memandangkan kadar caruman RM62.50 yang dikenakan pada masa kini tidak lagi relevan. Kadar baru yang dicadangkan masih lagi dalam kajian.

b) **Kajian Keperluan Tanah Perkuburan dan Cadangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu Di Negeri Selangor** telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 3/2010 pada 22 Jun 2010. Jawatankuasa telah membuat keputusan supaya menyediakan satu pangkalan data inventori yang komprehensif bagi tapak-tapak perkuburan sedia ada dan mengenalpasti tapak-tapak tambahan bagi tanah perkuburan di semua PBT/ Daerah di Negeri Selangor.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan dan 9 Pejabat Tanah Daerah sedang menyiapkan inventori kawasan perkuburan sedia ada dan mengenalpasti cadangan tanah perkuburan wilayah bersepadu di Negeri Selangor. Hasil kajian ini akan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dijangka sebelum akhir Disember 2010.

c) Dijawab oleh JPBD.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : DENGGI

12. Demam denggi merupakan penyakit yang sangat berbahaya dan mengancam kesejahteraan hidup dan masyarakat setempat. Walaupun kita kerap didedahkan dengan berita tentang kematian akibat deman denggi ini, masyarakat masih lagi mengabaikan tahap kebersihan rumah dan kawasan persekitaran. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan perlu melipat gandakan usaha untuk bekerjasama dengan masyarakat mencegah penularan penyakit demam denggi ini, selain melaksanakan penguatkuasaan secara tegas dan berterusan membasmi kawasan pembiakan nyamuk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan bilangan operasi dan program yang telah dilaksanakan untuk membanteras nyamuk Aedes mengikut PBT dalam Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga kini.

b) Nyatakan bilangan operasi pemeriksaan dan kompaun yang dikeluarkan mengikut PBT dari tahun 2008 sehingga kini.

c) Nyatakan bentuk bantuan yang boleh dan akan diberikan oleh PBT kepada masyarakat di kawasan bawah seliaannya jika ingin melaksanakan program gotong royong membasmi denggi.

JAWAPAN :

a & b)

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan bertungkus-lumus untuk mengekang penularan wabak demam denggi. Pelbagai usaha dan program telah dilaksanakan oleh PBT di Negeri Selangor. Dari tahun 2008 hingga September 2010 sebanyak **491,964** operasi telah dijalankan oleh PBT di seluruh negeri Selangor. Daripada operasi tersebut PBT juga telah melaksanakan program-program basmi denggi bersama penduduk, sekolah, IPTA dan IPTS, tapak-tapak pembinaan dan juga kilang-kilang di mana kawasan-kawasan tersebut merupakan kawasan *'hot spot'* denggi. Bagi tempoh 2008 hingga September 2010, sebanyak **1,198** program telah dilaksanakan yang melibatkan program seperti gotong- royong, ceramah, seminar denggi, pengedaran risalah denggi dan lain-lain program.

Dalam usaha membanteras wabak denggi, PBT di negeri Selangor giat menjalankan operasi-operasi pemeriksaan premis-premis makanan, tapak-tapak pembinaan, sekolah dan kawasan kediaman. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak **RM 778,275.00** (**tujuh ratus tujuh puluh lapan ribu dua ratus tujuh puluh lima ringgit)** kompaun telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun jumlah kompaun ini tidak melibatkan empat (4) PBT iaitu Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam kerana pengeluaran kompaun kepada premis yang melanggar peraturan hanya dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing.

PBT	2008			2009			2010 (September)		
	Bilangan Program	**Bilangan Operasi Pemeriksaan**	**Bilangan Kompaun**	**Bilangan Program**	**Bilangan Operasi Pemeriksaan**	**Bilangan Kompaun**	**Bilangan Program**	**Bilangan Operasi Pemeriksaan**	**Bilangan Kompaun**
MBPJ	12	48	44,730.00	12	48	26,500.00	8	48	27,780.00
MPK	99	72,365	750.00	101	96,722	900.00	55	48,278	450.00
MPSJ	11	19856	189,650.00	5	27777	109,250.00	35	40687	171,350.00
MPKJ	-	-	-	-	-	-	2	105	82,500.00
MPS	65	288	35,000.00	75	288	48,000.00	60	240	35,000.00
MDKL	15	134	700.00	30	670	900.00	17	216	450.00
MBSA	4	53566	1648.00	5	47399	771.00	3	36501	898.00
MPAJ	64	7675	280.00	100	14,071	420.00	45	8,467	348.00
MPSP	31	5732	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	33	7311	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	28	3137	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)
MDKS	48	73	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	53	85	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	45	96	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)
MDHS	36	-	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	51	-	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)	50	81	(kompaun dikeluarkan oleh PKD)
JUMLAH	**385**	**159,737**	**RM 272,758.00**	**465**	**194,371**	**RM 186,741.00**	**348**	**137,856**	**RM 318,776.00**

*Nota : 1. MDSB - Operasi dan program basmi denggi dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam.
2. MPKJ hanya mengambil alih kawasan operasi denggi daripada Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat pada tahun 2010.

c) Kerajaan Negeri dan khususnya PBT Negeri Selangor mengalu-alukan program gotong-royong yang ingin dianjurkan oleh penduduk. Antara bentuk bantuan yang boleh disumbangkan oleh PBT kepada penduduk adalah seperti memberi khidmat nasihat berhubung denggi serta pameran denggi. Selain itu PBT juga membekalkan risalah untuk diedarkan kepada orang ramai. Di samping itu juga, pihak penganjur atau penduduk boleh memohon kepada PBT untuk membekalkan ubat pembunuh jentik-jentik (*abate*) secara percuma untuk diedarkan kepada penduduk. Bagi meningkatkan kesedaran penularan wabak denggi di kalangan penduduk, pihak PBT juga membekalkan kain rentang (*banner*) di kawasan-kawasan *hot spot* sebagai peringatan kepada penduduk bahawa kawasan yang mereka diami di landa wabak denggi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT

13. Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Mikro Kredit Selangor (SKIM-SEL) untuk manfaat golongan kurang berkemampuan

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

a) Bagaimana perkembangan semasa program ini ?

b) Berapa orangkah yang telah menerima bantuan daripada program ini mengikut daerah?

c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membiayai program ini?

JAWAPAN :

a) Sejak dilancarkan pada 2 September 2010 di Masjid Makrufiah, Parit Baru Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam. Terdapat 14 pusat operasi telah dibuka. Semua mukim dalam daerah Sabak Bernam telah dimasuki oleh anggota kerja SKIMSEL. Jumlah pusat dijangka akan bertambah pada setiap bulan. Sehingga akhir Disember 2010 dijangka akan wujud sekurang-kurangnya 30 pusat operasi dalam daerah Sabak Bernam. Pembiayaan dijangka akan dapat disalurkan kepada 400 orang dengan modal melebihi 1 juta.

b) Seramai 211 orang telah menyertai program SKIMSEL. Hanya Daerah Sabak Bernam yang telah mengeluarkan pembiayaan sehingga kini. Lima daerah lain dijangka akan mengeluarkan modal masing-masing pada bulan November apabila kakitangan lapangan dihantar ke daerah berkenaan.

c) Sehingga 25 Oktober 2010 sebanyak RM 540,500.00 telah dikeluarkan untuk 190 orang peminjam. Purata setiap seorang peserta meminjam RM 2,845.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: KUTIPAN HASIL PASIR

14. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah kutipan hasil pasir oleh KSSB?

b) Kenapakah kutipan hasil tersebut meningkat secara mendadak selepas isu curi pasir dibongkar?

JAWAPAN:

a) Rekod kutipan hasil pasir dan prestasi KSSB;

Pencapaian (RM juta)	Tahun			Jumlah
	2008 * (Diaudit)	2009 (Diaudit)	2010 **	
Jualan	4.82	31.03	42.91	78.76
Royalti yang Dibayar	1.47	5.76	8.30	15.53
Untung Sebelum Cukai	1.88	8.82	14.72	25.42
Kuantiti Jualan (juta MT)	0.22	1.77	4.01	6.00

** 2008 - Dari 16/09/2008 hingga 31/12/2008*
*** Sehingga 30/09/2010*

b) Pendapatan KSSB dan royalti meningkat pada dasarnya kerana KSSB telah membuka beberapa lokasi lombong dan cucigali sungai yang baru untuk memenuhi permintaan pasaran.

Pembukaan lombong-lombong pasir persendirian juga telah membantu meningkatkan kutipan royalti dan pendapatan KSSB.

Di samping itu, penurunan permintaan terhadap pasir haram telah meningkatkan jualan KSSB berikutan penguatkuasaan yang berterusan oleh pihak Pentadbir Tanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PROGRAM BLUE PRINT

15. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah penerima bantuan peralatan di bawah program *blue print* di daerah Klang dan Petaling dan jelaskan aduan kenapa peralatan ini lambat di hantar walaupun telah diluluskan

JAWAPAN :

a) Jumlah penerima bantuan peralatan bagi daerah Klang adalah seramai 41 orang dan Petaling seramai 45 orang. Kelewatan adalah disebabkan oleh beberapa perubahan dari aspek prosedur perolehan dan perbekalan bagi pelaksanaan Program Bantuan Peralatan Blueprint. Pada mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang diadakan pada Ogos lepas, Jawatankuasa telah bersetuju agar peruntukan bagi pelaksanaan program peralatan Blueprint diturunkan kepada Pejabat Daerah yang berkenaan untuk pelaksanaan. Justeru, apabila prosedur tersebut telah diperkemaskan, aspek pelaksanaan akan dapat dipercepatkan dan proses pemantauan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Peralatan tersebut telah pun mula diedarkan kepada para penerima bantuan dan Jawatankuasa akan memantau serta memastikan pelaksanaan program bantuan ini diteruskan dengan lebih efisien memandangkan jumlah permohonan yang diterima juga semakin meningkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : BANTUAN BIASISWA DARIPADA YAYASAN SELANGOR.

16. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan wang yang telah diberikan sebagai bantuan biasiswa oleh Yayasan Selangor bagi tahun 2008 dan 2009 kepada para pelajar yang berkelayakan?

b) Siapakah penerima-penerima bantuan biasiswa tersebut mengikut komposisi kaum bagi tahun 2008 dan 2009, serta apakah nama-nama institusi pengajian para penerima bantuan biasiswa tersebut?

c) Apakah syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan minima bagi memperoleh bantuan biasiswa daripada Yayasan Selangor ini?

JAWAPAN:

a) Peruntukan wang biasiswa yang telah diberikan oleh Yayasan Selangor
TAHUN 2008 : RM214,750.00
TAHUN 2009 : RM370,100.00

b) Penerima-penerima bantuan biasiswa tersebut adalah **pelajar-pelajar RKPYS** dengan komposisi kaum seperti berikut:

Tahun	Cina	India	Melayu
2008	1	2	804
2009	1	1	762

Penerima bantuan biasiswa tersebut adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah berikut:

BIL	**NAMA SEKOLAH**	**BIL**	**NAMA SEKOLAH**
1	SMK VICTORIA	17	SMK DAMANSARA UTAMA
2	SMK ST. JOHN	18	SMK DATO' HARUN
3	SMK METHODISTS	19	SMK JALAN TIGA
4	SMK (L) BUKIT BINTANG	20	SMK KUALA KUBU BHARU
5	SMK CONVENT BUKIT NANAS	21	SMK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
6	SMK SERI BINTANG UTARA	22	SMK TELOK DATOK
7	SMK(P) SRI AMAN	23	SMK TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
8	SMK ASSUNTA	24	SMK TINGGI KAJANG
9	SMK AMINUDDIN BAKI	25	SMK UNGKU AZIZ
10	SMK JALAN COCHRANE	26	SAMT TENGKU AMPUAN JAMAAH
11	SMK METHODIST (ACS)	27	SAM BESTARI
12	SMK TINGGI KLANG	28	SAMT SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
13	SMK CONVENT KLANG	29	SAMT HISHAMUDIN

14	SMK LA SALLE	30	SAM BANDAR SALAK TINGGI
15	SMK (P) METHODIST	31	SAM HISHAMUDIN
16	SMK TENGKU AMPUAN RAHIMAH		

c) Syarat Kelayakan Pemohon Biasiswa:

1) Pemohon hendaklah seorang rakyat Malaysia, pemohon atau ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974.
2) Pemohon adalah Pelajar Asrama Pusat atau Asrama Daerah Yayasan Selangor (Asrama Harian)
3) Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah atau mempunyai ramai tanggungan
4) Mencapai keputusan peperiksaan penggal persekolahan dengan markah melebihi 60% (jika berkaitan).
5) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Sekolah dan Asrama Yayasan Selangor.
6) Tidak mendapat bantuan atau biasiswa dari pihak-pihak lain.
7) Mengisi Borang BIA/1 dengan lengkap dan menyerahkan borang berkenaan sebelum tarikh tutup penerimaan permohonan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : BARU EKONOMI (MBE) MALAYSIA & KESAN KEPADA SELANGOR

17. Kerajaan Pusat telah melancarkan Model Baru Ekonomi (MBE) Malaysia. Antaranya memperkenalkan konsep `Greater Kuala Lumpur`.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah yang dimaksudkan dengan `Greater Kuala Lumpur`?

b) Apakah kesannya kepada ekonomi negeri Selangor?

c) Adakah sebarang rundingan antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri Selangor untuk bekerjasama mengenai MBE Malaysia?

JAWAPAN :

a) 'Greater Kuala Lumpur / Klang Valley' (KL / KV) telah diiktiraf di peta dunia sebagai antara bandar ikon di Asia Tengara. Dengan bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar Kuala Lumpur, kawasan Kuala Lumpur / Lembah Klang ini boleh dikatakan sangat lengkap dengan sistem perhubungan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi dan lengkap kepada penduduk. Menyedari persaingan yang tinggi telah berlaku dari bandar - bandar besar sekitar negara-negara jiran, kekangan yang dihadapi oleh Kuala Lumpur / Lembah Klang adalah bandar-bandar negara jiran yang jauh lebih pesat dan maju, masalah sistem pengangkutan awam yang masih tidak mencukupi serta aset semula jadi yang masih tidak digembleng sepenuhnya dan merugikan. Menyedari permasalahan tersebut, maka projek Greater KL / KV telah dimasukkan sebagai salah satu agenda di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA. Dengan itu, adalah diharapkan Greater KL / KV akan membantu menyumbang Keluaran Negara Kasar (GNI) negara sebanyak sekitar RM258 hingga RM650 bilion secara tahunan sehingga tahun 2020, meningkatkan jumlah pekerjaan dari 2.5 juta pada tahun 2010 kepada 4.2 juta menjelang tahun 2020, dan mencapai ranking Top 20 di dalam kajian Indeks Kesesuaian Mendiami oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU).

b) Terdapat empat kesan utama Greater KL / KV kepada ekonomi Selangor secara keseluruhan. Pertama, Greater KL / KV sebagai magnet untuk menarik syarikat – syarikat antarabangsa dan multi-nasional yang dinamik dan berdaya saing melabur dan bertapak di kawasan Greater KL / KV . Ini akan disokong dengan program migrasi dalaman dan luaran bagi meningkatkan populasi kepada 10 juta penduduk menjelang tahun 2020. Kedua, projek ini akan menguatkan jaringan perhubungan antara kawasan Greater KL / KV dengan pelaksanaan projek Kereta api Berkelajuan Tinggi Tanpa Henti yang menghubungkan Greater KL / KV terus ke Singapura. Selain itu, Sistem Aliran Sederhana (MRT) juga akan diwujudkan bagi menambah baik sistem perhubungan awam di Greater KL / KV untuk memacu ekonomi negeri Selangor. Ketiga, Greater KL / KV juga akan mengenal pasti tempat-tempat yang berpotensi tinggi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara. Selain itu, tempat-tempat awam juga akan ditambah elemen 'kehijauan' dengan menggunakan alam semula jadi seperti

pokok, dedaun dan bunga sebagai landskap untuk meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk. Keempat, sistem perkhidmatan akan ditambah baik secara berterusan demi menjadikan Greater KL / KV sebagai Kawasan Mesra Didiami. Ini juga bermaksud penambahbaikan sistem pengurusan kumbahan sisa pepejal.

c) Di dalam melaksanakan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) Greater KL / KV ini, Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput menganggotai jawatankuasa pemandu *(Steering Committee)* Greater KL di mana melibatkan keanggotaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor seta YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ahli Jawatankuasa. Pelbagai rundingan dan mesyuarat telah dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan sembilan Entry Point Projects (EPP) bawah Greater KL / KV ini dapat dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : GOLONGAN ORANG ASLI

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memajukan lagi golongan orang Asli terutamanya kemudahan rumah kediaman yang mana secara umumnya masih lagi dalam keadaan yang daif.

b) Adakah kerajaan negeri merancang sumber ekonomi yang lebih stabil untuk diimplementasikan dalam masyarakat orang Asli.

JAWAPAN :

Jawapan oleh JHEOA : Tindakan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : NELAYAN TERANCAM

19. Nelayan pesisir di Selangor menghadapi ancaman lanun, penculikan dan pelanggaran dengan kapal dagang.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Berikan statistik nelayan Selangor yang terlibat dengan insiden tersebut dari tahun 2008?

b) Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut?

c) Apakah bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada nelayan yang terbabit?

JAWAPAN :

a) Statistik yang diperolehi adalah berdasarkan kepada maklumat risikan dan tidak didedahkan kepada awam kerana faktor-faktor keselamatan. Perikanan Selangor hanya menerima maklumat dari segi ancaman lanun serta penculikan sahaja dan pelanggaran lebih kepada pihak Jabatan lain. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kebanyakan penculikan nelayan tempatan dilakukan oleh pihak berkuasa negara jiran yang bertindak mengugut nelayan tempatan untuk membayar wang tebusan bagi pelepasan sesebuah vesel. Jumlah statistik yang diterima ini adalah bilangan tidak rasmi dan berdasarkan kepada maklumat daripada nelayan yang terlibat di kawasan perairan Selangor.

Bil.	Tahun	Statistik
1	2008	-
2	2009	5
3	2010	11
4	**Jumlah**	**16**

b) Adalah dimaklumkan Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Negeri Selangor hanya mempunyai kekuatan 3 buah bot Peronda laju (PL) yang berpangkalan di Pelabuhan Klang. Aktiviti utamanya adalah mengawasi pesisir pantai di Seluruh Negeri Selangor yang meliputi kawasan kurang 5 btn dari pantai. Kejadian ancaman lanun, penculikan dan pelanggaran sering berlaku di kawasan melebihi 5 btn dari pantai. Sehubungan itu berasaskan kepada unsur, logistik sedia ada dan lokasi kejadian, langkah. Beberapa langkah telah diambil :

i) Menyalurkan maklumat yang telah diterima kepada agensi yang dipertanggungjawabkan.

c) Selain bertindak sebagai penyalur maklumat dan melaksanakan langkah- langkah di atas Jabatan tidak mempunyai peruntukan khusus bagi membantu mangsa-mangsa yang terbabit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : INDEKS JENAYAH

20. Kewujudan premis pusat hiburan haram boleh menyumbang peningkatan indeks jenayah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah indeks jenayah Selangor tahun ini berbanding tahun lepas?

b) Apakah langkah proaktif membendung kewujudan pusat hiburan haram?

c) Apakah program yang boleh dijayakan oleh masyarakat untuk bersama membanteras jenayah?

JAWAPAN :

Jawapan seperti di lampiran.

PERTANYAAN – PERTANYAAN MULUT DARIPADA AHLI –AHLI YANG BERHORMAT
DALAM PERSIDANGAN DUN SELANGOR

DARIPADA : Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR (TANJUNG SEPAT)

TAJUK : INDEKS JENAYAH

JAWAPAN :-

Soalan (a)

BIL	J/KESALAHAN	2009	2010	JUM	PERATUS	2009		2010		2009	2010
	J/KEKERASAN	KES	KES	+N/-T	%	S'SAI	% S'SAI	S'SAI	% S'SAI	TKP	TKP
1	BUNUH	111	136	25	22.52%	62	55.86%	75	55.15%	122	179
2	ROGOL	522	511	-11	-2.11%	489	93.68%	465	91.00%	420	385
3	SMN B'KWN S'API	21	5	-16	-76.19%	1	4.76%	2	40.00%	0	5
4	SMN B'KWN T/API	5935	4314	-1621	-27.31%	4580	77.17%	3489	80.88%	2135	2008
5	SMN B'SENJATAPI	6	3	-3	-50.00%	1	16.67%	0	0.00%	0	0
6	SMN TANPA S'API	806	667	-139	-17.25%	479	59.43%	382	57.27%	183	197
7	CEDERA (324-6 KK)	1200	1044	-156	-13.00%	955	79.58%	846	81.03%	739	682
JUM.KEKERASAN		8601	6680	-1921	-22.33%	6567	76.35%	5259	78.73%	3599	3456
JENAYAH HARTABENDA											
1	CURI	6485	5235	-1250	-19.28%	3763	58.03%	3864	73.81%	2204	2277
2	C/M/VAN/LORI	1689	1847	158	9.35%	217	12.85%	248	13.43%	119	161
3	C/MOTOKAR	3228	3630	402	12.45%	707	21.90%	914	25.18%	301	442
4	C/MOTOSIKAL	11549	10059	-1490	-12.90%	4543	39.34%	4533	45.06%	1594	1599
5	CURI RAGUT	1543	906	-637	-41.28%	983	63.71%	619	68.32%	159	92
6	PRC SIANG	3522	3358	-164	-4.66%	991	28.14%	1176	35.02%	250	280
7	PRC MALAM	4398	3936	-462	-10.50%	2323	52.82%	1594	40.50%	849	671
JUM.HARTABENDA		32414	28971	-3443	-10.62%	13527	41.73%	12948	44.69%	5476	5522
JUMLAH BESAR		41015	35651	-5364	-13.08%	20094	48.99%	18207	51.07%	9075	8978

Soalan (b)

Tindakan proaktif yang dijalankan oleh pihak polis :-

1. Sentiasa mengambil tindakan proaktif samada diperingkat Ibu Pejabat mahupun Daerah dari masa kesemasa bagi memantau keadaan ini daripada membawa kesan yang buruk terhadap masyarakat ;

2. Menjalankan risikan secara berterusan untuk megesan premis-premis hiburan yang tidak berlesan untuk diambil tindakan ;

3. Bekerjasama dengan lain-lain agensi yang terlibat dalam menangani isu ini ;

4. Menyeru kepada semua lapisan masyarakat jika mempunyai maklumat yang berkaitan untuk terus memanjangkan kepada pihak berkuasa agar tindakan susulan dapat diambil ;

5. Tindakan yang tegas kepada pengusaha pusat hiburan tanpa lesen.

Soalan (c)

Tindakan oleh agensi lain

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TAPAK KEDIAMAN KAMPUNG BARU

21. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan permohonan yang dikemukakan sebelum 8 Mac 2008?

b) Berapakah permohonan tersebut telah diluluskan sehingga sekarang?

JAWAPAN:

a) Sebanyak 123 permohonan telah diterima sebelum 8 Mac 2008.

b) Sebanyak 76 permohonan telah diluluskan dan hak milik individu telah dikeluarkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: HUTANG TALAM

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa banyak hutang syarikat Talam kepada kerajaan negeri Selangor yang berjumlah 392 juta telah berjaya dikutip semula sehingga Jun 2010.

b) Boleh jelaskan perincian pecahan kewangan yang telah dikutip itu disalurkan kerajaan negeri dibelanjakan.

c) Berapa lama lagi diperlukan untuk mengutip semua hutang tersebut.

JAWAPAN:

a) Jumlah hutang TALAM Corporation kepada Kerajaan adalah sebanyak RM392 Juta. Setakat ini, nilaian Hartanah TALAM yang bernilai RM392 Juta telah diambil alih oleh MBI dan dijual kepada beberapa pembeli seperti berikut :-

Bil	**Hartanah**	**Nilai Jualan RM (Juta)**
1.	Tanah seluas 25.94 ekar di Bukit Beruntung telah dibeli oleh PKNS	16.91
2.	Tanah 2,773 ekar di Bestari Jaya dibeli oleh PNSB	181.0
3.	Tanah 1322 ekar di Bukit Beruntung dibeli oleh PNSB	345.6
4.	Tanah 134.2 ekar di Danau Putra yang ditawarkan kepada Syrkt MediVest Properties Sdn Bhd	87.7
5.	Pulangan tunai daripada TALAM atas jualan 11.56 ekar tanah kepada Tet. City Link Express Sdn Bhd	5.0
6.	Pulangan tunai daripada PIYSSB kepada TALAM yang diberi kepada MBI	7.7
7.	Tanah 12 ekar di Puncak Jalil	12.0
8.	Ruang Pejabat di Menara Pandan	11.0
9.	Tanah 400 ekar dan 60% Saham Ulu Yam & Country Resort	22.22
	Jumlah	*689.1*
	(-) Ikatan dan Tuntutan Hutang-hutang Dari Bank atas Hartanah tersebut adalah sebanyak	(266.31)
	Jumlah	*422.8*
	Baki Lebihan (Peruntukan pulangan kepada TALAM)	(30.8)
	Jumlah Hutang TALAM	*392.0*

b) Kutipan hutang TALAM Corporation akan diagih-agihkan mengikut peruntukan keperluan Kerajaan Negeri dari segi projek-projek yang dikenal pasti untuk pembangunan, perkhidmatan dan perkembangan ekonomi Negeri Selangor. Tumpuan peruntukan ekonomi juga akan diberi kepada projek sosioekonomi Kerajaan Negeri seperti Skim Bantuan kepada rakyat dari untuk membasmi dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Selangor.

c) Usaha untuk mengutip baki semua hutang TALAM berjalan dengan lancar dan diharap kesemua kutipan akan selesai dalam tempoh penghujung tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KAMPUNG BARU CINA

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan pembangunan infrastruktur bagi Kampung - kampung Baru Cina sejak pemerintahan Pakatan Rakyat?

b) Apakah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan kampung-kampung tersebut? Sila berikan pecahan mengikut pembangunan infrastruktur yang telah diberi sejak pemerintahan PR?

c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan khusus untuk menambah-baikkan kampung-kampung ini?

JAWAPAN :

a) Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,476,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sebanyak RM 3,337,983.79 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor. Manakala pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,400,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sebanyak RM 4,230,308.82 telah disalurkan untuk melaksanakan projek-projek kecil Kampung Baru / Bagan / Tersusun Negeri Selangor.

b) Antara masalah yang dihadapi berkaitan dengan pembangunan Kampung Baru adalah dari segi kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan lampu jalan yang tidak sempurna. Selain itu, terdapat juga masalah dari segi kemudahan awam yang melibatkan balai raya, perpustakaan, taman permainan dan sebagainya yang perlu diselenggara dan dinaiktaraf. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada kemajuan dan naik taraf kampung baru cina mengikut pecahan adalah seperti berikut :

(i) **Tahun 2009 – Pecahan Projek Pembangunan Mengikut PTD / PBT**

BIL	PTD / PBT	BIL PROJEK
1	PTD Petaling	7
2	PTD Klang	4
3	PTD Gombak	7
4	PTD Sepang	3
5	PTD Kuala Selangor	16
6	PTD Kuala Langat	2
7	PTD Hulu Langat	14
8	PTD Hulu Selangor	10
9	PTD Sabak Bernam	16
10	MPKJ	1
11	MPSJ	2
JUMLAH KESELURUHAN		**82**

(ii) **Tahun 2010 – Pecahan Projek Pembangunan Mengikut PTD / PBT**

BIL	PTD / PBT	BIL PROJEK
1	PTD Petaling	1
2	PTD Klang	5
3	PTD Gombak	7
4	PTD Sepang	4
5	PTD Kuala Selangor	12
6	PTD Kuala Langat	1
7	PTDHulu Langat	11
8	PTD Hulu Selangor	11
9	PTD Sabak Bernam	11
10	MDKL	1
11	MDSB	1
JUMLAH KESELURUHAN		**65**

Tahun 2010 – Pecahan Projek Pembangunan

Bil	Jenis Projek	Bil. Projek	Peruntukan (RM)
1	Jalan	12	1,130,541.41
2	Jambatan & Titi	10	961,295.80
3	Longkang	9	745,813.75
4	Bangunan	8	542,810.13
5	Lain-lain	26	849,847.73
JUMLAH KESELURUHAN		**65**	**4,230,308.82**

c) Kerajaan Negeri akan mengguna pakai kesemua peruntukan yang disalurkan bagi tujuan seperti menaiktaraf, menyelenggara dan membaik pulih infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan kampung baru.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : KUALITI HIDUP

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti hidup Negeri Selangor sebagai yang terbaik dari segi pendidikan, perumahan, pengangkutan, kesenian kebudayaan dll. Apakah langkah yang perlu diambil dan bagaimana mengatasinya jika ianya bermasalahlah?

b) Apakah purata pendapatan, distribusi pendapatan, dan gini koefisien (gini coefficient) untuk negeri Selangor bagi tahun 2008-2010. Apakah faktor-faktor bagi menyekat bagi pengurangan ketidakseimbangan pendapatan (income inequality) ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai strategi dalam merealisasikan perancangan dan pembangunan Negeri Selangor yang kini lebih komprehensif dan holistik iaitu dengan penggabungan aspek-aspek ekonomi, sosial, fizikal dan spiritual. Konsep yang lebih teratur ini pada dasarnya telah berjaya menjadikan Negeri Selangor terus maju dan pada masa yang sama meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat.

Strategi yang menjadi tunjang utama dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat negeri ini adalah melalui agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor atau lebih dikenali sebagai MES. Strategi ini bukan sahaja untuk memastikan kebajikan rakyat akan terus terjamin, malah Kerajaan Negeri sentiasa berpegang teguh kepada konsep "Memulangkan Hasil Negeri Kepada Rakyat" dengan telus dan saksama.

Pelaksanaan Program MES secara berperingkat ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan segenap lapisan masyarakat negeri ini tanpa mengira peringkat usia dan perbezaan kaum. Pendekatan Pakatan Rakyat sentiasa menjurus kepada memenuhi hak-hak rakyat sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Untuk pendidikan, Kerajaan Selangor bagi tahun 2010 telah memperuntukkan RM 6 juta kepada Sekolah Agama Rakyat, RM 6 Juta kepada Sekolah Aliran Cina dan RM 4 juta kepada Sekolah Aliran Tamil. Akibat amalan tidak telus dan tidak prihatin Kerajaan Barisan Nasional, banyak pembangunan projek perumahan telah terbengkalai. Justeru, kerajaan hari ini mengambil sikap membela rakyat yang terkesan dari projek-projek tersebut. Setakat ini terdapat 132 rumah /projek terbengkalai warisan kerajaan lama dan dianggarkan tambahan 5 bilion diperlukan untuk menyelesaikan projek berkenaan.

Terdapat juga bantuan-bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui program MES seperti Program Bekalan Air Percuma, Program Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas dan Program Meningkatkan Hasil Batuan dan Mineral jelas membuktikan

kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan dan meningkatkan kualiti rakyat Selangor secara keseluruhannya.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sentiasa mempergiatkan aktiviti-aktiviti rangsangan ekonomi dari semasa ke semasa bagi memacu pembangunan ekonomi negeri melalui pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor. Pakej Rangsangan Ekonomi yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri merangkumi projek-projek seperti berikut:

i) Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang;

ii) Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai;

iii) Pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang;

iv) Peningkatan hasil tanaman padi;

v) Perluasan sistem pengangkutan; dan

vi) Penstrukturan semula industri air Selangor.

Strategi ini berjaya menarik penglibatan para pelabur dari dalam dan luar negeri melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta atau *Private Funding Initiative* (*PFI*) dalam pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang. Secara kasarnya, Pakej Rangsangan Ekonomi ini telah terbukti berjaya memacu perkembangan ekonomi negeri yang positif, tetapi sebenarnya, strategi ini telah berjaya meningkatkan pendapatan negeri melalui suntikan pelaburan yang diterima dan meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor dengan penyediaan pelbagai peluang pekerjaan dan penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur untuk rakyat.

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan terus berusaha menjana pertumbuhan Negeri Selangor dengan menggalakkan aktiviti-aktiviti pelaburan dan perdagangan dari dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri percaya usaha ini akan melonjakkan pendapatan negeri, malah akan berjaya mencipta peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat yang mana pada akhirnya, masyarakat bukan sahaja dapat menikmati keselesaan daripada kemajuan yang di kecapi dan malah dapat bersama-sama bersaing di dalam pasaran yang lebih aktif dalam meningkatkan taraf hidup masing-masing.

b) Pada tahun 2008, Negeri Selangor telah mencatatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM116,882 juta. Dengan jumlah penduduk seramai 5,071 juta orang, pendapatan per kapita penduduk Negeri Selangor adalah sebanyak RM23,049.00.

Manakala, bagi tahun 2009, KDNK negeri telah mencatatkan sedikit penguncupan iaitu sebanyak -1.2% kepada RM115,502 juta akibat dari kemelesetan ekonomi dunia. Dengan jumlah penduduk yang telah meningkat kepada 5,179 juta orang, pendapatan per kapita penduduk turut mengalami penguncupan kepada RM22,302.00 sahaja.

Seterusnya, bagi tahun 2010, dianggarkan KDNK negeri akan bertumbuh pada kadar 6.1% berbanding tahun 2009 kepada RM122,524 juta. Jumlah penduduk juga dijangkakan bertambah kepada 5,283 juta orang. Pendapatan per kapita penduduk negeri Selangor pada tahun ini dianggarkan akan turut mencatatkan peningkatan kepada RM23,192.00.

Melalui catatan KDNK dan jumlah penduduk negeri yang diperoleh saban tahun, penilaian ke atas pendapatan per kapita penduduk di negeri ini dapat dilakukan secara purata tanpa mengikut komposisi kaum dan etnik.

Melalui kaedah pengiraan Gini Koefisien (*Gini Coefficeient*), negara Malaysia telah mencatatkan peningkatan yang baik. Gini Koefisien negara ini pada tahun 2009 adalah pada kadar 0.441 berbanding 0.513 pada tahun 1970. Hal ini jelas memperlihatkan kejayaan usaha-usaha yang telah dilaksanakan sepanjang 30 tahun lalu dalam mengagihkan kekayaan dan pendapatan dengan lebih adil dan sama rata.

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : TANAH UNTUK SEKOLAH TAMIL

25. Satu permohonan tanah dan laporan lengkap untuk sekolah-sekolah Tamil di Kawasan DUN Bukit Melawati telah diserahkan pada tahun lalu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status permohonan tersebut ?

b) Adakah Pejabat Tanah sudah memulakan rundingan dengan syarikat -syarikat perladangan dan tuan punya tanah bagi tujuan tersebut ?

c) Bilakah perkara tersebut akan diselesaikan ?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan hasil lawatan ke atas tapak yang dipohon didapati bahawa tapak tersebut berbeza dengan tapak yang telah dikemukakan di dalam pelan. Tapak yang dicadangkan adalah melibatkan tanah milik. Permohonan rasmi untuk pengambilan tanah dengan pengesahan bahawa pampasan yang mencukupi disediakan masih tidak dikemukakan ke pentadbiran ini.

b) Memandangkan tanah tersebut merupakan tanah hak milik, rundingan perlu dilakukan di antara pemohon dengan tuan tanah / Kementerian Pendidikan.

c) Pejabat Tanah akan memproses permohonan tersebut setelah mendapat dokumen yang lengkap serta pengambilan tanah dibuat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

26. Kerajaan Persekutuan meminta agar peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) digunakan bagi memperbaiki dan meningkatkan kualiti jalan raya dan bukan untuk tujuan lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah peruntukan MARRIS yang diterima mengikut rekod kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga 2010?

b) Nyatakan statistik penggunaan peruntukan tersebut mengikut daerah dan jumlah jalan raya (km) yang diselenggara?

c) Adakah kerajaan negeri boleh menggunakan peruntukan tersebut untuk tujuan lain?

JAWAPAN :

a) Terimaan Geran Jalanraya berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	TERIMAAN (RM)
1.	2008	300,966,292.00
2.	2009	315,627,131.00
3.	2010 (Sehingga 22 Oktober 2010)	263,023,250.00

b) Statistik penggunaan peruntukan tersebut mengikut daerah bagi tujuan menaiktaraf jalan dan jambatan telah diperuntukkan kepada Jabatan kerja Raya (JKR) seperti berikut:

MENAIKTARAF JALAN DAN JAMBATAN	**2008 (RM)**	**2009 (RM)**	**2010 (RM)**
Petaling	27,000,000.00	62,400,000.00	20,000,000.00
Gombak	900,000.00	2,900,000.00	2,200,000.00
Klang	26,500,000.00	14,650,000.00	5,500,000.00
Kuala Langat	4,500,000.00	500,000.00	500,000.00
Hulu Langat	3,700,000.00	46,500,000.00	16,000,000.00
Sepang	5,900,000.00	500,000.00	-
Kuala Selangor	28,550,000.00	27,750,000.00	11,700,000.00
Hulu Selangor	1,800,000.00	500,000.00	-
Sabak Bernam	15,700,000.00	2,260,000.00	13,300,000.00
JUMLAH	**114,550,000.00**	**157,960,000.00**	**69,200,000.00**

Jumlah jalan raya (km) yang telah didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) adalah sebanyak 13,994.045 km merangkumi Jalan Raya Bandaran, Jalan Raya Negeri, Jalan Perumahan Murah dan Lorong Belakang.

c) Peruntukan MARRIS akan dikreditkan ke dalam Akaun Amanah dan wang dalam akaun ini hendaklah dibelanjakan hanya bagi tujuan-tujuan seperti berikut:-

i. Membayar kos penyelenggaraan semua jalan negeri;

ii. Perbelanjaan-perbelanjaan seperti pembelian jentera, pembayaran gaji serta lain-lain imbuhan kepada pekerja yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan jalan; dan

iii. Apa-apa jua perbelanjaan lain yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri.

Kumpulan wang ini akan dikendalikan mengikut peraturan di bawah Akta Acara Kewangan 1957.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI KELANG

27. Difahamkan keseluruhan pembangunan Sungai Kelang menelan belanja RM 6 bilion.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah nama syarikat-syarikat yang terlibat?

b) Dari manakah syarikat terbabit mendapat sumber kewangan bagi membuat kajian awal?

c) Bagaimanakah syarikat terbabit akan meneruskan projek ini tanpa perruntukan kerajaan negeri?

JAWAPAN:

a) Syarikat-syarikat yang terlibat pada awalnya adalah TSS-MAKO Sdn. Bhd, GJA Engineering Sdn. Bhd., dan konsortium Wessex Water-I Bhd. Sdn. Bhd. Tiga syarikat ini telah dipilih daripada 12 yang menghantar *business proposal* kepada Kerajaan Negeri Selangor.

b) Syarikat-syarikat yang terbabit yang telah membuat kajian awal telah menggunakan sumber kewangan mereka tersendiri untuk melaksanakan kajian tersebut.

c) Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti beberapa projek perniagaan/pembangunan yang akan digunakan untuk membiayai Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang. Hasil yang diperoleh daripada projek-projek ini dalam bentuk premium tanah, perkongsian untung, sumbangan dan sebagainya akan digunakan untuk membiayai Projek Sungai Klang. Beberapa projek pembangunan telah disenaraikan untuk menjadi sebahagian daripada skim ini. Projek-projek tersebut ialah:-

    1) Projek Pembangunan Taman Keramat AU2 seluas lebih kurang 4 ekar yang di tender kepada umum pada 1 November 2010 – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 20 juta untuk Projek Sungai Klang

    2) Projek Pembangunan di kawasan Sungai Sering seluas lebih kurang 75 ekar yang telah di tender pada Julai 2010 tetapi akan di tender semula untuk mendapatkan pulangan lebih baik – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 150 juta ke atas untuk kerajaan negeri dan Projek Sungai Klang

3) Projek Pembangunan di Seksyen 24, Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 30 juta ke atas untuk Projek Sungai Klang

4) Projek Khas di I-City, Seksyen 7 Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka akan memberi impak besar kepada kebersihan Sungai Rasau yang mengalir ke Sungai Klang

Projek-projek lain sedang dalam proses dikenal pasti. Kerajaan akan mengamalkan sistem tender terbuka terutamanya untuk projek-projek pembangunan bagi memastikan ketelusan.

Hasil-hasil yang diperoleh daripada projek-projek di atas akan diagihkan untuk kerja-kerja fizikal Projek Sungai Klang. Dijangkakan hasil daripada projek pertama di atas akan diperoleh pada Mac 2010 dan kerja-kerja fizikal akan dilaksanakan pada masa tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : RASUAH PASIR

28. Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersetuju menubuhkan pasukan petugas khas menangani masalah rasuah pasir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah prestasi pasukan khas tersebut?

b) Nyatakan statistik aduan dan tangkapan berhubung masalah rasuah pasir mengikut daerah?

c) Apakah pendekatan yang akan diguna untuk membanteras kegiatan kecurian dengan berkesan?

JAWAPAN :

a) Pasukan ini baru saja ditubuhkan. KSSB dan SPRM telah mengadakan beberapa mesyuarat di dalam mengenal pasti ruangan kemungkinan (*possible points*) berlakunya rasuah.

Pasukan ini akan mencadangkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang akan diambil oleh KSSB.

b) Tindakan penguatkuasaan adalah bidangkuasa Pentadbir Tanah. Pentadbir Tanah telah mengambil langkah-langkat meningkatkan penguatkuasaan termasuklah;

i) Menjalankan ops statik di kawasan-kawasan yang dikenal pasti
ii) Merampas tanah-tanah persendirian yang mana terdapat lombong-lombong haram di atasnya
iii) Rondaan berkala

c) Aduan dan tangkapan berkenaan rasuah pasir adalah bidangkuasa SPRM.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PENYERAPAN INSTITUT KEMAHIRAN YAYASAN SELANGOR (IKYS) DALAM KOLEJ INPENS

29. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan rasional Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) diserapkan ke dalam Kolej INPENS. Berapakah jumlah penuntut yang terlibat dan apakah jaminan kebajikan para penuntut IKYS akan dipelihara.

JAWAPAN:

a) Rasional IKYS diserapkan ke dalam INPENS adalah Program Kemahiran yang sama, Kelengkapan Peralatan dan bahan Pembelajaran lengkap dan struktur premis lebih strategik dan praktikal sebagai pusat pengajian

Jumlah penuntut yang terlibat:

IKYS	Premis boleh menampung bilangan pelajar untuk 1 sesi pengambilan adalah seramai maksimum 75 orang pelajar sahaja
INPENS	Premis boleh menampung bilangan pelajar untuk 1 sesi pengambilan adalah seramai 500 orang pelajar

Jumlah semasa pelajar IKYS ke INPENS Bagi Sesi Julai 2010 :

1)	Penyaman Udara	: 6 orang
2)	Pendawai Elektrik (PW2)	: 39 orang
		45 orang

Jaminan kebajikan para penuntut IKYS akan dipelihara

1) Penginapan
2) Aktiviti Pelajar
3) Pinjaman Pendahuluan
4) Peluang Pekerjaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN PBT

30. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan PBT yang masih mengalami defisit dan PBT yang mengalami defisit berjaya bertukar kepada surplus pada tahun 2009.

b) Apakah kaedah-kaedah utama yang digunakan membolehkan PBT tersebut berjaya bertukar dari defisit kepada surplus?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, terdapat **lima (5) PBT berada dalam kedudukan defisit** iaitu MB Shah Alam, MP Klang, MP Selayang, MP Sepang dan MD Hulu Selangor.

Bagi MB Shah Alam, jumlah defisit Majlis telah meningkat daripada RM600 ribu kepada RM1.3 juta.

Tiga (3) PBT mengalami perubahan daripada kedudukan surplus kepada defisit iaitu MP Selayang, MP Sepang dan MD Hulu Selangor. MP Selayang berubah daripada surplus RM4.15 juta kepada defisit RM7.68 juta. MP Sepang berubah daripada surplus RM2.96 juta kepada defisit RM1.72 juta. Manakala, MD Hulu Selangor berubah daripada surplus RM2.33 juta kepada defisit RM3.66 juta. Perubahan kedudukan suplus kepada defisit ini adalah disebabkan bertambahnya belanja susut nilai aset-aset yang mana bukan merupakan belanja operasi PBT.

MP Klang pula telah menunjukkan pengurangan pada jumlah defisit iaitu daripada RM7.83 juta kepada RM2.43 juta sahaja.

PBT yang mengalami defisit berjaya bertukar kepada surplus pada tahun 2009 pula adalah MP Subang Jaya yang berubah daripada kedudukan defisit RM7.04 juta kepada RM11.68 juta.

b) Kaedah-kaedah yang digunakan oleh PBT bagi membolehkan mereka memperbaiki daripada kedudukan defisit kepada surplus adalah dengan menyediakan bajet surplus di mana hasil dianggarkan melebihi daripada anggaran perbelanjaan. Dengan adanya bajet surplus, PBT perlu menjalankan pemantauan yang ketat terhadap prestasi kutipan hasil semasa dan perbelanjaan agar hasil dapat dikutip dengan maksimum dan perbelanjaan dibuat dengan penuh berhemat dan tidak melampaui bajet yang telah diluluskan.

Selain itu, PBT juga dapat memperbaiki kedudukan defisit mereka dengan melipatgandakan kutipan tunggakan cukai, lesen serta kompaun. Kedudukan defisit juga dapat diperbaiki jika PBT berusaha untuk mendapatkan pelbagai punca hasil yang baharu bagi menambah pendapatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : KEPUPUSAN KELIP-KELIP

31. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 56: "Pada pendapat Audit, aktiviti ekonomi pertanian telah mengakibatkan alam sekitar di Kampung Kuantan telah terancam dan memberi kesan kepupusan kelip-kelip di kawasan ini".

Tidak terdapat ulasan daripada Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan untuk mengatasi masalah ini?

b) Apakah jenis-jenis aktiviti ekonomi pertanian yang dijalankan di kawasan terbabit?

c) Apakah polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ini?

JAWAPAN :

a) Kewujudan habitat kelip-kelip di Kg. Kuantan, Kuala Selangor telah menjadikan ia satu program eko-pelancongan yang menyumbang kepada sumber ekonomi Negeri Selangor dan seterusnya komuniti setempat. Serangga kelip-kelip ini juga berfungsi sebagai bioindikator kepada status kualiti air Sungai Selangor. Sehubungan itu, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh pihak LUAS dalam memastikan perlindungan dan pemuliharaan kelip-kelip seperti berikut:

   i) Pihak LUAS dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah mewartakan kawasan Zon Perlindungan melalui 'Pemberitahuan Zon Perlindungan (Kawasan Yang Diisytiharkan Dan Sekatan) 2009' yang telah diwartakan dalam Warta No. 2171/2009 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009 di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (Pelan IRBM Sungai Selangor,2007-2012) yang mana ia menepati *'Polisi 4 : Pemuliharaan Kelip-kelip'*. Keluasan kawasan zon perlindungan ialah 1,104 hektar (2,728 ekar) yang merangkumi 'kawasan rizab sungai di antara 150 meter sehingga 400 meter kiri dan kanan tebing Sungai Selangor di dalam Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor seperti dalam Peta No. P.W.1539.

      Tujuan Zon Perlindungan diwujudkan ialah sebagai langkah pengawalan dan pencegahan untuk melindungi kawasan rizab sungai, zon penampan dan alam sekitarnya termasuklah habitat kelip-kelip di dalam kawasan tersebut daripada diterokai, dimusnahkan dan juga mencemarkan sumber air. Di samping itu, pihak LUAS juga mengambil inisiatif dengan

pemasangan papan tanda pemberitahuan ‘Zon Perlindungan’ di beberapa lokasi strategik seperti di Jeti Kg. Kuantan dan Kg. Bukit Belimbing dalam usaha pemakluman kepada penduduk sekitar dan juga para pelancong akan usaha Kerajaan Negeri Selangor memelihara dan memulihara kawasan habitat kelip-kelip.

ii) Pihak LUAS melalui Seksyen 43(1) Enakmen LUAS 1999, telah memperuntukkan bahawa tiada sebarang ‘aktiviti pengubahan sumber’ yang boleh dijalankan di dalam Zon Perlindungan melainkan setelah memperolehi Kebenaran Bertulis daripada Pengarah LUAS. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan ialah yang memberi kesan dari segi kuantiti dan kualiti air serta degradasi alam sekitar seperti aktiviti peletakan atau pembinaan mana-mana struktur atau pelaksanaan apa-apa kerja-kerja, penggunaan atau penyimpanan apa-apa bahan kimia termasuklah racun makhluk perosak atau baja, perubahan kontur tanah yang sedia ada termasuk mana-mana penggredan dan pembinaan jalan raya, pembersihan atau penuaian sayuran termasuk penebangan pokok, pembuangan pertumbuhan riparian atau penyaliran tanah perairan, dan pembuangan apa-apa kumbah atau bahan buangan.

iii) Di samping itu, pihak LUAS bertindak sebagai urus setia bagi ‘Kumpulan Kerja Polisi 4 : Pemuliharaan Kelip-kelip (Pelan IRBM Sungai Selangor)’ bagi memantau pelaksanaan tiga (3) strategi yang telah digariskan di bawah polisi tersebut. Antara agensi-agensi yang menganggotai kumpulan kerja tersebut ialah UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor (PTDKS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan *Tourism Selangor Sdn. Bhd* (TTSB). Pihak LUAS juga menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi teknikal berkaitan serta perbincangan bersama pihak NGO dalam usaha memastikan perlindungan dan pemuliharaan kawasan habitat kelip-kelip. Beberapa siri taklimat telah diadakan bersama Penghulu, Ketua Kampung dan penduduk sekitar bagi memaklumkan berkenaan pewartaan ‘zon perlindungan’ dan mendapatkan kerjasama penduduk kampung.

iv) Pihak LUAS juga menjalankan pemantauan secara telemetri *‘on-line’* dengan menggunakan stesen pemantauan kadar alir jenis ‘*Doppler’* di *barrage* Bestari Jaya bagi memastikan pelepasan kuantiti air ke hilir sungai untuk hidupan kelip-kelip termasuk flora dan fauna ialah 300 JLH (3.5 m^3/s) selari dengan pematuhan keperluan dalam DEIA Empangan Sungai Selangor.

b) Antara jenis-jenis aktiviti ekonomi pertanian yang dijalankan di kawasan habitat kelip-kelip di Kg. Kuantan, Daerah Kuala Selangor ialah melibatkan aktiviti seperti penanaman pokok kelapa sawit dan kebun pisang, pengutipan daun nipah, sagu dan sebagainya. Lanjutan daripada pewartaan 'zon perlindungan', pihak LUAS telah membangunkan satu 'Garis panduan Kawalan Aktiviti-aktiviti Di Dalam Zon Perlindungan (Kawasan Yang Diisytiharkan dan Sekatan) Mukim Pasangan , Daerah Kuala Selangor.

Garis Panduan tersebut telah menggariskan beberapa aktiviti di mana Pengarah telah mengisytiharkan aktiviti-aktiviti berikut adalah dibenarkan dan tidak memerlukan Kebenaran Bertulis Pengarah LUAS sebelum dijalankan di dalam kawasan Zon Perlindungan seperti berikut:

(a) Pertanian dan Perhutanan

i. Pertanian organik yang tidak menggunakan baja bahan kimia dan racun perosak;

ii. Pertanian secara pasif yang tidak bersifat komersial dan tidak melibatkan penebangan pokok; dan

iii. Aktiviti penanaman semula pokok berembang, nipah, dan rumbia dan seumpamanya tanpa melibatkan penebangan pokok-pokok hutan paya bakau untuk apa-apa tujuan sekalipun bagi melindungi Zon Perlindungan.

(b) Perikanan

i. Aktiviti menangkap ikan secara tradisional dengan menggunakan bubu, jala, jaring dan hanya menggunakan sampan dan bot berkuasa rendah yang kurang daripada 10GRT.

(c) Eko-Pelancongan Dan Rekreasi

i. Aktiviti eko-pelancongan secara pasif seperti menjadi pusat kajian kelip-kelip, taman hutan, memerhati burung dan aktiviti pendidikan alam sekitar;

ii. Aktiviti menyusuri sungai dan berkayak dengan menggunakan sampan atau bot enjin yang berkuasa kecil; dan

iii. Aktiviti memancing sama ada secara persendirian atau dalam kumpulan yang tidak melebihi 5 orang.

(d) Aktiviti Lain

i. Lain-lain aktiviti yang difikirkan wajar mengikut budi-bicara Pengarah LUAS.

c) Polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ini ialah dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (2007-2012) yang mana ia melibatkan empat (4) polisi utama dan salah satunya ialah Polisi 4: Pemuliharaan kelip-kelip yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk diguna pakai pada 1 Ogos 2007 dan diwartakan pada 10 September 2009. Terdapat 19 strategi yang digariskan bagi pelaksanaan semua polisi dan tiga (3) daripadanya menjurus kepada pelaksanaan Polisi 4 dengan kerjasama ahli Kumpulan Kerja Polisi 4 seperti berikut:

i) Strategi 1 : Pembangunan Santuari/ Taman Kelip-kelip.

Status Pelaksanaan : Pihak LUAS telah mewartakan 'Zon Perlindungan' Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor yang melibatkan kawasan rizab sungai, zon penampan, dan alam sekitarnya di jajaran tertentu di Sungai Selangor termasuklah habitat kelip-kelip.

ii) Strategi 2 : Menambah baik program pelancongan Kelip-kelip.

Pembersihan sampah sarap yang terapung di sungai; dan

Pendedahan tentang kitaran hidup kelip-kelip kepada para pelancong

Status Pelaksanaan : Pihak LUAS mendapat kerjasama daripada pihak JPS dalam memastikan penyelenggaraan berkala bagi *'log boom'* di bahagian hulu sungai Di samping itu, kerjasama daripada MDKS dan juga TTSB bagi pengedaran poster, risalah dan tayangan video berkenaan populasi kelip-kelip kepada para pengunjung. Kelengkapan prasarana infrastruktur di pusat pelancongan Kelip-kelip Kg. Kuantan pula disediakan dengan kerjasama pihak MDKS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

iii) Strategi 3 : Meneruskan pemantauan dan penyelidikan berkaitan Kelip-kelip.

- Pemantauan terhadap populasi kelip-kelip diteruskan;
- Pemantauan habitat pokok Berembang; dan
- Pemantauan hubung kait pelepasan air tawar terhadap kualiti air di kawasan habitat kelip-kelip.

Status Pelaksanaan : Selaras dengan usaha pewartaan 'Zon Perlindungan', pihak LUAS dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sedang menjalankan 'Kajian Pemantauan Populasi Kelip-kelip di Sungai Selangor, Daerah Kuala Selangor' berdasarkan keputusan Mesyuarat MTES 8 Julai 2010. Peruntukan kewangan yang telah diluluskan ialah daripada bajet pembangunan UPEN sebanyak RM 204,880.00 untuk tempoh 1 1/2 tahun bermula pada September 2010 hingga Februari 2012 oleh pihak FRIM. Ini adalah sebagai langkah jangka masa panjang dalam pemuliharaan habitat kelip-kelip.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KUPON AIR PERCUMA UNTUK PERUMAHAN PANGSA

32. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan perumahan pangsa yang telah diberikan kupon air percuma ini dan sedang menikmati air percuma sekarang.

b) Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan usaha melaksanakan pemberian air percuma ini kepada rakyat terutamanya yang menduduki perumahan pangsa kos rendah?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis pemberian kupon air percuma kepada pangsapuri kos rendah bermula di Pangsapuri Sri Tanjung untuk tempoh 3 bulan mulai Jun 2010. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima daripada pembeli Pangsapuri Sri Tanjung dan lain-lain kawasan pangsapuri kos rendah, **Kerajaan Negeri telah mengenal pasti sejumlah 69 skim pangsapuri kos rendah melibatkan 23,093 pembeli bagi pelaksanaan fasa pertama** pemberian air percuma kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal.

Skim pangsapuri kos rendah yang telah dipilih ini adalah berdasarkan keutamaan kepada pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) yang aktif atau berpotensi. Kriteria ini ditetapkan kerana Kerajaan Negeri telah mempertanggungjawabkan JMB/MC untuk menguruskan pengedaran dan pengutipan kupon kepada pembeli-pembeli bagi membantu Kerajaan Negeri dalam memastikan program pemberian air percuma melalui sistem kupon dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.

Senarai pangsapuri kos rendah terlibat mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH PEMBELI
1.	MBSA	Seri Melewar Seksyen U1	240
		Mentari Seksyen U5	840
		Desa Subang seksyen U5	64
		Sunway Sinar Seksyen U9	240
		Blok 54, Seksyen 7 Shah Alam	105
		Blok 55 Seksyen 7 Shah Alam	95
		Blok 26-30, Seksyen 27, Taman Bungan Negara	640
		Rimau Indah Seksyen 32	249
		Taman Alam Indah Seksyen 33	200
		Seri Era Seksyen 36	314
		JUMLAH	2,987
2.	MBPJ	Vista Subang	210
		Blok C & D Petaling Utama	1008
		Lestari	1360
		Desa Mentari	726
		JUMLAH	3,304
3.	MPSJ	Sri Tanjung	1,028
		Seri Mutiara	1,040
		Seri Kayan	550
		Blok Angsana, Bougenvilla, Carnation & Daisy, Taman Seksyen 2	200
		Enggang	1,380
		Seri Begonia	848
		Blok F5-F8 Puchong Permai	390
		Blok F9-F10 Puchong Permai	200
		JUMLAH	5,636
4.	MPAJ	700 Pandan Perdana	700
		Taman Ampang Mewah	518
		Blok A Taman Industri Lembah Jaya	525
		Sri Intan	208
		Al-Ridhuan	301
		610, Jalan Pandan Indah	610
		Seri Impian	300
		Nusa Kurnia	200
		Merpati A	430
		Merpati B	350
		Blok A Taman Permai Jaya	100

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH PEMBELI
		Blok B Taman Permai jaya	90
		Blok 2 Desa Lembah Permai	330
		JUMLAH	4,662
5.	MPK	Blok Mawar	277
		Blok Cempaka	336
		Mutiara Fasa 2 Bukit Raja	152
		Seri Perantau Blok B	128
		Seri Perantau Blok C	128
		Seri Perantau Blok E	128
		Seri Perantau Blok F	128
		JUMLAH	1,277
6.	MPKj	Seri Mesra	117
		Fasa 1 & Fasa 1F Bandar Damai Perdana	210
		Taman Segar Perdana Fasa 7A	72
		Sri Murni Taman Pinggiran Sungai Long	120
		Blok A Taman Sri Kenari	300
		Tasik Sungai Chua	168
		Inang, Taman Impian Ehsan	240
		Blok Indah, Taman Taming Indah	95
		Taman Asa Jaya	500
		JUMLAH	1,822
7.	MPS	Kota Warisan, Selayang Bahagia	158
		Batai	240
		Seri Laman	98
		Pinggiran Indah	141
		Laksamana Jaya	170
		Laksamana	229
		Kenanga	236
		Cempaka	217
		Delima, Taman Tun Teja	240
		Kenanga, Taman Tun Teja	260
		Dahlia, Taman Tun Teja	240
		Cempaka, Taman Tun Teja	300
		Blok A, Danau Rebung	96
		Blok B, Danau rebung	80
		Amaniah 1	75
		JUMLAH	2,780
8.	MPSp	Cengal	125
		JUMLAH	125

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	SKIM PANGSAPURI KOS RENDAH	JUMLAH PEMBELI
9.	MDKL	Taman Dato' Hormat	48
		Carnation D'Menara	144
		Blok D2, Taman Langat Murni	64
		Blok C2, Taman Langat Murni	48
		Blok G & H, Taman Langat Murni	160
		Sri Pelangi	36
		JUMLAH	500
10.	MDHS	**TIADA RUMAH KOS RENDAH YANG MENGGUNAKAN METER AIR PUKAL**	
11.	MDKS		
12.	MDSB		

Fasa pertama untuk program pemberian air percuma kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal **akan bermula bagi bil air bulan Oktober 2010.**

b) Kerajaan Negeri sedang mempergiatkan usaha untuk mengumpulkan maklumat skim pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang masih menggunakan meter air pukal bagi pelaksanaan fasa kedua pemberian air percuma bagi tahun hadapan. Oleh demikian, **satu kempen pendaftaran terbuka akan dibuat di semua kaunter-kaunter pejabat unit Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan**. Melalui kempen pendaftaran terbuka tersebut, semua pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau mana-mana pihak yang sah yang mewakili skim kawasan pemajuan pangsapuri kos rendah di negeri Selangor boleh membuat pendaftaran bagi menyertai program pemberian air percuma ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewajibkan semua kawasan pemajuan strata untuk membuat migrasi meter air pukal kepada migrasi meter air individu supaya pemberian air percuma dapat dilaksanakan secara automatik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan negeri Selangor dan SYABAS telah menganjurkan program turun padang ke kawasan-kawasan pemajuan strata yang masih menggunakan meter air pukal untuk memberi taklimat mengenai pelaksanaan program migrasi tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH

33. Terdapat aduan bahawa sampah tidak terurus dan dilonggokkan di tempat yang tidak sepatutnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berikan statistik aduan masalah pengurusan sampah mengikut PBT?

b) Kenapa masalah ini berlaku dan apakah langkah diambil oleh PBT – PB untuk memastikan perkara ini diatasi?

JAWAPAN :

a) Statistik adalah seperti yang dilampirkan

b) Langkah-langkah tindakan dan pengawalan di setiap PBT dalam aktiviti kegiatan pembuangan sampah haram di Selangor adalah berbeza. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dengan melakukan operasi membanteras kegiatan pembuangan sampah haram. Ia selaras dengan tindakan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) mencegah kekotoran MDKL.

Manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan menubuhkan *Unit Flying Squad* yang dibentuk pada 20 Februari 2006, dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) pula dengan melakukan aktiviti pemantauan berkala secara bersepadu dengan Bahagian Penguatkuasaan. Selain dari itu, ganjaran dan insentif turut diberikan kepada mereka yang memberikan maklumat yang betul dan tepat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)

34. Badan Pengurusan Bersama (JMB) adalah mekanisme terbaik untuk mengurus masalah penduduk rumah pangsa.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah prestasi JMB yang telah ditubuhkan setakat ini?

b) Apakah langkah bagi memastikan JMB yang dibentuk mendapat kerjasama penduduk?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini sejumlah 1,087 Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah berjaya ditubuhkan di negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, didapati 575 JMB adalah beroperasi secara aktif. Walaubagaimanapun, JMB yang ditubuhkan telah menghadapi beberapa cabaran seperti berikut:

i- Isu peruntukan kewangan untuk menyenggara dan mengurus bangunan tidak mencukupi akibat daripada peratusan kutipan caj yang rendah di kalangan pembeli;

ii- Isu karenah pembeli yang tidak mahu mengambil berat mengenai tanggungjawab untuk membayar caj penyenggaraan serta menjaga harta bersama;

iii- Isu pemaju yang enggan untuk memulangkan lebihan wang kepada JMB atau telah membelanjakan semua wang akaun penyenggaraan bangunan dan kumpulan wang penjelas;

iv- Isu kecacatan bangunan yang tidak dibaikpulih semenjak dari tempoh liabiliti kecacatan serta bangunan dan harta bersama yang tidak disenggarakan dengan baik oleh pemaju; dan

v- Isu JMB tidak mempunyai pengetahuan dan kepakaran mengenai perundangan, pengurusan dan penyenggaraan harta bersama.

Terdapat juga sebahagian kawasan pemajuan strata yang masih gagal menubuhkan JMB kerana pembeli tidak sanggup, tidak bersedia dan takut untuk menjadi ahli jawatankuasa kerana permasalahan-permasalahan sedia ada di pangsapuri mereka.

b) Dalam memastikan JMB ditubuhkan mendapat kerjasama penduduk, ahli jawatankuasa bersama (JMC) yang dilantik untuk mengendalikan JMB hendaklah mengamalkan sikap ketelusan dan pro-aktif agar pembeli menaruh

kepercayaan pada setiap urusan perbelanjaan yang dilaksanakan JMC serta memahami bahawa tanggungjawab menjaga harta bersama adalah tanggungjawab bersama. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meminda dan dalam proses mewartakan pindaan Jadual Pertama Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] supaya lebih jelas bertujuan memastikan pengurusan yang dilaksanakan JMC mengikut peruntukan Akta 663.

Bagi mewujudkan semangat kekitaan serta kerjasama antara pembeli dan JMB, Kerajaan Negeri telah meneruskan Program Kempen "Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni" di kawasan perumahan bertingkat khususnya perumahan kos rendah yang turut membawa mesej penghargaan kepada pembeli-pembeli yang telah menjelaskan bayaran caj penyenggaraan mereka. Matlamat dan objektif kempen ini untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat terutama perumahan bertingkat kos rendah. Ia bertujuan supaya setiap pembeli mempunyai inisiatif sendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengadakan dua siri program kempen "Pangsapuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni" di Pangsapuri Seri Kembangan, Bukit Beruntung pada 24 April 2010 dan Pangsapuri Sri Perantau, Pelabuhan Klang pada 27 Jun 2010.

Walaubagaimanapun, di bawah peruntukan Akta 663 terdapat 3 kaedah (*punitif mechanisme*) yang telah diperuntukkan untuk mendapatkan kerjasama pembeli untuk membayar caj seperti berikut:

i) JMB membuat prosiding ke mahkamah;

ii) JMB membuat permohonan kepada Pesuruhjaya Bangunan untuk membuat penahanan harta alih; dan

iii) Tindakan pendakwaan oleh Pesuruhjaya Bangunan.

Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk menubuhkan Unit Penguatkuasaan Pesuruhjaya Bangunan yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2011 dalam memastikan penguatkuasaan Akta 663 dapat dilaksanakan dengan baik termasuk pendakwaan kepada pembeli-pembeli yang enggan membayar caj.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: PROGRAM RUMAH PRIHATIN

35. Kerajaan negeri menyediakan RM 6 juta bagi tahun 2010 untuk program Rumah Prihatin.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan statistik bilangan rumah dibina dan penerima tahun 2010 mengikut kaum dan daerah?

b) Apakah mekanisme yang telus digunakan untuk memilih penerima rumah yang layak?

JAWAPAN:

a) Bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri memperolehi sumbangan sebanyak **RM 4.1 Juta** daripada Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk membiayai Program Kerajaan Prihatin. Statistik bilangan rumah dibina dan penerima tahun 2010 mengikut kaum dan daerah adalah seperti berikut:

b)

BIL	DAERAH	BILANGAN RUMAH						JUMLAH
		BINA BARU			BAIK PULIH			
		Melayu	Cina	India	Melayu	Cina	India	
1	Hulu Langat	5	-	2	9	-	-	16
2	Petaling	4	-	-	5	-	-	9
3	Sepang	5	-	1	16	-	-	22
4	Sabak Bernam	1	-	2	6	-	1	10
5	Kuala Selangor	14	2	1	15	1	1	34
6	Gombak	-	2	-	8	-	-	10
7	Klang	12	1	1	9	-	1	24
8	Hulu Selangor	5	2	2	4	-	1	14
9	Kuala Langat	16	-	2	15	-	-	33
Jumlah		**62**	**7**	**11**	**87**	**1**	**4**	**172**

c) Pemilihan penerima yang layak untuk menerima bantuan di bawah Program Kerajaan Prihatin adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin yang di pengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, YB Tuan Dr A Xavier Jayakumar. Setiap borang yang diterima akan ditapis dan di siasat oleh pihak Pejabat Daerah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Mesyuarat Jawatankuasa dianggotai dan di wakili oleh semua wakil daripada daerah dan agensi-agensi berkaitan. Pemilihan penerima adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pertimbangan oleh ahli Jawatankuasa yang bersidang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : KAJIAN DAN PENYELIDIKAN BERKAITAN PBT

36. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Senaraikan kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan dalam tempoh 2008-2010 oleh Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan. Nyatakan peruntukkan yang dibelanjakan.

b) Bagaimana kajian-kajian yang telah dilakukan bermanfaat?

JAWAPAN :

a) Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan telah membuat 12 kajian. Antara kajian yang dilakukan oleh Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan adalah seperti berikut:-

1. Kajian Projek Pilihan Raya Kerajaan Tempatan oleh SUARAM Komunikasi yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.

2. Kajian Mengenai Hak Menteri Besar Selangor untuk Mendeklasifikasikan Dokumen oleh Firma Chooi & Co. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM5,000.00.

3. Kajian Impak Sekitaran Perlombongan Emas di Raub oleh Fakulti Sains dan Teknologi, UKM yang menggunakan peruntukan sebanyak RM30,000.00.

4. Kajian Program Pravasi Bhratiya Bhawan, New Delhi yang menggunakan peruntukan sebanyak RM16,487.00.

5. Kajian Impak Sosial Ke Atas Projek Pembinaan LRT Jajaran Kelana Jaya, Putra Height, Seksyen 27, 28 Shah Alam oleh MDS Traffic Planners & Consultants yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.

6. Kajian Organisasi dan Projek Rintis Pembangunan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor oleh Top Foresight Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM426,500.00.

7. Kajian Tinjauan Berkala Sosiopolitik Di Kalangan Rakyat Selangor oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM71,000.00.

8. Kajian Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat oleh Merdeka Center For Opinion Research Terhadap Pelaksanaan

Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ) yang menggunakan peruntukan sebanyak RM91,379.35.

9. Kajian Pesawah Padi di Negeri Selangor oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM91,077.50.

10. Kajian Keperluan Pembinaan Council Homes di Negeri Selangor oleh IIUM Entrepreneurship and Consultancies Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM50,000.00.

11. Pelantikan Merdeka Center For Opinion Research bagi menyediakan Selangor Blueprint 2011-2013 dengan peruntukan sebanyak RM129,800.00.

12. Penyelidikan bagi Penggubalan Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2010 dengan peruntukan sebanyak RM15,000.00.

b) Setiap kajian yang telah dilakukan bermanfaat bukan sahaja kepada kerajaan negeri mahupun pihak berkuasa tempatan malah memberi manfaat kepada rakyat negeri Selangor bergantung kepada kajian yang dilakukan.

Bagi kajian seperti Selangor Blueprint 2011-2013, ia adalah satu pelan hala tuju dan pembangunan tiga tahun negeri Selangor di mana blueprint ini adalah untuk menggariskan kaedah terbaik dalam mengagihkan pendapatan kerajaan negeri Selangor kepada rakyat berdasarkan kepada Tujuh Teras Utama.

Selangor Blueprint adalah lebih telus dan adil dengan mengambil kira pandangan holistik dari segenap lapisan masyarakat di negeri Selangor tanpa kepentingan pihak-pihak tertentu dan semata-mata untuk keharmonian dan kesenangan rakyat negeri ini pada masa akan datang.

Ia juga menjadi bukti bahawa kerajaan negeri Selangor sentiasa menambah baik pentadbirannya dengan mendengar nasihat dan teguran dari peringkat bawahan dan akar umbi.Manfaat bagi Kajian Sosioekonomi Pesawah Padi ialah dapat mengenal pasti status sosioekonomi pesawah padi di mana hasil kajian mendapati bahawa 60% petani berada di bawah garis kemiskinan dengan pendapatan di bawah RM1000.00 sebulan. Penemuan ini akan digunakan oleh kerajaan negeri bagi merangka program pembasmian kemiskinan yang khusus kepada para petani seperti program meningkatkan pendapatan dan meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Selain itu, kajian ini dapat memahami kegiatan sekunder pesawah padi di mana pesawah padi sangat bersetuju sekiranya kerajaan negeri dapat mewujudkan pekerjaan sampingan kepada pesawah padi untuk mendapatkan pendapatan tambahan di mana pada masa ini para pesawah turut menjalankan aktiviti sampingan lain seperti berkebun, mengambil upah sebagai buruh, berniaga, menjalankan aktiviti penternakan, berniaga serta mengambil upah sebagai buruh kelapa sawit untuk menambah pendapatan.

Kajian ini juga memberi manfaat dengan memahami isu-isu yang dihadapi oleh pesawah padi. Antara isu utama adalah seperti masalah kewangan yang tidak mencukupi, masalah kesihatan, kos sara hidup yang tinggi serta masalah yang berkaitan dengan aktiviti penanaman padi seperti masalah serangga perosak, serangan penyakit terhadap tanaman dan sistem pengairan sawah yang tidak sempurna.

Manfaat lain yang diperoleh hasil dari kajian tersebut ialah dapat mengenal pasti program-program yang boleh meningkatkan status ekonomi dan pendapatan pesawah padi. Contoh program yang bersesuaian untuk dilaksanakan adalah seperti mengadakan program kemahiran pesawah, program bantuan khusus untuk mengelakkan serangan penyakit dan serangga ke atas tanaman, program meningkatkan produktiviti petani dan program jaminan sosial serta bantuan kewangan/subsidi untuk meringankan beban pesawah padi.

Manfaat bagi Kajian Organisasi dan Projek Rintis Pembangunan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor pula mendapati Pihak pengurusan PBT lebih memahami kehendak dan keperluan masyarakat setempat yang semakin mencabar. Masyarakat setempat juga boleh mengutarakan pandangan dan komen yang membina untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan PBT di masa akan datang. Selain itu, hasil kajian juga dapat membantu Ahli Majlis dan pihak pengurusan PBT dalam memahami peranan masing-masing dan mengenal pasti golongan sasaran yang tepat untuk diberikan perkhidmatan secara optimum serta dapat membangunkan kerangka strategik untuk digunakan sebagai panduan kepada organisasi bagi melaksanakan perubahan.

Kajian tersebut juga dapat mengenal pasti proses-proses utama selari dengan peranan, misi, visi dan strategi organisasi serta menilai keberkesanan matriks prestasi semasa ke arah membangunkan matriks prestasi utama dan menilai keberkesanan perkhidmatan yang disediakan syarikat Alam Flora Sdn Bhd.

Bagi Kajian Tinjauan Berkala Sosiopolitik Di Kalangan Rakyat Selangor adalah untuk meninjau pendapat pengundi di Selangor berkenaan program-program yang dianjurkan oleh kerajaan negeri. Di samping itu kajian turut bertindak untuk mengenal pasti isu dan masalah yang berlaku di peringkat tempatan di seluruh negeri Selangor. Tinjauan ini penting untuk melihat sejauh mana penyampaian program-program kerajaan negeri di terima oleh rakyat Selangor dan menilai prestasi kerajaan serta perbandingan dapatan penemuan lepas terhadap beberapa isu berbangkit.

Kajian ini dapat melihat tahap kepuasan terhadap keadaan dalam negeri Selangor di mana hala tuju negeri dilihat berada pada tahap positif kerana kualiti kepemimpinan yang positif ditunjukkan oleh kerajaan negeri dan ahlinya melalui pemberian bantuan dan program mesra rakyat dan menjaga kebajikan rakyat.

Kajian ini juga meliputi tahap kepuasan terhadap PBT yang mana agak positif namun ia berbeza mengikut PBT kawasan responden dan prestasi PBT mula menunjukkan peningkatan ke atas perkhidmatan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan banyak memberi manfaat kepada kerajaan negeri dalam menentukan hala tuju dan perancangan pembangunan yang akan datang. Selain itu, kerajaan negeri juga dapat merangka dasar baru meliputi keseluruhan rancangan yang dirangka sendiri oleh rakyat negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR (PKPS)

37. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan projek-projek yang sedang dijalankan oleh pihak PKPS bagi memajukan sektor pertanian di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ? Sila berikan butir-butir.

b) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini dan prestasi pencapaian ladang-ladang kelapa sawit milik PKPS ?

c) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai prestasi pencapaian terkini anak-anak syarikat milik PKPS ? Sila berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Projek-projek yang sedang dijalankan oleh PKPS merangkumi aktiviti perladangan, penternakan, perikanan dan pengilangan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Mula Operasi	Aktiviti
1.	Ladang Kelapa Sawit		Pengeluaran buah kelapa sawit
	i. Ladang Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam	1995	
	ii. Ladang Jelutong Jati, Daerah Sabak Bernam	1997	
	iii. Ladang Kerling, Daerah Hulu Selangor	2008	
	iv. Ladang Editas, Daerah Gua Musang	2003	
	v. Ladang Irat, Daerah Kinabatangan, Lahad Datu	2001	
	vi. Ladang Jagoharmoni, Daerah Kinabatangan, Lahad Datu	2001	

2.	PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd., Daerah Gombak	2002	Pengeluaran benih ikan air tawar khususnya ikan keli dan tilapia.
3.	PKPS Farm Mart Sdn. Bhd., Daerah Gombak	2000	Penternakan ikan tilapia untuk pasaran tempatan dan Singapura.
4.	PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. - Kompleks Pasar Borong Selangor, Daerah Petaling	1999	a) Penyewaan lot peniagaan ikan, daging, sayur dan buah-buahan kepada orang ramai. b) Jumlah lot perniagaan di Pasar Borong Selangor ialah 310 lot.

Bil	**Projek**	**Mula Operasi**	**Aktiviti**
5.	Projek Lembu Integrasi, Daerah Sabak Bernam	2000	a) Penternakan lembu pedaging secara integrasi di dalam ladang kelapa sawit bagi mengurangkan kos makanan ternakan dan penyelenggaraan ladang. Jumlah lembu pedaging ialah 450 ekor. b) Penjualan lembu-lembu pedaging kepada pasaran tempatan. c) Bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam perlaksanaan projek lembu pawah.
6.	POLENS (M) Sdn. Bhd., Daerah Petaling - Kilang memproses dan membungkus produk herba	1994	a) Pemprosesan dan pembungkusan makanan kesihatan berasaskan herba dan madu. b) Merangkumi pengeluaran produk jenama sendiri,

			pembungkusan kontrak dan "trading".
7.	SOPIC Sdn. Bhd., Daerah Gombak - Ladang buah-buahan	2002	Pengeluaran buah-buahan tropika yang mempunyai permintaan di pasaran domestik dan antarabangsa.
8.	Projek Tanaman Kontan, Daerah Kuala Selangor dan Sepang - Ubi kayu, nanas dan tebu	2009	Penanaman tanaman kontan untuk membekalkan bahan mentah kepada pengusaha IKS dalam industri makanan ringan.
9.	Pusat Latihan Akuakultur PKPS, Daerah Gombak	2005	Menjalankan aktiviti kursus untuk peserta dalam teknik penternakan ikan air tawar.

Bil	**Projek**	**Mula Operasi**	**Aktiviti**
10.	Projek Ternakan Ayam Daging, Daerah Sabak Bernam	2010	a) Penternakan ayam daging dengan kerjasama Syarikat Chareon Pokphand iaitu syarikat kedua terbesar di dunia dalam industri penternakan ayam. b) Kapasiti pengeluaran ialah 672,000 ekor setahun (96,000 ekor setiap pusingan x 7 pusingan setahun).
11.	Projek Lembu Tenusu, Daerah Sabak Bernam	2010	Penternakan 116 ekor lembu tenusu bagi membekalkan susu segar ke pasaran tempatan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

b) PKPS mempunyai enam (6) buah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Sungai Panjang, Ladang Jelutong Jati, Ladang Kerling, Ladang Irat, Ladang Jagoharmoni dan Ladang Editas. Selain daripada itu, PKPS juga sedang membangunkan dua (2) buah ladang baru pada tahun ini iaitu Ladang Bukit Tamu, Daerah Hulu Selangor dan Ladang Tanjung 12, Daerah Kuala Langat.

i. <u>LADANG SUNGAI PANJANG, SABAK BERNAM</u>

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	2.49
Perbelanjaan	1.70
Keuntungan	0.79

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	11.8
2007	11.1
2008	9.7
2009	13.9
2010 (Jan - Sep)	15.1

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 20.0 mt/ha.

ii. <u>LADANG JELUTONG JATI, SABAK BERNAM</u>

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	3.14
Perbelanjaan	0.98
Keuntungan	2.16

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	18.3
2007	16.4
2008	14.5
2009	19.4
2010 (Jan - Sep)	15.7

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 22.0 mt/ha.

iii. LADANG KERLING, HULU SELANGOR

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	0.42
Perbelanjaan	0.35
Keuntungan	0.07

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	Belum matang
2007	Belum matang
2008	Belum matang
2009	2.3
2010 (Jan - Sep)	2.4

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 3.5 mt/ha.

iv. LADANG IRAT, LAHAD DATU

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	4.41
Perbelanjaan	2.27
Keuntungan	2.14

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	14.5
2007	12.4
2008	11.1
2009	12.6
2010 (Jan - Sep)	10.9

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 16.0 mt/ha.

v. LADANG JAGOHARMONI, LAHAD DATU

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	4.05
Perbelanjaan	1.62
Keuntungan	2.43

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	18.8
2007	21.7
2008	15.7
2009	19.8
2010 (Jan - Sep)	17.2

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 24.0 mt/ha.

vi. LADANG EDITAS, GUA MUSANG

Prestasi ladang sehingga September 2010 adalah seperti berikut:

	RM (juta)
Pendapatan	2.16
Perbelanjaan	1.69
Keuntungan	0.47

Pengeluaran hasil BTS ladang (Yield Per Hectare) bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Yield Per Hectar
2006	10.3
2007	6.9
2008	8.8
2009	5.5
2010 (Jan -– Sep)	6.3

Unjuran hasil BTS Jan - Dis 2010 ialah 9.0 mt/ha.

c) Pada tahun 2009, PKPS memiliki sebanyak tujuh (7) buah anak syarikat dan pada tahun 2010, bilangan tersebut telah berkurrangan kepada lima (5) buah syarikat sahaja. Ini berikutan daripada tindakan PKPS menutup dua (2) buah anak syarikat kerana tidak mempunyai prospek perniagaan yang cerah. Anak-anak syarikat yang masih beroperasi seperti berikut:-

Syarikat	**Aktiviti**	**Pendapatan (RM) Jan - Sep 2010**	**Perbelanjaan (RM) Jan - Sep 2010**	**Untung/(Rugi) (RM) Jan - Sep 2010**
SOPIC Sdn. Bhd.	i. Ladang Buah-buahan ii. Projek Ayam Daging iii. Projek Lembu Tenusu iv. Getah Balak	1,145,233	2,447,460 Peringkat pembangunan	(1,302,227)
POLENS (M) Sdn. Bhd.	Kilang pemprosesan dan Pembungkusan Produk.	1,784,436	1,779,168	5,268
PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	Kompleks Pasar Borong Selangor	4,036,210	3,156,532	879,676
PKPS Farm Mart Sdn. Bhd.	Penternakan ikan tilapia	2,891,478	4,370,454	(1,478,976)
PKPS Bukit Tinggi Fish Farm Sdn. Bhd.	Pembenihan ikan air tawar seperti keli dan tilapia	1,368,673	1,204,324	164,349

Berdasarkan jadual di atas, faktor kerugian SOPIC Sdn. Bhd. sebanyak RM1,302,227/- adalah disebabkan oleh ladang kelapa sawit milik syarikat telah diambil alih oleh PKPS manakala ladang Selangor Fruits Valley dalam proses baikpulih. Pada masa yang sama, projek ayam daging di Daerah Sabak Bernam masih dalam proses pembangunan dan dijangka mula menjana pendapatan pada akhir tahun 2010.

Faktor kerugian PKPS Farm Mart Sdn. Bhd. pula iaitu sebanyak RM1,478,976/- adalah didorong oleh serangan penyakit yang melanda industri penternakan ikan tilapia di seluruh negara pada akhir tahun 2009. Syarikat ini dalam proses baikpulih kerana pusingan ternakan ikan tilapia daripada peringkat telur hingga penjualan ikan akan mengambil masa selama 8 bulan. Ini bermakna penjualan ikan akan mula pulih mulai Oktober 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENGURUSAN AIR DI SELANGOR

38. Umumnya pertikaian antara Syabas dan Kerajaan Selangor mengenai konsesi air belum dapat diselesaikan sehingga kini.
Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah perundingan mengenai pengurusan air di Selangor ini mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan ?

b) Apakah halangan-halangan yang telah diletakkan oleh Kerajaan Pusat untuk membolehkan syarikat kroni mereka terus menindas rakyat Selangor untuk kepentingan saku-saku mereka ?

c) Apakah langkah-langkah seterusnya yang akan di ambil oleh Kerajaan Selangor bagi memastikan kes penguasaan air di Selangor ini dapat dimanfaatkan bagi kepentingan dan keselesaan rakyat Selangor sendiri ?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:

1) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan

2) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan bersama dengan keempat-empat syarikat pemegang konsesi air. Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Negeri Selangor diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd menolak tawaran tersebut. Nilai tawaran pada ketika ini adalah pada nilai RM9.2 bilion.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari 70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

i) Terma-terma dan syarat-syarat yang mengehendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan

ii) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut. Nilai tawaran pengambilalihan adalah pada nilai RM10. 3 bilion. SPLASH dan ABASS telah menolak tawaran oleh KTTHA tersebut. SPLASH pada masa yang sama turut mengumumkan untuk mengambil alih semua syarikat air di Selangor pada nilai tawaran yang serupa dengan PAAB. Puncak juga mengemukakan cadangan pengambilalihan kepada KTTHA.

Berikutan dari gagalnya penerimaan Model PAAB tersebut, pada 29 dan 30 Julai 2010, KTTHA telah mengadakan satu retreat bagi membincangkan semula kaedah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Di dalam retreat tersebut, wakil Kerajaan Selangor telah dimaklumkan oleh KTTHA bahawa Model Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor yang telah dipersetujui untuk diterima pakai dalam melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri

Selangor adalah Model Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 08 Julai 2009.

Melalui Model tersebut, kesemua pemegang konsesi air Negeri Selangor akan terus beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi mereka. Kerajaan Persekutuan melalui PAAB akan mengambil alih semua aset dan liabiliti yang berkaitan dengan industri air dari kesemua Pemegang Konsesi dan Pemegang Konsesi akan beroperasi sebagai operator operasi dan penyelenggaraan (*Operation and Maintenance Operator*) secara *asset light.* Sebagai balasan kepada operator di bawah Model ini, Operator Rawatan Air iaitu Puncak, SPLASH dan ABASS akan menerima bayaran melalui *Bulk Supply Rate (BSR),* manakala Operator Agihan iaitu SYABAS akan menerima bayaran melalui tarif air.

Ekuiti Pegangan dalam SYABAS akan berubah di mana melalui Model ini, pegangan Puncak sebanyak 70% akan dikurangkan kepada 51% manakala pegangan Kerajaan Negeri akan ditingkatkan dari 30% kepada 49%. Satu Saham emas masih kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Melalui Model ini, SYABAS akan diberikan lesen sebagai operator agihan manakala Puncak, SPLASH dan ABASS akan kekal diberi *authorisation* sebagai operator rawatan air yang akan beroperasi dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengikut peruntukan dan peraturan yang digariskan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655). Di bawah Model ini juga, semua aset bekalan air milik Kerajaan Negeri akan diambil alih oleh PAAB pada nilai sebanyak RM1.1 bilion dan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan tolak dari nilai aset tersebut.

KTTHA memaklumkan supaya wakil Kerajaan Negeri di dalam SYABAS selepas perubahan pegangan ekuiti hendaklah dari kalangan Kerajaan Negeri sendiri bukan diwakili oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) atau mana-mana syarikat lain.

Model tersebut tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana ia masih mengekalkan *framentation* di dalam perkhidmatan air. Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian Model Holistik adalah yang terbaik dapat menjamin industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan di samping dapat mengekalkan kos operasi dan tarif air yang munasabah.

Memandangkan Model ini tidak dapat dimuktamadkan, pada 20 Oktober 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan Air telah diadakan oleh KTTHA. Di dalam mesyuarat tersebut, KTTHA memaklumkan wakil Kerajaan Negeri Selangor memandangkan sehingga kini penstrukturan air di negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan, maka adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan semula cadangan penstrukturan secara holistik yang akan dikemukakan oleh Syarikat Konsesi Air . KTTHA tidak ada halangan kiranya Model Holistik tersebut diterajui oleh mana-mana syarikat persendirian tetapi bukan oleh Kerajaan Negeri Selangor memandangkan Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sumber

kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan pengambilan balik syarikat konsesi air atas dasar *willing buyer willing seller.*

YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam surat kepada KTTHA pada 22 Oktober 2010 memaklumkan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan pelaksanaan Model Holistik dan akan membuat tawaran kepada Syarikat Konsesi Air dengan mengguna pakai kaedah di mana aset air akan diambil alih oleh PAAB manakala ekuiti akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan membayar pulangan pada kadar 12% kepada Pemegang Saham di dalam Syarikat Konsesi Air.

Sekiranya nilai tawaran baru oleh Kerajaan Negeri Selangor ini tidak diterima oleh Syarikat Konsesi Air, maka perkara mengenai nilai tersebut akan dirujuk kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan *fair market value* nilai pampasan yang akan dibayar kepada Pemegang Saham.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memuktamadkan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini sebelum akhir tahun 2010 bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk ke atas operasi industri itu sendiri dan pasaran kewangan negara berikutan penurunan taraf (*downgraded)* bon-bon berkaitan air di pasaran kewangan negara.

Namun demikian, keputusan akhir mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

b) Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan mengenai nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air dalam usaha untuk menstrukturkan semula industri air di Selangor. Sekiranya rundingan dengan semua Syarikat Konsesi Air gagal dimuktamadkan atas sebab nilai tawaran yang diminta oleh Syarikat Konsesi Air adalah tinggi, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara mengenai nilai tawaran tersebut kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan apakah nilai *fair market value* yang sewajarnya dibayar kepada Syarikat Konsesi Air sebagai nilai pampasan mengambil alih syarikat tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor maklum dan akur akan peruntukkan di dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang

setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa penstrukturan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara yang telah ditetapkan dengan ciri-ciri sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam persidangan Dewan Rakyat pada 30 Jun 2003 iaitu:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Cadangan penstrukturan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mendapatkan tarif yang munasabah kepada pengguna bukan sahaja di Selangor tetapi juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebahagian aset yang digunakan oleh Syarikat Konsesi Air telah dibina semenjak zaman Jabatan Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) melalui cukai yang dikutip dari rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Maka sewajarnyalah kepentingan rakyat Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibela iaitu melalui pemberian kadar tarif yang munasabah dan pengguna tersebut selanjutnya tidak dibebankan dengan kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada. Kadar tarif yang munasabah adalah merupakan pulangan kepada pengguna hasil dari pembinaan paip bekalan air yang telah menggunakan cukai yang dikutip dari rakyat.

Sekiranya penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor ini gagal disebabkan Syarikat Konsesi Air enggan menerima tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan dalam salah satu tindakan yang akan diambil iaitu untuk membawa perkara tersebut ke Mahkamah dalam usaha untuk mendapatkan perintah bagi melindungi kepentingan pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terhadap kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditentukan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS.

c) Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan mengenai nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air dalam usaha untuk menstrukturkan semula industri air di Selangor. Sekiranya rundingan dengan semua Syarikat Konsesi Air gagal dimuktamadkan atas sebab nilai tawaran yang diminta oleh Syarikat Konsesi Air adalah tinggi, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara mengenai nilai tawaran tersebut kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan apakah nilai *fair market value* yang sewajarnya dibayar kepada Syarikat Konsesi Air sebagai nilai pampasan mengambil alih syarikat tersebut.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa penstrukturan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara yang telah ditetapkan dengan ciri-ciri sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam persidangan Dewan Rakyat pada 30 Jun 2003 iaitu:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Cadangan penstrukturan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mendapatkan tarif yang munasabah kepada pengguna bukan sahaja di Selangor tetapi juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebahagian aset yang digunakan oleh Syarikat Konsesi Air telah dibina semenjak zaman Jabatan Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) melalui cukai yang dikutip dari rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Maka sewajarnyalah kepentingan rakyat Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibela iaitu melalui pemberian kadar tarif yang munasabah dan pengguna tersebut selanjutnya tidak dibebankan dengan kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada. Kadar tarif yang munasabah adalah merupakan pulangan kepada pengguna hasil dari pembinaan paip bekalan air yang telah menggunakan cukai yang dikutip dari rakyat.

Sekiranya penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor ini gagal disebabkan Syarikat Konsesi Air enggan menerima tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan dalam salah satu tindakan yang akan diambil iaitu untuk membawa perkara tersebut ke Mahkamah dalam usaha untuk mendapatkan perintah bagi melindungi kepentingan pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terhadap kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditentukan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN SELANGOR (PADAT)

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan dan program yang telah dilaksanakan sejak pelancaran PADAT?

b) Apakah struktur dan organisasi PADAT untuk mencapai objektifnya?

c) Senaraikan perbelanjaan PADAT.

JAWAPAN :

a) Manakala beberapa program utama telah dirangka bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

i) Konvensyen Adat Melayu Selangor perlu diadakan setahun sekali. Pelaksanaannya sama ada pertengahan tahun atau hujung tahun.

ii) Pengwujudan Desa Budaya di Shah Alam untuk mengetengahkan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor.

iii) Pengambilan kakitangan untuk mengisi jawatan kritikal melalui waran yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada April 2010.

iv) Jalinan kerjasama antara PADAT dengan perbadanan negeri lain atau agensi lainnya yang mempunyai perkhidmatan teras (*core business*) yang sama termasuk di Asia dan peringkat antarabangsa.

v) Mengujudkan kumpulan pakar permuziuman, adat dan warisan. Bagi merealisasikan hasrat ini satu bentuk bantuan sama ada biasiswa ataupun geran perlu diwujudkan.

vi) Kebolehupayaan pembangunan daripada segi infrastruktur selain kakitangan.

vii) Lawatan kerja rasmi dalam dan luar negara utama terpilih untuk melihat amalan membangun dan mempromosi adat dan warisan.

viii) Penambahbaikan ekshibit di ruang pameran semua muzium di bawah PADAT. Pengubahsuaian daripada segi peragaan ekshibit iaitu penambahbaikan maklumat di seluruh ruang pameran perlu dilaksanakan segera.

ix) Mengujudkan Pintu Gerbang Selangor di setiap pintu masuk. Sehubungan itu, perkampungan budaya perlu diwujudkan dengan jualan produk kraf selain produk IKS yang melambangkan identiti Selangor.

Projek ini diharap dapat menonjolkan ikon Selangor di setiap perkampungan budaya yang diwujudkan di daerah seluruh negeri.

Program yang telah dilaksanakan selepas majlis pelancaran adalah seperti berikut :-

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Melaksanakan Bengkel Seni Kelingkan 'Satu Tradisi'.	02 Mac – 31 Mei 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
2.	Menyertai Pameran *Izish Premier Inter-Cultural Exchange Carnival 2010.*	15 - 17 Mac 2010	Kuala Lumpur.
3.	Menyertai Program Kembara Minda Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan.	18 – 21 Mac 2010	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam.
4.	Forum Sehari Metodologi Penyelidikan.	22 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
5.	Melaksanakan program Bengkel Tradisi Lisan : Mengenal Warisan Bangsa	31 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
6.	Pameran Warisan Adat Melayu Sempena Karnival Adat Melayu	23 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
7.	Mengadakan pertandingan sirih junjung dan pertandingan masakan Selangor (Nasi Ambeng dan kuih tradisi)	24 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
BIL	**PROGRAM/AKTIVITI**	**TARIKH**	**TEMPAT**
8.	Menganjurkan Pertandingan Permainan Tradisional (Congkak, Batu Seremban & Sepak Raga Bulatan)	24 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
9.	Menganjurkan Pertandingan Wau Kapal Selangor.	24 April 2010	Stadium Mini Shah Alam.
10.	Pameran Sempena Perayaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2010.	16 - 21 Mei 2010	Kota Kinabalu, Sabah.
11.	Menyertai Demontrasi Pesta Masakan Warisan Melaka 2010 anjuran PERZIM.	04 - 06 Jun 2010	Jalan Kota, Kompleks Warisan Melaka.

12.	Pameran Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2010	05 - 0 6 Jun 2010	UKM, Bangi.
13.	Projek Membuat Mural 8"x20" Wajah Atlet Kelahiran Negeri Selangor Di Balai Sukan.	23 Jun - 08 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
14.	Melaksanakan Bengkel Pemahaman Naskah Melayu Lama : Tak Kenal Maka Tak Cinta	06 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
15.	Melaksanakan Bengkel Seni Tekat 'Warisan Tradisi Ilmu'.	07 Julai – 28 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
16.	Melaksanakan Program Diskusi Tradisi Ilmu 'Satu Pandangan Umum'.	22 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
17.	Melaksanakan Bengkel Penyediaan Transkripsi/Diskripsi Sejarah Lisan	02 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
18.	Kursus Diploma Muziologi, UIAM Modul 6 - Konservasi Dan Pemuliharaan.	02-06 Ogos 2010	Balai Seni Lukis Negara.
19.	Pameran Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2010.	01 - 30 Sept. 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
BIL	**PROGRAM/AKTIVITI**	**TARIKH**	**TEMPAT**
20.	Program Memasak Bubur Lambuk & Kuih Kacau, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih anjuran PADAT.	02 Sept 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
21.	Menganjurkan Bengkel Mengenali Muzik Cempuling.	11 November 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
22.	Menjalankan Penyelidikan Mengenai Kelingkan dan Telepuk Dalam Naskah Melayu Lama.	Januari hingga Disember 2010	- Kelantan - Terengganu - Sarawak
23.	Kajian dan pendokumantasian rumah-rumah Warisan lama untuk Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.	April – Disember 2010	- Kuala Selangor - Sabak Bernam
24.	Kajian lanjut berkaitan senibina masjid dalam rekabentuk, ragam hias dan seni taman.	April – Disember 2010	- Kuala Selangor - Sabak Bernam
25.	Kajian dan pendokumentasian makanan warisan negeri Selangor.	Mei – Disember 2010	- Klang - Kuala Langat

26.	Menjalankan Penyelidikan Selangor sebagai tempat tumpuan pelbagai etnik : Etnik Pariaman (Minang)	Jun 2010 hingga Disember 2010	- Hulu Langat
27.	Menjalankan Penyelidikan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Jawa di Selangor.	Jun 2010 hingga Disember 2010	- Klang - Kuala Langat
28.	Melaksanakan Penyelidikan Tradisi Ilmu Cerapan Hilal Ramadan dan Syawal.	Julai hingga Disember 2010	- Bukit Malawati - Pulau Angsa - Sabak Bernam - Jugra
29.	Menyediakan data inventori etnik-etnik di Selangor : Daerah Hulu Langat.	September 2010 hingga November 2010	Hulu Langat

b) Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri dengan penubuhan PADAT. Organisasi ini diterajui oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif bergred M52 dan disokong oleh enam Bahagian iaitu Bahagian Tradisi Ilmu di ketuai oleh Kurator Gred S41, Bahagian Sejarah,Adat Melayu dan Tamadun Islam di Ketuai oleh Kurator Gred S41, Bahagian Dasar, Warisan dan Pembangunan di Ketua oleh Kurator Gred S44, Bahagian Penerbitan, Arkib dan Dokumentasi di Ketuai oleh Juruanalisis Komputer Gred F41, Bahagian Warisan Kesenian di Ketuai oleh Kurator Gred S41dan Bagahian Khidmat Sokongan dan Akaun di Ketuai oleh Pegawai Tadbir Gred N41 dan sokong oleh Unit-unit dibawahnya dengan kesemua **kakitangan berjumlah 81 orang**.

(Sila rujuk Lampiran A)

c) i. Pada tahun 2010 PADAT telah mendapat Peruntukan daripada Kerajaan Negeri di bawah belanja Mengurus sebanyak RM6 juta. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut.

(Sila rujuk Lampiran B)

ii. Peruntukan sebanyak RM1.8 juta diperolehi dibawah peruntukan Pembangunan bagi tujuan membaiki kebocoran bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

(*Sila rujuk Lampiran C)*

LAMPIRAN A

Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Carta Pentadbiran)

PROGRAM 1
PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF

Pengarah - 52	1	
JUMLAH	1	

Setiausaha Pej. / Pem. Setiausaha Pej. - N17 / N22 / N27 / N28		1
JUMLAH		1

PROGRAM 2
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pegawai Tadbir - N44		1
JUMLAH		1

UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pegawai Tadbir - N41	1	
Peg. Tadbir - N27/N32 (Kup 15 Tahun)	1	
Pemb. Tadbir (P/O) - N17/N22 (Kup 15 Tahun)	7	
Pemb. Tadbir Rendah - N11/N14 (Kup 15 Thn)	1	
Pemb. Am Pejabat - N1/N4 (Kup 15 Tahun)	3	
** Pemb. Keselamatan- Kp17/Kp22 (Kup 15 Thn)		2
Pekerja Awam - R1/R3(Kup 15 Tahun)	2	
Pemandu Kenderaan - R3/R6 (Kup15Tahun)	3	
JUMLAH	18	2

UNIT KEWANGAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pen.Akauntan-W27/W32 (Kup 15 Tahun)	1	
Pemb. Akauntan - W17/W22 (Kup 15 Tahun)	1	1
Pemb. Tadbir (P/O) - N17/N22 (Kup 15 Tahun)		1
JUMLAH	2	2

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pembantu Tadbir (P/O) - N22		1
Peg. Khidmat Pelanggan-N17/N22 (Kup15Thn)	2	1
Pemb.Tadbir Rendah-N17/N22 (Kup15Thn)	1	
JUMLAH	3	2

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Peg. Teknologi Maklumat - F41	1	
Pen.Peg.Tek.Maklumat-F29/F32(Kup15Thn)	1	
Juruteknik Komputer-Ft17 / F22 (Kup 15 Thn)	1	
JUMLAH	3	

UNIT PEMBANGUNAN & PENGURUSAN BANGUNAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pembantu Tadbir (P/O) - N22	1	
Pemb. Tadbir (P/O) - N17/N22 (Kup 15 Tahun)	1	1
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	1	
Juruteknik - J17 / J22 (Kup 15 Tahun)	2	
Tukang K2 - R11/R22 (Kup 15 Tahun)	1	
JUMLAH	6	1

PROGRAM 3
BAHAGIAN PEMUZIUMAN DAN PENGURUSAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Kurator - S44	1	
JUMLAH	1	

MUZIUM SULTAN ALAM SHAH

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pen. Kurator - S32		1
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
JUMLAH	3	1

MUZIUM DAERAH KUALA SELANGOR

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
*** Pen. Kurator – S32	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	3	
Peg. Khidmat Pelanggan-N17/N22 (Kup15Thn)	1	
JUMLAH	5	

MUZIUM DAERAH SABAK BERNAM

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Penolong Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
Peg. Khidmat Pelanggan-N17/N22 (Kup15Thn)	1	
JUMLAH	4	

MUZIUM IN-SITU JUGRA

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Penolong Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pembantu Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
JUMLAH	3	

GEDUNG RAJA ABDULLAH

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pemb. Muzium - S22		1
Pembantu Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	1	
JUMLAH	1	1

PROGRAM 4
BAHAGIAN ADAT-ADAT MELAYU & TAMADUN ISLAM

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Kurator - S48		1
JUMLAH		1

UNIT ARKIB & PENERBITAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Kurator - S41	1	
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	3	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	1	
Pereka - B17/B18/B21/B22 (Kup 15 Tahun		2
Ahli Fotografi-B17/B18/B21/B22 (Kup15Thn)	1	1
JUMLAH	6	3

UNIT BUDAYA

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
*** Pen. Kurator – S32	1	
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
JUMLAH	4	

UNIT TRADISI ILMU

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S22		1
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	3	
JUMLAH	4	1

UNIT TAMADUN ISLAM

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
JUMLAH	3	

PROGRAM 5
BAHAGIAN WARISAN

UNIT ARKEOLOGI & MONUMEN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Kurator - S41	1	
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	1	
Pemb. Muzium - S22	1	
Pemb. Muzium - S17/S22 (Kup 15 Tahun)	2	
JUMLAH	5	

UNIT KESENIAN

Jawatan / Gred	Sediada	Kosong
Kurator - S41	1	
Pen. Kurator - S27/S32 (Kup 15Tahun)	2	
Pemb. Muzium-S17/S22 (Kup 15 Tahun)	4	
JUMLAH	7	

UNIT PENGURUSAN KOLEKSI & KONSERVASI ARTIFAK

Kurator - S41		1
Penolong Kurator-S27/S32 (Kup 15 Tahun)	1	
Pemb. Muzium - Gred S17/S22 (Kup 15 Tahun)	3	
JUMLAH	4	1

PETUNJUK :

- Jawatan Kosong - 11 unit
- Jawatan Naik Gred - 2 unit
- Jawatan Sedia ada - 81 unit
- Jawatan Naik Pangkat - 6 unit

NOTA :

** Telah diisi secara kontrak

*** Jawatan naik pangkat, Gred S27 mansuh

LAMPIRAN"B"

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

BUTIRAN	PROGRAM / AKTIVITI KOD (OBJEK SEBAGAI)	JENIS PERBELANJAAN	PERBELANJAAN TAHUN 2010	PERATUS
	PENTADBIRAN & KEW, DASAR, WARISAN & PEMBGN, PENERBITAN, WARISAN KESENIAN, SEJARAH DAN TRADISI ILMU			
		JUMLAH EMOLUMEN (10000)	**1,833,151.72**	**73.15%**
		JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN (20000)	**2,141,139.57**	**69.13%**
		JUMLAH ASET (30000)	**87,361.00**	**63.37%**
		JUMLAH PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP (40000)	**179,533.43**	**70.50%**
		JUMLAH PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN (50000)	**2,137.99**	**14.91%**
		JUMLAH KESELURUHAN	**4,243,323.71**	

LAMPIRAN "C"

LAPORAN KEWANGAN SEHINGGA 20 OKTOBER 2010

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

PERKARA	PERUNTUKAN 2010	PERBELANJAAN	TANGGUNGAN	BAKI	CATATAN
KERJA-KERJA MEMBAIKI					
KEBOCORAN / KERETAKAN					
DI MUZIUM SULTAN ALAM SHAH	**1,800,000.00**	1,187,980.61		612,019.39	**PENGURUSAN**
(m/s : 7, v2)					**JKR**
-					
Terima Peruntukan					
Kerajaan Neg. Selangor					
Cek CIMB 712794 - 21/01/2010					
JUMLAH KECIL	**1,800,000.00**	**1,187,980.61**	**0.00**	**612,019.39**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEMUDAHAN LIF

40. Terdapat kes lif terhempas sehingga mencederakan penghuni yang terbabit. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kes seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa yang akan datang?

b) Siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan lif dapat diselenggarakan dengan baik?

JAWAPAN:

a) Langkah-langkah yang diambil untuk membantu pangsapuri kos rendah dalam memastikan penyenggaraan lif yang sempurna dan teratur adalah seperti berikut:

i) Meneruskan Program Baikpulih Lif Pangsapuri Kos Rendah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor bagi tahun 2011. Manakala, bagi tahun 2010, Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sejumlah RM1,648,805.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Enam Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Sahaja) untuk program membaik pulih lif ini.

ii) Membuat kajian untuk mengambil alih penyenggaraan pangsapuri kos rendah khususnya pengurusan lif sama ada melalui penubuhan satu syarikat anak Kerajaan Negeri atau kontraktor-kontraktor yang dilantik Kerajaan Negeri sebagai ejen pengurusan. Kajian ini adalah penting untuk memastikan penyenggaraan bangunan yang diambil alih Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan secara cekap dengan penggunaan sumber yang optimum. Kerajaan Negeri menjangka pelaksanaan pengambilalihan kerja-kerja penyenggaraan bagi pangsapuri kos rendah berkenaan dapat dibuat bermula tahun 2011.

Namun begitu, Kerajaan Negeri menggalakkan supaya tanggungjawab penyenggaraan bangunan ini dilaksanakan sendiri oleh JMC atau MC. Ini adalah kerana melalui penglibatan JMC atau MC secara langsung, segala perbelanjaan dan urusan berkaitan penyenggaraan bangunan dapat dikawal dan ditentukan oleh JMC atau MC berdasarkan keperluan utama pembeli dengan mengambil kira kedudukan kewangan sedia ada.

b) Berdasarkan peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], pembangunan kawasan pemajuan berstrata termasuk pangsapuri kos rendah adalah merupakan lot-lot hakmilik kawasan persendirian di mana segala kos berkaitan penyenggaraan dan pengurusan harta bersama seperti lif, bumbung, tangga dan sebagainya dibiayai melalui kutipan caj penyenggaraan yang dibayar oleh pembeli kepada pemaju, Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan atau ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN DALAM KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan kadar jumlah kenaikan cukai taksiran mengikut jenis-jenis premis pemilikan harta dalam Kawasan PBT dalam tahun 2009 dan 2010.

b) Apakah asas-asas dan rasionalnya cukai taksiran dinaikkan?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, tiada kenaikan cukai taksiran di kawasan PBT. Walau bagaimanapun, dari segi jumlah kutipan, kesemua PBT menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Perbandingan kutipan cukai taksiran PBT Negeri Selangor bagi bulan September tahun 2009 dan September 2010 adalah seperti berikut:

PBT	September 2009 (RM Juta)	September 2010 (RM)
MBSA	129.95	134.85
MBPJ	140.34	143.45
MPK	114.16	114.41
MPAJ	65.26	66.54
MPSJ	128.29	136.88
MPS	66.91	69.11
MPKj	53.25	57.76
MPSp	33.13	35.75
MDKS	7.95	9.66
MDHS	17.19	18.25
MDKL	15.52	15.62
MDSB	2.67	2.85

b) Cukai taksiran dikenakan ke atas sesuatu hartanah atau pegangan adalah bagi membiayai kos operasi, pengurusan perkhidmatan, pembangunan, penyelenggaraan serta pentadbiran kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana tujuan akhirnya adalah untuk memberikan kemudahan, keselesaan dan kesejahteraan kepada penduduk di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, cukai taksiran bagi sesuatu hartanah atau pegangan akan dinaikkan atau dibuat pindaan kepada Senarai Nilaiannya sekiranya hartanah tersebut iaitu bangunan atau kediaman dibuat pengubahsuaian yang melibatkan perubahan keluasan lantai.

Selain itu, perubahan perancangan pada sesuatu kawasan turut mempengaruhi kenaikan cukai taksiran contohnya, kawasan pertanian yang telah diubah menjadi kawasan perumahan.

Cukai taksiran yang dikenakan terhadap tanah-tanah kosong turut akan meningkat sekiranya tanah-tanah kosong tersebut dibangunkan. Begitu juga dengan perubahan penggunaan pada sesuatu hartanah atau pegangan. Sebagai contoh, hartanah jenis kediaman digunakan sebagai pusat asuhan kanak-kanak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

a) Apakah strategik untuk memodenkan sektor IKS?

b) Apakah jenis bantuan yang disalurkan oleh kerajaan negeri ?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan dan memodenkan sektor industri kecil dan sederhana (IKS) mendapati peningkatan penggunaan mesin berteknologi moden merupakan langkah strategik untuk memodenkan sektor ini dari segi pembuatan dan pembungkusan.

b) Bagi merealisasikan langkah strategik tersebut Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan di bawah Dana Industri Kecil yang merupakan bantuan berbentuk mesin dan peralatan yang di fokuskan untuk meningkatkan kualiti dan pengeluaran produk. Di samping itu juga kerajaan negeri sedang membangunkan program peningkatan kualiti pembungkusan bagi produk – produk yang dikenal pasti mampu berdaya saing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KEMISKINAN BANDAR (*URBAN POOR*)

43. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan jumlah kemiskinan bandar mengikut pecahan daerah daripada tahun 2006-2010.

b) Apakah *Blueprint* ataupun rancangan jangka masa panjang kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar kemiskinan bandar?

JAWAPAN:

a) Jumlah kemiskinan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:-

Bil	**Daerah**	**Jumlah miskin sehingga 4 Mac 2008**	**Jumlah miskin Tahun 2010 (sehingga Oktober 2010)**
1.	Klang	976	4695
2.	Petaling	515	6220
3.	Hulu Langat	1657	10,889
4.	Kuala Langat	1959	2917
5.	Gombak	2119	1672
6.	Sepang	608	2264
7.	Hulu Selangor	879	6690
8.	Kuala Selangor	338	5695
9.	Sabak Bernam	853	5275
	JUMLAH KESELURUHAN	**9904**	**46317**

Sumber: UPEN/Pejabat Daerah

Data kemiskinan adalah sangat dinamik. Banyak faktor yang boleh menjadi penyebab kepada kemiskinan. Penghijrahan, kematian ketua keluarga, keadaan ekonomi semasa, kehilangan pekerjaan, sikap dan mentaliti individu dan pelbagai faktor lain boleh menjadi penyumbang kepada insiden kemiskinan. Data juga akan berubah apabila garis kemiskinan diubah. PGK yang digunapakai sebelum 4 Mac 2008 adalah RM731.00 bagi miskin dan telah diubah kemudiannya menjadi RM1500.00 oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan agensi-agensi pelaksana akan sentiasa memastikan maklumat tersebut dapat di perkemaskan dari semasa ke semasa.

b) Strategi Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Meningkatkan pendapatan melalui program keusahawanan

Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa program seperti Program Mikrokredit, program bantuan peralatan "blueprint", kursus-kursus keusahawanan dan program-program peningkatan kemahiran. Program-program tersebut dilaksanakandengan objektif untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah berdikari dan meningkatkan pendapatan melalui pelbagai aktiviti keusahawanan.

ii) Membangunkan modal insan melalui pendidikan

Kerajaan Negeri memberi fokus kepada pembangunan modal insan anak-anak golongan miskin yang tercicir daripada melanjutkan pelajaran. Program Kemahiran Teknikal dan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang dilaksanakan dengan kerjasama Kolej Antarabangsa INPENS ini berjaya menempatkan anak-anak golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk meneruskan pelajaran di dalam bidang kemahiran teknikal di peringkat sijil. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti Mekanik Kenderaan Motor, Juruteknik Elektrik, Pembuat Pakaian Wanita, Juru kecantikan, Mekanik Penyejukbekuan dan Penyaman Udara serta pelbagai kursus kemahiran lain.

Kerajaan Negeri juga turut menaiktaraf kemudahan di Kolej Antarabangsa INPENS dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pembinaan asrama yang akan dapat menempatkan seramai 500 orang pelajar. Pengambilan pelajar yang bertambah akan dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan dapat membantu lebih ramai anak-anak keluarga miskin berpendapatan rendah menerima pendidikan teknikal dan vokasional.

iii) Menyediakan kemudahan infrastruktur asas keluarga miskin

Pada masa ini Kerajaan Negeri melaksanakan Program Rumah Kerajaan Prihatin dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada keluarga miskin dan berpendapatan rendah. Program-program ini akan diteruskan bagi memastikan keluarga miskin mendapat kemudahan asas yang diperlukan seperti rumah di samping menerima akses kepada bekalan lektrik dan air bersih.

iv) Meningkatkan kualiti kesihatan keluarga miskin

Program Bantuan Kesihatan juga telah diwujudkan. Tiga (3) jenis rawatan yang diberi bantuan adalah rawatan katarak mata, dialisis buah pinggang dan pembedahan kecil. Program bantuan kesihatan ini dapat mengurangkan beban golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk mendapatkan pembiayaan bagi menampung kos rawatan yang semakin meningkat. Kerajaan Negeri membiayai kos rawatan bagi katarak mata sebanyak RM1,200 (one-off), rawatan dialisis buah pinggang sebanyak RM2,000 seorang (One-off) dan pembedahan kecil tidak melebihi RM5,000 seorang pesakit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : KEMPEN TANPA BEG PLASTIK

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan menjelaskan bagaimana wang sebanyak 20 sen yang dibayar oleh para pengguna pada setiap hari Sabtu untuk membeli satu beg plastik digunakan untuk kerja-kerja amal. Sila senaraikan.

b) Setakat ini berapa banyak syarikat yang telah mengambil bahagian dalam kempen ini dan berapa banyak wang yang dibayar oleh para pengguna untuk membeli beg plastik pada hari Sabtu?

JAWAPAN :

a) Hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan bagi setiap beg plastik pada Hari Sabtu oleh pasaraya-pasaraya yang terlibat dalam kempen ini akan disalurkan kepada program-program CSR yang berkenaan, NGO alam sekitar serta badan-badan kebajikan yang dipilih dan bukan untuk kegunaan pasaraya itu sendiri. Setakat ini, antara program-program alam sekitar yang dapat dijalankan oleh pasaraya-pasaraya hasil kutipan caj 20 sen yang diperoleh adalah :

1) Penanaman pokok bakau di Kuala Selangor Nature Park (IKANO sdn bhd)
2) Penanaman pokok dan pemantauan sungai (99 speedmart)
3) Program komuniti 7-e (7 eleven)
4) Taman Permainan kanak-kanak Laman Beringin Selayang (Parkson sdn bhd)

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri akan menjalankan pemantauan yang berterusan agar hasil kutipan caj 20 sen yang dikenakan akan disalurkan kepada program-program yang memberi manfaat kepada alam sekitar dan bukan untuk kegunaan pasaraya tersebut sendiri.

b) Setakat bulan Oktober 2010, sebanyak 74 pasaraya/peruncit di sekitar Selangor telah menyertai Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini. (senarai dilampirkan) dan jumlah hasil kutipan caj 20 sen bagi sepanjang kempen ini berlangsung tidak dapat dipastikan secara menyeluruh. Walaubagaimanapun, sebanyak lebih kurang 4 juta beg plastik berjaya diselamatkan hasil daripada kempen ini.

List of Partners in 'No Plastic Bag Day' Campaign by Selangor State Government (20 Oct 2010)	
No.	**Company Name**
1	GCH (M) Sdn Bhd - Giant Hypermart
2	IKANO Sdn Bhd - IKEA
3	Sunway Pyramid Sdn Bhd
4	Magnificient Diagraph Sdn Bhd - Carrefour
5	99 Speedmart Sdn Bhd
6	GCH Retail (M) Sdn Bhd - Guardian Cawangan Selangor
7	Econsave Cash & Carry (PD) Sdn Bhd
8	Kumpulan Farmasi Vitacare Sdn Bhd
9	The Store Corporation Berhad
10	Parkson Corporation Sdn Bhd
11	7-Eleven Malaysia Sdn Bhd
12	Aeon Co (M) Bhd
13	Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto, Bonita, Tiamo
14	1 Utama Shopping Centre
15	Watson's Personal Care Stores Sdn Bhd
16	Goin' Places Sdn Bhd - Goin Places Winter Apparel
17	Hektar Premier Sdn Bhd - Subang Parade
18	Able Potential Sdn Bhd (ITMAS) - Aoneplus
19	Action IT Solution Sdm Bd (USJ 19) - Aoneplus
20	Caring Pharmacy Sdn Bhd
21	Tropicana Life Sdn Bhd
22	Tesco Stores (M) Sdn Bhd
23	Planete Enfants Sdn Bhd
24	Mydin Mohamed holdings Berhad
25	IT Hyperstore (M) Sdn Bhd - E@Curve
26	Tiens Health Development (M) Sdn Bhd
27	Golden Screen Cinema Sdn Bhd - 1U, Summit, Tropicana, IOI, Klang Shaw Centre Point
28	HSL E&E Corp (M) Sdn Bhd
29	Yves Rocher - Luxor YRM Sdn Bhd
30	Magic Clothing Alterations (Subang Parade)
31	BV Eyecare (M) Sdn Bhd - BetterVision (Subang Parade)
32	Mirac Jaya Sdn Bhd (Subang Parade)
33	Johnson fitness (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
34	D&J Collection (Subang Parade)
35	Bintang Retail Industries Sdn Bhd
36	Memory Lane (M) Sdn Bhd (Subang Parade)
37	Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Subang Parade)
38	Kilauan Lestari Sdn Bhd (Subang Parade)
39	Memory Lane (M) Sdn Bhd (Sg Chua, Kajang)
40	Pasaraya Badurun

41	Baby Villa Sdn Bhd
List of Partners in 'No Plastic Bag Day' Campaign by Selangor State Government (20 Oct 2010)	
No.	**Company Name**
42	Baby Cottage Sdn Bhd (Subang Parade)
43	Warta Superstore (Batu Caves) Sdn Bhd
44	EK HARDWARE DIY (M) SDN. BHD
45	SACC Mall
46	MPH Bookstores Sdn Bhd -
47	Rampai Niaga Sdn Bhd - The Body Shop
48	*QUESTEAM SDN. BHD. - The FaceShop (Tropicana City)*
49	Pets More Sdn Bhd
50	Kat-Iye Boutique Sdn Bhd (Subang Parade)
51	KK Group - KK Supermart
52	HiTS Collection (SACC)
53	Nando's (SACC)
54	Turkuaz Sdn Bhd (SACC)
55	Qamilla Collection (SACC)
56	Sunway Giza- Kota Damansara
57	Green Life Organic Enterprise
58	Sinma Jewellery Centre Sdn Bhd (Klang Parade)
59	Cziplee Books & Stationery (Kajang) Sdn Bhd
60	Speedy Video Distributors Sdn Bhd (Klang Parade)
61	Rumix Station (Klang Parade)
62	RenRen Bookshop Sdn Bhd (Klang Parade)
63	Big Bookshop Sdn Bhd
64	Pizza Pah Foods Sdn Bhd (PKNS Bangi)
65	Ikatan Ria Enterprise (PKNS Bangi)
66	Nur Nilam Sari Centre (PKNS Bangi)
67	Seloka Sukma Sdn Bhd - Bathroom Accessories
68	BMS Organics
69	Syarikat Elektrik Tong Seng Sdn Bhd
70	Wings Leather Enterprise (Subang Parade)
71	Classic Bonita Sdn Bhd - Elianto (Subang Parade)
72	~H2O - Luxor YRM Sdn Bhd
73	Little Green Planet Sdn Bhd
74	Forever 21 (1Utama)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : ISU AHLI PARLIMEN SERDANG

45. Pada pertengahan Ramadhan 1431 = Akhir Ogos 2010, tercetus isu Ahli Parlimen Serdang Y.B. Puan Teo Nie Ching masuk ke Surau Al-Huda, Taman Sentral Kajang kerana menyampaikan bantuan.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Mengapakan peristiwa di atas dijadikan isu?

b) Apakah kedudukan hukum dari kemasukan tersebut?

c) Akibat tindakan yang diambil, surau berkenaan berkurangan dari segi jemaah, apakah tindakan yang diambil bagi mengimarahkan kembali surau ini?

JAWAPAN :

a) Isu Ahli Parlimen Serdang, Y.B. Puan Teo Nie Ching masuk ke Surau Al-Huda, Taman Sentral Kajang kerana menyampaikan bantuan telah disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia pada 27 Ogos 2010. Akhbar berkenaan melaporkan bahawa beliau telah menyampaikan 'tazkirah' di surau tersebut yang berlaku pada 22 Ogos 2010. Peristiwa tersebut disensasikan oleh beberapa akhbar atas sebab dakwaan beliau berceramah atau tazkirah dan tidak menutup aurat (bertudung). Ia juga disebabkan beliau seorang ahli politik yang mana tindakan tersebut bertentangan dengan Titah DYMM Sultan Selangor yang melarang masjid dan surau dijadikan pentas politik.

b) Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, menyatakan bahawa pelancong harus memasuki ruang masjid dengan keizinan. Bagi negeri Selangor peraturan telah dikeluarkan berdasarkan Titah DYMM Sultan Selangor berkenaan orang bukan Islam dilarang memasuki ruang solat masjid dan surau. Peraturan tersebut telah dimaklumkan melalui edaran kepada masjid dan surau untuk dipatuhi.

c) Jabatan Agama Islam Selangor telah menubuhkan Jawatankuasa Sementara untuk mentadbir Surau Al-Huda dari kalangan yang layak dan sedia mematuhi arahan. Sementara Jawatankuasa Tetap akan dilantik untuk mentadbir surau selepas ini apabila keadaan sesuai berbuat demikian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: SAMBUTAN SKIM BANTUAN PERUBATAN KERAJAAN.

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sejak skim tersebut dilancar berapakah ramai penduduk bermanfaat dengan skim tersebut.

b) Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk skim ini dan berapakah yang telah diberi kepada pemohon?

JAWAPAN:

a) Skim Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin Negeri Selangor bermula pada Jun 2009. Skim ini bertujuan untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan yang semakin meningkat. Program bantuan ini terhad kepada membiayai kos rawatan bagi penyakit katarak mata, pembedahan kecil dan dialisis buah pinggang.

Pada tahun 2009, seramai 24 orang penerima yang layak untuk menerima bantuan manakala bagi tahun 2010 sehingga Oktober, seramai 80 orang penerima. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah 408 permohonan, walau bagaimanapun sejumlah 133 permohonan tidak dapat diluluskan kerana hasil semakan mendapati ia bercanggah dengan Garis Panduan Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin Negeri Selangor. Manakala 195 permohonan tidak dapat diproses kerana borang yang dikemukakan adalah tidak lengkap. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan surat pemakluman kepada pemohon untuk melengkapkan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan agar ia dapat diproses dengan segera.

b) Bajet yang diperuntukkan untuk Program bantuan kesihatan bagi rakyat miskin di Negeri Selangor adalah seperti berikut:

i. Bantuan Dialisis Buah Pinggang : RM 100,000.00
ii. Katarak Mata : RM 96,000.00
iii. Bantuan Pembedahan Kecil : RM 5,000

Berikut adalah perincian kedudukan peruntukan yang telah diluluskan kepada pemohon yang layak bagi tahun 2010:-

Jenis Bantuan	**Jumlah Penerima**	**Jumlah Disalurkan (RM)**
Dialisis Buah Piggang	39	77,630.00
Katarak Mata	18	9,016.00
Pembedahan Kecil	22	50,590.00
Lain-lain (kaki palsu)	1	2,500.00
JUMLAH	**80**	**139,736.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : KAFE SIBER. PUSAT KAFE SIBER BERPOTENSI MENJADI TEMPAT PELAJAR SEKOLAH BERPELESERAN DAN PONTENG SEKOLAH.

47. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah garis panduan untuk pengusaha kafe siber untuk mengekang pelajar ?

b) Nyatakan jumlah pusat kafe siber berdaftar mengikut PBT.

c) Nyatakan jumlah kafe siber yang disita dan beroperasi tampa kebenaran?

JAWAPAN :

a) Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) telah menyediakan garis panduan yang khas untuk pusat siber dan kafe siber bagi memperketat dan mengawal aktiviti di pusat tersebut. Selain itu terdapat juga Undang-undang Kecil(UUK) Pusat Siber dan Kafe Siber memaklumkan bahawa pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan kafe siber. Pihak PBT juga telah mensyaratkan dalam pengeluaran lesen pusat siber dan kafe siber di mana pelanggan di bawah umur 12 tahun boleh berada di dalam premis sehingga 10 malam sahaja dan sekiranya pengusaha tersebut gagal mematuhi syarat-syarat yang telah di tetapkan pengusaha tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dan menyebabkan lesen pengusaha tersebut boleh ditarik balik. Sementara itu, Pengeluaran lesen pusat siber dan kafe siber masih dibekukan di seluruh Negeri Selangor berikutan penyalahgunaan fungsi premis dan sering menjadi tempat remaja/pelajar sekolah ponteng. Penambahbaikan Undang-undang Kecil(UUK) Pusat Siber dan Kafe Siber di PBT dan penetapan konsep premis sedang di usahakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal aktiviti perniagaan ini.

b) Berikut adalah jumlah Pusat Siber dan Kafe Siber yang berdaftar mengikut PBT bagi tahun 2010 :

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Pusat Siber dan Kafe Siber Berdaftar bagi tahun 2010
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	37
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	42
3	Majlis Perbandaran Klang	69
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	47
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	55
6	Majlis Perbandaran Selayang	45
7	Majlis Perbandaran Kajang	89
8	Majlis Perbandaran Sepang	16
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	9
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	13
11	Majlis Daerah Kuala Langat	21
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	18
Jumlah		**461**

c) Berikut adalah jumlah tindakan penguatkuasaan di Pusat Siber dan Kafe Siber di PBT sehingga September 2010 :

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Premis di kenakan tindakan Sitaan sehingga September 2010
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	77
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	429
3	Majlis Perbandaran Klang	147
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	74
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	66
6	Majlis Perbandaran Selayang	14
7	Majlis Perbandaran Kajang	29
8	Majlis Perbandaran Sepang	79
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	8
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	12
11	Majlis Daerah Kuala Langat	Tiada
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada
Jumlah		**935**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO HAJI AMIRUDDIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

48. Selangor berhasrat untuk menjadi antara hab pendidikan terpenting Negara.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang UNISEL dan KUIS untuk memastikan hasrat ini tercapai?
b) Adakah sektor ini menerima pelaburan dan pihak-pihak berminat dan berapakah nilainya setakat ini?
c) Adakah institusi pengajian tinggi milik negeri berkembang selaras dengan perkembangan pesat bidang ini?

JAWAPAN :

a) **UNISEL**

Jangka Masa Panjang dan Jangka Masa pendek.

i. **Meluaskan lagi pengambilan pelajar Pasca Ijazah 'post graduate'** supaya pelajar ini menjadi tenaga pendidik yang akan memperkukuhkan lagi usaha penyelidikan.

ii. **Menambahkan lagi bilangan pelajar** melalui jaringan prihatin dengan kolej-kolej yang mengeluarkan Diploma supaya graduan tersebut dapat meneruskan pengajian di peringkat Ijazah di UNISEL. Antaranya ialah:

- Kolej Eastern, Kota Kinabalu Sabah
- Kolej Teknologi Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan.
- Kolej Taj Ipoh, Perak
- Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Georgetown, Pulau Pinang.

iii. **Mengetengahkan UNISEL dalam Komuniti Saintifik Dunia** dengan menganjurkan seminar-seminar bertaraf antarabangsa antaranya ialah Persidangan Akademik Sains Islam Sedunia (Islamic World Academy of Sciences – IAS 2009) pada 14 hingga 17 Disember bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam serta IAB-IAS International Symposium 2010 'Knowledge Society For The Innovation Economy' yang bakal berlangsung pada 8 hingga 9 Disember 2010 bertempat di SACC Convec Centre, Shah Alam.

iv. Memperkukuhkan Hubungan UNISEL dengan pelbagai industri :

Alga Prima Industries Sdn Bhd dan Kerajaan Negeri Selangor (Projek Spirulina)

- Khidmat Kepakaran
- Menyalurkan geran sebanyak RM 1Juta
- Melaksanakan projek

Khind Minstral Industries Sdn Bhd

- Cadangan kerjasama penyelidikan dan pembangunan antara fakulti kejuruteraan dan Khind Minstral

Tiong Nam Engineering Sdn Bhd

- Kerjasama Industries berkaitan pengkomersialan gas asli kepada enjin diesel untuk kenderaan berat.

Dr. Nik & Associates

- Menjalankan projek pengambilan data & analisis (total suspended solid). Sebanyak lima (5) projek.

International Center For Education in Islamic Finance (INCEIF)

- Menjalinkan hubungan kerjasama bersama INCEIF melalui "MOU" dalam menawarkan perkhususan baru MBA di dalam bidang Kewangan Islam (Islamic Finance).

Institut Latihan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (ILPBT)

- Menyediakan latihan-latihan bagi mempertingkatkan kompetensi dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan 350 orang Pegawai Gred A di kesemua 12 PBT Selangor

KLIA Training & Research Centre Sdn Bhd

- KLIA Training & Research Centre Sdn Bhd merupakan sebuah pusat penyedia latihan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran di dalam bidang Pengurusan Projek (Project Management) dan Keselamatan & Kesihatan (Safety& Health).

- UNISEL menjalinkan hubungan kerjasama bersama KLIA melalui "MOU" dalam menawarkan pengkhususan baru MBA di dalam bidang Pengurusan Projek.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

A. Perancangan Jangka pendek :

1. **Melakukan semakan semula ke atas silibus/kurikulum program pengajian yang ditawarkan selepas 15 tahun penubuhan agar kandungan silibus selaras dengan perkembangan industri** dan mampu melahirkan graduan yang lebih berketerampilan, berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan, dan mampu untuk memberikan sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia.

2. **Mewujud dan memperkasa modul pembangunan mahasisw**a yang lebih mantap dan komprehensif dalam usaha membina modal insan minda kelas pertama yang mampu menyumbang ke arah kesejahteraan dan kemakmuran Negara.

3. **Meningkatkan sebanyak 30%** bilangan pensyarah **Phd** menjelang 2012.

4. **Menambahkan bilangan program Phd dan Master** dalam bidang-bidang tertentu yang memenuhi pasaran industri pada masa hadapan.

5. **Pembudayaan *'good human gorvenance'*** dalam melahirkan profesional mukmin dalam mencapai al-Falah.

B. Perancangan Jangka Panjang :

1. Ke arah universiti berdikari *(self-funded)* menjelang 2015.

2. Mencapai taraf universiti Apex menjelang 2020.

3. Memperkasa proses ta'dib yang berterusan kepada seluruh warga.

b) Adakah sektor ini menerima pelaburan dan pihak-pihak berminat dan berapakah nilainya setakat ini?

Setakat ini untuk KUIS dan Unisel tiada pelabur yang melabur di kedua-dua IPT tersebut secara terus kepada kedua-dua IPT ini. Namun begitu, di peringkat Kerajaan Negeri kita menggunakan sepenuhnya kepakaran yang terdapat di kedua-dua IPT ini khususnya di dalam bidang penyelidikan untuk membantu mempertingkatkan kemajuan dan kesejahteraan Negeri Selangor, melalui geran-geran penyelidikan yang telah disalurkan.

c) Adakah institusi pengajian tinggi milik negeri berkembang selaras dengan perkembangan pesat bidang ini?

UNISEL dan KUIS kini berkembang dengan pesat seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Ia diterjemahkan berdasarkan **fokus tersebut:**

UNISEL

- UNISEL sentiasa mengikuti perkembangan dari segi ekonomi dan Negara dalam mengenal pasti bidang-bidang kerja yang wujud di masa-masa akan datang. Ini juga akan menjadi kayu ukuran kepada pencapaian UNISEL dalam setiap bidang kursus yang ditawarkan yang harus dikembangkan serta kemungkinan wujud kursus-kursus baru yang harus dilaksanakan supaya memenuhi permintaan tenaga profesional

- UNISEL juga sentiasa mengambil bahagian dalam setiap bidang penyelidikan yang relevan bagi memenuhi keperluan semasa, industri dan Negara.

KUIS

- KUIS sentiasa memastikan setiap program pengajian yang ditawarkan bersifat *'market driven'* dan dinamik selaras dengan perkembangan akademik.

- Pemerkasaan budaya penyelidikan di kalangan warga akademia dalam

- Jalinan dan integrasi pintar antara kerajaan, industri dan universiti ke arah melahirkan masyarakat yang mendepani zaman.

- Memastikan KUIS mempunyai akses yang seluas-luasnya kepada setiap golongan masyarakat kepada pendidikan berkualiti yang berterusan.

- Mempunyai peranan yang kritikal bagi menyediakan landasan ke arah meningkatkan daya saing negara di peringkat global melalui penyampaian pendidikan dan latihan yang berkualiti, berkesan, relevan dan mempunyai komitmen yang tinggi kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai Hab Ilmuwan dan Hab Pendidikan adalah seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Kerajaan Negeri percaya untuk mengekalkan kemajuan yang bakal dicapai, pembangunan modal insan adalah merupakan tunjang utama ke arah mengekalkan segala bentuk kemajuan yang bakal diperolehi. .Untuk ke tahap itu Kerajaan Negeri turut memberi komitmen sepenuhnya untuk memperkasa Pendidikan Tinggi di Negeri Selangor, khususnya di dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pengantarabangsaan dan pemerkasaan mahasiswa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : BANTUAN KEPADA PBT

49. Kebanyakan PBT di Negeri Selangor mempunyai permasalahan berkaitan kewangan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Nyatakan langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi membantu PBT yang mengalami masalah kewangan kritikal?

b) Berapa lamakah tempoh bantuan tersebut disalurkan?

JAWAPAN:

a) Antara tindakan proaktif Pihak Berkuasa Negeri bagi membantu PBT yang mempunyai permasalahan kewangan adalah dengan mengadakan lawatan bagi menyemak kedudukan kewangan PBT-PBT di Negeri Selangor.

Melalui lawatan tersebut, Kerajaan Negeri dapat mengenal pasti di mana ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh PBT bagi memperbaiki kedudukan kewangan masing-masing. PBT-PBT juga telah dipelawa untuk menyertai Jawatankuasa Tunai Negeri di mana PBT boleh melaburkan aset tunai masing-masing di dalam pelaburan jangka pendek bagi menambah pendapatan.

Selain itu, bagi Kerajaan Negeri turut memberi bantuan kewangan dengan menyalurkan bantuan kecemasan kepada PBT-PBT yang mengalami bencana di kawasan masing-masing. Sebagai contoh, bantuan berjumlah RM2.5 juta kepada MP Selayang bagi kos memadam kebakaran di tapak pelupusan sampah Sungai Kertas.

Kerajaan Negeri turut membantu menyelesaikan tunggakan hutang kepada Alam Flora kepada MD Kuala Selangor dan MD Sabak Bernam.

Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan turut menyalurkan peruntukan khas berjumlah RM50,000 kepada Majlis Daerah.

b) Tiada tempoh masa tertentu yang diambil bagi menyalurkan bantuan-bantuan tersebut kerana disalurkan secara *one-off* mengikut keperluan PBT masing-masing. Walau bagaimanapun, pemantauan terhadap kedudukan kewangan PBT akan dilakukan secara berterusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : BANTUAN ASNAF

50. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah penerima bantuan Asnaf di daerah Klang dan Petaling bagi tahun 2010. Apakan rancangan untuk membantu mulai 2011?

JAWAPAN :

a) Jumlah penerima bantuan asnaf di daerah Klang dan Petaling bagi tahun 2010 ialah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	FAKIR 2010	MISKIN 2010
1.	Klang	686	1625
2.	Petaling	494	1621

b) Rancangan LZS untuk membantu golongan asnaf fakir miskin pada tahun 2011 ialah dengan memberi agihan bantuan zakat melalui skim-skim bantuan yang sedia ada mengikut kepada keperluan dan yang bersesuaian dengan asnaf diantaranya:-

BIL	SKIM-SKIM BANTUAN FAKIR DAN MISKIN
1.	Bantuan Bina Rumah
2.	Bantuan Baikpulih Rumah
3.	Bantuan Rawatan
4.	Bantuan Kewangan & Makanan Bulanan Bertempoh
5.	Bantuan Modal Perniagaan
6.	Bantuan Modal Pertanian
7.	Bantuan Modal Penternakan
8.	Banduan Perikanan
9.	Bantuan Yuran dan keperluan pendidikan
10.	Bantuan Biasiswa Pelajaran
11.	Bantuan Sewa Rumah
12.	Bantuan Kursus dan Latihan
13.	Bantuan Pengurusan Jenazah
14.	Bantuan Kecemasan Runcit

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

51. Dalam kita menjaga kebajikan rakyat Negeri Selangor yang menjadi permasalahan besar adalah kediaman.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bolehkah kita mengadakan untuk rakyat rumah mampu milik yang harganya sedikit melepasi harga yang ditawarkan kepada "Pemindahan Setinggan" kerana ramai yang berpendapatan rendah di negeri ini yang tidak mampu memiliki rumah?

JAWAPAN:

a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan perumahan kepada semua penduduk di Negeri Selangor. Ini termasuklah penyediaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah. Harga jualan bagi rumah milik yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri pada ketika ini adalah seperti berikut:

Kawasan	Jenis Bangunan	Harga (RM)
Dalam kawasan Majlis Perbandaran (Lembah Klang)	20% rumah kos rendah	42,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	72,000.00
	10% rumah kos sederhana	100,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Dalam kawasan Majlis Daerah	20% rumah kos rendah	35,000.00
	20% rumah kos sederhana rendah	60,000.00
	10% rumah kos sederhana	85,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas
Luar kawasan Majlis Daerah / Majlis Perbandaran	20% rumah kos rendah	30,000.00
	10% rumah kos sederhana rendah	50,000.00
	10% rumah kos sederhana	70,000.00
	Lain-lain jenis bangunan kediaman	Bebas

Di samping kategori perumahan mampu milik sedia ada, Kerajaan Negeri kini melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedang mereka cipta reka bentuk baru rumah mampu milik yang lebih mampan dan kondusif. Pengenalan reka bentuk dan perancangan rumah mampu milik ini menekankan ciri-ciri berikut:

i. Reka bentuk rumah mampu milik yang lebih terkini;

ii. Mengintegrasikan rumah mampu milik dengan rumah-rumah yang lain dengan skim pembangunan;

iii. Mempelbagaikan jenis rumah mengandungi rumah satu bilik, rumah 2 bilik dan seterusnya dalam satu blok bangunan;

iv. Mengambil kira aspek kemapanan dari segi bahan binaan dan persekitarannya;

v. Mampu memberi keselesaan dari segi saiz rumah (saiz minimum 800 kaki persegi);

vi. Penyediaan kemudahan asas dan awam yang mencukupi seperti kawasan riadah, surau dan sebagainya;

vii. Menerapkan konsep kejiranan yang baik;

viii. Kos penyelenggaraan yang murah; dan

ix. Harga jualan yang dicadangkan hendaklah rendah iaitu tidak melebihi RM150,000.00 seunit.

Untuk itu, sebuah tapak di Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah dipilih sebagai projek perintis pelaksanaan konsep baru rumah mampu milik tersebut yang mana Pelan Kebenaran Merancang / Susun atur telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Dengan pengenalan reka bentuk baru ini diharap dapat menjadi alternatif kepada reka bentuk kepada rumah mampu milik sedia ada pada masa kini yang akan dijadikan model khusus untuk diguna pakai oleh pemaju-pemaju swasta serta menjadi pilihan kepada pembeli termasuk golongan muda untuk membeli hartanah berdasarkan kepada kemampuan masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : BANJIR DI KLANG

52. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah keadaan banjir kilat kerap berlaku di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK)?

b) Mengapakah langkah-langkah yang telah diambil sebelum ini (jika ada) tidak dapat mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut?

c) Apakah langkah-langkah baru yang sedang dan bakal diambil bagi mengatasi masalah banjir kilat yang telah bertahun-tahun membelenggu para penduduk di kawasan Klang ini?

JAWAPAN:

a) Banjir kerap berlaku di kawasan MPK kerana:-

i) Kebanyakan kawasan di daerah Klang berada di bawah paras laut (5.0 M)

ii) Rekabentuk parit adalah berdasarkan pembangunan terdahulu dan perlu dinaiktaraf mengikut pembangunan semasa.

b) JPS telah mengeluarkan kajian menangani masalah banjir di Daerah Klang dengan kos 1.2 bilion dan ianya hanya mendapat dijalankan berdasarkan peruntukan semasa. Oleh itu masalah banjir hanya dapat di atasi secara berperingkat – peringkat.

c) Majlis telah mula melaksanakan projek mengatasi masalah banjir mengikut kajian yang dijalankan dengan berdasarkan kepada peruntukan sedia ada. Projek dijalankan adalah .

i) Kerja-kerja menaiktaraf parit di lebuh Setaka.

ii) Kerja-kerja menaiktaraf parit di Jalan Nilam / Jalan Puding dan sekitarnya

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: PEMBERIAN MILIK TANAH SEMENTARA (TOL)

53. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Semenjak Mac 2008-Mac 2010 berapa banyak dari segi persegi dan keping pemberian milik tanah sementara (TOL) telah diluluskan oleh kerajaan negeri

b) Bolehkah dapat pecahkan jumlah kelulusan itu mengikut daerah

c) Sehingga tahun ini dapatkah kerajaan negeri meluluskan 10000 keping tanah seperti yang telah diumumkan Menteri Besar awal tahun ini.

JAWAPAN:

a) Berikut adalah senarai jumlah dan keluasan tanah-tanah TOL yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Daerah	Jumlah	Keluasan
Petaling	628	128 ekar
Klang	1386	398.67 ekar
Gombak	458	350.59 ekar
Kuala Langat	193	263.28 ekar
Kuala Selangor	441	350.55 ekar
Hulu Langat	177	254.91 ekar
Hulu Selangor	521	538 ekar
Sabak Bernam	350	252.72 ekar
Sepang	412	340.88 ekar

b) Pecahan jumlah kelulusan tersebut mengikut daerah adalah seperti dalam jadual di atas.

c) Dari awal tahun sehingga kini Kerajaan Negeri telah memberi kelulusan Lesen Menduduki Sementara (TOL) sebanyak 4566 lot dengan keluasan 2877.6 ekar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK : PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

54. Kerajaan negeri dilihat tidak mempunyai hala tuju jelas dalam memajukan kawasan luar Bandar

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah program-program kerajaan negeri untuk memajukan kawasan luar Bandar secara menyeluruh ?

b) Secara perbandingan, berapakah nisbah bajet yang diperuntukkan untuk pembangunan kawasan luar bandar berbanding kawasan PBT-PBT ?

JAWAPAN :

a) Berikut adalah antara program-program Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan luar Bandar :-

   i) Mewujudkan Pusat Pengumpulan Hasil Desa di setiap daerah.

   ii) Mejana pendapatan melalui '1 Kampung 1 Produk'

   iii) Melaksanakan Projek-Projek Kecil Luar Bandar iaitu menyelenggara serta membaiki dewan / balai raya JKKK, parit / longkang dan jalan luar Bandar.

   iv) Menjalankan Program Pembangunan Modal Insan iaitu menjalankan Program Penghayatan Islam JKKK Negeri Selangor, Kursus SPIES Kepimpinan JKKK Negeri Selangor dan Lawatan Pemahaman Dasar Kerajaan Bagi JKKK Kampung Tradisi Negeri Selangor ke Jabatan-Jabatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

b) Pada dasarnya Pihak Berkuasa Tempatan akan memperuntukkan 30% daripada peruntukan pembangunan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan di bawah kawasan PBT masing-masing. Sehubungan dengan itu, nisbah yang sama digunakan untuk memperuntukkan peruntukan bagi membangunkan kawasan luar Bandar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PELABURAN DARI NEGARA TIMUR TENGAH

55. Penasihat Ekonomi Negeri pernah berjanji untuk menjadikan Negara-negara Timur Tengah sebagai sasaran utama untuk menarik pelaburan ke Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah prestasi pelaburan yang diterima dari negara-negara Timur Tengah dari tahun 2008 sehingga kini?

b) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk menarik pelabur dari wilayah tersebut?

c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mempromosikan hub halal sebagai tarikan untuk pelabur-pelabur datang ke negara ini?

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh tahun 2008 sehingga kini sebanyak **13 projek** perkilangan melibatkan pelabur dari negara-negara Timur Tengah telah diluluskan di negeri Selangor dengan jumlah pelaburan bernilai **RM376,891,486.**

b) Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk menarik pelabur dari wilayah tersebut adalah seperti berikut;-

i. Program lawatan promosi pelaburan ke negara-negara timur tengah.

ii. Mengadakan program usahasama dengan dewan-dewan perniagaan daripada negara-negara Timur Tengah yang ada di Malaysia seperti Malaysia Business Council of Abu Dhabi.

iii. Menerima kunjungan hormat dari delegasi Chamber of Commerce of Qazvin Province, Iran pada 24 Februari 2010 yang lalu. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk meneroka peluang-peluang perniagaan dan kerjasama di Negeri Selangor. Delegasi ini diketuai Pengerusi *'Chamber of Commerce Authority of Qazvin Province'* dan mereka terdiri daripada ketua-ketua eksekutif dari 30 buah syarikat.

iv. Menjalinkan hubungan networking bersama syarikat-syarikat kewangan daripada negara-negara Timur Tengah

b) Bagi mempromosikan hub halal sebagai tarikan pelabur-pelabur datang ke negara ini Kerajaan Negeri telah menyusun beberapa strategi untuk mempromosikan dan menggalakkan pelaburan berdasarkan Industri Halal melalui;-

a. Penyertaan di dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara anjuran SSIC Berhad, Malaysia Industry Development Authority (MIDA), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Halal Industry Development Corporation (HDC).

b. Penyertaan di dalam pameran dan promosi Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) yang diadakan setiap tahun

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : WABAK LEPTOSPRIROSIS

56. Penyakit Leptosprirosis (kencing tikus) sangat berbahaya dan boleh menjadi wabak di kawasan rekreasi berair .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah kes Leptosprirosis (kencing tikus) yang telah berlaku di Selangor?

b) Apakah tempat-tempat rekreasi seperti kawasan air terjun dan jeram selamat dari wabak ini?

c) Apakah tindakan proaktif yang telah diambil untuk menghadapi wabak ini?

JAWAPAN :

a) Dari data Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), sebanyak 158 kes telah disahkan sebagai kes leptospirosis di seluruh negeri Selangor dari Januari sehingga Jun 2010.

b) Manusia boleh dijangkiti Leptospirosis menerusi kontak dengan air yang dicemari air kencing haiwan seperti tikus, anjing, lembu, kuda, musang dan lain-lain yang mengandungi kuman leptospira atau termakan/terminum air yang tercemar dengan air kencing haiwan tersebut. Oleh yang demikian, mana-mana tempat (termasuklah tempat rekreasi atau pun jeram) adalah berisiko untuk dicemari air kencing haiwan tersebut. Di samping menjadi habitat semulajadi, keadaan persekitaran yang kotor turut mengundang roden untuk membiak seterusnya mencemari persekitaran dengan air kencing yang mengandungi kuman Leptospira. Sama ada sesuatu tempat itu selamat atau tidak, ianya tidak boleh dipastikan. Ketiadaan kuman leptospira dalam sampel air persekitaran tidak mengesahkan tempat tersebut bebas dari leptospira kerana kuman ini dibebaskan melalui air kencing secara 'intermitten'.

c) Antara tindakan proaktif yang telah dilaksanakan oleh Jabatan adalah:

- Setiap kes yang disahkan sebagai Leptospirosis wajib dinotifikasi dan pencarian kes lain secara aktif (Active Case Detection) akan dijalankan bagi mencari faktor risiko jangkitan.

- Jabatan Kesihatan telah mengedarkan surat berkenaan wabak Leptospirosis kepada Jabatan Pelajaran Negeri dengan maksud memberi makluman risiko jangkitan yang dikaitkan dengan aktiviti lasak atau berkhemah di tempat rekreasi / hutan / jeram dan sebagainya.

- Pihak Jabatan juga telah mengadakan pertemuan dengan pengusaha resort dan pusat rekreasi bagi memaklumkan berkenaan perlunya memasang papan tanda amaran risiko kesihatan di resort masing-masing bertujuan meningkatkan kesedaran pengunjung mengenai risiko jangkitan serta keperluan mendapatkan rawatan segera dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pendedahan.

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : NASIB KAUM NELAYAN DI ASSAM JAWA

57. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

Segala masalah nelayan telah dikemukakan dalam satu laporan ke Pejabat Menteri Besar pada bulan November 2009.Tindakan membaiki jalan sedang dijalankan oleh penternak udang sekarang. Banyak lagi perkara perlu diselesaikan dengan kadar segera antaranya :

i. paloh perlu didalamkan dan endapan lumpur di atasi
ii. membina sebuah jeti.
iii. membina gerai-gerai untuk jualan hasil laut.
iv. membina Kampong Tersusun nelayan
v. menubuhkan satu dana pendidikan anak-anak nelayan dan lain-lain.

a) Bilakah perkara -perkara tersebut dapat dilaksanakan ?

JAWAPAN:

a) Permohonan tersebut akan akan dilihat secara terperinci kerana ia akan melibatkan satu bajet pembangunan yang besar dan ia akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KEGUNAAN TANAH TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah permohonan telah diterima dan berapakah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak kerajaan Pakatan Rakyat untuk kegunaan Kuil/Tokong/Gereja?

b) Apakah kelayakan yang diperlukan bagi memohon tanah ini?

c) Apakah masalah yang dihadapi dalam proses pemberian tanah ini?

JAWAPAN :

a) Sejak pemerintahan Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri telah menerima permohonan untuk kegunaan Kuil/Tokong/Gereja sebanyak **194** dan sebanyak **33** permohonan telah diluluskan.

b) Kelayakan yang diperlukan oleh pemohon untuk memohon tanah yang tersebut haruslah sesebuah persatuan itu layak memiliki harta seperti mana yang termaktub di dalam Akta Pertubuhan Tahun 1996 dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

c) Setakat ini tiada ada masalah yang timbul sekiranya semua permohonan telah menepati semua peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR DI KAWASAN SHAH ALAM

59. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 165: "Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Tebatan Banjir Negeri Selangor/Lembah Klang - Pembaikan Sg Damansara tidak memuaskan kerana sebahagian daripada L *shape drain* mengalami kegagalan. JPS bertanggungjawab untuk mengambil tindakan pembetulan dengan segera".

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 83, Para 7.5.1.1(a) menyatakan: "Satu jawatankuasa penyelarasan projek tebatan banjir akan dilaksanakan bagi memantau reka bentuk dan pelaksanaan projek mulai tahun ini"

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sudahkah jawatankuasa ini ditubuhkan dan siapakah yang menganggotainya?

b) Apakah program dan jadual pemantauan reka bentuk yang telah diwujudkan?

c) Apakah langkah-langkah Jabatan untuk mengelakkan masalah ini berulang kembali?

JAWAPAN :

a) Sehingga hari ini **beberapa Jawatankuasa** telah pun diwujudkan bagi tujuan penyelarasan program tebatan banjir di Negeri Selangor. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan untuk menyelaras aktiviti khusus di beberapa peringkat pelaksanaan. Di peringkat perancangan, JPS melaksanakan kajian induk saliran bandar dan diwujudkan jawatankuasa teknikal bagi memantau dan menilai kemajuan kajian tersebut. Ianya dipengerusikan oleh Bahagian Saliran Mesra Alam Ibu Pejabat JPS Malaysia selaku peneraju teknikal dan ahlinya terdiri daripada JPS Negeri Selangor dan JPS Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan agensi serta Syarikat-syarikat utiliti yang berkepentingan seperti TNB, IWK dan Syabas. Di peringkat rekabentuk, jawatankuasa teknikal diwujudkan untuk mengulas dan menilai kriteria rekabentuk dan keberkesanan rekabentuk secara terperinci. Di peringkat pra-pembinaan, taklimat kepada PBT dan agensi kerajaan diadakan bagi mendapatkan maklumbalas serta ulasan. Selain itu, Pejabat EXCO hal Ehwal Islam, Istiadat dan Infrastruktur juga mengadakan mesyuarat-mesyuarat penyelarasan yang khusus bagi projek-projek yang telah dikenal pasti bagi memudahcarakan pelaksanaan ditapak.

   Kesemua jawatankuasa-jawatankuasa ini bertujuan mengawal pelaksanaan projek dari perancangan sehingga pembinaan dan bagi mendapatkan maklumbalas dari pihak-pihak yang berkepentingan.

b) Program pemantauan di peringkat rekabentuk dipantau oleh Jawatankuasa Teknikal rekabentuk di mana perbincangan tertumpu kepada isu-isu keberkesanan rekabentuk projek. Mesyuarat diadakan secara berkala mengikut jadual yang dipersetujui bersama juruperunding projek. Jawatankuasa ini juga ditugaskan memantau pelaksanaan pembinaan dan menyelesaikan isu-isu kejuruteraan yang timbul di tapak yang melibatkan perubahan rekabentuk ataupun masalah pembinaan.

c) Masalah utama di peringkat pembinaan sering timbul apabila pembangunan lot-lot persendirian di tebing sungai berlaku tanpa penyerahan rizab yang sepatutnya iaitu mengambil kira perubahan sungai itu sendiri. Apabila kerja-kerja pembinaan dilaksanakan ianya mempunyai impak kepada struktur JPS. Bagi mengelakkan masalah ini berulang, penentuan rizab sungai secara terperinci disusuli dengan penguatkuasaan merupakan kaedah yang paling berkesan. Ia akan mengujudkan kawasan penampan di antara sungai dan pembangunan lantas menidakkan pengaruh aktiviti pembinaan persendirian kepada rekabentuk struktur JPS yang sedia ada dan sebaliknya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : USAHAWAN MUDA

60. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan jumlah usahawan muda di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2010.

b) Apakah skim-skim yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri bagi menggalakkan dan memperkasakan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri tidak memfokuskan faktor umur dalam pembangunan usahawan. Fokus utama Kerajaan Negeri adalah membantu usahawan yang telah memulakan perniagaan sekurang – kurangnya 2 tahun dan berdaya saing. Berikutan itu, senarai usahawan muda tidak dikategorikan. Walaupun begitu, dalam usaha menarik penglibatan golongan muda menceburi bidang keusahawanan Kerajaan Negeri menganjurkan secara bersama program – program kursus asas keusahawanan dengan Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pusat Pengajian Tinggi.

b) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Pinjaman Mikro Kredit Selangor di bawah Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor bagi skim pembiayaan modal untuk memulakan perniagaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PUSAT SIBER RAKYAT

61. Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan Pusat Siber Rakyat (PSR) yang akan mengintegrasikan perpustakaan buku-buku yang berbentuk fizikal dan maklumat dalam bentuk digital

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

a) Berapakah PSR yang telah dibina dan kos perbelanjaannya?

b) Apakah langkah-langkah untuk memastikan PSR tersebut dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

JAWAPAN:

a) Pusat Siber Rakyat (PSR) Selangor telah diwujudkan pada tahun 1999 dan dikenali sebagai Pusat Komputer IT (PKIT) dengan tujuan untuk meningkatkan kadar celik (literasi) IT di kalangan komuniti negeri Selangor. Walau bagaimanapun keberkesanan perlaksanaannya tergendala disebabkan beberapa masalah yang berkaitan dengan masalah pengurusan, masalah khidmat sokongan dan masalah teknikal.

Untuk mengatasi masalah tersebut, penjenamaan semula telah dilakukan dengan bagi memastikan kelangsungan pengoperasian PSR ini iaitu dengan mengujudkan kerjasama antara Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan pertanggungjawaban pengurusan diberikan kepada PPAS, pihak PBT dan juga ADUN agar pengoperasian dan penyelenggaraan yang yang lebih teratur dapat dilaksanakan**.**

Melalui kerjasama dengan PPAS ini juga dapat membudayakan teknologi maklumat dan membawa komuniti masyarakat Negeri Selangor ke arah gaya hidup digital (*digital lifestyle*) dalam mendapat dan menyebarkan maklumat.

Penjenamaan PSR ini telah dilaksanakan mengikut fasa dan sebagai permulaan pada tahun 2009, 5 lokasi seperti berikut telah diwujudkan:-

i. PSR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Kuala Selangor

ii. PSR Perpustakaan Klang

iii. PSR Perpustakaan Awam Semenyih, Hulu Langat

iv. PSR perpustakaan Desa Kampung Melayu Ampang, Gombak

v. PSR Sultan Abdul Samad, Banting

Pada tahun ini lima (5) PSR seperti di bawah akan dibina :

i. Dewan Kempas, Seksyen 19, Shah Alam

ii. Pusat Komuniti Kampung Kuantan, Klang

iii. Perpustakaan Daerah Sabak Bernam

iv. Perpustakaan Daerah Gombak

v. Perpustakaan Hulu Selangor (Perpustakaan Syed Mashor, Kuala Kubu Baru)

Kos perlaksanaan pada tahun 2009 adalah sebanyak RM 450,790.00 dan sebanyak RM 490,000.00 untuk tahun 2010 dengan anggaran perbelanjaan antara RM 90,000.00 sehingga RM 100,000.00 bagi setiap satu PSR.

Kemudahan yang telah disediakan untuk PSR ini adalah :

i. Menyediakan perkhidmatan jaringan internet bagi menggalakkan pengguna datang ke PSR;

ii. Mengadakan kelas-kelas komputer dan menyediakan tenaga pengajar kepada pengguna;

iii. Menyediakan komputer berteknologi tinggi

iv. Menyediakan pencetak yang mesra pengguna

v. Menyediakan penyelenggaraan berkala kepada semua peralatan ICT dan memastikan ia berkeadaan baik.

b) Langkah-langkah untuk memastikan PSR dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat adalah seperti berikut:

i. Disediakan kemudahan internet dan kemudahan lain seperti pencetak yang berkualiti pengimbas dan projektor;

ii. Perkhidmatan internet secara percuma;

iii. Dibina di perpustakaan dengan suasana yang lebih selesa, kemas, tenteram serta reka bentuk susun atur yang berbentuk ‘classroom’ bagi memudahkan pembelajaran atau latihan diadakan;

iv. Membenarkan penggunaan aplikasi rangkaian sosial yang membawa kebaikan kepada rakyat dan kerajaan;

v. Latihan atau kelas-kelas komputer berjadual;

vi. Membentuk hubungan atau jalinan dengan organisasi luar bagi meluaskan perspektif dan program yang akan dijalankan;

vii. Penyelia yang bertugas yang dapat memberikan khidmat nasihat kepada pengguna.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : KEWANGAN PBT

62. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah prestasi kutipan cukai setiap PBT pada tahun ini berbanding tahun lepas?

b) Bagaimanakah prestasi perbelanjaan setiap PBT dan adakah berlaku defisit?

c) Apakah PBT-PBT bertaraf majlis daerah mampu menjana pendapatan yang mencukupi?

JAWAPAN :

a) Prestasi kutipan cukai taksiran semasa PBT Negeri Selangor sehingga 30 September 2010 berbanding tarikh yang sama pada tahun lalu menunjukkan peningkatan sebanyak 3.94 peratus iaitu daripada RM774.62 juta kepada RM805.14 juta. Begitu juga dengan jumlah kutipan tunggakan cukai taksiran yang telah meningkat sebanyak RM14.34 peratus daripada RM82.45 juta kepada RM94.27 juta dalam tempoh yang sama.

Pecahan perbandingan kutipan hasil bagi setiap PBT adalah seperti di **Lampiran 1.**

b) Sehingga 30 September 2010, sebelas (11) daripada dua belas (12) PBT menunjukkan prestasi pendapatan berbanding perbelanjaan yang masih positif atau surplus kecuali Majlis Daerah Sabak Bernam. Perincian jumlah pendapatan dan perbelanjaan PBT sehingga 30 September 2010 adalah seperti di **Lampiran 2.**

c) Majlis-majlis Daerah di Negeri Selangor terdiri daripada Majlis Daerah Kuala Selangor(MDKS), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

Daripada empat (4) Majlis Daerah ini, MDSB merupakan satu-satunya PBT yang mana hasil cukai tahunannya hanya RM3.69 juta. Dengan jumlah cukai taksiran yang kecil, MDSB tidak mampu menjana pendapatan yang mencukupi bagi membiayai operasi Majlis. Walau bagaimanapun, MDSB memperoleh bantuan daripada Kerajaan Persekutuan di mana bil-bil pegurusan sisa pepejal oleh Alam Flora Sdn. Bhd. ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak 50%.

Rata-rata Majlis Daerah- Majlis Daerah di Negeri Selangor mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi bagi menguruskan operasi Majlis masing-masing. Kaedah perbelanjaan berhemah diamalkan bagi pengurusan operasi Majlis sehari-hari. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan turut menyalurkan bantuan seperti Geran Tahunan dan bantuan pembayaran bil elektrik sebanyak 50% kepada setiap PBT. Kerajaan Negeri juga memberi bantuan dengan pemberian Geran MARRIS, bantuan pembayaran bil-bil Alam Flora yang tertunggak serta pelbagai bantuan khas yang diberikan secara Direct Grant mengikut keperluan daripada Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Jawatankuasa Tetap Pelancongan.

LAMPIRAN 1

PERBANDINGAN KUTIPAN HASIL
PIHAK BERKUASA TEMPATAN DIANTARA 30 SEPTEMBER 2009 DAN 30 SEPTEMBER 2010

BIL	PBT	SEMASA		%	TUNGGAKAN		%
		KUTIPAN 2009 (RM)	KUTIPAN 2010 (RM)		KUTIPAN 2009 (RM)	KUTIPAN 2010 (RM)	
1	MBSA	129,953,371.22	134,851,169.10	3.77%	10,013,541.31	15,476,309.20	54.55%
2	MBPJ	140,339,244.00	143,446,380.00	2.21%	14,762,908.00	14,579,791.00	-1.24%
3	MPK	114,155,464.50	114,414,910.02	0.23%	13,137,536.68	19,226,264.58	46.35%
4	MPAJ	65,257,732.75	66,535,753.12	1.96%	7,220,441.53	7,084,523.68	-1.88%
5	MPSJ	128,291,288.24	136,882,097.99	6.70%	10,178,490.89	8,202,156.22	-19.42%
6	MPS	66,908,347.40	69,105,949.02	3.28%	7,573,502.03	8,118,876.85	7.20%
7	MPKj	53,249,725.16	57,763,453.07	8.48%	6,995,782.88	7,618,961.96	8.91%
8	MPSp	33,133,381.00	35,746,312.00	7.89%	4,365,254.00	3,122,985.00	-28.46%
9	MDKS	7,949,895.11	9,661,388.33	21.53%	1,843,654.67	2,621,431.72	42.19%
10	MDHS	17,187,091.63	18,253,617.23	6.21%	4,086,937.86	4,124,738.84	0.92%
11	MDKL	15,523,851.33	15,624,600.84	0.65%	1,982,459.38	3,531,703.78	78.15%
12	MDSB	2,672,500.06	2,853,696.73	6.78%	289,692.82	563,543.70	94.53%
	JUMLAH	**774,621,892.40**	**805,139,327.45**	**3.94%**	**82,450,202.05**	**94,271,286.53**	**14.34%**

UKH/Perbandingan Kutipan Hasil/11/8/2010
No. Tel: 55447628
No. Faks: 55130223

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

63. Kerajaan negeri mensasarkan pelaburan bernilai RM 50 bilion untuk menggerakkan inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah prestasi semasa perlaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi negeri yang telah diperkenalkan?

b) Berapakah nilai pelaburan yang telah diterima setakat ini?

c) Apakah sumbangan pakej tersebut kepada perkembangan ekonomi negeri?

JAWAPAN:

a)

i) Projek Pembersihan Sungai Kelang

Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti beberapa projek perniagaan/pembangunan yang akan digunakan untuk membiayai Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang. Hasil yang diperoleh daripada projek-projek ini dalam bentuk premium tanah, perkongsian untung, sumbangan dan sebagainya akan digunakan untuk membiayai Projek Sungai Klang. Beberapa projek pembangunan telah disenaraikan untuk menjadi sebahagian daripada skim ini. Projek-projek tersebut ialah:-

1) Projek Pembangunan Taman Keramat AU2 seluas lebih kurang 4 ekar yang di tender kepada umum pada 1 November 2010 – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 20 juta untuk Projek Sungai Klang.

2) Projek Pembangunan di kawasan Sungai Sering seluas lebih kurang 75 ekar yang telah di tender pada Julai 2010 tetapi akan ditender semula untuk mendapatkan pulangan lebih baik – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 150 juta ke atas untuk kerajaan negeri dan Projek Sungai Klang.

3) Projek Pembangunan di Seksyen 24, Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 30 juta ke atas untuk Projek Sungai Klang.

4) Projek Khas di I-City, Seksyen 7 Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka akan memberi impak besar kepada kebersihan Sungai Rasau yang mengalir ke Sungai Klang.

Projek-projek lain sedang dalam proses dikenal pasti. Kerajaan akan mengamalkan sistem tender terbuka terutamanya untuk projek-projek pembangunan bagi memastikan ketelusan.

Hasil-hasil yang diperoleh daripada projek-projek di atas akan diagihkan untuk kerja-kerja fizikal Projek Sungai Klang. Dijangkakan hasil daripada projek pertama di atas akan diperoleh pada Mac 2011 dan kerja-kerja fizikal akan dilaksanakan pada masa tersebut.

ii) Projek Meningkatkan Padi

Projek Meningkatkan Hasil Padi Negeri Selangor dirangka untuk tempoh lima tahun dari 2009 hingga 2013. Ianya dijalankan secara berfasa. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan pendapatan pesawah kepada lebih daripada RM1500 sebulan dan ini boleh dicapai melalui pengeluaran hasil 7.5tan/ha/musim pada tahun 2013.

Lebih daripada 9000 orang pesawah telah ataupun akan dilatih dan dibimbing dengan pengurusan tanaman padi yang disyorkan.

Terdapat Geran Projek Perintis Meningkatkan Hasil Padi Selangor . Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3,013,302.00 untuk tujuan ini. Sejumlah RM4,930,000.00 diperuntukkan untuk tahun ini.
Bantuan-bantuan lain adalah berbentuk pemberian pembekalan racun dan pakej-pakej penanaman.

iii) Projek Pembaharuan Bandar

Dua bandar telah dikenal pasti untuk melaksanakan pembaharuan bandar di negeri Selangor, iaitu Petaling Jaya dan Ampang Jaya. Projek PKNS telah pun dilancar di kawasan Jelatek di Ampang Jaya yang akan membawa pembaharuan bandar kepada kawasan tersebut. Projek *Joint-Venture* di antara PKNS dan Bisraya telah pun diluluskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Seksyen 52. Bangunan yang diluluskan ini akan memastikan agar jalan raya dan keadaan trafik akan dipelihara.

iv) Projek Pengangkutan Awam

Kerajaan Persekutuan telah membentuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tetapi ia belum lagi dilaksanakan dengan penuh. Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan perbincangan dengan SPAD supaya pihak-pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri akan dilibatkan dalam proses pembentukan dasar dan implementasi pengangkutan awam darat. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi cadangan kepada Kerajaan Persekutuan supaya *Selangor Transport Council* boleh dibentukkan pada masa yang sama.

v) Pembaharuan Projek-projek Terbengkalai

Terdapat beberapa projek terbengkalai telah dan sedang dilaksanakan pemulihan oleh Kerajaan Negeri terutamanya Projek Bukit Botak di Gombak, Alam Perdana di Kuala Selangor dan Sungai Buaya di Hulu Selangor. Usaha penyelesaian ini telah dibuat melalui tindakan Pengambilan Tanah di bawah Subseksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas projek terbengkalai berkenaan.

Secara langsung, tindakan pengambilan ini dapat menyelesaikan sebarang tuntutan daripada pihak berkepentingan dan melepaskan semua liabiliti yang terlibat di atas tanah pembangunan ini bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pemulihan projek.

Ini dibuktikan menerusi Program Pecah Tanah bagi penempatan semula setinggan Bukit Botak yang diadakan pada 30 Oktober 2010 yang mana sebahagian kawasan telah diwartakan sebagai tanah kerajaan. Bagi Projek Alam Perdana di Kuala Selangor adalah di peringkat akhir pengambilan tanah dan seterusnya untuk diwartakan sebagai tanah kerajaan. Manakala Sungai Buaya, Hulu Selangor telah diwartakan sebagai tanah kerajaan untuk dimajukan dan dibangunkan semula oleh Kerajaan Negeri melalui proses tender terbuka.

Selain itu, beberapa projek yang lain turut dalam usaha ke arah pemulihan seperti Projek Alam Mutiara di Kuala Selangor, Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa di Hulu Selangor dan Projek Villaria, Petaling Jaya.

vi) Projek Menstrukturkan Semula Industri Perkhidmatan Air Selangor

Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatankuasa penstrukturan semula industri air Negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari YB. Penasihat Undang-undang, YB. Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB. Dato' Menteri Besar, Pegawai Penyelidik Kepada YAB. Dato' Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB. Dato' Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)

adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatankuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Mengkaji dan menilai cadangan konsep model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:
   1) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan
   2) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatankuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kerajaan pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatankuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mewujudkan Jawatankuasa Induk Rundingan dan Jawatankuasa Kerja di Peringkat Negeri Selangor. Jawatankuasa Induk Rundingan diketuai oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala jawatankuasa kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatankuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga wang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatankuasa Induk Rundingan.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan bersama dengan keempat-empat syarikat pemegang konsesi air. Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Negeri Selangor diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd menolak tawaran tersebut. Nilai tawaran pada ketika ini adalah pada nilai RM9.2 bilion.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari 70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

a) Terma-terma dan syarat-syarat yang mengehendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegangan Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan

b) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut. Nilai tawaran pengambilalihan adalah pada bilai RM10.3 bilion. SPLASH dan ABASS telah menolak tawaran oleh KTTHA tersebut. SPLASH pada masa yang sama turut mengumumkan untuk mengambil alih semua syarikat air di Selangor pada nilai tawaran yang serupa dengan PAAB. Puncak juga mengemukakan cadangan pengambilalihan kepada KTTHA.

Berikutan dari gagalnya penerimaan Model PAAB tersebut, pada 29 dan 30 Julai 2010, KTTHA telah mengadakan satu retreat bagi membincangkan semula kaedah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Di dalam retreat tersebut, wakil kerajaan Selangor telah dimaklumkan oleh KTTHA bahawa Model Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor yang telah dipersetujui untuk diterima pakai dalam melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah Model Kerajaan persekutuan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 08 Julai 2009.

Melalui Model tersebut, kesemua pemegang konsesi air Negeri Selangor akan terus beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi mereka. Kerajaan persekutuan melalui PAAB akan mengambil alih semua aset dan liabiliti yang berkaitan dengan industri air dari kesemua Pemegang Konsesi dan penyelenggaraan *(Operation and Maintenance Operator)* secara *asset light.* Sebagai alasan kepada operator di bawah Model ini, Operator Rawatan Air iaitu Puncak, SPLASH dan ABASS akan menerima bayaran melalui *Bulk Supply Rate (BSR),* manakala Operator Agihan iaitu SYABAS akan menerima bayaran melalui tarif air.

Ekuiti Pegangan dalam SYABAS akan berubah di mana melalui Model ini, pegangan Puncak sebanyak 70% akan dikurangkan kepada 51% manakala pegangan Kerajaan Negeri akan ditingkatkan dari 30% kepada 49%. Satu Saham emas masih kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Melalui Model ini, SYABAS akan diberikan lesen sebagai operator agihan manakala Puncak, SPLASH dan ABASS akan kekal diberi *authorisation* sebagai operator rawatan air yang akan beroperasi dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengikut peruntukan dan peraturan yang digariskan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655). Di bawah Model ini juga, semua aset bekalan air milik Kerajaan Negeri akan diambil alih oleh PAAB pada nilai sebanyak RM1.1 bilion dan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan tolak dari nilai aset tersebut.

KTTHA memaklumkan supaya wakil Kerajaan negeri di dalam SYABAS selepas perubahan pegangan ekuiti hendaklah dari kalangan Kerajaan Negeri sendiri bukan diwakili oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KHEB) atau mana-mana syarikat lain.

Model tersebut tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana ia masih mengekalkan *framentation* di dalam perkhidmatan air. Kerajaan negeri Selangor masih berpendirian Model Holistik adalah yang terbaik dapat menjamin industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan di samping dapat mengekalkan kos operasi dan tarif air yang munasabah.

Memandangkan Model ini tidak dapat dimuktamadkan, pada 20 Oktober 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan Air telah diadakan oleh KTTHA. Di dalam mesyuarat tersebut, KTTHA memaklumkan wakil Kerajaan Negeri Selangor memandangkan sehingga kini penstrukturan air di Negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan, maka adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan semula cadangan penstrukturan secara holistik yang akan dikemukakan oleh Syarikat Konsesi Air. KTTHA tidak ada halangan kiranya Model Holistik tersebut diterajui oleh mana-mana syarikat persendirian tetapi bukan oleh Kerajaan Negeri Selangor memandangkan Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan pengambil balik syarikat konsesi air aras dasar *willing buyer willing seller.*

YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dalam surat kepada KTTHA pada 22 Oktober 2010 memaklumkan bahawa pendirian Kerajaan negeri Selangor akan meneruskan pelaksanaan Model Holistik dan akan membuat tawaran kepada Syarikat Konsesi Air dengan mengguna pakai kaedah di mana aset air akan diambil alih oleh PAAB manakala ekuiti akan dibiayai oleh Kerajaan negeri Selangor dengan membayar pulangan pada kadar 12% kepada pemegangan Saham di dalam Syarikat Konsesi Air.

Sekiranya nilai tawaran baru oleh Kerajaan Negeri Selangor ini tidak diterima oleh Syarikat Konsesi Air, maka perkara mengenai nilai tersebut akan dirujuk kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan *fair market value* nilai pampasan yang akan dibayar kepada Pemegang Saham.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memuktamadkan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini sebelum akhir tahun 2010 bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk ke atas operasi industri itu sendiri dan pasaran kewangan negara berikutan penurunan taraf (downgraded) bon-bon berkaitan air di pasaran kewangan negara.

Namun demikian, keputusan akhir mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

b) Nilai pelaburan yang diperoleh setakat ini sukar untuk dikira dengan tepat. Walau bagaimanapun, beberapa projek penting telah dilancarkan dan anggaran kasar boleh dibuat. Setakat ini, hasil-hasil pelaburan utama yang diperoleh ialah:-

1) Projek Pembangunan Taman Keramat AU2 untuk membiayai Projek Sungai Klang mempunyai Gross Development Value (GDV) melebihi RM 100 juta
2) Projek Pembaharuan Bandar Keramat Datum Jelatek oleh PKNS mempunyai GDV melebihi RM 1 bilion
3) Projek Pembaharuan Pusat Bandar Petaling Jaya oleh PKNS dan Bisraya mempunyai GDV melebihi RM 1 bilion
4) Pemulihan Projek Terbengkalai Bukit Botak mempunyai GDV melebihi RM 120 juta
5) Projek Pembangunan di kawasan Sungai Sering untuk membiayai Projek Sungai Klang mempunyai GDV mencecah RM 1 bilion

Maka, daripada projek-projek utama yang dikelaskan di bawak Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor, nilai pelaburan yang diperoleh ialah sebanyak RM 3.22 bilion. Jumlah ini tidak termasuk lain-lain pemulihan projek-projek terbengkalai yang telah berjaya diselesaikan setakat ini. Jumlah ini juga tidak termasuk pertambahan pendapatan petani-petani padi di bawah Projek Melipatgandakan Hasil Padi. Akhir sekali, jumlah ini juga tidak termasuk sebarang 'multiplier effect' yang hasil daripada kesemua projek-projek ini.

c) Sumbangan pakej tersebut kepada perkembangan ekonomi negeri adalah dari segi:-

1) *'Multiplier effect'* daripada pelaburan-pelaburan dan pertambahan pendapatan yang telah dan akan berlaku.

2) Menambahkan peluang pekerjaan terutamanya di dalam sektor pembinaan.

3) Menyediakan lebih banyak rumah-rumah baru dan rumah-rumah terbengkalai yang disiapkan.

4) Membaharui bangunan-bangunan lama melalui pembaharuan bandar bagi menyediakan ruang-ruang perniagaan dan kediaman yang lebih mapan dan lestari. Ini akan memberikan penambahan nilai kepada masyarakat.

5) Mengambil kesempatan untuk menyelesaikan juga masalah-masalah setempat yang membantutkan pembangunan dan kelancaran sistem ekonomi seperti pemilikan tanah, lalu lintas, setinggan, dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : PENCURIAN PASIR

64. Kegiatan pencurian pasir adalah dikatakan berterusan di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Pada tahun ini, berapakah orang yang telah ditangkap dan berjaya didakwa untuk pencurian pasir?

b) Pada tahun ini, berapakah jentera-jentera yang telah disita?

JAWAPAN :

a) Mengikut perangkaan yang dikemaskinikan sehingga 26 Oktober 2010 oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor terdapat **sembilan puluh enam (96)** tangkapan yang telah dilakukan oleh Pejabat Tanah Daerah dan juga Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Tangkapan tersebut telah dilakukan sekitar bulan Januari hingga Oktober 2010 di beberapa lokasi *hotspot* yang dikenal pasti menjadi tumpuan penyangak pasir. Tempat *hotspot* tersebut menjadi tumpuan penyangak pasir kerana kualiti pasir dan permintaan pasir yang tinggi di pasaran pada masa kini.

Pecahan statistik penangkapan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

Bil.	Pejabat /Daerah	Jumlah Tangkapan
1.	Pejabat Tanah Sepang	28
2.	Pejabat Tanah Hulu Langat	24
3.	Pejabat Tanah Kuala Langat	20
4.	Pejabat Tanah Hulu Selangor	10
5.	Pejabat Tanah Gombak	10
6.	Pejabat Tanah Kuala Selangor	2
7.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	2
	Jumlah Tangkapan	**96**

b) Statistik barang rampasan yang direkodkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga 26 Oktober 2010 adalah seperti berikut :-

Bil.	Pejabat / Daerah	Excavator	Lori	Lori Hantu
1.	Pejabat Tanah Kuala Langat	7	4	-
2.	Pejabat Tanah Gombak	3	1	-
3.	Pejabat Tanah Sepang	2	30	-
4.	Pejabat Tanah Hulu Langat	2	14	1
5.	Pejabat Tanah Hulu Selangor	1	4	-
6.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	-	3	-
7.	Pejabat Tanah Kuala Selangor	-	1	-
	Jumlah	**15**	**57**	**1**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN TEMPATAN

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan keuntungan setiap anak syarikat kerajaan negeri dan anak - anak syarikatnya serta bilangan pekerjanya.

JAWAPAN :

a)

Nota: Keuntungan semua anak syarikat diambilkira selepas cukai

Bil	Syarikat	Keuntungan/Kerugian sehingga 30/09/10	Bil. pekerja
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	26,873,000.00	35
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	12,434,286.00	57
3	SSIC Berhad	(573,635.93)	54
4	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	9,731,945.66	150
5	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	(18,029,000.00)	879
6	Tourism Selangor Sdn Bhd	(663,188.76)	41
7	Rantaian Mesra Sdn Bhd	(444,375.42)	7
8	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd	(778,531.35)	33
9	Communication Corporation Sdn Bhd	572,341.71	84
10	Yayasan Warisan Anak Selangor	1,049,672.13	28
11	Majlis Sukan Negeri Selangor (H) Sdn Bhd	77,021.35	12

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH-RUMAH IBADAT

66. Terdapat kuil atau tokong yang dibina di kawasan perumahan yang memang dari sudut undang-undang tidak di benarkan pembinaannya kecuali mendapat kebenaran atau permit dari pihak berkuasa tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah tindakan tegas dan awal serta pro-aktif tidak diambil terhadap rumah-rumah ibadah tersebut sebelum ianya tersergam dan menimbulkan kontroversi apabila tindakan di ambil di saat-saat akhir .?

b) Adakah seseorang EXCO itu mempunyai kuasa yang boleh mengatasi atau menyanggahi mana-mana keputusan mesyuarat yang telah di luluskan oleh *Full Council Meeting* di peringkat PBT ?

JAWAPAN :

a) Berkenaan isu pembinaan rumah ibadat selain Islam, Kerajaan Negeri memerlukan kerjasama orang awam di kawasan sekitar khususnya ADUN di kawasan masing-masing bagi melaporkan sebarang pembangunan yang dilihat tidak mendapat kebenaran mana-mana pihak. Walau bagaimanapun terdapat sesetengah kes, terdapat campur tangan ADUN dan Ahli Majlis di kawasan berkenaan. Selain itu, tidak dinafikan terdapat sesetengah pihak berkuasa negeri terlepas pandang beberapa buah pembangunan rumah ibadat yang tidak mendapat kebenaran. Kerana pada kebiasaannya kawasan di bawah jagaan setiap Pejabat Daerah atau PBT amatlah besar dan luas. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk ahli-ahli politik dan ahli majlis agar pembangunan yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada setiap rakyat di Negeri Selangor.

b) Bagi mana-mana keputusan mesyuarat yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Penuh di peringkat PBT boleh diubah sekiranya sesuatu perkara tersebut dibincangkan di dalam mesyuarat di peringkat negeri. Contohnya jika sesuatu perkara atau permohonan rumah ibadat selain Islam dibincangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, maka keputusan akhir adalah keputusan yang telah dipersetujui di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, segala keputusan yang dibuat adalah di atas nasihat dan pandangan daripada PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK: PROGRAM MODAL INSAN

67. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa ramai jumlah peserta program SPIES yang telah mengikuti program tersebut dalam 2 tahun pelaksanaannya?

b) Sila pecahkan mengikut daerah, umur dan bangsa yang telah mengikuti program tersebut.

c) Apakah kayu ukur yang digunakan untuk menilai kejayaan SPIES?

JAWAPAN:

a) Bermula bulan Ogos 2008 sehingga September 2010, sebanyak 596 program telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 49,488 orang. Maklumat terperinci adalah seperti berikut :

Jadual 1: Pencapaian program SPIES tahun 2008

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Kanak - kanak	4	411
Belia	23	2303
Ibu bapa	6	714
Warga Industri	2	160
Ketua Kampung	3	330
Setiausaha JKKK	2	365
Pendidik	7	850
Remaja	7	700
Mahasiswa	12	1200
DUN	1	150

KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Pegawai JAIS	2	135
Siswa 1K	4	400
Pimpinan Pelajar	2	200
JUMLAH	75	7918

Jadual 2: Pencapaian SPIES tahun 2009

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Masyarakat	1	60
Belia	91	7339
Alumni SPIES Belia	19	1670
Remaja	47	1597
Alumni SPIES remaja	10	931
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	42	3217
Ibubapa	10	2000
Warga Emas	1	50
Ibu Tunggal	2	200
Pendidik	17	1615
Pelajar IPT	3	253

PROGRAM SPIES	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24
SPIES Siswa 1K	5	294
SPIES Siswa	11	829
SPIES AJK Masjid	5	366
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880
JUMLAH	276	21,325

Jadual 3 : Pencapaian SPIES Januari – September 2010

KATEGORI	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
SPIES Belia	19	1649
SPIES Remaja	45	3731
SPIES Khas Penjawat Awam	99	7678
SPIES Ibubapa	16	1481
SPIES Ibu Tunggal	4	400
SPIES Mahasiswa / Pelajar IPT	2	146
SPIES Pendidik	34	2992
SPIES Pimpinan Masyarakat	3	227
SPIES AJK Masjid	4	323
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	8	432
SPIES Briged Amal	10	1186
JUMLAH	244	20,245

b) Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah yang holistik dalam merancang dan melipatgandakan usaha bagi mencapai peningkatan minda dan tahap kesedaran di kalangan masyarakat di Negeri Selangor dengan melaksanakan program pembangunan modal insan SPIES melibatkan peserta daripada pelbagai bangsa, umur dan lapisan masyarakat di Negeri Selangor. Oleh itu, pecahan penglibatan peserta bermula bulan Januari hingga Oktober 2010 adalah seperti berikut :

1) SPIES Remaja

Bil	Kategori Peserta	Umur	Jum. Peserta	Bangsa	Bil	Daerah / DUN
1.	SPIES Remaja	13–17 Thn	60 Org	Melayu	60 Org	- Taman Medan
2.	SPIES Remaja	13-17 Thn	90 Org	Melayu	90 Org	- Batu Caves
3.	SPIES Remaja	13–17 Thn	60 Org	Melayu	60 Org	- Kota Damansara
4.	SPIES Remaja	13–17 Thn	80 Org	Melayu	80 Org	- Bangi
5.	SPIES Remaja	13–17 Thn	56 Org	Melayu	56 Org	- Gombak Setia
6.	SPIES Remaja	13–17 Thn	30 Org	Melayu	30 Org	- Hulu Kelang
7.	SPIES Remaja	13–17 Thn	70 Org	Melayu	70 Org	- Dusun Tua
8.	SPIES Remaja	13–17 Thn	31 Org	Melayu	30 Org	- Lembah Jaya
				India	1 Org	
9.	SPIES Remaja	13–17 Thn	50 Org	Melayu	50 Org	- Bukit Antarabangsa
10.	SPIES Remaja	13–17 Thn	75 Org	Melayu	70 Org	- Sri Serdang
				India	5 Org	
11.	SPIES Remaja	13-17 Thn	100 Org	Melayu	90 Org	- Bt 3 Kota Damansara
				India	10 Org	

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bil	Bangsa	Bil	Daerah / DUN
23.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Thn	218 Org	Melayu	215 Org	- Ijok - Melawati
				India	1 Org	
				Cina	2 Org	
24.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Thn	230 Org	Melayu	220 Org	- Sekinchan - Sg.Panjang
				India	-	
				Cina	10 Org	
25.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Thn	250 Org	Melayu	250 Org	- Sg.Burong
				India	-	
				Cina	-	
26.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Thn	212 Org	Melayu	212 Org	- Hulu Bernam - Kuala Kubu Bharu - Batang Kali
27.	SPIES Remaja (Tuisyen Rakyat)	17 Tahun	160 Org	Melayu	160 Org	- Kuang - Seri Setia - Seri Muda
28.	SPIES Remaja (Tuisyen Rakyat)	17 Tahun	130 Org	Melayu	120 Org	- Selat Kelang - Jeram
				India	10 Org	
29.	SPIES Remaja (Tuisyen Rakyat)	17 Tahun	61 Org	Melayu	60 Org	- Sabak Bernam - Sungai Air Tawar
				India	1 Org	
30.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Tahun	119 Org	Melayu	115 Org	- Cempaka - Dengkil
				Cina	2 Org	
				India	2 Org	
31.	SPIES Remaja (Pusat Tuisyen Rakyat Selangor)	17 Tahun	94 Org	Melayu	92 Org	- Morib - Sijangkang
				India	2 Org	

2) SPIES Belia

Bil	Kategori Peserta	Umur	Jum. peserta	Bangsa	Bil. Peserta	Daerah / Dun
1.	SPIES Belia	18-30	182 org	Melayu	182 org	- Gombak
2.	SPIES Belia	16-34	121 org	Melayu	119 org	- Kuala Selangor
				India	2 org	
3.	SPIES Belia	21-35	86 org	Melayu	83 org	- Kuala Langat - Selayang - Hulu Selangor - Kuala Selangor
				India	2 org	
				Lain-lain	1 org	
4.	SPIES Belia	22-33	144 org	Melayu	144 org	- Hulu Selangor - Gombak
5.	SPIES Belia	18-26	138 Org	Melayu	121 Org	- Sungai Buloh (Pelajar Kolej Sains Kesihatan Bersekutu KSKB)
				Lain-lain	12 Org	
6.	SPIES Belia	16-29	147 Org	Melayu	121 org	- Klang - Kuala Selangor
				India	17 org	
				Cina	9 org	
7.	SPIES Belia	18-26	138 Org	Melayu	124 org	- Sungai Buloh (Pelajar Kolej Sains Kesihatan Bersekutu KSKB)
				Cina	1 org	
				Lain-lain	9 Org	
8.	SPIES Belia	18-35 thn	166 Org	melayu	166 org	- Seri Setia - Subangjaya - Puchong - Bangi
				Cina	-	
				India	-	
				Lain-lain	-	

9.	SPIES Belia	18-35 thn	150 Org	melayu	150 org	- Seri Setia - Taman Medan - Kota Raja
				Cina	-	
				India	-	
				Lain-lain	-	
10.	SPIES Belia	18-35 thn	195 Org	melayu	195 org	- Kinrara - Puchong - Seri Serdang
				Cina	-	
				India	-	
11.	SPIES Belia	18-35 thn	182 Org	melayu	182 Org	- MPSJ - MPK - MPS
				Cina	-	
				India	-	
				Lain-lain	-	

3) SPIES Penjawat Awam

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah / Dun
1	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-25	Melayu	323 org	332 org	- Petaling
			Cina	6 org		
			India	3 org		
2	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	26-30	Melayu	719 org	736 org	- Petaling
			Cina	10 org		
			India	7 org		
3	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	31-35	Melayu	425 org	440 org	- Petaling
			Cina	8 org		
			India	7 org		
4	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	36-40	Melayu	367 org	382 org	- Petaling
			Cina	7 org		
			India	8 org		

5	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	41-45	Melayu	227 org	240 org	- Petaling
			Cina	6 org		
			India	7 org		
6	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	46-50	Melayu	243 org	256 org	- Petaling
			Cina	4 org		
			India	9 org		
7	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	51-55	Melayu	133 org	144 org	- Petaling

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah / Dun
8	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	56-58	Melayu	110 org	120 org	- Petaling
			Cina	3 org		
			India	7 org		
9	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	22-54	Melayu	144 org	153 org	- Sabak Bernam
			India	9 org		
10	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-42	Melayu	27 org	27 org	- Hulu Selangor
			India	-		
11	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	21-56	Melayu	117 org	127 org	- Kuala Selangor
12.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	184 Org	191 Org	GOMBAK:- **a)** Pejabat Agama Islam Daerah Gombak **b)** Jabatan Pengairan Dan Saliran **c)** Jabatan Kerja Raya **d)** Pejabat Daerah / Tanah Gombak
			Cina	-		
			India	7 Org		

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah	Daerah/ Dun
13.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	481 Org	499 org	HULU LANGAT:- **a)** Jabatan Kerja Raya **b)** Majlis Perbandaran Kajang **c)** Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat **d)** Kolej Universiti Islam Selangor **e)** Pejabat Daerah Hulu Langat
			Cina	-		
			India	18		
14.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	457 Org	457 org	KLANG :- **a)** Pejabat Daerah / Tanah Klang **b)** Majlis Perbandaran Klang **c)** Jabatan Pengairan Dan Saliran
			Cina	7 Org		
			India	27 Org		
15.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	265 Org	287 org	SEPANG :- **a)** Pejabat Daerah / Tanah Sepang **b)** Jabatan Pengairan Dan Saliran **c)** Pejabat Agama Islam Daerah Sepang **d)** Majlis Perbandaran Sepang
			Cina	-		
			India	22 Org		

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah	Daerah/ Dun
16.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	49 Org	521 org	KUALA LANGAT :- **a)** Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat **b)** Jabatan Pengairan Dan Saliran **c)** Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat **d)** Majlis Daerah Kuala Langat
			Cina	1 Org		
			India	30 Org		
17.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	45 Org	48 org	HULU SELANGOR:- **a)** Jabatan Kerja Raya **b)** Pejabat Daerah /Tanah Hulu Selangor
			Cina	-		
			India	3 Org		
18.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	240 Org	251 Org	KUALA SELANGOR:- **a)** UNISEL **b)** Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor- **c)** Majlis Daerah / Tanah Kuala Selangor **d)** INPENS
			Cina	-		
			India	6 Org		
			Lain-lain	5 Org		

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah	Daerah/ Dun
19.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	144 Org	147 org	SHAH ALAM :- **a)** Jabatan Kerja Raya **b)** Pejabat Agama Islam Daerah Shah Alam **c)** Suk Shah Alam
			Cina	-		
			India	3 Org		
20.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	89 Org	94 Org	SABAK BERNAM:- **a)** Majlis Daerah Sabak Bernam **b)** Jkr Daerah Sabak Bernam **c)** Jabatan Pengairan Dan Saliran **d)** Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam
			Cina	-		
			India	5 Org		
21.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	54 Org	59 Org	PETALING JAYA:- **a)** Pejabat Agama Islam Petaling Jaya **b)** Pejabat Daerah Petaling Jaya **c)** Jabatan Pengairan Dan Saliran **d)** Yayasan Selangor
			Cina	-		
			India	5 Org		

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah	Daerah/ Dun
22.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	153 Org	161 Org	SUBANG JAYA :- **a)** Majlis Perbandaran Subang Jaya
			Cina	7 Org		
			India	1 Org		
			Lain-lain	20 Org		
23.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	30-50	melayu	100 org	100 Org	Ampang
			Cina	-		
			India	-		
			Lain-lain	-		
24.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	25-55	melayu	315 org	500 Org	Ampang
			Cina	-		
			India	135 org		
			Lain-lain	50 org		
25.	SPIES Penjawat Awam/ Kakitangan Kerajaan	20-50	Melayu	1,299 Org	1,213 Org	- Hulu Selangor - Shah Alam - Gombak - Hulu Langat - Sabak Bernam - Kuala Selangor - Klang - Kuala Langat - Petaling
			Cina	5 org		

			India	102 org		- Sepang - Pos Malaysia

d) SPIES Keluarga

Bil	Kategori	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah Dun / Parlimen
1	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	400 Org	400 Org	- Sijangkang - Kota Anggerik - Bangi - Dengkil - Gombak - Melawati - K.Selangor
		12-45 Thn	Cina	-		
		12-45 Thn	India	-		
		12-45 Thn				
		12-55 Thn				
		12-45 Thn				
2	SPIES Keluarga Ibu Tunggal/Wanita	20-60 Thn	Melayu	96 Org	100 org	Batu Caves
			Cina	-		
			India	4 Org		
3	SPIES Keluarga Tahsin	15-60 Thn	Melayu	96 Org	100 org	Batang Kali
			Cina	-		
			India	4 Org		
4	SPIES Keluarga Ibu Tunggal	20-70 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Selat Kelang
			Cina	-		
			India	-		
5	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Pelabuhan Klang
			Cina	-		
			India	-		
6	SPIES Keluarga Ibu Tunggal	20-60 Thn	Melayu	98 Org	100 Org	Sementa
			Cina	-		
			India	2 Org		

Bil	Kategori	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah Dun / Parlimen
7	SPIES Keluarga Ibu Tunggal	20-60 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Sri Muda
			Cina	-		
			India	-		
8	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Bukit Antarabangsa
			Cina	-		
			India	-		
9	SPIES Keluarga Ibu Tunggal	20-60 Thn	Melayu	67 Org	100 Org	Meru
			Cina	-		
			India	31 Org		
			Lain-Lain	2 Org		
10	SPIES Keluarga	12-40 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Petaling Jaya
			Cina	-		
			India	-		
11	SPIES Keluarga Ibu Tunggal	20-55 Thn	Melayu	88 Org	100 Org	Batu Laut/Tg Sepat
			Cina	2 Org		
			India	10 Org		
12	SPIES Keluarga	10-40 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Sri Serdang
			Cina	-		
			India	-		
13	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Telok Datuk
			Cina	-		
			India	-		
14	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	Semenyih
			Cina	-		
			India	-		

Bil	Kategori	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah Dun / Parlimen
15	SPIES Keluarga Tahsin	15-60 Thn	Melayu	92 Org	92 Org	Gombak Setia
			Cina	-		
			india	-		
16	SPIES Keluarga Tahsin	15-60 Thn	Melayu	96 Org	96 Org	Kota Raja (Masjid Jalan Kebun)
			Cina	-		
			india	-		
17	SPIES Keluarga Tahsin	15-60 Thn	Melayu	93 Org	93 Org	Sekinchan
			Cina	-		
			india	-		
18	SPIES Keluarga	12-45 Thn	Melayu	88 Org	100 Org	Tanjung Karang
			Cina	-		
			india	10 Org		
			Lain-lain	2 Org		

e) SPIES Pendidik

Bil	Kategori	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah Dun / Parlimen
1.	SPIES Pendidik (Guru Jais)	20-30 Thn 40-50 Thn	Melayu	784 Org	784 Org	Petaling
			India	-		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		
2.	SPIES Pendidik (Guru Jais)	20-30 Thn 40-50 Thn	Melayu	747 Org	747 Org	Gombak
			India	-		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		
3.	SPIES Pendidik (Guru Jais)	20-30 Thn 40-50 Thn	Melayu	713 Org	713 Org	Klang
			India	-		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		
4.	SPIES Pendidik Guru - Guru SRA & SMA	25-50 Thn	Melayu	348 org	348 Org	Klang
5.	SPIES Pendidik Guru-Guru Sekolah Menengah & Rendah	25-50 Thn	Melayu	370 org	400 Org	Klang
			India	10 org		
			Cina	20 org		

f) SPIES JKKK

Bil	Kategori	Umur	Bangsa		Jumlah peserta	Daerah Dun / Parlimen
1.	SPIES JKKK	20-70 Thn	Melayu	98 Org	100 Org	Gombak
			India	2 Org		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		
2.	SPIES JKKK	20-70 Thn	Melayu	156 Org	156 Org	Hulu Langat
			India	1 Org		
			Cina	-		
			Lain-lain	-		
3.	SPIES JKKK	25-70 Thn	Melayu	106 Org	106 Org	Hulu Selangor
			India	-		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		
4.	SPIES JKKK	25-70 Thn	Melayu	68 Org	69 Org	Petaling
			India	1 Org		
			Cina	-		
			Lain-Lain	-		

g) SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jum. Peserta	Daerah /Dun
1	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	19 – 24 Thn	Melayu	32 Org	62 Org	Tanjong Karang / Permatang
			Cina	4 Org		
			India	26 Org		
2	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	18 – 24 Thn	Melayu	49 Org	63 Org	Tanjong Karang / Permatang
			India	4 Org		
			Lain-Lain	10 Org		
3	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	19 – 24 Thn	Melayu	79 Org	96 Org	Tanjong Karang / Permatang
			Cina	1 Org		
			India	10 Org		
			Lain-Lain	6 Org		
4	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	18 – 23 Thn	Melayu	91 Org	94Org	Tanjong Karang / Permatang
			Lain-Lain	3 Org		
5	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	18 – 25 Thn	Melayu	70 Org	83 Org	Tanjong Karang / Permatang
			Cina	1 Org		
			India	11 Org		
			Lain-Lain	1 Org		
6	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	18 – 44 Thn	Melayu	105 Org	108 Org	Tanjong Karang / Permatang
			Lain-Lain	3 Org		
7	SPIES Mahasisiwa / Pelajar IPT	18 – 24 Thn	Melayu	79 Org	84 Org	Tanjong Karang / Permatang
			Lain-Lain	5 Org		

h) SPIES AJK Masjid

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah/Dun
1	SPIES Ajk Masjid	25-70 Thn	Melayu	82 Org	82 Org	Gombak
2	SPIES Ajk Masjid	22-68 Thn	Melayu	54 Org	54 Org	Hulu Langat
3	SPIES Ajk Masjid	24-65 Thn	Melayu	39 Org	39 Org	Hulu Selangor
4	SPIES Ajk Masjid	22-68 Thn	Melayu	150 Org	150 Org	Petaling
5	SPIES Ajk Masjid	24-57 Thn	Melayu	50 Org	50 Org	Sepang
6	SPIES Ajk Masjid	25-70 Thn	Melayu	139 Org	139 Org	Sabak Bernam
7	SPIES Ajk Masjid	26-68 Thn	Melayu	105 Org	105 Org	Klang

i) SPIES Briged Amal

Bil	Kategori Peserta	Umur	Bangsa		Jumlah Peserta	Daerah / Dun
1	Alumni SPIES Remaja & Belia di Karnival Sg Klang	13-40 Thn	Melayu	194 Org	197 Org	- Selat Klang - Meru - Gombak Setia - Hulu Kelang - Seri Muda
2	Alumni SPIES Remaja & Belia di Hari Ilmu Taman Tasik Shah Alam	13-40 Thn	Melayu	200 Org	200 Org	- Selat Klang - Meru - Hulu Kelang - Seri Muda
3	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid Kg Kelang Gate Baru	13-40 Thn	Melayu	150 Org	150 Org	- Hulu Kelang
4	Alumni SPIES Remaja & Belia di Sabak Bernam Mini Convention Centre	13-40 Thn	Melayu	150 Org	150 Org	- Sungai Air Tawar - Sabak
5	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid Nurul Iman Puchong	13-40 Thn	Melayu	98 Org	98 Org	- Kinrara
6	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid Batu 16 Dusun Tua	13-40 Thn	Melayu	100 Org	91Org	- Dusun Tua

7	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid Hidayah Pandan	13-40 Thn	Melayu	100 Org	100 Org	- Chempaka
8	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid An Naim Kg Jln Kebun, Kota Raja	13-40 Thn	Melayu	100 org	100 Org	- Seri Muda
9	Alumni SPIES Remaja & Belia di Masjid Pekan Pasir Panjang, Sg. Besar	13-40 Thn	Melayu	**100**	100 Org	- Sekinchan

c) Pembangunan Modal Insan merupakan salah satu perkara yang diberikan perhatian utama oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk melahirkan satu generasi yang cemerlang dan mempunyai nilai peradaban yang tinggi merangkumi lima eleman asas yang difokuskan iaitu *Spiriitual, Physical, Intellectual, Emotional dan Social (SPIES)*. Berasaskan kepada lima elemen ini akan mewujudkan satu generasi yang mempunyai integriti dan melahirkan warga yang bertanggungjawab dan komited dalam membina Negeri Selangor ke arah kecemerlangan yang jitu.

Platform pembangunan modal insan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui program SPIES merupakan satu pendekatan yang berhikmah dan kontemporari dalam usaha membangunkan modal insan secara bersepadu. Kejayaan kepada program SPIES ini boleh diukur dan dinilai melalui beberapa sudut akan tetapi faktor kemanusiaan ini merupakan sesuatu yang amat elastik dan seringkali berubah mengikut persekitaran serta memerlukan jangka masa yang panjang untuk mendapatkan satu ukuran yang boleh membantu untuk melihat kejayaan program kursus SPIES ini. Antara faktor pengukur yang boleh dijadikan panduan adalah melalui beberapa aspek :

1) Tahap kompetensi kakitangan kerajaan Negeri Selangor melalui peningkatan produktiviti (peningkatan hasil kerajaan, pengurangan aduan awam), pematuhan prosedur kerja (Laporan Audit Negeri/Negara)
2) Pengurangan kadar indeks jenayah di negeri Selangor secara umum
3) Pengurangan kadar krisis rumah tangga – berdasarkan laporan penceraian
4) Pencapaian keputusan peperiksaan Pelajar di Negeri Selangor - UPSR, PMR dan SPM

Manakala, untuk menilai kesan yang paling ketara dan manfaat program ini kepada peserta, indikator terbaik yang boleh diguna pakai adalah melalui maklum balas peserta kursus dan hasil analisa maklum balas peserta yang dibuat ke atas mereka yang telah menghadiri kursus ini memberikan keyakinan yang tinggi melalui skor yang dinyatakan di atas iaitu 3.48 (markah penuh adalah 4.00). Skor yang ditunjukkan ini bolehlah dijadikan indikator penilaian ke atas keberkesanan program ini secara umumnya kerana peserta terbabit merupakan testimoni yang terbaik untuk menilai keberkesanan program SPIES ini.

Pengukuran sebenar keberkesanan program ini juga dapat dilihat dari segi komitmen dan minat yang ditonjolkan. Hal ini terbukti apabila lebih daripada 90% peserta menyatakan program yang dilaksanakan adalah baik dan bersetuju untuk mengikuti program susulan.

Selain itu laporan kajian keberkesanan program 2009 yang dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada bulan 20 Januari 2010 telah merumuskan perkara –perkara berikut :

1) Program SPIES adalah amat baik dilaksanakan;
2) Melalui penilaian tiga (3) penjuru iaitu peserta, pemantau dan pihak ketiga keseluruhan menyatakan program ini baik dan perlu diteruskan; dan
3) Pengisian program secara keseluruhan baik iaitu dari aspek kandungan modul, penceramah, penggunaan audio visual, logistik dan keberkesanan ke atas aplikasi kehidupan.

Secara umumnya, pelaksanaan program ini dapat diterima dengan baik oleh masyarakat yang mana ianya dapat dilihat menerusi peningkatan ilmu, pemerkasaan potensi kebaikan diri secara holistik, keinsafan jiwa, peningkatan kesediaan diri untuk berubah ke arah menjadi aset bernilai kepada negara dan ruang untuk memberi penjelasan terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam memantapkan nilai modal insan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : PENCEMARAN KILANG

68. Terdapat kilang yang sah beroperasi tetapi menyebabkan pencemaran akibat kedudukan yang hampir dengan kawasan kediaman misalnya pencemaran kilang simen di Kampung Desa Aman, Sungai Buluh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri bercadang memindahkan kilang-kilang berkenaan ke kawasan lain?

b) Adakah berlaku penyelewengan dan pelanggaran garis panduan perancangan sehingga menyebabkan masalah ini terjadi?

c) Adakah garis panduan kawasan industri dan kediaman disediakan serta pematuhannya dipantau oleh PBT-PBT?

JAWAPAN :

a) Kawasan kilang di Desa Aman telah disahkan untuk tujuan perindustrian berdasarkan Draf Rancangan Tempatan (DRT) MPS 2020 di mana kawasan ini dikekalkan dan tiada cadangan pemindahan.

b) Sebanyak 3 lot kilang yang didirikan di kawasan ini bagi tujuan operasi kilang simen masih lagi terletak di atas tanah berstatus pertanian. Sehingga kini jabatan telah menerima hanya 1 permohonan iaitu daripada tetuan RMC Concrete Sdn. Bhd. untuk tujuan penggunaan tanah sementara bagi operasi simen. Kelulusan telah diberikan sepertimana di dalam mesyuarat OSC bil.18/2010 bertarikh 6/10/2010.

c) Majlis mengguna pakai manual garis panduan dan piawaian perancangan negeri Selangor dalam mengawal pembangunan dan kediaman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : LOMBONG PASIR

69. Lombong Pasir milik Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) di Kampung Kambing Susu telah menyebabkan masalah alam sekitar terhadap penduduk kampung tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah KSSB menjalankan penilaian impak alam sekitar sebelum dan semasa lombong tersebut beroperasi?

b) Apakah tindakan pantas untuk mengatasi masalah tersebut?

c) Adakah pihak KSSB bercadang untuk membayar pampasan akibat kemusnahan yang disebabkan oleh lombong tersebut?

JAWAPAN :

a) Lombong tersebut telah lama beroperasi (sekitar 5 tahun) sebelum KSSB memulakan operasinya pada Julai 2009. KSSB beroperasi di kawasan tersebut sebagai sebahagian dari program pemutihan lombong haram.

Tidak terdapat mana-mana kampung berada di kawasan tersebut. Ianya adalah sekitar 4km dari Jalan utama Rawang-Batang Berjuntai.

KSSB telah menyediakan kajian dan laporan Rancangan Pemantauan Alam Sekitar (Environment Monitoring Plan – EMP) sebelum lombong tersebut mula beroperasi. EMP ini telah diluluskan oleh JAS Selangor.

Pemantauan yang dibuat secara berkala oleh konsultan alam sekitar yang dilantik mendapati mutu air di lombong tersebut adalah lebih baik dari air Sungai Selangor yang berhampiran.

b) Operasi KSSB sentiasa dipantau berdasarkan EMP

c) KSSB belum menerima apa-apa tuntutan. Sekiranya ada, ianya akan dikaji secara mendalam dan sebelum apa-apa ketetapan diambil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: ZAKAT

70. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Berapa banyak wang zakat yang telah digunakan bagi membiayai pembinaan rumah baru, baik pulih dan agihan kepada asnaf?

b) Nyatakan pecahan pengagihan zakat mengikut daerah bagi perkara di atas.

JAWAPAN:

a) LZS telah membelanjakan sebanyak RM9,671,245.00 daripada dana zakat bagi membiayai pembinaan rumah, baik pulih rumah asnaf fakir dan miskin di seluruh Negeri Selangor pada tahun 2010 ini dengan bilangan penerima seramai 497 orang.

b) Pecahan pengagihan zakat mengikut daerah bagi perkara di atas adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	RUMAH DIBAIK PULIH	BAIK PULIH (RM)	RUMAH BINA BARU (BUAH)	BINA BARU (RM)
1.	SABAK BERNAM	113	1,359,193	45	1,556,500
2.	KUALA SELANGOR	146	1,790,220	62	2,052,000
3.	KLANG	5	72,310	14	476,000
4.	KUALA LANGAT	34	556,770	19	656,000
5.	SEPANG	3	49,250	4	152,000
6.	HULU LANGAT	4	31,600	5	182,000
7	GOMBAK	5	50,350	4	152,000
8.	HULU SELANGOR	16	129,352	9	300,000
9.	PETALING	5	43,100	4	136,000
	JUMLAH	**331**	**4,008,745**	**166**	**5,662,500**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KELANG

71. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kemajuan Projek Pembersihan Sungai Kelang? Apakah rasional Kerajaan Negeri menukar status pembiayaan projek ini daripada *Public-Private Initiative* (PPI) kepada *Private Financing Initaitive* (PFI)?

JAWAPAN:

a) Projek Sungai Klang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mengguna pakai konsep Public/Private Partnership (PPP) dan Private Funding Initiative (PFI). Di dalam konteks Kerajaan Negeri, projek-projek perniagaan atau pembangunan akan dilaksanakan terlebih dahulu untuk mendapatkan pulangan tunai dan bukan tunai untuk membiayai projek Sungai Klang tersebut.

Contoh-contoh projek untuk pembiayaan tersebut ialah:-

1) Projek Pembangunan Taman Keramat AU2 seluas lebih kurang 4 ekar yang di tender kepada umum pada 1 November 2010 – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 20 juta untuk Projek Sungai Klang.

2) Projek Pembangunan di kawasan Sungai Sering seluas lebih kurang 75 ekar yang telah di tender pada Julai 2010 tetapi akan di tender semula untuk mendapatkan pulangan lebih baik – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 150 juta ke atas untuk kerajaan negeri dan Projek Sungai Klang.

3) Projek Pembangunan di Seksyen 24, Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka memberi pulangan tunai dan bukan tunai sebanyak RM 30 juta ke atas untuk Projek Sungai Klang.

4) Projek Khas di I-City, Seksyen 7 Shah Alam; masih di peringkat kerja-kerja awal – Dijangka akan memberi impak besar kepada kebersihan Sungai Rasau yang mengalir ke Sungai Klang.

Maka, tiada masalah dari segi menukar konsep pembiayaan kerana yang penting ialah konteks pembiayaan yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri seperti yang diterangkan. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa konteks ini lebih mantap dan berfaedah kepada Kerajaan Negeri di mana perbelanjaan adalah berdasarkan pulangan yang berjaya diperoleh. Lebih banyak projek pembiayaan berjaya dilaksanakan, lebih banyak faedah yang diperoleh untuk pemuliharaan Sungai Klang. Ini menjadikan Kerajaan Negeri lebih bermotivasi untuk mendapatkan pulangan-pulangan yang lebih baik di masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : TADIKA RAKYAT

72. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Berapakah peruntukkan yang diluluskan untuk pembinaan Tadika Rakyat?

b) Nyatakan kriteria pemilihan tapak Tadika Rakyat. Senaraikan Tadika Rakyat yang tela dikenal pasti dan anggaran kos bagi setiap satu.

c) Apakah prosedur bagi permohonan membina Tadika Rakyat di sesuatu kawasan?

JAWAPAN :

a) Sehingga Oktober 2010, hanya satu Tadika Rakyat iaitu di kawasan Taman Sentosa, Klang telah dibuka dan Kerajaan Negeri merancang akan membuka satu lagi Tadika Rakyat di kawasan daerah Petaling

b) Bagi pengendalian Tadika Rakyat di Taman Sentosa, pihak CHILD iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diberikan tanggungjawab untuk mengendali tadika tersebut dan kos pengendalian ditanggung sendiri oleh pihak CHILD. Kerajaan Negeri hanya memberi peruntukan untuk membina tadika tersebut sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PEMBALAKAN

73. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah kes pembalakan tanpa izin yang berlaku di dalam tahun 2009 & 2010?

b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan membuka kembali pembalakan secara selektif di Hutan Simpanan dan hutan bakau?

c) Apakah rancangan dan tindakan diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mencegah pembalakan dan pencerobohan hutan simpanan?

JAWAPAN :

a) Terdapat tiga(3) kes pembalakan tanpa kebenaran berlaku pada tahun 2009 manakala bagi tahun 2010, tiada kes pembalakan haram dikesan. Kebanyakan kesalahan hutan yang dikesan oleh JPNS melibatkan pemindahan kayu yang berada pada alat pengangkutan di mana pemilik kenderaan gagal untuk membuktikan pemilikan hasil hutan ini dengan dokumen yang sah serta penerokaan kawasan Hutan simpanan yang melibatkan penolakan pokok ketika pembersihan tanah.

b) Salah satu daripada tujuan Kerajaan Negeri mengadakan moratorium pembalakan ialah untuk mengkaji semula keberkesanan pembalakan secara selektif di Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Selangor sama ada ianya benar dapat menghasilkan dirian pokok matang yang mencukupi untuk pusingan tebangan seterusnya dalam jangka masa 30 hingga 55 tahun akan datang. Bagi hutan bakau pula, tempoh moratorium akan membolehkan pengurusan hutan jenis ini disusun semula bagi menentukan kawasan mana yang boleh dibuka bagi memenuhi keperluan industri dan kawasan-kawasan mana perlu dipelihara bagi menjamin kestabilan alam sekitar Negeri. Menurut pelan pengurusan JPNS, had kawasan tebangan tahunan secara selektif dalam HSK bagi semua jenis hutan yang dibenarkan bagi Negeri ini hanyalah lebih kurang 700 hektar setiap tahun . Had yang dibenarkan ini kecil untuk memenuhi pasaran negara tetapi kajian akan dilaksanakan untuk menentukan sama ada pembalakan selektif ini boleh dibenarkan semata-mata sebagai tanggungjawab sosial Kerajaan Negeri bagi membantu industri perkayuan dan sektor pekerjaan pembalakan tempatan.

c) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh JPNS ialah seperti berikut :-

i) JPNS mengkaji kawasan-kawasan penempatan/ kampung, projek-projek kerajaan dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL)yang telah di keluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah dalam HSK bagi tujuan pertimbangan MMKN sama ada diwarta keluar dari HSK atau diambil tindakan undang-undang.

ii) Bagi kawasan penerokaan haram / pendudukan tanpa kebenaran, JPNS mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- memusnahkan tanaman.
- merobohkan binaan dan infrastruktur.
- menahan jentera, kenderaan dan peralatan kerja.
- merobohkan infrastruktur pertanian antaranya kolam, kandang/reban ternakan.
- menangkap individu yang menduduki hutan simpan tanpa kebenaran.
- mengkompaun atau mendakwa di mahkamah individu terbabit mengikut jenis kesalahan hutan yang dilakukan.

iii) Sekiranya kawasan-kawasan penerokaan haram / pendudukan Tanpa kebenaran diluluskan Permit Penggunaan maka hendaklah dikenakan had tempoh masa tertentu bagi membolehkan kawasan ini di hutan semula setelah tempohnya tamat.

iv) Bagi pembalakan haram, tindakan tanpa berkompromi akan diambil mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 termasuk mendakwa pihak terbabit untuk dikenakan hukuman berat iaitu denda dan hukuman penjara.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : DIALOG MAHASISWA MENGENAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

74. Usaha menghimpun mahasiswa untuk dialog dan memberi penerangan tentang Negeri Selangor diadakan sempena Raya Idul Fitri pada 22 Syawal 1431 = 01 Oktober 2010 di Annex, Dewan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Difahamkan mengenai kehadiran mengecewakan, Mengapa?

b) Adakah sebarang sekatan oleh pentadbir-pentadbir pengajian tinggi?

c) Adakah objektif pertemuan dicapai?

JAWAPAN :

a) Kehadiran Mahasiswa di dalam program tersebut adalah seramai 84 orang, di mana sasaran kehadiran adalah seramai 112 orang. Sasaran peserta adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin pelajar dan pemimpin Persatuan Mahasiswa Selangor di IPTA dan IPTS yang berada di Negeri Selangor. Mahasiswa yang telah hadir dalam program ini adalah terdiri daripada mahasiswa dari Universiti Malaya, UNISEL, Universiti Multimedia, Universiti Madinah, Kolej Masterskill dan Kolej Inpens. Bagi pihak penganjur kehadiran mahasiswa ke program ini adalah satu jumlah yang agak memberansangkan, memandangkan ini adalah kali pertama program Dialog secara terbuka ini dianjurkan.

Setelah diteliti di antara faktor kehadiran mahasiswa ini tidak menepati sasaran adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- Pertindihan tarikh dengan Majlis konvokesyen IPT, seperti Universiti Islam Antarabangsa
- Pelajar pada saat-saat akhir menarik diri.
- IPT sedang bercuti seperti KUIS

Secara keseluruhannya, kerjasama yang diperolehi adalah baik dari semua IPT. Namun begitu, pihak penganjur mendapati ada beberapa IPT khususnya IPTA enggan berkerjasama dan menganggap bahawa program yang dianjurkan berbau politik dan menyebabkan mereka enggan menghantar pelajar untuk menyertainya. Meskipun di dalam surat jemputan secara jelas dinyatakan objektif program iaitu untuk meningkatkan daya kepimpinan mahasiswa yang merupakan pelapis kepada pemimpin negara pada masa akan datang. Jemputan ini juga hanya terhad kepada pemimpin pelajar dan ahli persatuan Mahasiswa Selangor memandangkan tajuk Dialog yang dianjurkan ialah ”Pembangunan Negeri Selangor, Perspektif Mahasiswa” . Isu lain antaranya ialah, pihak penganjur perlu mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi terlebih

dahulu sebelum membuat jemputan. Namun begitu ada juga IPTA yang dapat memberi kerjasama yang baik melalui persatuan Mahasiswa Selangor IPT tersebut, dengan menghantar wakil dengan diiringi oleh pegawai pengiring.

c) Pihak penganjur telah menetapkan objektif program seperti berikut :

- Memberi ruang dan peluang kepada golongan belia khususnya Mahasiswa untuk memberi pendapat dan pandangan mereka kepada pimpinan Kerajaan Negeri secara bersemuka, khusus tentang pembangunan Negeri Selangor.

- Mendidik mahasiwa untuk lebih yakin, mempunyai jati diri yang kukuh serta memupuk sikap prihatin kepada golongan belia untuk turut sama-sama menyumbang kepada pembangunan Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya.

- Menonjolkan peranan Mahasiswa sebagai **" check and balance"** kepada pentadbiran Kerajaan Negeri dan juga peranan mereka sebagai pelapis kepada kepimpinan Negara.

Secara umumnya pihak penganjur mendapati bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah mendapat pelbagai input yang baik dari mahasiswa yang hadir. Di antara Isu yang dibangkitkan adalah seperti isu kebajikan dan pendidikan masyarakat setempat yang berhampiran dengan kampus mereka, penambahbaikan IPT Kerajaan Negeri, isu penyaluran maklumat berkenaan pencapaian Kerajaan Negeri Selangor kepada masyarakat dan sebagainya. Oleh itu objektif yang digariskan secara umumnya telah tercapai berdasarkan input dan mutu perbincangan, meskipun jumlah mahasiswa yang hadir tidak menepati sasaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: IBU TUNGGAL DAN ORANG MISKIN

75. Berapa ramai ibu tunggal dan orang miskin yang dibantu oleh Kerajaan Selangor sepanjang mentadbir negeri?

Jika ada :-

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah bentuk bantuan yang beri oleh kerajaan Selangor kepada ibu tunggal dan orang miskin?

b) Berapa nilai bantuan yang diberikan?

c) Apakah bentuk kehadiran yang telah diberi bagi menaik taraf kehidupan mereka?

JAWAPAN:

a) Pada dasarnya kerajaan Selangor lebih menekankan pemberdayaan wanita Selangor melalui Pelan Tindakan Wanita Selangor di mana kumpulan sasaran terdiri dari Ibu Tunggal dan fokus utama ialah ;

- Pemberdayaan Wanita dalam bidang ekonomi
- Pemberdayaan Keluarga
- Pemberdayaan dalam meningkatkan kemahiran dan Jati Diri Wanita
- Pemberdayaan Kesihatan Dan Rekreasi
- Pemberdayaan Wanita Dalam Komuniti
- Pemberdayaan Wanita Dalam Keselamatan Dan Perlindungan
- Pemberdayaan Wanita dalam Hak dan Undang-undang
- Pemberdayaan Wanita di peringkat Pembuatan Keputusan dan Politik
- Lain-lain Bidang Pemberdayaan Wanita

Namun begitu, adalah dianggarkan setakat Oktober 2010 seramai 12,345 ibu tunggal telah mendapat manfaat di bawah pentadbiran kerajaan Selangor melalui Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Kerajaan Prihatin, Pembangunan Wanita dan PEKAWANIS

Kerajaan Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor telah melaksanakan beberapa program terutama di dalam Fokus Pemberdayaan Wanita dalam bidang Ekonomi iaitu *Program Welfare to work* dengan penubuhan Pusat Komuniti Wanita DUN di mana kerajaan Selangor mewujudkan sistem sokongan untuk memudahkan wanita berkecimpung dalam perniagaan atau pekerjaan dengan menggunakan kemudahan di pusat komuniti wanita bagi meningkatkan pengetahuan kemahirannya seperti penggunaan peralatan mesin jahit atau masakan dan meningkatkan kesedaran tentang mampu kendiri.

Di samping itu Program Kursus atau Bengkel juga telah dianjurkan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di dalam bidang kemahiran dan keusahawan. Program ini telah dilaksanakan di setiap DUN dan Daerah di bawah kelolaan usahawan wanita yang berjaya.

Di dalam Fokus Pemberdayaan Wanita dalam Bidang Kesihatan dan Rekreasi kumpulan ibu tunggal telah diberi kemudahan melalui Skim Kesihatan Wanita dengan pemeriksaan kesihatan percuma memogram.

Hasrat kerajaan Selangor untuk meningkatkan ekonomi rakyatnya juga disokong dengan penglibatan PEKAWANIS dengan menambah pendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan.

b) Kadar Nilaian Bantuan seperti berikut:-

Jadual 1: PUSAT KOMUNITI WANITA DUN

BIL	DUN	ALAMAT	KOS
1.	JERAM TAHUN 2009	PKW JERAM, JALAN RAJA HAMZAH ALANG, KAMPUNG BUKIT KUCHING TENGAH, 45000 JERAM NO.TEL: 0108976830 / 0176228409	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN
2.	TAMAN MEDAN TAHUN2009	NO.25, JALAN PJS 1/32, TAMAN MEDAN PEJASA, 65150 PETALING JAYA NO.TEL: 0176927176	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
3.	LEMBAH JAYA TAHUN 2009	PKW LEMBAH JAYA, DEWAN MASYARAKAT KAMPONG AMPANG CAMPURAN, SELANGOR NO.TEL: 01341055857	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
4.	SIJANGKANG TAHUN 2009	PKW DUN SIJANGKANG, BATU 9, KAMPONG MEDAN, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT, SELANGOR NO.TEL: 0136988290	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN
5.	SELAT KLANG TAHUN 2009	PKW DUN SELAT KLANG, BALAI RAYA KAMPONG DELEK KANAN, KAMPONG DELEK, KLANG NO.TEL: 0193300546	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
6.	BATU TIGA TAHUN 2009	PKW DUN BATU TIGA, NO.27, JALAN TIMUR 24/1, DEWAN SEKSYEN 24, SHAH ALAM NO.TEL; 0122237036	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN
7.	IJOK TAHUN 2009	PKW DUN IJOK, PUSAT BELIA, KAMPONG BUKIT BADONG, 425600 BESTARI JAYA, SELANGOR NO.TEL: 0133436154	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN

8.	HULU KLANG TAHUN 2009	PKW DUN HULU LANGAT, PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT, TAMAN KERAMAT. (PROSES PERPINDAHAN) NO.TEL: 0136191144	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
9.	MORIB TAHUN 2009	PKW DUN MORIB, PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT, NO.78, JALAN BUNGA PEKAN BANTING	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
10.	KOTA DAMANSARA TAHUN 2009	NO.26-1, TINGKAT JALAN PEKAKA 8/4, SEKSYEN 8, KOTA DAMANSARA NO.TEL: 0132527421	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN
11.	SEMENTA TAHUN 2010	NO.45,JLN.SG.KAPAR INDAH 3F, TAMAN SG.KAPAR INDAH, KLANG NO.TEL: 019696620	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN
12.	KOTA ANGGERIK TAHUN 2010	PKW DUN KOTA ANGGERIK, DEWAN JATI, SEKSYEN 16, SHAH ALAM. NO.TEL: 0172733197	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
13.	BATU CAVES TAHUN 2010	PKW DUN BATU CAVES, NO.13A-1, JALAN AMANAH MULIA 3, TAMAN MULIA, BATU CAVES, SELANGOR NO.TEL: 0192020285	RM15,000.00 ALATAN MASAKAN
14.	SUNGAI AIR TAWAR TAHUN 2010	PEJABAT JKKK JALAN KEBUN BARU, KAMPONG TEBUK JAWA, 42500 SABAK BERNAM. NO.TEL : 0134070209	RM15,000.00 ALATAN LENGKAP JAHITAN

Jumlah keseluruhan kemudahan peralatan yang diberikan adalah sebanyak RM210,000.00

Jadual 2: PROGRAM KURSUS / BENGKEL

BIL	JENIS KEMAHIRAN	TEMPAT / DUN	SASARAN/PESERTA	KOS
1.	SULAMAN RIBEN	BILIK MESY.KEKWA SEKSYEN SEKTORAL	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH,PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
2.	SULAMAN RIBEN	PEJ.DAERAH KUALA SELANGOR	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
3.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	DEWAN ORG RAMAI SEKSYEN 16, SHAHALAM	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
4..	BUNGA STOKIN	BILIK MESY.KEKWA, SEKSYEN SEKTORAL	IBU TUNGGAL,SURI RUMAH,PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM18,000.00
5.	BUNGA STOKIN	PEJ.DAERAH KLANG	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH, PENERIMA DANA 30 PESERTA	RM18,000.00
6.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	PEJ.DAERAH K.LANGAT	IBU TUNGGAL,SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
7.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	PEJ.DAERAH HULU LANGAT	IBU TUNGGAL,SURI RUMAH, PENERIMA DANA 45 PESERTA	RM22,000.00
8.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	BALAI PENGHULU ULU BERNAM	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
9.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	PEJ.DAERAH SABAK BERNAM	IBU TUNGGAL,SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00

10.	JAHITAN MANIK DAN LABUCI	PEJ.DAERAH SEPANG	IBU TUNGGAL, SURI RUMAH,PENERIMA DANA 35 PSERTA	RM16,500.00
11.	SULAMAN REBIN	PEJ.DAERAH K.LANGAT	IBU TUNGGAL,SURI RUMAH, PENERIMA DANA 35 PESERTA	RM16,500.00
12.	KEMAHIRAN USHAWAN	RUMAH EXCO, SEKSYEN 7,SHAH ALAM	IBU TUNGGAL 40 PESERTA	RM35,000.00

Jumlah keseluruhan bengkel kemahiran adalah sebanyak RM225,000.00

Kerajaan Selangor juga menyalurkan bantuan secara menyeluruh sebagaimana dilakukan oleh PEKAWANIS dengan menjadi orang tengah untuk menjual makanan/ kuih/biskut ke luar negara seperti Singapura. Menggalakkan ibu tunggal melaksanakan kitar semula terutama barang masakan seperti minyak masak kepada biodiesel. Dan, sumbangan kewangan atau barangan sempena hari perayaan atau '*Back to school*'

c) Memandangkan fokus kerajaan Selangor untuk pemberdayaan wanita maka aktiviti-aktiviti khusus untuk Ibu Tunggal telah dilaksanakan iaitu Kursus Jati Diri secara berterusan sepanjang tahun. Di samping itu pendekatan tersebut turut dilakukan oleh PEKAWANIS melalui DUN dengan memberi khidmat nasihat seperti "Laman Dapur" di mana ibu tunggal dibantu untuk menambahkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan dengan menanam herba, sayuran-sayuran dan menternak ikan keli di rumah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO HAJI AMIRUDDIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: POLITIK MASJID

76. Terdapat aduan dan laporan mengingkari titah arahan DYMM Sultan Selangor agar tidak menjadi masjid dan surau gelanggang berpolitik.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah definisi larangan berpolitik mengikut titah arahan tersebut?

b) Berapakah statistik aduan yang diterima seluruh negeri?

c) Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pengingkaran ini?

JAWAPAN :

a) Masjid tidak boleh digunakan sebagai gelanggang politik yang boleh menyakiti dan memecahbelahkan perpaduan ummah.

Mana-mana orang tidak terhad kepada pemegang tauliah ceramah dan mengajar, ahli-ahli parti politik atau wakil-wakil rakyat adalah tidak dibenarkan untuk memerihalkan dasar-dasar, program atau pendirian mana-mana parti politik mengenai apa-apa isu atau menyentuh peribadi mana-mana orang yang boleh menyakiti atau menyinggung perasaan mana-mana orang / jemaah / jemputan.

Bagaimanapun, wakil-wakil rakyat kawasan tempatan tidak dihalang untuk menjalankan tugasnya sebagai wakil rakyat dan untuk menjelaskan dasar-dasar, program atau pendirian kerajaan negeri, tetapi tertakluk kepada larangan tersebut, wakil-wakil rakyat tidak boleh menyakiti atau menyinggung perasaan mana-mana orang / jemaah / jemputan.

Masjid hendaklah pada setiap masa dijadikan sebagai zon aman politik kepartian dan sebagai tempat umat Islam berhimpun secara aman tanpa perbezaan fahaman politik.

b) Jumlah aduan berpolitik di masjid dan surau yang diterima setakat ini adalah :

i) Aduan rasmi bersurat : 13
ii) Aduan melalui e-mel : 2
iii) Aduan melalui akhbar : 20 (isu berkaitan Surau Al-Huda, Taman Sentral Kajang dan Masjid At-Taqwa, Gombak)

c) Beberapa peraturan telah dikeluarkan dan diedarkan kepada masjid dan surau seperti pemberitahuan titah DYMM Sultan Selangor, penerangan dan penjelasan kepada Nazir Masjid. Di samping itu pihak-pihak yang berkenaan telah dipanggil serta dinasihati untuk tidak mengulangi kesalahan. Dengan langkah-langkah tersebut Nazir akan dapat melaksanakan tugas dengan jayanya dan meningkatkan usaha pengimarahan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : LESEN ARAK

77. Terdapat cadangan oleh ahli majlis untuk memindahkan kuasa pengeluaran lesen menjual minuman keras dari pejabat daerah kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah cadangan ini akan direalisasikan oleh kerajaan negeri?

b) Apakah cadangan ini dapat membantu EXCO agama Islam dalam mengawal penjualan arak?

c) Apakah langkah ini dapat mengekang aktiviti penjualan arak di kawasan majoriti Islam?

JAWAPAN :

a) Pengeluaran lesen menjual minuman keras adalah di bawah kuasa Lembaga Pelesenan Eksais Daerah seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 35, Akta Eksais 1976. Oleh sebab itu, sebarang pindaan perlu di bawa ke peringkat Parlimen dan terletak di bawah kuasa Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Cadangan ini boleh dilaksanakan walau bagaimanapun ia memerlukan masa yang panjang bagi proses cadangan pindaan.

b) Pada masa ini, kawalan telah dilaksanakan di peringkat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah dengan mempertimbangkan kelulusan berdasarkan keperluan semasa di sesuatu kawasan.

c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan pendekatan 'self regulating' bagi mengawal penjualan arak di kawasan majoriti Islam dan didapati ia mendapat sambutan yang baik di kalangan peniaga.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI SELANGOR

78. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila kemukakan butiran terperinci bagaimanakah prestasi dan kedudukan kewangan Negeri Selangor bagi tempoh 9 bulan yang pertama tahun 2010 ?

b) Sila huraikan bagaimanakah kesan kelembapan ekonomi global terhadap kedudukan kewangan Negeri ?

c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan kedudukan kewangan Negeri ?

JAWAPAN :

a) Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh berakhir 30 September 2010 berakhir dengan lebihan sebanyak RM120.92 juta. Lebihan ini disebabkan oleh hasil yang dikutip sebanyak RM1,039.83 juta adalah lebih berbanding dengan kos belanja sebanyak RM 918.91 juta.

Jumlah wang awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan pada 30 September 2010 adalah berjumlah RM1,539.47 juta berbanding RM1,319.97 juta pada 31 Disember 2009 iaitu peningkatan sebanyak 16.62%. Akaun Hasil Disatukan pada 30 September 2010 adalah berjumlah RM728.93 juta berbanding RM608.01 juta pada 31 Disember 2009, iaitu meningkat sebanyak 19.88%. Manakala Akaun Amanah Disatukan pula mencatatkan peningkatan sebanyak RM98.58 juta pada 30 September 2010 (RM810.54 juta) berbanding 31 Disember 2009 (RM711.96 juta).

b) Kelembapan ekonomi global pada waktu ini sedikit sebanyak telah memberi kesan ke atas kedudukan kewangan Negeri. Kesan paling nyata ialah pengurangan kutipan hasil di mana pada tahun 2009 kutipan hasil ialah sebanyak RM1,371.88 juta (tidak termasuk penyelesaian hutang Talam sebanyak RM391.99) berbanding RM1,516.34 juta pada tahun 2008. Justeru itu, perbelanjaan perlu dikawal dan dibuat berdasarkan keutamaan. Perkara ini juga menyebabkan Kerajaan Negeri merekodkan defisit pada tahun 2009 yang ditampung oleh lebihan terkumpul Kumpulan wang Disatukan.

Walaubagaimanapun, pada tahun 2010 (sehingga September 2010) keadaan didapati semakin pulih di mana kutipan hasil sehingga September 2010 adalah sebanyak RM1,039,83 juta (79.99% daripada anggaran hasil 2010) berbanding RM938.97 juta (67.07% daripada anggaran 2009) bagi tempoh yang sama tahun 2009.

c) Langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan termasuklah:

i. Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri. Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum. Bagi tahun 2008 dan 2009, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip sebanyak RM20 juta berbanding RM14 juta pada tahun 2007 hasil daripada faedah ke atas pelaburan;

ii. Memastikan kedudukan rizab kerajaan Negeri berada pada kedudukan yang optimum dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa;

iii. Kerajaan Negeri dalam mengawal perbelanjaan telah mengambil pendekatan *soft approach* di mana Kerajaan Negeri tidak memotong peruntukan Jabatan yang telah diluluskan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri akan memantau perbelanjaan yang dibuat oleh Jabatan-Jabatan dari semasa ke semasa;

iv. Melancarkan dasar meningkatkan hasil bukan cukai melalui premium perlanjutan tempoh pajakan di Negeri Selangor (perkara ini masih diperingkat penyediaan dasar dan dijangka dilaksanakan di penghujung tahun ini);

v. Meneruskan pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip 2010) dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pusat ICT Selangor sebagai satu pasukan. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-

1. Polisi *'Knock Door'* iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
2. mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
3. memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
4. sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

vi. Kerajaan Negeri terutamanya melalui Pejabat Tanah dan Daerah sentiasa berusaha meningkatkan kutipan cukai tanah melalui beberapa kaedah iaitu:-

1. Mengenal pasti serta mengasingkan semua hakmilik (tertunggak) yang bermasalah agar tindakan susulan dapat diambil;
2. Membuka kaunter kutipan di luar pejabat bagi Pejabat Tanah Daerah di kawasan pedalaman;
3. Membuka kaunter pada waktu rehat; dan
4. Menambahkan saluran / kaedah pembayaran secara online dan pusat pembayaran di kaunter PBT.

vii. Dalam menghadapi ketirisan hasil pasir, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) berfungsi sebagai pengawal selia bagi mengelak ketirisan pendapatan daripada industri pasir akibat aktiviti kecurian pasir yang telah berleluasa sejak sekian lama. Modus operandi KSSB adalah tidak melibatkan orang tengah dan kontraktor lantikan KSSB tidak perlu membayar imbuhan kepada mana-mana pihak. Dahulunya, pengusaha-pengusaha pasir mencari jalan keluar yang tidak beretika di antaranya dengan tidak memperakukan (*declare*) kuantiti sebenar pasir yang dikeluarkan bagi menampung kos-kos imbuhan tersebut. Pada ketika ini, Perbendaharaan Negeri Selangor memantau kutipan royalti pasir setiap bulan melalui Pejabat Daerah / Tanah di seluruh Negeri Selangor dan setiap laporan yang diterima akan dirujuk kepada pihak KSSB bagi tujuan pengesahan.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah jawatankuasa ini diwujudkan sebuah jawatankuasa kecil yang dipanggil Jawatankuasa Merinyu yang diletakkan di bawah pengawasan Pejabat Pengarah Tanah & Galian Selangor. Fungsi utama Jawatankuasa Merinyu ini ialah bagi memantau **operasi pengeluaran pasir yang telah diluluskan di bawah KSSB**. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains Selangor / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JMG).

viii. Kerajaan Negeri juga berusaha menangani tunggakan hasil cukai tanah dengan menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah di Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan di Peringkat Daerah ianya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk melaksanakan kutipan tunggakan cukai tanah secara holistik yang melibatkan penunggak tegar dan penyelesaian hakmilik yang terlibat dengan permasalahan tanah di semua Pejabat Daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK DI SELANGOR

79. Baru-baru ,harga rumah di Selangor telah naik sebanyak 30%. Ini mungkin spekulasi ataupun ianya benar –benar menggambarkan permintaan yang sebegitu oleh warga Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan bahawa harga rumah tidak melambung terlalu tinggi dan ianya masih mampu dimiliki oleh kebanyakan warga Selangor?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, antara faktor utama yang dikenal pasti sebagai penyebab kepada kenaikan harga rumah adalah nilai tanah sesuatu projek, peningkatan harga barang pembinaan serta kos penyediaan infrastruktur. Kenaikan harga rumah ini akan terus berlaku selagi kos-kos ini tidak dikawal.

Memandangkan kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri berkaitan dengan perumahan ini adalah terhad, langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengawal harga rumah-rumah mampu milik seperti Rumah Kos Rendah yang dijual pada harga tidak melebihi RM42,000.00 seunit, Rumah Kos Sederhana Rendah tidak melebihi RM72,000.00 seunit dan Rumah Kos Sederhana tidak melebihi RM100,000.00 seunit.

Untuk memastikan rumah-rumah ini berada di pasaran, Kerajaan Negeri telah menetapkan pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Manakala bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PROJEK METROPOLIS KESIHATAN

80. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan negeri memberi penerangan terperinci terhadap projek kesihatan yang sangat penting terhadap rakyat Petaling Jaya ini.

b) Sama kerajaan negeri akan memperuntukkan atau menetapkan supaya sebuah hospital kerajaan didirikan di Petaling Jaya memandangkan rakyat Petaling Jaya perlu hanya bergantung kepada PPUM yang merupakan hospital separuh kerajaan.

JAWAPAN :

a) Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan lima (5) Klinik Kesihatan (KK) dan enam (6) Klinik Desa (KD) di seluruh daerah Petaling Jaya. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, KKM telah menyediakan beberapa fasiliti kesihatan di Petaling Jaya iaitu Klinik Kesihatan Jenis 3 Kota Damansara dan Klinik Kesihatan Jenis 2 Bandar Kinrara.

SENARAI KLINIK KESIHATAN DAN KLINIK DESA DI DAERAH PETALING,SELANGOR DARUL EHSAN

A) KLINIK KESIHATAN

1. Klinik Kesihatan Seri Kembangan
   43300 Seri Kembangan, Selangor.

2. Klinik Kesihatan Puchong
   Batu 14, Jalan Puchong,
   47100 Puchong, Selangor.

3. Klinik Kesihatan Shah Alam
   Seksyen 7,
   40000 Shah Alam, Selangor.

4. Klinik Kesihatan Kelana Jaya
   Lot 38294, Jalan SS 6/3A,
   47301 Petaling Jaya, Selangor.

5. Klinik Kesihatan Medan Maju Jaya
   43000 Petaling Jaya, Selangor.

B) KLINIK DESA

1. Klinik Desa Batu 13
   47100 Puchong, Selangor.

2. Klinik Desa Kampung Melayu Subang
   Jalan Merbau,
   40150 Shah Alam, Selangor.

3. Klinik Desa Paya Jaras
   47000 Sungai Buloh, Selangor.

4. Klinik Desa Petaling Jaya Selatan (PJS 6),
   Kampung Lindungan,
   46000 Petaling Jaya, Selangor.

5. Klinik Desa Kampung Damansara
   Jalan 17A/9,
   56400 Petaling Jaya, Selangor

6. Klinik Desa Merbau Sempak
   47000 Sungai Buloh, Selangor.

b) Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mempunyai cadangan untuk membina hospital kerajaan di daerah Petaling Jaya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PERINDUSTRIAN DI NEGERI SELANGOR

81. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kejayaan yang dapat ditunjukkan oleh jawatankuasa pengurusan taman perindustrian / IPMC dalam membangunkan suasana perindustrian di negeri Selangor.

b) Adakah syarikat-syarikat perindustrian di negeri Selangor dapat membantu merancakkan pembangunan negeri Selangor terutamanya dalam khidmat masyarakat atau csr nya.

c) Berapa banyakkan peluang pekerjaan yang diberikan dan sambutan rakyat Selangor terhadap peluang pekerjaan ini.

JAWAPAN :

a) IPMC yang ditubuhkan telah berjaya membantu para pekilang dimana kebanyakan isu/permasalahan yang dibangkitkan sewaktu mesyuarat IPMC diadakan adalah berkaitan dengan isu/permasalahan yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli-ahli IPMC yang ditubuhkan adalah terdiri daripada agensi-agensi perkhidmatan kerajaan, separa kerajaan, Persatuan Pekilang-Pekilang Daerah dan pihak industri. IPMC dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh itu, sebarang isu/permasalahan yang dibangkitkan akan mendapat maklum balas secara terus dan tindakan segera akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan. Melalui IPMC juga memudahkan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemantauan.

Antara isu/permasalahan yang sering dibangkitkan adalah seperti;-

i. Kebersihan dan keindahan kawasan perindustrian.
ii. Kawalan kacau ganggu dan pencemaran persekitaran
iii. Kemudahan infrastruktur seperti jalan, saliran/longkang dan lampu jalan.
iv. Kemudahan pengangkutan awam.
v. Kemudahan utiliti/perhubungan telekomunikasi, bekalan air, bekalan tenaga elektrik dan telefon.
vi. Masalah tempat letak kereta dan papan tanda jalan.
vii. Kemudahan Asrama atau tempat tinggal bagi pekerja.

IPMC telah memainkan peranan yang penting untuk menyelesaikan. sebanyak 75%-80% isu/permasalahan yang dihadapi oleh para pekilang di Negeri Selangor.

b). Ya, syarikat–syarikat perindustrian yang berada di negeri Selangor secara tidak langsung membantu merancakkan pembangunan di negeri Selangor ini.

Pelbagai program-program khidmat masyarakat telah dijalankan oleh warga industri hasil daripada inisiatif pihak-pihak syarikat yang turut bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi serta penduduk setempat di persekitaran kawasan kilang-kilang mereka.

Sebagai contoh pada 20hb April 2010 yang lalu, syarikat **F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd** dengan kerjasama daripada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga pihak Alam Flora telah menjalankan satu aktiviti program kitar semula bagi kawasan Bandaraya Shah Alam, Program yang berbentuk pertandingan ini adalah bertujuan bagi memupuk kesedaran dan juga secara tidak lansung mempromosikan program kitar semula kepada semua golongan.

Selain itu, pada bulan Januari yang lalu, syarikat **Pharmaniaga Sdn Bhd** telah bekerjasama dengan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan juga pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membangunkan sebuah kawasan iaitu Kawasan Taman Tasek Chempaka sebagai taman ilmu 'knowledge park'. Ini adalah merupakan salah satu projek "csr" yang dijalankan oleh pihak syarikat ini. Projek ini turut menyediakan penggunaan internet secara wireless percuma di kawasan tersebut, sebagai kemudahan kepada masyarakat di sekitar kawasan tersebut.

Syarikat Top Glove (M) Sdn Bhd juga tidak tekecuali dalam memberikan khidmat kemasyarakatan kepada penduduk-penduduk disekitar kawasan kilang-kilang mereka. Pihak syarikat telah bersetuju untuk memberikan sumbangan bagi membiayai kos membaik pulih jalan dan juga parit di persekitaran kilang-kilang mereka untuk kegunaan dan kemudahan semua pihak dan ianya sedang dibincangkan bersama pihak JKR untuk tindakan selanjutnya, Selain itu juga pihak kilang seringkali menjalankan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan kawasan persekitaran. Program yang dijalankan ini juga turut melibatkan penduduk-penduduk disekitar kawasan ini. Pihak syarikat ini juga turut memberikan sumbangan kepada anak-anak yatim di kawasan ini pada sempena sambutan perayaan hari raya yang lalu.

c). Terdapat sebanyak 20,000 peluang pekerjaan di negeri Selangor mengikut statistik yang diberikan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (cawangan Selangor) dalam mempromosikan program Jom Kerja bermula pada November 2009.

Sebanyak 5 Siri Program Jom Kerja yang telah diadakan bermula dari bulan November 2009 hingga bulan Oktober 2010. Sebanyak 5,562 orang calon yang telah datang mendaftar dan 2,441 orang pemohon telah berjaya ditemuduga.

Program jelajah Jom kerja ini diadakan dari satu daerah ke satu daerah. Ianya telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada rakyat Selangor yang tiada pekerjaan dan ada juga di kalangan mereka mencari peluang pekerjaan baru.

Daerah Klang telah mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu seramai 2,060 orang calon dan diikuti oleh daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam seramai 1,672 orang calon datang untuk sesi temuduga. Ramai diantara calon-calon yang datang untuk sesi temuduga ini mencari kerja yang berdekatan dengan daerah kediaman mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : BAYARAN PREMIUM TANAH KG BARU DENGKIL. KERAJAAN TELAH MENGENAKAN SEMULA KADAR BAYARAN PREMIUM KEPADA 40 LOT RUMAH DI KG BARU DENGKIL.

82. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakan bantuan yang kerajaan negeri berikan kepada mereka yang tidak mampu untuk membayar premium yang tinggi.

b) Bagi mereka yang telah membayar premium bilakah surat hak milik akan dikeluarkan.

JAWAPAN :

a) MMKN Bil. 9/2009 bertarikh 28.03.2009 telah menimbang dan meluluskan pemberimilikan semula Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 76, KTN di Kg. Baru Dengkil dengan perlanjutan tempoh Pajakan 99 tahun kepada 48 pemohon dengan pengenaan kadar premium ½ x 1/100 x nilaian tanah yang diluluskan x 99 tahun mengikut KTS (Pindaan 2005).

39 daripada 48 pemohon telah mengemukakan rayuan pengurangan premium dan MMKN Bil. 16/2009 bertarikh 20.05.2009 telah menimbang dan meluluskan pengurangan bayaran premium sebanyak 25% kepada 39 pemohon dan bayaran premium hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Borang 5A diterima. Pemohon tidak dapat menjelaskan bayaran-bayaran yang telah ditetapkan sehingga luput tempoh kelulusan.

PTD Sepang telah menerima 34 permohonan daripada pemohon yang telah luput tempoh kelulusan dan telah menyediakan kertas untuk pertimbangan semula MMKN. Walau bagaimanapun kertas tersebut telah dikembalikan sehubungan dengan arahan MMKN iatu semua permohonan di bawa secara berkelompok mengikut mukim/kampong.

Pindaan kertas dan laporan terkinik atas tanah telah diambil tindakan selaras dengan arahan PTG Selangor berdasarkan contoh kertas pertimbangan dan laporan atas tanah yang telah diseragamkan bagi tujuan permohonan berkelompok.

Pada 08.09.2010, PTD Sepang telah mengangkat semula kertas tersebut untuk pertimbangan MMKN dengan pengenaan kadar premium berdasarkan Pekeliling PTG.Sel. Bil. 4/1999 dan keputusan MMKN Bil. 18/2003 bertarikh 27.08.2003. Sehingga kini PTD Sepang belum menerima keputusan tersebut.

b) Hanya seorang pemohon sahaja yang telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran yang dikenakan dan hak milik individu telah pun dikeluarkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PENYALAHGUNAAN KUASA (SURAT SOKONGAN) AHLI MAJLIS PBT)

83. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa orang Ahli Majlis PBT yang terlibat dalam perkara salah guna kuasa dan melanggar kod etika kerja?

b) Apakah tindakan tatatertib yang telah diambil?

JAWAPAN:

a) Jumlah Ahli Majlis PBT yang terlibat dalam perkara salah guna kuasa dan melanggar kod etika kerja adalah seramai dua (2) orang. Senarai nama adalah seperti di jadual berikut :-

PBT	NAMA	KAD PENGENALAN	BANGSA	AGAMA	ORGANI-SASI
MPK	1) Puan Hamidah binti Mat Som	570729106104 (5333396)	Melayu	Islam	PKR
	2) Encik Tee Boon Hock	600209106463 (5867475)	Cina	Buddha	DAP

b) Bagi kes Puan Hamidah binti Mat Som, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke – 30/2010 telah mengesahkan pelucutan jawatan beliau dan memutuskan agar surat pelucutan jawatan beliau dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar. Manakala bagi kes Encik Tee Boon Hock, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke – 29/2010 pula telah mengesahkan pelucutan jawatan beliau dan surat arahan daripada Pejabat Menteri Besar juga telah dikeluarkan kepada Majlis Perbandaran Klang bagi mengeluarkan surat pelucutan jawatan kepada Encik Tee Boon Hock.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : BEKALAN AIR

84. Kerajaan negeri mendakwa bekalan air cukup kepada rakyat Selangor sehingga 2019 berbanding laporan awal pihak kementerian yang mengatakan krisis bekalan meruncing tahun 2014.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah asas dakwaan ini dan siapakah konsultan yang mengkaji unjuran tersebut ?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedia bertanggungjawab jika krisis bekalan air berlaku lebih awal ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menafikan isu kekurangan bekalan air yang dijangkakan akan melanda Negeri Selangor sebelum siapnya Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor. Pertikaian yang berlaku hanyalah dari segi penetapan tarikh bila akan berlakunya kekurangan bekalan air tersebut.

Berdasarkan kepada unjuran kapasiti pengeluaran air dibandingkan dengan unjuran permintaan bekalan air yang didasarkan kepada penggunaan sebenar bermeter (*metered consumption)* dan keupayaan pengeluaran semasa loji rawatan air, didapati bahawa kekurangan air akan berlaku pada tahun 2019.

Masalah kekurangan air adalah berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur bekalan air sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Pembangunan infrastruktur bekalan air adalah memakan belanja yang tinggi dan setiap sen yang dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur bekalan air akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil sikap berhati-hati di dalam menetapkan tarikh dijangka berlakunya masalah kekurangan bekalan air. Ini adalah sebagai langkah untuk mengelakkan semua pihak memberi tumpuan kepada isu bila berlakunya masalah kekurangan air dan mengabaikan fokus utama industri perkhidmatan air negeri Selangor iaitu untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air.

Pada masa yang sama, dalam menetapkan tarikh dijangka berlakunya masalah kekurangan bekalan air, Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil maklum akan pelaksanaan Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor yang dijangka akan siap pada tahun 2014. Projek ini telah menelan belanja yang besar dan kerja-kerja di tapak telah mula dilaksanakan. Sekiranya pembangunan infrastruktur bekalan air bagi projek-projek sumber air tambahan lain diberikan fokus utama sebelum terlaksananya projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor, ini kelak boleh mendatangkan pembaziran kerana akan berlaku berlebihan pengeluaran air berbanding permintaan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan perbelanjaan berhemah bagi setiap projek yang dilaksanakan.

b) Masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Pada ketika ini, kapasiti maksimum pengeluaran dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,256 JLH. Dari jumlah tersebut, dianggarkan sejumlah 3,904JLH digunakan untuk menampung permintaan dari pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi serta industri dengan mengambil kira zon penampan sebanyak 10% dalam unjuran permintaan dan pengeluaran bekalan air bersih.

Pada ketika ini, semua data berkenaan dengan permintaan dan pembekalan air adalah dipegang oleh SYABAS. Dari data yang telah di analisa, didapati unjuran yang dibuat oleh SYABAS adalah agak tinggi. Rawatan air pula dikendalikan oleh operator yang berlainan. Namun demikian, sekiranya berlaku krisis bekalan air, dalam apa keadaan sekalipun, Kerajaan Negeri Selangor akan dipersalahkan. Oleh itu, salah satu tujuan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor adalah untuk memastikan industri perkhidmatan air di Selangor dikendalikan secara holistik oleh satu operator bermula dari proses rawatan proses hinggalah pengagihan kepada pengguna.

Masalah kekurangan air adalah berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur bekalan air sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Pembangunan infrastruktur bekalan air memakan belanja yang tinggi dan setiap sen yang dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur bekalan air akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi.

Namun demikian, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah berhati-hati di dalam menangani masalah kekurangan air. Apatah lagi dalam keadaan hari ini, kebanyakan loji dan rumah pam sekarang berada di tahap pengeluaran yang maksimum malah terdapat loji dan rumah pam yang beroperasi dalam keadaan *overload* (melebihi beban reka bentuk). Keadaan kekurangan bekalan air ini akan diburukkan lagi jika berlaku kejadian-kejadian seperti berikut:-

i) Penutupan loji disebabkan oleh pencemaran sumber air, gangguan bekalan elektrik kerosakan peralatan loji, penyelenggaraan berjadual loji,

ii) Musim kemarau luar biasa yang boleh menjejaskan pengeluaran air dan meningkatkan permintaan air, atau

iii) Kerosakan paip induk yang disebabkan oleh pihak ketiga.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah persediaan bagi mengatasi masalah krisis bekalan air sekiranya ia berlaku.

Bagi meningkatkan sumber air mentah, Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk menggunakan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif. Dengan penggunaan air bawah tanah ini, penggantungan sepenuhnya terhadap air permukaan dapat dikurangkan. Negeri Selangor mempunyai lembangan sungai yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan sebagai sumber air bawah tanah seperti:-

i) Lembangan Sungai Langat;
ii) Lembangan Sungai Bernam; dan
iii) Lembangan Sungai Tengi.

Berpandukan kepada laporan Jabatan Mineral dan Geosains Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada April 2006, kawasan Lembangan Sungai Langat mempunyai luahan selamat (*sustainable yeild)* air bawah tanah sebanyak 45 juta liter sehari.

Kerajaan Negeri mempopularkan penggunaan air bawah tanah ini terutamanya bagi pengguna industri. Dalam mempopularkan penggunaan air bawah tanah ini, Kerajaan Negeri Selangor berkemungkinan akan memberikan insentif kepada mereka yang menggunakan air bawah tanah.

Penggunaan air bawah tanah yang berlebih-lebihan boleh membawa impak sosial, ekonomi dan alam sekitar seperti penenggelaman tanah dan kerosakan infrastruktur. Sehubungan dengan itu, pengawalan yang berterusan adalah perlu bagi mengelakkan penggunaan air bawah tanah yang tidak terkawal. Penggunaan air bawah tanah di negeri Selangor adalah tertakluk kepada kawal selia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Selain mempopularkan penggunaan air bawah tanah, pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor turut bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah pro aktif bagi memastikan bekalan air sentiasa mencukupi. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA *Alternative Water Supply Scheme*. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 01Jun 2010 dan dijangka siap pada Disember 2011. Melalui projek ini, dapat meningkatkan sumber air sebanyak 105 JLH.

Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Jun 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM285 juta bagi program litigasi yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Selangor. Projek litigasi ini telah diperakukan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia ke 10 adalah seperti berikut:-

i) Menaik taraf stesen mengepam air mentah dari Sungai Selangor Fasa 1, dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 190 JLH;

ii) Membina Sistem Pam Bernam River Headworks ke kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam, dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 25 JLH; dan

iii) Projek penggantian paip lama bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Langkah-langkah jangka masa panjang yang akan diambil bagi memastikan bekalan air mencukupi bagi rakyat Selangor pada masa hadapan ialah seperti berikut :

i) Menyediakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai untuk Sungai Klang dan Sungai Langat bagi memastikan perancangan dan pembangunan secara holistik dan mampan dapat dilaksanakan selari dengan kepentingan sumber air dan alam sekitar amnya.

ii) Penyediaan *'State of the river Report'* untuk Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang yang akan diterbitkan setiap dwitahunan sejak tahun 2006. Ia mengandungi maklumat dan data-data terkini mengenai lembangan sungai terutamanya dari aspek pengurusan kuantiti dan kualitinya. Ia juga melibatkan program/tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu yang dijalankan bagi pengawalan pencemaran sungai di samping memberi maklumat kepada orang awam akan status sungai di Selangor.

iii) Pengawalan pelepasan air daripada empangan berdasarkan keperluan loji rawatan air di bahagian hilir sungai untuk memastikan kuantiti air sentiasa mencukupi untuk proses rawatan.

iv) Menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera.

v) Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah 285 liter/orang/hari. Kaedah yang paling efektif untuk menjimatkan penggunaan air adalah dengan mengurangkan kadar permintaan per kapita bagi penduduk di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Penjimatan 20% daripada kadar penggunaan air semasa iaitu daripada 285 liter per kapita ke 228 liter per kapita, ini bermaksud penjimatan yang besar iaitu sebanyak 304 JLH pada tahun 2010 dan 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Usaha-usaha lebih giat akan dijalankan bagi mengurangkan penggunaan air per kapita.

vi) Mengadakan kajian untuk menggunakan air dari bekas-bekas lombong dan tasik-tasik.

Pada masa yang sama, dalam mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air, Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil maklum akan pelaksanaan Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor yang dijangka akan siap pada tahun 2014. Projek ini telah menelan belanja yang besar dan kerja-kerja di tapak telah mula dilaksanakan. Sekiranya pembangunan infrastruktur bekalan air bagi projek-projek sumber air tambahan lain diberikan fokus utama sebelum terlaksananya projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor, ini kelak boleh mendatangkan pembaziran kerana akan berlaku berlebihan pengeluaran air berbanding permintaan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan perbelanjaan berhemah bagi setiap projek yang dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PRESTASI YDP DI SETIAP MAJLIS TEMPATAN.

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan cara-cara untuk menilai prestasi YDP? Sila kemukakan borang atau laporan penilaian sejak tahun 2009.

b) Mengapakah penilaian tersebut tidak terlibat ahli majlis, ADN dan rakyat?

c) Kenapakah satu sistem putaran tidak dapat dijalankan? Sila jelaskan secara terperinci.

JAWAPAN:

a) Pada dasarnya, penilaian prestasi tahunan penjawat awam termasuk Datuk Bandar / Yang Dipertua dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Prestasi yang diperkenalkan mulai tahun 2002 dan masih digunakan sehingga kini. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 menjelaskan secara terperinci tentang kaedah yang digunakan untuk menilai prestasi kerja penjawat awam melibatkan proses penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), penilaian perlakuan, dan pencapaian kerja pegawai dalam tempoh masa tertentu bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah jabatan.

Sistem ini menetapkan tiga (3) pihak yang terlibat di dalam sesuatu proses penilaian iaitu Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK). Secara khususnya, penilaian prestasi kerja Datuk Bandar / Yang Dipertua dilaksanakan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Definisi Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) adalah seperti berikut :

i. PPP ialah pegawai atasan atau penyelia terdekat kepada PYD dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerjanya; dan

ii. PPK ialah pegawai atasan yang terdekat kepada PPP dan mempunyai hubungan kerja dengan PYD. Jika hanya terdapat satu peringkat penilaian, maka penilaian bolehlah dilaksanakan oleh PPP sahaja.

Sistem Penilaian Prestasi ini dilaksanakan bertujuan :

i. Menentukan penempatan dan bidang kerjaya yang sesuai dengan potensi, kebolehan, keistimewaan serta kemajuan kerjaya.

ii. Menentukan kesesuaian dan kelayakan untuk kenaikan pangkat, pemangkuan, pinjaman dan pertukaran sementara.

iii. Menentukan kelayakan atau kesesuaian untuk pergerakan dan anjakan gaji.

iv. Menentukan penganugerahan khidmat cemerlang, pingat dan bintang kebesaran serta pemberian surat penghargaan.

v. Mengenal pasti dan merancang keperluan latihan ; dan

vi. Memberi kaunseling dengan tujuan memperbaiki dan meningkatkan prestasi serta motivasi pegawai.

Terdapat dua (2) jenis borang penilaian prestasi yang digunakan untuk menilai prestasi kerja Datuk Bandar / Yang Dipertua iaitu :

BIL.	BORANG	KUMPULAN PEGAWAI
1.	JPA (Prestasi) 1/2002	Pengurusan Tertinggi (Jawatan Utama Sektor Awam)
2.	JPA (Prestasi) 3/2002	Pengurusan dan Profesional

(Salinan borang disertakan di Lampiran)

b) Buat masa ini, Pentadbiran Kerajaan Negeri masih menggunakan Sistem Penilaian Prestasi sebagai medium penilaian prestasi kerja tahunan setiap Datuk Bandar / Yang Dipertua yang dinilai sepenuhnya oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. **Penilaian prestasi Datuk Bandar / Yang Dipertua perlu dilaksanakan oleh pegawai di dalam Perkhidmatan Awam amnya dan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Khasnya selaku Ketua Perkhidmatan.**

c) Pentadbiran Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk mengadakan Pusingan Kerja di kalangan Datuk Bandar / Yang Dipertua sedia ada melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor. Cadangan Pusingan Kerja ini secara tidak langsung menawarkan peluang kerjaya yang lebih baik kepada Datuk Bandar / Yang Dipertua dan menggalakkan perkongsian kepakaran untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan di PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : MASJID

86. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah masjid baru yang akan di bina oleh kerajaan negeri dan berapakah pula yang terbengkalai sejak tahun 2008,, apakan penyebab utamanya?

JAWAPAN :

a) Terdapat **sembilan (9) buah masjid** yang akan dibina untuk tahun 2010 iaitu :-

1) Masjid Seksyen 7, Shah Alam;
2) Masjid Zakaria, Gombak;
3) Masjid Taman Sri Muda, Shah Alam;
4) Masjid Kg. Jenjarum, Kuala Langat;
5) Masjid Pekan Dengkil, Sepang;
6) Masjid Pekan Jeram, Kualan Selangor;
7) Masjid Simpang 3 Ijok, Kuala Selangor;
8) Masjid Bukit Jelutong, Shah Alam (wakaf DYMM Almarhum Sultan dan Sime Darby); dan
9) Masjid Seksyen 13, Shah Alam (wakaf individu).

Tiada projek masjid yang terbengkalai sejak tahun 2008.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: BANTUAN BIASISWA OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

87. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah dan statistik para pelajar mengikut kaum yang telah menerima bantuan biasiswa daripada Kerajaan Negeri pada masa kini?

b) Berapakah jumlah bantuan biasiswa yang telah diberikan kepada setiap pemohon-pemohon tersebut dan apakah statistik dari segi jurusan yang diambil dan juga nama-nama institusi-institusi pengajian tinggi para pemohon tersebut?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki sistem pemilihan di dalam pemberian biasiswa tersebut dan apakah strategi bagi menggalakkan lebih ramai para pelajar untuk memohon dan menikmati biasiswa daripada Kerajaan Negeri Selangor ini?

JAWAPAN:

a) Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTA/ IPTS dalam pelbagai bidang. Bilangan pelajar yang telah menerima Pinjaman Kerajaan Negeri Selangor (TKWBNS) mengikut kaum adalah seperti berikut:

TAHUN	**KAUM**			**JUMLAH KESELURUHAN**
	Melayu	India	Cina	
2006	260	34	38	332
2007	401	22	20	443
2008	668	24	15	707
2009	705	37	17	759
2010*	400	4	12	416
JUMLAH	**1105**	**41**	**29**	**2657**

**setakat sesi 1/2010*

b) Pinjaman Pelajaran di bawah TKWBNS merupakan pinjaman tanpa faedah bertujuan membantu pelajar-pelajar kelahiran Negeri Selangor, khususnya yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS. Pinjaman tersebut merupakan mekanisme Kerajaan Negeri dalam memenuhi tanggungjawab sosial, terutamanya bagi meningkatkan tahap pendidikan rakyat.

Jumlah Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang diberikan kepada setiap pemohon adalah mengikut peringkat pengajian pemohon di IPT yang telah ditetapkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor seperti berikut :

Bil	Jenis Pengajian	Kadar Tajaan (Setahun)
1	Sijil (Tenaga Mahir)	RM 4,000
2.	Sijil (Politeknik)	RM 4,000
3.	Diploma (Pelbagai)	RM 4,900
4.	Ijazah (Pelbagai)	RM 6,500
5.	Ijazah (Perubatan)	RM 7,000

Manakala statistik pelajar yang telah menerima bantuan Pinjaman Pelajaran mengikut bidang/ jurusan pengajian setakat Disember 2009 adalah seperti berikut:

Bidang/ Jurusan Pengajian	Ijazah	Diploma	Sijil	Jumlah Keseluruhan
Sains/ Teknologi	1339	1503	-	2842
Sastera	1524	2037	1623	5184
Kejuruteraan	1044	1683	1933	4660
Pelbagai	114	-	-	114
Jumlah	**4021**	**5223**	**3556**	**12,800**

Pinjaman pelajaran ini terbuka kepada pemohon-pemohon yang mengikuti pengajian di semua IPTA/ IPTS yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Setakat ini, jumlah institusi pengajian tinggi yang telah disenaraikan adalah berjumlah sebanyak 399 buah institusi yang merangkumi IPTA dan IPTS seperti UITM, UKM, UM, Unisel, KUIS, Inpens, Kolej WIT, Kolej Komuniti, Lincoln College dan Universiti Lim Kok Wing.

c) Urus Setia Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah melaksanakan proses pemilihan bagi permohonan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan **syarat kelayakan** yang telah ditetapkan oleh LTKWBNS iaitu:

i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
ii) Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; atau
iii) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974; atau

iv) Pemohon telah bermastautin lebih daripada lima (5) tahun di Negeri Selangor.

Selain itu, **sistem pemarkahan secara berkomputer** juga telah dilaksanakan bagi memastikan pelajar yang berkelayakan ditawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor. Pecahan pemarkahan adalah mengikut tiga (3) kriteria utama seperti berikut:

i)	**Pencapaian Akademik**	-	40%
ii)	**Pendapatan Keluarga**	-	30%
iii)	**Penilaian Temuduga**	-	30%
	Jumlah Keseluruhan	-	**100%**

Bagi memastikan maklumat berkaitan kemudahan skim pembiayaan pelajaran ini diketahui oleh rakyat seterusnya menggalakkan lebih banyak lagi permohonan, Urus Setia LTKWBNS telah melaksanakan proses hebahan/ makluman apabila tawaran mula dibuka sebanyak dua (2) kali setahun melalui kaedah seperti berikut:

1) Menyiarkan iklan tawaran Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui akhbar-akhbar utama tempatan berbahasa Melayu, Cina dan Tamil;

2) Menyiarkan iklan tawaran Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui laman web rasmi kerajaan Negeri Selangor; iaitu; www.selangor.gov.my;

3) Mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada IPT, sama ada IPTA atau IPTS melalui pihak Hal Ehwal Pelajar masing-masing; dan

4) Mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada Jabatan/ Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor serta semua Pusat Khidmat Masyarakat/ Pusat Khidmat DUN.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PELABURAN

88. Tahniah rombongan ke luar negara yang di ketuai oleh EXCO bertanggungjawab yang baru-baru ini membawa pulang berbillion ringgit hasil pelaburan tersebut

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah prasangka mereka terhadap Kerajaan Negeri Selangor bila mana banyak Negara-negara asing menarik balik atau enggang meneruskan pelaburan juga perdagangan mereka dengan Kerajaan Malaysia, dan apakah rancangan kita di tahun-tahun yang akan dating untuk menambahkan lagi pelaburan kita?

JAWAPAN:

a) Hasil daripada pertemuan dan perbincangan yang telah diadakan kebanyakan para pelabur masih berpandangan positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan aktiviti pelaburan di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor dimana kebanyakan syarikat-syarikat yang dilawati merancang dan telah membuat penambahan pelaburan mereka di negeri yang sedia ada di Negeri Selangor

   lagi pelaburan di tahun-tahun yang akan datang Kerajaan Negeri akan sentiasa melaksanakan program-program seperti berikut;-

   i. Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
   ii. Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
   iii. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
   iv. Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
   v. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
   vi. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
   vii. Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
   viii. Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
   ix. Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
   x. "Hand hold" program
   xi. Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : TAPAK KUIL HINDU DI TAMAN SRI NANDING, HULU LANGAT

89. Tapak kuil ini terletak di antara Taman Sri Nanding dan Taman Lagenda Suria di Hulu Langat. Penghuni kedua-dua taman ini lebih 90% adalah terdiri daripada bangsa Melayu yang beragama Islam. Tapak kuil ini pula terlalu hampir dengan perumahan dan mendapat bantahan keras daripada penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri akan memindahkan tapak kuil ini ke kawasan yang lebih sesuai?

JAWAPAN:

a) Tapak tempat ibadat bukan Islam telah dirizabkan dalam pelan susun atur Taman Lagenda Suria pada 29 September 2001 dan pemberimilikan tanah telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Persatuan Sri Mahamuthu Mariaman Alayam Dusun Nanding dan dokumen hakmilik didaftarkan pada 29 Januari 2004.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : AHLI MAJLIS

90. Terdapat kes pergaduhan melibatkan ahli majlis sehingga mendatangkan kecederaan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berikan statistik kes dan masalah yang melibatkan ahli-ahli majlis?

b) Apakah tindakan terhadap ahli majlis yang terlibat dalam jenayah dan penyelewengan?

c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengkaji kaedah pelantikan ahli majlis bagi mengelakkan masalah ini berlaku?

JAWAPAN :

a) Bilangan keseluruhan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seramai **297 orang** termasuk Datuk Bandar / Yang Dipertua dan Orang Besar Daerah (OBD) dan bilangan Ahli Majlis wanita PBT adalah seramai **42 orang.** Bilangan lengkap mengikut PBT adalah seperti jadual di Lampiran A :-

LAMPIRAN A

PBT	BANGSA				JANTINA	
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	LELAKI	PEREMPUAN
MBSA	16	3	5	0	20	4
MBPJ	11	8	5	1	22	3
MPK	9	8	6	0	21	2
MPAJ	16	6	3	0	19	6
MPSJ	10	11	3	1	23	2
MPS	16	6	3	0	23	2
MPKj	13	9	3	0	23	2
MPSp	14	5	5	1	21	4
MDKS	13	6	6	0	22	3
MDHS	11	9	4	1	18	7
MDKL	13	7	5	0	22	3
MDSB	15	8	2	0	21	4
JUMLAH KESELURUHAN	**157**	**86**	**50**	**4**	**255**	**42**
	297				**297**	
PERATUSAN (%)	**52.9**	**29.0**	**16.8**	**1.3**	**85.9**	**14.1**
	100.0				**100.0**	

b) Untuk makluman peratusan Ahli Majlis di kalangan wanita adalah sebanyak 14.1% berbanding lelaki 85.9% berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh PBT dan Kerajaan Negeri tidak menetapkan sasaran dalam mencapai minimum 30% Ahli Majlis wanita. Pemilihan Ahli Majlis adalah disyorkan dan ditentukan oleh parti masing-masing mengikut kehendak Jawatankuasa Parti dan tidak mengambil kira sama ada dari kalangan lelaki atau perempuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan melihat dan mengkaji semula berkenaan perkara ini supaya lebih ramai Ahli Majlis wanita pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : SETINGGAN DI SELANGOR

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status terkini setinggan di Negeri Selangor?

b) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menangani masalah setinggan baru yang sukar dipindahkan?

c) Adakah sebarang bentuk pampasan untuk keluarga setinggan tersebut, nyatakan?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 30 Oktober 2010 masih terdapat seramai 4,073 keluarga setinggan di Negeri Selangor yang belum dipindahkan ke penempatan baru atau diselesaikan. Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatat bilangan setinggan paling tinggi di atas tapak iaitu seramai 1,318 keluarga, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 1,075 keluarga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 348 keluarga, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 337 keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 331 keluarga, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 256 keluarga dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) 173 keluarga. Manakala PBT-PBT lain menunjukkan bilangan yang lebih kecil iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 112 keluarga, Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) 103 keluarga, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) 12 keluarga dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 8 keluarga. Tiada lagi penempatan setinggan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Walau bagaimanapun, PBT berkenaan sedang menumpukan program pemindahan semula bekas setinggan yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dan PPR Kota Damansara ke projek rumah kos rendah.

b) Strategi Kerajaan Negeri dalam melaksanakan penyelesaian setinggan baru dengan mengamalkan situasi "menang-menang" tanpa melibatkan sebarang kekasaran atau kes mahkamah. Operasi perobohan hanya akan dibuat selepas perbincangan dan persetujuan dicapai antara pihak setinggan dan Kerajaan Negeri. Setinggan tersebut akan diberi pilihan untuk berpindah secara sukarela dengan ditawarkan mana-mana rumah kos rendah yang berdekatan atau tinggal di tapak selagi tiada keperluan pembangunan ke atas tapak tersebut.

c) Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang bentuk pampasan kepada keluarga setinggan baru tetapi sebarang tindakan penyelesaian yang dibuat akan mengambilkira tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh mereka kepada Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KILANG HARAM

92. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kilang haram yang masih beroperasi di Negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah kilang yang telah mendapat kelulusan dalam Program Pemutihan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak pemerintahan Pakatan Rakyat?

c) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan atau pemilik kilang semasa proses pemutihan tersebut dan Apakah rancangan masa depan kerajaan bagi memajukan kilang-kilang ini?

JAWAPAN :

a) Bilangan kilang-kilang haram yang terdapat di Negeri Selangor mengikut Daerah adalah seperti dalam jadual berikut :-

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH
(SEHINGGA OKTOBER 2010)

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT		KEPUTUSAN			PERMIT KHAS SEMENTARA				JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN			PREMIUM TAMBAHAN	
				LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	2008	2009	2010	TELAH BAYAR	BELUM BAYAR
PETALING	985	654	66.40%	591	3	53	3	0	1	1				46,104,292.00	66,265,494.00
KLANG	434	173	39.86%	113	16	0	424	415	434	470	10	7	3	25,135,112.50	9,480,284.50
GOMBAK	44	28	63.64%	37	1	12	32	0	0	0		5		342,056.34	1,256.34
HULU LANGAT	467	244	52.25%	178	11	3	53	18	24	2	13	11	2	20,583,028.60	7,614,654.00
KUALA LANGAT	209	146	69.86%	112	15	5	90	10	35	0	30	9		17,385,389.00	2,039,832.00
SEPANG	44	17	38.64%	17	0	0	14	0	3	1	4	1		2,094,404.00	1,226,095.00
HULU SELANGOR	16	14	87.50%	1	3	3	15	14	10	5		1	1	41,800.00	24,220.00
KUALA SELANGOR	34	10	29.41%	8	2	0	1	6	2	1				14,700.00	0.00
SABAK BERNAM	15	10	66.67%	4	5	10	6	1	3	0		4		10,000.00	5,000.00
JUMLAH	**2,248**	**1,296**	**57.65%**	**1061**	**56**	**86**	**638**	**464**	**512**	**480**	**57**	**38**	**6**	**111,710,782.44**	**86,656,835.84**

LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
(SEHINGGAN MEI 2010)

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	0	0	21	1	0	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373							361	372	373		80,070.52
MPSJ	452	4	0	0	4	0	0	78	22	13		58,140.00
MPK	443	74			47			87	113	139		315,077.00
MPKj	590	138	2	1					320	367		276,800.00
MPAJ	226											
MPS	35											
MPSp	106	48	8	0	15	0	5			55		11,000.00
MDKL	209	11						100	100	8		62,400.00
MDKS	49	7	0	0	4	0	2			16		14,540.00
MDHS	55	5	2	3	6	2	3			31		12,185.00
MDSB	6							6	6	6		14,400.00
JUMLAH	**2995**	**332**	**12**	**4**	**97**	**3**	**10**	**907**	**1092**	**1168**	**50**	**1,213,094.52**

* jumlah pembayaran lesen sementara MPSJ masih belum dikemaskini kerana Bahagian Perlesenan tidak dapat memberi maklumat yang tepat.
(pembayaran lesen kilang haram & kilang halal disekalikan)

b) Jawapan seperti di **(a).**

c) Masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menyelesaikan kilang haram adalah:

1) Sebahagian tuan punya tanah tidak berminat untuk meminda dan menukar syarat nyata tanah.

2) Pemilik tanah hanya menggunakan sebahagian tanah untuk menjalankan aktiviti.

3) Kebanyakan tuan tanah telah berusia dan mereka tidak layak untuk mendapatkan pinjaman.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah Dan Galian Selangor telah merancang dengan melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di mana di dalam program tersebut kilang-kilang yang telah dibanci akan di beri kemudahan.

Kemudahan ini diberikan kepada kilang-kilang haram sebelum tarikh 30 Jun 2011.

i. Antaranya penurunan kuasa kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan permohonan tukar syarat yang berada di dalam zon industri. Di luar zon industri perlu dibawa ke Jawatankuasa Induk Penempatan Kilang - Kilang Tanpa Kebenaran.

ii. Pengurangan Premium Tambahan. Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran dalam tempoh 3 bulan atau 30% bagi bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan atau 10% bagi bayaran dalam tempoh 9 bulan.

iii. Diberi juga bayaran premium secara ansuran sebanyak 12 kali bayaran dalam tempoh 18 bulan atau 24 bulan dari tarikh borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

iv. Pengecualian premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah kaedah 11(6) Kaedah Tanah Selangor 2003.

v. Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang 15 tahun atas kegunaan industri dan premium dikenakan berdasarkan nilaian tanah semasa dan diberi pengurangan sebanyak 50%.

vi. Insentif masih diperoleh sekiranya pemohon dapat membuktikan pihak institusi kewangan gagal memberikan pinjaman dalam tempoh tiga bulan selepas kelulusan daripada Pejabat Tanah Daerah dikeluarkan.

Insentif Pihak Berkuasa Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi mandat untuk menjalankan penguatkuasaan sekiranya kilang-kilang yang baru didirikan tidak memenuhi syarat-syarat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (GLC)

93. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan anak-anak syarikat Negeri Selangor serta peratusan milikan saham oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam syarikat-syarikat tersebut.

b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memantau dan meningkatkan prestasi anak-anak syarikat negeri Selangor serta syarikat subsidiari di bawahnya?

c) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan penglibatan anak-anak syarikat Negeri Selangor dalam pasaran ekonomi bagi memastikan persaingan bebas dan kompetitif dalam pembangunan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Bil	Syarikat	Unit Saham	Nilai Saham (RM)	(%)
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	262,408,163	289,966,506.00	100
2	Permodalan Nasional Berhad	24,000,000	24,000,000.00	100
3	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	643,694	643,694.00	100
4	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Bhd	5,000,000	55,000,000.00	100
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2,499,998	2,499,998.00	99.9
6	Tourism Selangor Sdn Bhd	1,999,998	1,999,998.00	99.9
7	Rantaian Mesra Sdn Bhd	1,999,998	1,999,998.00	99.9
8	SSIC Berhad	1,999,999	1,999,999.00	99.9
9	Communication Corporation Sdn Bhd	1,000,000	1,000,000.00	100
10	Majlis Sukan Negeri Selangor (H) Sdn Bhd	1,000,000	1,000,000.00	100
11	Yayasan Warisan Anak Selangor	-	-	-
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	-	-	-

a) Senarai yang diberi adalah berkaitan Anak-anak Syarikat dibawah MBI *sahaja.*

b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memantau dan meningkatkan prestasi Anak-anak Syarikat Negeri Selangor serta syarikat subsidiari di bawahnya adalah dengan mengadakan perbincangan secara berkala dengan Pengurusan Anak-anak Syarikat bagi memastikan mereka mengikut peraturan perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga perlu memastikan kos-kos perbelanjaan Anak-anak Syarikat juga perlu dikawal dengan memberi mereka tunjuk ajar dan nasihat yang sewajarnya berkaitan aspek tersebut.

c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan penglibatan Anak-anak Syarikat Negeri Selangor dalam pasaran ekonomi bagi memastikan persaingan bebas dan kompetitif dalam pembangunan di Negeri Selangor adalah dengan tidak sewenang-wenangnya memberi sokongan kewangan kepada Anak-anak Syarikat, ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka berdikari mengatasi masalah kewangan mereka sendiri. Selain daripada itu, adalah wajar sekiranya Kerajaan Negeri tidak mencampuri urusan harian Anak-anak Syarikat seperti mengeluarkan surat sokongan kepada pihak ketiga untuk Anak-anak Syarikat menjalankan aktiviti perniagaan mereka, secara tidak langsung ini dapat membuktikan Kerajaan Negeri tidak menggunakan kuasanya untuk mempengaruhi pihak lain bagi kepentingan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : KELULUSAN PERMOHONAN TANAH

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Huraikan rungutan rakyat berkenaan kelulusan permohonan hak milik tanah terlalu perlahan, apakah kerajaan tidak berhasrat merombak bahagian pentadbiran ini?

JAWAPAN :

a) Merujuk kepada isu pemprosesan hak milik tanah yang mana dari segi prosesnya bermula dari permohonan Pentadbir Tanah dan berakhir di peringkat MMKN. Ada beberapa isu yang perlu dimaklumkan kepada dewan bagi memperjelaskan isu yang dibangkitkan iaitu :-

i) Pentadbiran Tanah Negeri Selangor bermula pada tahun 2003 telah mengenal pasti sebanyak 55,388 permohonan yang perlu diselesaikan. Keutamaan penyelesaian kes ialah kepada jumlah yang tertunggak ini dan pada tahun 2006 sehingga 2008 sebanyak 54,946 permohonan telah diselesaikan.

ii) Kerajaan Negeri yang di bawah Pakatan Rakyat telah menetapkan bahawa permohonan pemberimilikan diproses semula oleh Pentadbir Tanah secara berkelompok atas tujuan pemutihan kes-kes penerokaan tanah kerajaan mengikut sesuatu kawasan dalam daerah. Dalam usaha ini semua permohonan yang telah diproses oleh Pentadbir

iii) Tanah sebelum ini adalah bergantung pada kes telah dikembalikan secara berkelompok dan ini menjurus kepada kelewatan dalam memproses permohonan tersebut.

iv) Pada masa ini baki permohonan tanah yang masih berada dalam tindakan bagi setiap daerah adalah seperti berikut :-

PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA

DAERAH	BIL PERMOHONAN DITERIMA	TINDAKAN MMKN/MTES	KEPUTUSAN			
			LULUS	TOLAK	TANGGUH	
					MMKN	MTES
KLANG	20	8	8	2	2	-
SABAK BERNAM	58	24	12	8	14	-
GOMBAK	66	8	23	27	8	-
HULU SELANGOR	56	32	10	8	6	-
PETALING	29	8	11	7	3	-
HULU LANGAT	64	21	26	8	9	-
KUALA SELANGOR	39	13	17	2	7	-
KUALA LANGAT	23	8	6	4	5	-
SEPANG	33	23	6	-	4	-
JUMLAH	**388**	**145**	**119**	**66**	**58**	**-**

Kerajaan Negeri telah mensasarkan kesemua permohonan bagi tahun 2009 diselesaikan sebelum akhir tahun 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENTERNAKAN BURUNG WALET DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)

95. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 65: "Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap penternakan burung walet di HSK oleh JPNS tidak memuaskan kerana JPNS belum mengemukakan cadangan tindakan yang perlu diambil berkaitan aktiviti penerokaan haram untuk keputusan MMKN".

Tidak terdapat ulasan daripada Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sebab-sebab boleh berlakunya pencerobohan HSK bagi tujuan penternakan burung walet secara komersial oleh syarikat-syarikat swasta?

b) Apakah langkah-langkah yang telah disyorkan oleh Jabatan bagi keputusan MMKN?

c) Apakah program dan jadual kerja bagi menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN :

a) Ianya berlaku disebabkan kekeliruan dari segi pentadbiran di mana pada masa pembinaan tersebut, Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor telah mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dalam kawasan Hutan Simpan Kapar Tambahan di mana dari segi prosedur, sepatutnya perkara ini tidak boleh berlaku kerana kawasan masih berstatus HSK. JPNS tidak dapat mengambil tindakan selanjutnya disebabkan kekangan ini.

b) JPNS telah mengangkat kertas kerja untuk pertimbangan MMKN dengan mengesyorkan supaya kawasan ini beserta dengan kawasan-kawasan yang telah dikeluarkan TOL dan geran hakmilik oleh Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor dalam Hutan Simpan Kapar Tambahan dibatalkan status HSKnya dengan syarat menggantikan dengan kawasan hutan paya laut berstatus Tanah Kerajaan yang dicadangkan oleh JPNS.

c) Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan syor ini. JPNS sedang mengambil tindakan lanjut untuk mewarta keluar kawasan terbabit dari HSK serta menggantikannya dengan kawasan berhutan paya laut yang dicadangkan. JPNS telah mengemukakan surat kepada Pentadbir Tanah Daerah Kuala Selangor untuk mendapatkan butiran terperinci termasuk pelan kawasan TOL dan geran hakmilik berkenaan bagi tujuan pewartaan keluar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)

TAJUK : KERJA SEPARA MASA

96. Kerajaan Persekutuan sedia untuk menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa untuk faedah rakyat).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri sedia untuk melaksanakan peraturan dan polisi ini ?

b) Adakah agensi dan anak syarikat negeri boleh menyedia peluang pekerjaan separa masa ini ?

JAWAPAN :

a) Pekerja Separa Masa didefinisikan sebagai mereka yang **bekerja antara 30% tetapi tidak melebihi 70% daripada waktu bekerja bagi Pekerja Sepenuh Masa**. Sebagai contoh, waktu pekerja sepenuh masa adalah lapan (8) jam sehari maka Pekerja Separa Masa adalah mereka yang bekerja antara 2.4 jam hingga 5.6 jam sehari. Manakala bagi situasi di mana waktu bekerja Pekerja Sepenuh Masa adalah 48 jam seminggu, maka Pekerja Separa Masa adalah mereka yang bekerja antara 14.4 jam hingga 33.6 jam seminggu. Namun yang demikian, terma ini **tidak meliputi pekerja-pekerja yang bekerja dari rumah (homeworking) atau bekerja secara teleworking**.

   Kerajaan Persekutuan telah mewartakan **Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010** pada tanggal **1 Oktober 2010** lalu. Peraturan ini diperkenalkan bertujuan menarik dan meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan terutamanya 6.8 juta *latent workforce* yang terdiri daripada golongan suri rumah termasuk **ibu tunggal, penuntut IPT, pesara dan OKU** ke dalam pasaran buruh negara seterusnya secara tidak langsung akan **menambahkan pendapatan individu dan isi rumah**. Secara spesifiknya, Peraturan yang diwartakan ini diharapkan dapat menggalakkan majikan mengambil Pekerja Separa Masa dan sekali gus memenuhi hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing.

   Buat masa ini, Kerajaan Negeri **belum melaksanakan peraturan Bekerja Separa Masa ini** dan **kajian lanjut** berkaitan inisiatif ini akan diambil oleh Jabatan yang berkenaan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri **bersedia** untuk turut sama menjayakan agenda ini dan memerlukan kajian yang komprehensif sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya.

b) Jabatan / Agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri dibenarkan menyediakan peluang pekerja kepada Pekerja Separa Masa ini **hanya setelah kajian terperinci dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri**.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KEMUDAHAN UNTUK BERSUKAN

97. Setiap taman perumahan di Negara ini disediakan padang bagi membolehkan penduduk setempat, terutamanya remaja dan belia bersukan di masa lapang. Baru-baru ini, rakyat khususnya golongan muda telah merungut dan merasa tidak puas hati dengan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan memasang papan tanda melarang mereka bermain bola di atas padang-padang ini. Malah ada ketikanya mereka telah diganggu dengan kehadiran pihak polis yang telah dipanggil oleh penduduk yang kurang senang dengan perbuatan remaja-remaja ini melanggar larangan yang telah dikeluarkan. Langkah melarang belia dan remaja bersukan adalah sesuatu yang tidak bijak dan mampu mengundang mereka terjerumus dalam aktiviti yang tidak sihat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rasional kepada tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, khususnya oleh Majlis Perbandaran Selayang mengeluarkan larangan tersebut, sedangkan selama ini tidak pernah ada rungutan dari penduduk setempat berkaitan masalah yang dihadapi ketika belia-belia ini bermain?

b) Nyatakan alternatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan remaja dan belia setempat menggunakan padang yang disediakan untuk bersukan tanpa perlu mencari tempat permainan lain yang pastinya memerlukan mereka mengeluarkan perbelanjaan.

c) Tiadakah rancangan Pihak Berkuasa Tempatan menaikkan pagar di sekeliling padang di taman-taman perumahan bagi membolehkan remaja-remaja ini bermain dan dalam masa yang sama menjaga keselamatan rumah dan kenderaan penduduk berdekatan?

JAWAPAN :

a) Papan tanda larangan bermain bola dipasang disebabkan kawasan yang digunakan untuk bermain bola oleh remaja-remaja tersebut bukan kawasan padang bola sepak. Di bawah ***peruntukan Undang-undang Kecil Taman Majlis Perbandaran Selayang Klausa 3(p) 'bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali di tempat-tempat yang diperuntukkan dengan nyata bagi permainan itu' adalah merupakan suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti sehingga RM 2,000.00'***. Kawasan tersebut merupakan kawasan lapang untuk taman permainan kanak-kanak yang disediakan peralatan permainan dan juga gelanggang badminton. Kawasan lapang ini juga bersaiz kecil (50m x 30m) dan tidak sesuai untuk bermain bola sepak. Saiz standard bagi padang bola adalah sekurang-kurangnya 52m x 113m. Selain itu, kedudukan kawasan lapang ini yang agak tinggi berbanding aras jalan iaitu lebih kurang 1 m tinggi dan dikelilingi perumahan juga menyebabkan permainan bola sepak terutamanya oleh remaja-remaja kawasan tersebut amat tidak sesuai dan seringkali berlaku kerosakan ke atas harta benda penduduk sekitar akibat daripada bola yang disepak melantun keluar serta mengenai kereta dan rumah yang menyebabkan kerosakan. Pihak Majlis mengambil tindakan memasang papan tanda

tersebut hasil daripada aduan-aduan penduduk sekitar yang dikemukakan melalui sistem aduan STARS, telefon dan datang sendiri ke Majlis. Masalah tersebut juga telah dibangkitkan oleh Ahli Majlis yang mewakili penduduk kawasan tersebut.

b) Kawasan-kawasan perumahan baru yang dibangunkan oleh pihak pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan kemudahan riadah dan rekreasi yang lengkap. Pemaju diwajibkan untuk menyediakan peralatan permainan dan juga kemudahan gelanggang seperti gelanggang badminton / gelanggang serbaguna termasuk padang bola serta lain-lain kemudahan berkaitan untuk kegunaan penduduk. Namun demikian penyediaan kemudahan tersebut adalah bergantung kepada keluasan kawasan yang akan dibangunkan dan juga kepadatan penduduk serta kesesuaian sesuatu kemudahan tersebut disediakan sepertimana yang terkandung dalam Manual Garis panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor dan juga menepati Garis panduan Kelulusan Landskap PBT serta menepati piawaian *'Malaysian Standard'* MS ISO dan juga SIRIM.

   Selain itu, PBT di Negeri Selangor sentiasa berusaha untuk menyediakan dan membaik pulih segala kemudahan sukan dan rekreasi seperti pembinaan padang futsal melalui peruntukan tahunan bagi memastikan orang ramai terutamanya golongan remaja dapat menggunakan kawasan tersebut untuk melakukan riadah dan lain-lain aktiviti yang sihat.

c) Pihak Majlis Perbandaran Selayang sememangnya telah membina dan memasang pagar pengadang bola di semua padang-padang bola yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran majlis. Namun demikian, bagi kawasan lapang yang bukan dalam kategori padang bola tetapi digunakan untuk bermain bola pihak majlis tidak dapat membina pagar pengadang memandangkan kawasan lapang sedemikian terlalu banyak dan ianya melibatkan peruntukan yang tinggi serta di luar kemampuan majlis. Keutamaan pada masa ini adalah membaik pulih kerosakan dan menyediakan kemudahan rekreasi yang lengkap untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna terjamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)

TAJUK : KERACUNAN MAKANAN

98. Masalah keracunan makan kerap berlaku akibat proses penyediaan makanan yang tidak bersih dan penyimpanan kurang sempurna.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah kes keracunan makanan yang berlaku di kantin sekolah dan restoran dari tahun 2008?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung masalah ini?

JAWAPAN :

a) **Jumlah kes keracunan makanan yang berlaku di kantin sekolah dan restoran**

TAHUN	2008	2009	2010
KANTIN SEKOLAH	37	12	16
RESTORAN	0	0	2

b)

i. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melalui Pejabat Kesihatan Daerah menjalankan pemeriksaan kebersihan premis makanan, pengendali makanan, penyediaan makanan dan pemprosesan makanan (termasuk kantin sekolah dan restoran) secara berkala setiap bulan. Premis makanan yang gagal melepas tahap kebersihan tertentu akan ditutup dan diarahkan menjalankan kerja-kerja pembersihan di bawah Akta Makanan 1983.

ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mewajibkan semua pengendali makanan menjalani Program Latihan Pengendali Makanan dan pemeriksaan kesihatan. Mana-mana pengendali makanan yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

iii. KKM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan program KENDIRI (pemeriksaan sendiri kantin dan dapur asrama sekolah) di sekolah-sekolah di bawah KPM sejak 2008. Melalui program ini pengusaha makanan di sekolah dan guru sekolah yang bertanggungjawab telah dilatih untuk menjalankan pemeriksaan sendiri di sekolah untuk menilai aspek keselamatan dan kebersihan makanan.

iv. KKM dengan kerjasama KPM dan PLUS serta lain-lain agensi juga giat menjalankan program promosi keselamatan makanan. Antaranya, promosi utama tahun 2010 yang dijalankan di sekolah adalah promosi bergerak 'Squad Germ Buster', kempen 'Lihat, Hidu, Rasa' yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan dan pertandingan kantin sekolah bersih peringkat negeri dan kebangsaan. Promosi bergerak keselamatan makanan di R&R (PLUS) bersama 'Squad Germ Buster' dan taklimat keselamatan makanan kepada pengusaha makanan di R&R juga dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : SAR,SJK(T), SJK(C)

99. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan dan keluasan tanah yang diberimilik atau diwartakan untuk kegunaan SAR, SJK(T) & SJK(C) dari 2008-2010?

b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mewartakan tapak rezab sekolah untuk SAR, SJK(T) dan SJK(C)?

JAWAPAN :

a) Bilangan dan keluasan tanah yang diberi milik atau diwartakan untuk kegunaan SAR, SJK(T) & SJK(C) dari tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti berikut :-

Daerah	SAR		SJK(T)		SJK(C)	
	Bil	Keluasan	Bil	Keluasan	Bil	Keluasan
Petaling	2	5.35 ekar	3	17.988 ekar	-	Tiada
Klang	-	Tiada	-	Tiada	-	Tiada
Gombak	-	Tiada	-	Tiada	-	Tiada
Kuala Langat	-	Tiada	-	Tiada	-	Tiada
Kuala Selangor	-	Tiada	-	Tiada	1	2.5 ekar
Hulu Langat	13	54.476 ekar	-	Tiada	3	3.2665 ekar
Hulu Selangor	4	45 ekar	1	2.62 hektar	2	9 ekar
Sabak Bernam	1	1.05 ekar (4270 meter persegi)	-	Tiada	-	Tiada
Sepang	-	Tiada	-	Tiada	-	Tiada

b) Tindakan untuk mewartakan tapak rizab sekolah untuk SAR hanya dilaksanakan setelah menerima permohonan untuk mewartakan tapak tersebut daripada Jabatan Agama Islam (JAIS) manakala permohonan untuk tapak rizab SJK(T), SJK(C) akan diproses secara pemberimilikan tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PENCAPAIAN JAWATANKUASA TETAP SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI

100. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Apakah "Key Performance Index" dan "Key Result Areas" Jawatankuasa Tetap di atas?

b) Apakah pencapaian Jawatankuasa Tetap ini setakat September 2010?

JAWAPAN :

a) *Key Performance Index* dan *Key Result Areas* Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bil	**Teras**	***Key Performance Index***	***Key Result Areas***
1.	**Memacu pembangunan modal insan**	a. Bilangan penyertaan agensi kerajaan dan swasta dalam Exhibition Festival Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor Tahun 2010 (FesSTIS'10). b. Bilangan Pusat Siber Rakyat (PSR) yang ditubuhkan dan menyumbang kepada pembangunan komuniti setempat.	Memupuk kesedaran terhadap teknologi sebagai budaya.
2.	**Menangani ketidaksamaan sosio-ekonomi yang berterusan**	a. Peratus (%) rakyat tempatan yang terlibat dalam industri pelancongan, kotej dan keusahawanan melalui Projek Bioteknologi dan Program Spirulina di Negeri Selangor	Peningkatan keupayaan dan pendapatan rakyat menerusi Sains, Teknologi dan Inovasi

3.	**Menambah baik Tadbir Urus**	a. Peratus (%) capaian perkhidmatan *Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)* berdasarkan kepada kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. b. Bilangan perkhidmatan percuma wi-fi di antara perkhidmatan yang diberikan kepada pembayar cukai taksiran (melalui Majlis Tempatan)	Penyediaan prasarana infrastruktur & infostruktur kepada rakyat.
4.	**Menjana sumber pertumbuhan baru**	a. Bilangan Geran R&D STI yang ditawarkan kepada pemohon yang layak.	Jalinan kerjasama pintar antara pencipta, institusi R&D dan penggiat industri.
5.	**Menguruskan negeri maju berteraskan nilai murni, nilai sejagat, keunggulan budaya dan tradisi agama**	a. Bilangan program yang menyediakan penyelesaian sesuatu isu atau keperluan sesebuah organisasi/komuniti berasaskan STI.	Kesedaran rakyat terhadap penyelesaian alternatif dan teknologi hijau dan teknologi terkini.

b) Dari segi pencapaian Jawatankuasa Tetap, Sains dan dan Teknologi (STI) sehingga September 2010 , STI telah melaksanakan beberapa program atau projek yang menjadi penggerak atau pemangkin kepada kemajuan negeri Selangor.

Jawatankuasa STI telah menganjurkan Festival sains, teknologi dan Inovasi (Fesstis 2010) yang bertujuan untuk menggalakkan perkongsian informasi antara pencipta pengeluar dan pengguna dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, peningkatan kreativiti di kalangan para belia negeri Selangor dapat di kongsi dan dimanfaatkan. Ia juga dapat menjadikan negeri Selangor sebagai negeri ICT(Information & Communication Technology) terulung di Malaysia. Hampir 95% program yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya bagi mendekatkan rakyat dengan dunia sains, teknologi yang kian berkembang dengan pesat ini.

Di dalam meningkatkan penggunaan ICT dalam komuniti, STI juga akan meneruskan perlaksanaan Pusat Siber Rakyat (PSR) yang telah dimulakan pada tahun 2009. Untuk tahun 2010 ini lima (5) lokasi PSR akan diwujudkan bagi meningkatkan kesediaan di kalangan masyarakat khususnya rakyat negeri Selangor menggunakan kemudahan ICT dalam urusan harian serta menjadikan komuniti masyarakat Negeri Selangor sebagai celik IT dan masyarakat bermaklumat.

Bagi menangani ketidaksamaan sosio-ekonomi yang berterusan Jawatankuasa STI juga telah melaksanakan Program Spirulina di Negeri Selangor bagi meningkatkan keupayaan dan peningkatan rakyat menerusi sains, teknologi dan inovasi. Kerajaan Negeri juga telah melantik UNISEL sebagai wakil dalam kerja-kerja penyelidikan dan khidmat nasihat behubung dengan produk Spirulina ini. Kerajaan Negeri juga berhasrat melalui Projek Spirulina ini dapat dikomersialkan dan dapat dimanfaatkan kepada masyarakat setempat yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada mereka melalui penglibatan dari segi perladangan, perkilangan dan pemasaran produk Spirulina ini. Kerajaan Negeri, UNISEL dan syarikat yang telah dilantik adalah dalam proses menjayakan projek ini. Kedudukan lokasi projek telah dikenalpasti dan dalam proses menandatangani perjanjian antara Kerajaan Negeri, UNISEL dan syarikat yang telah dilantik.

Kerajaan Negeri juga dalam usaha memberi dan memperluaskan kemudahan WiFi ke seluruh negeri Selangor. Sebanyak lapan(8) lokasi telah menerima kemudahan WiFi secara percuma bermula pada April 2010 dan akan diperkembangkan kepada 142 buah lokasi lagi dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan untuk jangka masa dari 2011 sehingga 2015. Kerajaan Negeri juga menggalakkan pihak industri untuk terlibat sama dalam usaha menyediakan WiFi percuma ini sebagai salah satu khidmat sosial mereka kepada masyarakat.

Program Geran R&D STI juga diberikan kepada permohonan yang layak yang mana STI juga adalah sebagai satu agenda utama dalam menjana pertumbuhan baru dengan membentuk jalinan kerjasama pintar antara pencipta dengan penggiat industri. Kejayaan adik Mohd Ramadhan Shahabudin yang merupakan anak kelahiran Kuang Selangor dalam pertandingan SAIE Selestion 2010 anjuran Archie-Europe Group membuktikan anak tempatan mampu pergi jauh dalam industri STI jika diberikan ruang dan peluang yang sewajarnya. Anugerah tempat pertama reka bentuk bangunan (Metal/Glass) bagi kategori pelajar dan yang telah diterima adalah anugerah yang berkaitan dengan Inovasi.

STI juga sentiasa mengadakan program-program kesedaran rakyat terhadap penyelesaian altenatif dalam teknologi bagi menguruskan Negara maju yang berteraskan nilai murni, silai sejagat, keunggulan budaya dan tradisi agama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENGUATKUASAAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

101. Penguatkuasaan adalah satu elemen penting yang menentukan polisi-polisi kerajaan dapat di laksanakan secara telus dan berkesan. Namun dalam kes peniaga-peniaga asing yang berniaga secara terang-terangan tanpa permit di Pasar Besar Klang, nampaknya penguatkuasaan dari Majlis Perbandaran Klang sama ada terlepas pandang atau tidak mendatangkan kesan langsung dalam menangani masalah yang berlarutan begitu lama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah baru yang akan diperkenalkan oleh MPK bagi mengatasi masalah peniaga-peniaga asing yang bebas beroperasi seawal jam 2 pagi ini ?

b) Apakah bentuk-bentuk denda yang sepatutnya dikenakan ke atas warga asing yang beroperasi secara haram ini dan sejauh manakah keberkesanannya ?

c) Amalan rasuah boleh menyebabkan denda atau tindakan tidak di jalankan atau boleh juga menyebabkan sesuatu operasi yang dirancangkan dipihak PBT seolah-olah dapat di hidu oleh peniaga-peniaga asing sehingga mereka tidak berniaga pada hari-hari berkenaan. Apakah langkah-langkah pihak MPK bagi menjamin amalan rasuah terkutuk ini tidak berlaku di kalangan kakitangannya ?

JAWAPAN :

a) Jabatan Penguatkuasa MPK telah menjalankan tugas kawalan penjaja tanpa lesen/warga asing & halangan kaki lima di kompleks PKNS, Jalan Pasar Baru off Jalan Meru dalam tempoh 24jam setiap hari mulai 17 Jun 2010 sehinggan ke hari ini bagi menangani masalah tersebut.

b) Tindakan kompaun dan sita telah dilakukan terhadap penjaja tanpa lesen dan pemilik premis yang membuat halangan kaki lima.

Pihak majlis telah mengambil tindakan kompaun sebanyak 1778 atas pelbagai kesalahan di bawah UUK3 PTPP, UUK7 IKLAN dan Seksyen 46 (1) (d). Sebanyak 20 sitaan telah dilakukan terhadap kesalahan halangan meletakkan barangan tred di kaki lima premis perniagaan. peniaga tanpa lesen/warga asing. (laporan statistik kompaun & penyitaan disertakan)

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2010 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2011

102. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah program yang akan dilancarkan di bawah Kempen Tahun Melawat Selangor 2011 dan apakah tema utama yang digunakan?

b) Senaraikan jumlah pelancong tempatan serta pelancong asing ke negeri Selangor daripada tahun 2005-2010.

c) Apakah badan pelaksana yang ditubuhkan bagi menyelaraskan kempen pelancongan antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan ?

JAWAPAN:

a) "Selangor shines" atau Selangor Bersinar ini bukanlah program "Tahun Melawat Negeri Selangor 2011" tetapi merupakan satu kempen menggalakkan lebih ramai pelancong ke negeri Selangor secara berterusan dan tidak ada jangka masa yang disasarkan seperti Tahun Melawat yang biasa dijalankan selama setahun. Program promosi dan acara akan dijalankan secara berterusan seperti yang dijadualkan pada tahun 2010. Program – program akan dijalankan secara berterusan sepanjang kempen ini dijalankan.

b) Berikut adalah senarai jumlah pelancong tempatan dan pelancong asing ke negeri Selangor daripada tahun 2005 – 2010 :-

TAHUN	PELANCONG DOMESTIK	PELANCONG ASING	JUMLAH
2005	2,355,613	1,603,186	3,958,799
2006	2,781,260	2,145,647	4,926,907
2007	3,060,651	2,254,679	5,315,330
2008	3,075,889	2,601,332	5,677,221
2009	3,248,961	2,398,680	5,647,641
2010 (Jan – Sept)	2,491,406	1,900,396	4,391,802

c) Tourism Selangor sebagai badan pelaksana dimana kerap berkerjasama dengan Tourism Malaysia melalui Tourism Malaysia Negeri Selangor bagi pelbagai tujuan terutamanya bagi penyelarasan kempen pelancongan di mana kebiasaanya kerajaan negeri akan mengikut jadual Tourism Malaysia bagi samada kempen dalam negara mahupun luar negara. Ini adalah bagi tujuan penjimatan kos dan kesan positif sambutan dalam penyertaan kempen bersama Tourism Malaysia. Tourism Selangor bekerjasama dengan pihak (UPEN) Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk melaksanakan program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : FRUIT VALLEY

103. Selangor Fruit Valley telah dibangunkan untuk memajukan industri pertanian berkaitan produk buah-buahan tempatan sebagai *fruit salad*.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah status perkembangan Selangor Fruit Valley?

b) Apakah inisiatif seterusnya untuk memajukan produk *fruit salad* negeri?

c) Apakah perancangan kerajaan untuk menggalakkan rakyat terlibat dalam pengeluaran *fruit salad* ?

JAWAPAN :

a) *Selangor Fruits Valley* (SFV) yang terletak di KM 7, Jalan Rawang-Bestari Jaya telah dibangunkan pada tahun 2003. Keluasan kawasan adalah lebih kurang 1,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, seluas 180 hektar telah dipajakkan kepada 2 buah syarikat iaitu Kayangan Rampai Sdn. Bhd. Dan Eco Murni Sdn. Bhd. Untuk projek tanaman buah-buahan. Baki kawasan seluas 820 hektar telah diusahakan oleh anak syarikat PKPS iaitu Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn. Bhd. (SOPIC). Oleh kerana pengurusan projek ini tidak memuaskan, maka mulai 2 Januari 2010, PKPS telah mengambil alih semua aktiviti SFV daripada pengurusan SOPIC dan kakitangan syarikat telah ditamatkan perkhidmatan.

Operasi SFV pada masa ini dikendali oleh pasukan pengurusan yang ditempatkan di dalam ladang dan bukan lagi *'remote control'* dari Shah Alam. Penekanan oleh pengurusan baru adalah '*efficiency*' dengan kos pengeluaran yang lebih rendah dan peningkatan tahap pengeluaran. Tanaman yang tidak '*viable*' seperti *'dragon fruit'* dan kopi telah diganti dengan tanaman tembikai.

STATUS SEMASA

Pada ketika ini, jenis tanaman dan keluasan kawasan yang diusahakan adalah seperti berikut :

BIL	TANAMAN	KELUASAN TANAMAN (HEKTAR)
1	Belimbing	100
2	Tembikai	240
3	Nangka	94
4	Pisang	58
5	Mangga	13
6	Kelapa Pandan	7
7	Limau Mexico	6
8	Jambu Batu	3
9	Rambutan	2
10	Limau Kasturi	1
11	Durian Belanda	1
12	Pulasan	1
13	Dragon Fruit	3
14	Betik	80
15	STFG	72
16	Pajakan kecil	250
17	Kolam/jalan/pejabat	35
18	Tanah Kosong	34
	JUMLAH KESELURUHAN	**1,000**

PKPS mengambil inisiatif untuk menanam tanaman buah-buahan seperti durian, manggis dan kelapa pandan dalam usaha untuk meningkatkan varieti jenis-jenis tanaman yang ada di SFV. Pada masa yang sama, PKPS bercadang mengujudkan Pusat Latihan Pertanian dan Resort bagi menggalakkan pelawat untuk mengunjungi SFV dalam menyokong program pelancongan yang dikendalikan oleh Tourism Selangor.

b) **LATAR BELAKANG**

Kilang *Fruits salad* terletak di Puchong telah mula beroperasi pada tahun 2007 di mana anak syarikat iaitu PKPS Agro Industries Sdn. Bhd. (PAISB) telah mengadakan usahasama dengan Syarikat Icor Mirak (M) Sdn. Bhd. (Icor Mirak). PAISB telah mengadakan kerjasama dengan Icor Mirak dalam menceburi bidang pengilangan dan pembekalan produk *fruits salad*. Aktiviti dijalankan melalui syarikat usahasama yang ditubuhkan iaitu Premium Sanitised Product Sdn. Bhd. (PSP). Sasaran pasaran adalah negara-negara Timur Tengah khususnya Emiriah Arab Bersatu. Bagaimanapun, usahasama ini tidak dapat diteruskan kerana masalah harga jualan produk yang didapati tidak menguntungkan PSP.

STATUS SEMASA

PSP telah mula mencari peluang-peluang perniagaan baru dengan memberi tumpuan kepada pasaran domestik seperti TESCO, GIANT dan lain-lain. Bagaimanapun, pasaran sedia ada tidak dapat menerima produk *fruits salad* yang lebih mahal berbanding harga produk buah-buahan yang disediakan dengan cara konvensional kerana kos pembungkusan yang tinggi. Operasi *fruits salad* telah diberhentikan buat sementara waktu bagi mengelakkan kerugian berterusan dan kemudahan kilang sedia ada telah disewakan kepada usahawan.

c) Memandangkan kilang *fruits salad* menggunakan teknologi yang tinggi, produk keluaran kilang *fruits salad* adalah lebih mahal dan tidak kompetitif. Bagaimanapun, sebagai galakan kepada rakyat untuk terus terlibat dalam aktiviti pengeluaran buah-buahan, PKPS telah menyediakan luang pasaran di Pasar Borong Selangor untuk memberi peluang kepada petani-petani memasarkan sendiri hasil keluaran mereka terus kepada orang ramai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : SIJIL HALAL

104. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

a) Nyatakan statistik hotel dan restoran yang memperoleh sijil halal di Selangor?

b) Adakah pihak berwajib negeri mampu memproses dengan cepat dan tepat permohonan sijil halal produk makanan, kosmetik dan farmaseutikal?

c) Apakah langkah untuk meningkatkan kesedaran pengusaha dan pengguna?

JAWAPAN :

a) Sebanyak 24 hotel telah mendapat kelulusan penuh bagi dapur tertentu di hotel masing – masing melalui JAIS, JAKIM dan HDC. Bagi restoran, pihak JAIS telah memberikan 3 kelulusan permohonan dan dipihak JAKIM pula 39 kelulusan telah dikeluarkan kepada kategori ini.

b) Bagi permohonan yang lengkap dan tidak ada masalah, tempoh masa proses permohonan telah berjaya dipendekkan daripada 3 bulan kepada 2 bulan pada tahun 2010.

c) Langkah – langkah berikut sedang dan telah dilaksanakan dengan kerjasama agensi kerajaan lain
   i. Membuat publisiti tindakan penguatkuasaan halal melalui media
   ii. Membuat pameran dan penerangan berkaitan halal di tapak ekspo / karnival / pesta
   iii. Memberikan ceramah kesedaran kepada orang awam dan pengusaha
   iv. Menganjurkan seminar / ceramah kesedaran kepada orang awam dan pengusaha
   v. Membuat penerbitan – penerbitan berkaitan halal
   vi. Membuat khutbah Jumaat berkaitan isu halal

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)

TAJUK : GANGGUAN LALAT

105. Terdapat gangguan masalah lalat terhadap penduduk berpunca dari kawasan ternakan ayam misalnya di Kampung Sesapan Batu Rembau dan Bandar Tasik Kesuma.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah?

b) Apakah garis panduan untuk pengusaha ternakan ayam bagi membendung masalah ini?

c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan sistem ternakan ayam berpusat?

JAWAPAN :

a) Kerajaan perihatin terdapat gangguan masalah lalat kepada penduduk yang berpunca dari aktiviti penternakan ayam. Sehubungan itu, kerajaan menerusi agensinya seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah berusaha mengambil langkah-langkah yang perlu untuk megatasi masalah tersebut.

Diantara langkah-langkah yang diambil termasuklah -

1. Memperkenal serta menggalakkan penternak ayam mengusahakan penternakan ayam secara reban tertutup.

2. Memperkenal serta menggalakkan penternak-penternak ayam menggunapakai mikroorganisma efektif atau dengan izin *'Effective Microbs*' (EM) pada air minuman, makanan serta semburan kepada reban dan najis ayam. EM bukan sahaja dapat menghindar pembiakan lalat malahan mengurangkan tahap pencemaran bau.

3. Memberi khidmat nasihat serta membantu penternak ayam mengamalkan sistem pengurusan ladang ternakan yang baik berasaskan dengan izin *'Good Animal Husbandry Practice*' (GAHP) dalam semua aspek pemeliharaan ayam.

b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah menyediakan garis panduan 'Amalan Penternakan Ayam Yang Baik' atau dengan izin *'Good Animal Husbandry Practice*' (GAHP) ladang ternakan ayam untuk panduan pengusaha ternakan ayam. Garis panduan GAHP ini merangkumi semua aspek pengurusan ladang ternakan ayam, penjagaan kebersihan dan sanitasi ladang, biosekuriti, program kesihatan ternakan, program kawalan makhluk perosak serta pengawalan sisa buangan atau kumbahan ladang.

Sekiranya penternak ayam benar-benar mematuhi garis panduan GAHP serta mengamalkan sistem pengurusan ladang ternakan ayam yang baik berupaya mengawal infestasi dan pembiakan lalat di ladang.

c) Buat masa ini, kerajaan negeri belum bercadang untuk mengadakan sistem ternakan ayam berpusat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : KEMUDAHAN WI-FI PERCUMA

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan Wi-Fi percuma di mana-mana lokasi? Jika ya, sila senaraikan lokasi-lokasi tersebut.

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan kemudahan Wi-Fi percuma di seluruh Negeri Selangor? Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan? Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan WiFi percuma sejak April 2010 di lapan (8) buah lokasi iaitu seperti berikut :
   i. Kompleks PKNS (Tasik Shah Alam)
   ii. Dataran Shah Alam
   iii. Seksyen 2 (Medan Selera Prima 2)
   iv. Seksyen 3 (Restoran Khalifah, Syed, Kompleks MAIS dan SK Raja Muda)
   v. Seksyen 9 (Oasis)
   vi. Dataran Kuala Kubu Bharu
   vii. Pekan Kuala Kubu Bharu
   viii. Medan Selera Batang Kali

b) Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan kemudahan WiFi di seluruh Negeri Selangor sebanyak 142 buah lokasi lagi. Projek ini dirancangkan bermula pada tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2015. Ianya akan dijalankan secara berperingkat mengikut pecahan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Cadangan Perlaksanaan Wireless Selangor mengikut PBT untuk jangka masa 2011 - 2015.

PBT		Jumlah Zon Wifi
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	19
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	23
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	17
4	Majlis Perbandaran Klang	17
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	17
6	Majlis Perbandaran Kajang	12
7	Majlis Perbandaran Sepang	12
8	Majlis Perbandaran Selayang	12
9	Majlis Daerah Sabak Bernam	4
10	Majlis Daerah Kuala Selangor	4
11	Majlis Daerah Hulu Selangor	1
12	Majlis Daerah Kuala Langat	4
JUMLAH		**142**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN TEMPATAN

107. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Huraikan sektor manakah yang memberikan pulangan paling banyak kepada pendapatan kerajaan negeri dan apakah perancangan masa depan bagi memastikan ia terus kekal relevan?

JAWAPAN :

a) Sektor yang memberikan pulangan paling banyak kepada pendapatan Kerajaan Negeri adalah Sektor Perlombongan dan Galian. Kerajaan Negeri akan memantau dari semasa ke semasa aktiviti sektor ini untuk mengawal kos-kos yang ada dalam masa yang sama dapat meningkatkan keuntungan syarikat yang terlibat dalam sektor ini. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan mengawal segala aktiviti yang terlibat dalam sektor ini supaya aktiviti tersebut mengikut peraturan Kerajaan bagi membendung aktiviti – aktiviti lombong haram.

Sektor kedua yang memberi pulangan paling banyak kepada pendapatan Kerajaan Negeri adalah Sektor Pembinaan dan Perindustrian. Kerajaan Negeri akan memastikan Sektor ini akan terus relevan pada masa akan datang dengan memberi pendedahan-pendedahan yang meluas berkaitan teknologi-teknologi yang terkini setanding dengan situasi semasa kepada syarikat-syarikat yang terlibat agar sektor ini dapat berdaya saing dengan sektor-sektor lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PENDAPATAN PETANI

108. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha-usaha untuk menaikkan pendapatan petani-petani di Negeri Selangor seperti petani-petani di Sekincan, contohnya menjalankan usaha ternakan lembu atau kambing begitu juga bantuan ternakan itik yang satu ketika dulu amat popular di Negara kita?

JAWAPAN:

a) Bagi meningkatkan pendapatan petani – petani di negeri Selangor, pelbagai bantuan disediakan oleh kerajaan negeri mengikut bidang usaha masing-masing. Antaranya ialah:

- Insentif pembangunan tanaman makanan (buah, sayuran dan tanaman ladang dan kelapa), tanaman industri (umbisi dan nanas) – dengan pemberian input dan infrastruktur pertanian seperti bantuan bersih kawasan, bina jalan ladang dan parit ladang, pelbagai jenis baja dan racun, pelbagai jenis bahan tanaman, sistem pengairan, pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru serta pembinaan papan tanda projek.

- Insentif pembangunan industri bunga dan tanaman hiasan – dengan pemberian input dan infrastruktur pertanian seperti pelbagai jenis baja dan racun, tanah campuran, polibeg, pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru dan juga sistem pengairan.

- Insentif pembangunan Industri Asas Tani – pemberian peralatan dan juga kemudahan bagi pengeluaran industri asas tani bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran produk-produk industri asas tani dan penambahbaikan bengkel yang sedia ada ke arah Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).

- Pembangunan pertanian bersepadu (tanaman herba) – input pertanian seperti pelbagai jenis baja dan racun, pelbagai jenis bahan tanaman, sistem pengairan dan pelbagai jenis peralatan pertanian termasuk mesin-mesin yang baru.

- Jabatan Pertanian juga berkejasama dengan agensi-agensi pertanian lain dalam membantu menjalankan program-program peningkatan pendapatan bagi petani.

Bagi petani di kawasan DUN Sekinchan iaitu Sg Leman dan Sekinchan bantuan untuk meningkatkan hasil padi dibekalkan menerusi Program Meningkatkan Hasil Padi. Bantuan-bantuan yang diterima oleh mereka adalah seperti berikut:

- Baja padi mas NPK 12:6:26 + S, Si untuk 1,122lot seluas 1,276ha berjumlah RM561,000.00

- Pakej baja organik Elemanto @ 5kg/beg, racun kulat padi @500ml/botol dan racun ulat batang Regent 50 SC diberikan untuk 10 lot seluas 12ha berjumlah RM5,050.00

- Pakej Zappa plus @ 1 literbotol, baja padi mas 3 beg/lot dan racun ulat batang Regent 50 SC diberikan untuk 10 lot seluas 12 ha berjumlah RM5,350.00

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : SKIM PERUMAHAN KOS RENDAH UNTUK GOLONGAN MISKIN

109. Bukit Melawati telah mencadangkan Skim Perumahan Kos Rendah di 3 kawasan iaitu, di Sungai Rambai,Ladang Kuala Selangor dan Kampong Tanjong Keramat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status permohonan ini ?

b) Bilakah program ini akan dilaksanakan ?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum menerima sebarang permohonan pembangunan rumah kos rendah di kawasan Sg. Rambai, Ladang Kuala Selangor dan Kampung Tanjong Keramat. Sehingga 30 Oktober 2010 terdapat seramai 386 pemohon berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Kos Rendah (SPPR) di Mukim Kuala Selangor.

b) Program ini hanya akan dilaksanakan sekiranya terdapat permohonan daripada pemaju untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR B. TOYO
(SUNGAI PANJANG)

TAJUK : AIR PERCUMA

110. Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana memberi air percuma sebanyak 20 cubic meter kepada setiap rakyat Selangor yang memiliki meter individu.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa jumlah hutang Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang dipertanggungjawabkan untuk membayar air percuma kepada Syabas.

b) Dari manakah KDEB memperolehi sumber kewangan untuk tujuan tersebut?

JAWAPAN:

a) Jumlah bayaran air percuma yang telah dibuat oleh KDEB kepada Syabas dari bulan Jun 2008 sehingga Februari 2010 adalah sebanyak RM222.831 juta.

b) KDEB memperolehi sumber kewangan dengan membuat pinjaman jangka pendek sebanyak RM200 juta daripada Kerajaan Negeri Selangor dengan kadar faedah 4% setahun dan baki sebanyak RM22.831 juta adalah dari sumber dalaman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : KECURIAN PASIR

111. Kerajaan negeri dikatakan mahu mewujudkan Jawatankuasa Khas bagi membanteras kecurian pasir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan keahlian dan terma rujukan jawatankuasa khas tersebut?

b) Nyatakan statistik aduan dan tangkapan membanteras masalah tersebut mengikut daerah?

c) Apakah pendekatan yang akan digunakan untuk membanteras kegiatan kecurian dengan berkesan?

JAWAPAN :

a) Keahlian Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan adalah seperti berikut:

Pengerusi:
YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Urusetia:
Bahagian Penguatkuasaan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Ahli-Ahli:
Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Semua Pentadbir Tanah

Semua PBT
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Jabatan Kerja Raya (JKR)
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
Jabatan Mineral dan Geosains
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)

Terma Jawatankuasa

i) mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir;
ii) mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan; dan
iii) memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah.

b) Statistik aduan dan tangkapan membanteras masalah tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut:

Mengikut maklumat yang dikemaskinikan sehingga 26 Oktober 2010 oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor terdapat **sembilan puluh enam (96)** tangkapan yang telah dilakukan oleh Pejabat Tanah Daerah dan juga Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Tangkapan tersebut telah dilakukan sekitar bulan Januari hingga Oktober 2010 di beberapa lokasi *hotspot* yang dikenal pasti menjadi tumpuan penyangak pasir. Tempat *hotspot* tersebut menjadi tumpuan penyangak pasir kerana kualiti pasir dan permintaan pasir yang tinggi di pasaran pada masa kini.

Pecahan statistik aduan dan tangkapan adalah seperti berikut:

Bil.	**Pejabat /Daerah**	**Jumlah Tangkapan**
1.	Pejabat Tanah Sepang	28
2.	Pejabat Tanah Hulu Langat	24
3.	Pejabat Tanah Kuala Langat	20
4.	Pejabat Tanah Hulu Selangor	10
5.	Pejabat Tanah Gombak	10
6.	Pejabat Tanah Kuala Selangor	2
7.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	2
	Jumlah Tangkapan	**96**

Statistik barang rampasan / sitaan yang direkodkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga 26 Oktober 2010 adalah seperti berikut :-

Bil.	**Pejabat /Daerah**	***Excavator***	**Lori**	**Lori Hantu**
1.	Pejabat Tanah Kuala Langat	7	4	-
2.	Pejabat Tanah Gombak	3	1	-
3.	Pejabat Tanah Sepang	2	30	-
4.	Pejabat Tanah Hulu Langat	2	14	1
5.	Pejabat Tanah Hulu Selangor	1	4	-

6.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	-	3	-
7.	Pejabat Tanah Kuala Selangor	-	1	-
	Jumlah	**15**	**57**	**1**

c) Pendekatan yang telah/sedang dilaksanakan untuk membanteras kegiatan kecurian dengan berkesan adalah seperti berikut:

i) Mengadakan operasi statik di lokasi yang disyaki berlakunya kecurian pasir ;
ii) Mengeluarkan Notis 7A bagi pemilik tanah memulihkan tanah mengikut syarat nyata tanah yang dikenakan. Sekiranya gagal dipulihkan, Notis 7B dikeluarkan untuk mendapat penjelasan kegagalan pemilik tanah mengambil tindakan pemulihan dan jika penjelasan yang diberikan tidak dapat diterima, Notis 8A akan dikeluarkan dan tanah mereka akan dirampas ;
iii) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyelarasan Permit Bahan Batuan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan pasir dan mempertingkatkan kemampuan Unit Penguatkuasaan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan dianggotai oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah, Jabatan -Jabatan Teknikal dan KSSB ;
iv) Mengadakan rondaan / pemantauan secara berkala di kawasan yang disyaki berlakunya aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah; dan
v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Pemantauan Permit Pasir yang berfungsi memantau dari aspek teknikal terhadap keakuran pemegang permit / kontraktor dalam menjalankan aktiviti perlombongan pasir mengikut syarat-syarat dan kehendak Jabatan Teknikal yang berkenaan dan Pentadbir Tanah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : TERIMAAN DARI PERSEKUTUAN

112. Kerajaan Persekutuan mengagihkan peruntukan kewangan kepada negeri-negeri berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah peruntukan dan jenisnya yang diterima oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 hingga 2010?

b) Berapa peratuskah jumlah yang diterima berbanding dengan keseluruhan pendapatan negeri?

JAWAPAN :

a) Negeri Selangor menerima 7 jenis Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Perincian terimaan Pemberian tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Pemberian	Tahun			Catatan
		2008	2009	2010	
i.	Geran Jalanraya berdasarkan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)	RM300,966,292.00	RM315,627,131.00	RM263,023,250.00	Terimaan sehingga 22 Oktober 2010.
ii.	Pemberian Berdasarkan Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap)	RM15,959,000.00	RM15,959,000.00	RM0.00	Pemberian belum disalurkan kepada Negeri Selangor.
iii.	Pemberian 10% bagi Projek Kerajaan Persekutuan yang Dijalankan oleh Kerajaan Negeri	RM15,487,433.00	RM8,922,130.00	RM20,520,704.00	
iv.	Pemberian Bagi Perbelanjaan Mengurus (50%) Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	RM32,741,010.00	RM31,922,130.00	RM32,414,874.00	

v.	Pemberian Bilangan Penduduk (“*Capitation Grant*”)	RM70,162,066.00	RM72,762,148.00	RM75,466,234.00	
vi	Pemberian Pertambahan Hasil	RM34,047,363.00	RM27,156.465.00	RM0.00	Tiada terimaan bagi tahun ini kerana hasil Kerajaan Persekutuan telah merosot sebanyak RM1.15 bilion pada tahun 2009 iaitu RM159.79 bilion berbanding terimaan hasil tahun 2008 sebanyak RM159.79 bilion.
vii.	Pemberian Khas Negeri Selangor (Pemberian Pampasan Kuala Lumpur Dan Putrajaya)	RM25,805,640.00	RM25,805,640.00	RM25,805,638.00	

b) Jumlah Terimaan Pemberian Persekutuan pada tahun 2008 dan 2009 berbanding dengan hasil keseluruhan pendapatan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

TAHUN	TERIMAAN PEMBERIAN PERSEKUTUAN	HASIL KERAJAAN NEGERI	PERATUS
2008	RM495,468,804.00	RM1,341,868,068.79	36.92%
2009	RM498,154,642.00	RM1,505,983,932.57	30.08%

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: SKIM MIKROKREDIT

113. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan status Skim Mikrokredit? Jika masih belum beroperasi, nyatakan berapakah jumlah permohonan yang telah yang telah diterima dan berapakah yang telah diluluskan berserta jumlah yang diluluskan. Apakah status pelantikan pegawai-pegawai penyelaras skim ini di setiap Daerah.

JAWAPAN:

a) Skim Mikro Kredit Selangor telah dilancarkan pada 2 September 2010 di Masjid Makrufiah, Parit Baru, Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam. Sehingga kini semua kawasan luar Bandar di Sabak Bernam telah dimasuki kakitangan SKIMSEL. Seramai 211 orang telah menyertai program ini. 190 orang telah diberikan pembiayaan yang berjumlah RM 540,500.00 dan semuanya dari kawasan Sabak Bernam. Selain daerah Sabak Bernam terdapat lima daerah lain SKIMSEL turut beroperasi mulai Oktober dan November ini iaitu :-

i) Kuala Selangor
ii) Hulu Selangor
iii) Hulu Langat
iv) Kuala Langat
v) Sepang

Sehingga kini SKIMSEL telah pun menghantar kakitangan yang terdiri daripada seorang pengurus cawangan ke setiap daerah berkenaan untuk membuat tinjauan kawasan dan merancang pelan tindakan strategik bagi memulakan skim mikro kredit yang dijangka akan beroperasi mengeluarkan pembiayaan pada bulan November 2010 ini. Adalah dijangkakan sehingga akhir Disember Skim Mikro Kredit Selangor akan beroperasi penuh apabila kakitangan lapangan di hantar untuk melaksanakan gerak kerja pada November ini.

Status kakitangan diambil adalah tetap. Mengikut pengalaman Amanah Ikhtiar Malaysia setiap cawangan mempunyai seramai 13 hingga 17 orang. Jumlah tersebut mampu menguruskan lebih daripada 3000 orang peserta dan mengeluarkan modal pembiayaan melebihi 10 juta setiap tahun selepas 5 tahun beroperasi. Bagaimanapun jumlah kakitangan SKIMSEL pada masa ini adalah secara purata hanya sekitar 3 orang secawangan. Hanya cawangan Sabak Bernam yang mempunyai kakitangan seramai 7 orang. Cawangan lain yang baru dibuka mulai Oktober 2010 ini hanya mempunyai seorang pengurus. Kakitangan baru akan dihantar ke setiap cawangan mulai November 2010 untuk seramai 2 hingga 4 orang secawangan untuk membantu melaksanakan tugas di kampung-kampung yang telah dimasuki untuk urusan operasi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : FATWA OLEH JABATAN MUFTI SELANGOR

114. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Apakah proses mengeluarkan sesuatu fatwa?

b) Bagaimana dipastikan fatwa yang dikeluarkan ditaati?

c) Senaraikan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti sejak 2006-2010

JAWAPAN :

a) Berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 48 :-

1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.
2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.
3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.
4) Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta.
5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.
6) Apabila fatwa itu telah diprkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta.
7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.
8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan.
9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam Warta menurut subseksyen (6).

Pada umumnya Jabatan Mufti tidak dapat memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan ditaati oleh orang Islam kecuali dengan jelas orang Islam telah melanggar atau mencabar fatwa tersebut. Jika ada orang yang telah melanggar fatwa yang telah diwartakan dengan jelas maka boleh di ambil tindakan undang-undang oleh Mahkamah Syariah.

Rujukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Seksyen 49 (1) dan (2).

49. (1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan peribadi.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Selangor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya

BIL	TAJUK KERTAS KERJA / CADANGAN	KEPUTUSAN
1.	Kumpulan Black Metal serta langkah-langkah menangani	Muzakarah Fatwa memutuskan " amalan dan perbuatan kumpulan Black Metal adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.
2.	Hukum orang Islam menyambut Valentine's Day	Muzakarah Fatwa memutuskan amalan merayakan Valentine's Day tidak pernah dianjurkan oleh Islam. Roh perayaan tersebut mempunyai unsur-unsur Kristian dan amalannya yang bercampur dengan perbuatan maksiat adalah bercanggah dan dilarang oleh Islam.
3.	Had tempoh panggilan muallaf	Muzakarah Fatwa memutuskan di dalam Islam tiada sebarang nas yang mewajibkan sesorang yang baru memeluk agama Islam dipanggil muallaf. Sebutan dan had tempoh muallaf ini lebih bersifat uruf semata-mata.
4.	Zakat ke atas pendapatan Felda dan syarikat-syarikatnya	Muzakarah Fatwa bersetuju: i) FELDA wajib mengeluarkan zakat keatas hasil pendapatannya dengan mengambil kira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh FELDA sendiri. ii) Jika pendapatan anak-anak syarikat FELDA diuruskan melalui akaun yang lain, maka anak-anak syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat pendapatannya secara berasingan.
5.	Cadangan pembiayaan peruntukan zakat untuk kemudahan perubatan bagi kakitangan MAIS	AJK Fatwa bersetuju bahwa: Tidak boleh menggunakan peruntukan zakat untuk pembiayaan kemudahan perubatan bagi kakitangan MAIS dan mencadangkan supaya pembiayaan tersebut menggunakan peruntukan Baitulmal.

6.	Cadangan pembiayaan peruntukan zakat bagi Skim Latihan Dalam Perkhidmatan untuk kakitangan lantikan MAIS dan anak syarikat	AJK Fatwa memutuskan: Tidak harus menggunakan peruntukan zakat bagi Skim Latihan Dalam Perkhidmatan untuk kakitangan lantikan MAIS dan anak syarikat, melainkan kakitangan berkenaan termasuk dalam golongan asnaf yang perlu diberi bantuan. Adalah dicadangkan, supaya MAIS melantik kakitangan yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang diperlukan.
7.	Cadangan pembiayaan peruntukan zakat untuk Skim Pelan Takaful Berkelompok bagi menggantikan Pelan Persaraan kakitangan lantikan MAIS	Mesyuarat memutuskan: Tidak boleh menggunakan peruntukan zakat untuk pembiayaan Skim Pelan Takaful bagi menggantikan Pelan Persaraan Kakitangan MAIS, dan mencadangkan pembiayaan tersebut menggunakan peruntukan Baitulmal.
8.	Kedudukan air musoffa	" Penjualan Air Musoffa secara komersial adalah dilarang kerana ia boleh membuka ruang kepada penyelewengan akidah, kepercayaan khurafat dan penipuan ".
9.	Penggunaan *Pneumatic Percussive Stunning* menurut pandangan Islam	Penggunaan *Pneumatic Percussive Stuning* dalam sembelihan lembu dan binatang halal seumpamanya adalah dibenarkan dengan syarat tengkorak haiwan sembelihan yang dikenakan *stuning* dalam keadaan tidak retak dan matinya adalah kerana sembelihan.
10.	Status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal	Mesyuarat bersetuju seperti berikut: i) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong, dan diberi makanan babi dan bangkai sebagai sumber utama adalah haram dimakan. ii) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah sadd al-zarai' disamping menjaga sensitiviti umat Islam.

11.	Pembiayaan Peruntukan Zakat Untuk Bayaran Emolumen Kakitangan Lantikan MAIS	i- Jawatan yang di kategorikan menepati asnaf fi sa billah ialah semua kakitangan yang ditempatkan di bahagian Pendidikan Islam, bahagian Pengurusan Masjid, bahagian Pengurusan Dakwah, Masjid Negeri Selangor, Institut Latihan dan Dakwah Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan, MAIS, Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman dan bahagian Pembangunan Insan MAIS. ii- Manakala jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah adalah di bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan JAIS, bahagian Pengurusan JAIS, bahagian Perundangan Keluarga JAIS, bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS, bahagian Teknologi Maklumat JAIS, bahagian Perundangan Syarak JAIS, dan bahagian Sistem Maklumat di Jabatan Mufti Selangor. iii- Bagi mengatasi beberapa jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah disyorkan supaya MAIS, membayar emolumen, kakitangan tersebut dengan wang Baitulmal atau peruntukan geran dari kerajaan negeri.
12.	Mewujudkan jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam (S41) Pegawai Perisikan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan di JAIS	AJK Fatwa bersetuju bahawa jawatan tersebut dilantik secara sementara (kontrak) selama setahun dengan menggunakan dana asnaf fi sabilillah. Selepas itu JAIS disyorkan supaya memohon peruntukan dari kerajaan negeri.
13.	Pengesahan aktiviti agihan dana fakir miskin 2005 dalam konteks zat dan manfaat	Harus melaksanakan aktiviti agihan untuk asnaf fakir miskin dalam bentuk zat dan manfaat mengikut keperluan kecuali apabila terdapat sebarang masalah yang berbangkit. - LZS hendaklah memberi penekanan terhadap pengkayaan jiwa melalui pelbagai program.
14.	Pembiayaan elaun kakitangan Kompleks Wawasan BALKIS dengan menggunakan wang zakat dari dana riqab	Tidak boleh menggunakan wang zakat dari dana Riqab untuk pembiayaan elaun kakitangan kompleks wawasan BALKIS. Kerana kakitangan yang bertugas bukan asnaf Riqab. JAIS disyorkan membayar elaun tersebut dengan wang Baitulmal atau peruntukan geran dari kerajaan negeri.

15.	Hukum menggunakan kaedah autopsi maya sebagai alternatif kepada bedah siasat	Muzakarah Fatwa Kebangsaan memutuskan: " Penggunaan kaedah Autopsi Maya *(Virtual Autopsy)* dalam bedah siasat mayat jika memenuhi keperluan, wajib diberi keutamaan berbanding kaedah bedah siasat yang diamalkan sekarang."
16.	Hukum perlantikan hakim syarie wanita	Muzakarah Fatwa Kebangsaan memutuskan: " wanita boleh dilantik menjadi Hakim Syar'ie dalam kes-kes selain kes hudud dan qisas. Pemilihan dan perlantikan hendaklah dibuat dengan penuh teliti dan teratur".
17.	Hukum *Wine Vinegar*	Fatwa Kebangsaan memutuskan haram menggunakan cuka wain (*Wain Vinegar*) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walaubagaimanapun jika berlaku perubahan cuka tersebut kepada cuka dengan sendirinya, maka halal"
18.	Hukum menggunakan debu tanah tayamum yang telah distrilkan (dinyah kuman)	- Harus menggunakan debu tanah yang distrilkan dengan mnggunakan proses irradasi unutk kegunaan bertayamum. - Sah bertayamum dengan menggunakan debu tanah tersebut, kerana ia menepati syariat. Namun syarikat pengeluar dinasihatkan menggunakan pek yang lebih kecil(satu pek bagi setiap kegunaan) agar kegunaannya lebih kompetetif, sesuai dengan syarat sah tayamum.
19.	Penentuan had kifayah Selangor 2006-2010 LZS	TANGGUH
20.	Penentuan kaedah kiraan zakat perniagaan	TANGGUH

21.	Penggunaan wang skim saham wakaf Selangor dan wang manfaat wakaf Selangor	i. Harus menggunakan Wang Saham Wakaf untuk membiayai segala keperluan bagi mewujudkan sesuatu aset; ii. Harus menggunakan Wang Manfaat Wakaf untuk membiayai segala kos penyelenggaraan berkaitan keperluan bangunan; iii. Pihak MAIS disyorkan agar mempergiatkan usaha untuk menyuburkan harta-harta wakaf yang telah diwujudkan supaya hasil atau manfaat wakaf yang diterima akan lebih memberi keuntungan; iv. Pihak MAIS hendaklah memastikan terlebih dahulu sesuatu harta yang diterima untuk tujuan diwakafkan adalah merupakan harta milik sempurna yang tidak ada sebarang tanggungan.
22.	Pelaksanaan istibdal tanah wakaf di lot 6684, Telok Gadong dengan membeli tanah untuk penambahan kawasan masjid Nur Iman, Telok Gadong di atas sebahagian lot 6094 mukim Klang	TANGGUH
23.	Hukum Penggunaan Anggota/ unsur haiwan yang haram di makan selain daripada babi dan anjing untuk kosmetik	i. Islam amat menitikberatkan kebersihan namun produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal dimakan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudharat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam . ii. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudharatan kepada manusia adalah haram digunakan .
24.	Bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran satu alternatif	i. Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun .

25.	Penentuan had kifayah Selangor 2006-2010 LZS	Keputusan kertas kerja ini ditangguh untuk dikaji semula sebelum dibentangkan dalam mesyuarat yang akan datang.
26.	Penentuan kaedah kiraan zakat perniagaan	Keputusan kertas kerja ini di tangguh untuk di perincikan lagi manual dan jadual kiraan zakat perniagaan sebelum di bentangkan semula dalam mesyuarat fatwa yang akan datang.
27.	Mengkaji semula penggunaan wang zakat di bawah asnaf fisabilillah bagi membiayai emolumen kakitangan Unit Perundangan Keluarga di Pejabat Agama Islam Daerah dan Bahagian Perundangan Keluarga, JAIS	(i) Jawatan yang dikategorikan menepati asnaf fi sabilillah ialah semua kakitangan yang ditempatkan di Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Pengurusan Dakwah, Masjid Negeri Selangor, Institut Latihan Dan Dakwah Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan Majlis Agama Islam Selangor, Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman Majlis Agama Islam Selangor Dan Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor . (ii) Manakala jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah ialah di Bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Pengurusan Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Perundangan Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor, Bahagian Teknologi Maklumat Jabatan Agama Islam Selangor , Bahagian Perundangan Syara Jabatan Agama Islam Selangor Dan Bahagian Sistem Maklumat di Jabatan Mufti Negeri Selangor . (iii) Bagi mengatasi beberapa jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah disyorkan supaya Majlis Agama Islam Selangor membayar emolumen kakitangan tersebut dengan wang Baitulmal atau peruntukan geran dari Kerajaan Negeri .
28.	Usaha-usaha menghidupkan semula al-Arqam melalui syarikat Rufaqa' Cop.Sdn.Bhd. (SRC) dan lain-lain syarikat.	AJK Fatwa memutuskan diharamkan, kerana menyeleweng.

29.	Penggunaan anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan selain daripada anjing dan babi untuk tujuan kosmetik	AJK Fatwa memutuskan sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram di makan atau memberi mudharat pada manusia adalah haram.
30.	Bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran satu alternatif	Pencarum KWSP di galakkan keluarkan zakat sejurus selepas menerima atau mengeluarkan duit KWSP tersebut jika cukup nasabnya tanpa menunggu haul satahun.
31.	Laporan isu pencucian pasir bercampur najis babi di Sg. Garing Mukim Rawang, Daerah Gombak Selangor	AJK Fatwa memutuskan bahawa pasir yang dicuci dengan menggunakan air takungan dari kandang babi adalah najis mughallazah dan tidak halal penggunaannya.
32.	Mengkaji semula penggunaan wang zakat di bawah asnaf fisabilillah bagi membiayai emolumen kakitangan **Unit Perundangan Keluarga** di Pejabat Agama Islam Daerah dan Bahagian Perundangan Keluarga, JAIS	AJK Fatwa memutuskan perkara ini dirujuk kepada keputusan fatwa pada 26-27 Jun 2006 : i- Jawatan yang di kategorikan menepati asnaf fi sa billah ialah semua kakitangan yang ditempatkan di bahagian Pendidikan Islam, bahagian Pengurusan Masjid, bahagian Pengurusan Dakwah, Masjid Negeri Selangor, Institut Latihan dan Dakwah Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan, MAIS, Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman dan bahagian Pembangunan Insan MAIS. ii- manakala jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah adalah di bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan JAIS, bahagian Pengurusan JAIS, bahagian Perundangan Keluarga JAIS, bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS, bahagian Teknologi Maklumat JAIS, bahagian Perundangan Syarak JAIS, dan bahagian Sistem Maklumat di Jabatan Mufti Selangor. iii- bagi mengatasi beberapa jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah disyorkan supaya MAIS, membayar emolument, kakitangan tersebut dengan wang Baitulmal atau peruntukan geran dari kerajaan negeri.

33.	Mengkaji semula penggunaan wang zakat di bawah asnaf fisabilillah bagi membiayai emolumen kakitangan **Unit Guaman Syarie & Ibu Tunggal** Bahagian Perundangan Keluarga, JAIS	AJK Fatwa memutuskan perkara ini dirujuk kepada keputusan fatwa pada 26-27 Jun 2006 : i- Jawatan yang di kategorikan menepati asnaf fi sa billah ialah semua kakitangan yang ditempatkan di bahagian Pendidikan Islam, bahagian Pengurusan Masjid, bahagian Pengurusan Dakwah, Masjid Negeri Selangor, Institut Latihan dan Dakwah Selangor, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ihsan, MAIS, Pusat Pemurniaan Akidah Baitul Iman dan bahagian Pembangunan Insan MAIS. ii- Manakala jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah adalah di bahagian Pengurusan Penguatkuasaan Jabatan JAIS, bahagian Pengurusan JAIS, bahagian Perundangan Keluarga JAIS, bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JAIS, bahagian Teknologi Maklumat JAIS, bahagian Perundangan Syarak JAIS, dan bahagian Sistem Maklumat di Jabatan Mufti Selangor. iii- bagi mengatasi beberapa jawatan yang tidak menepati asnaf fi sabilillah disyorkan supaya MAIS, membayar emolumen, kakitangan tersebut dengan wang Baitulmal atau peruntukan geran dari kerajaan negeri.
34.	Hukum melakukan samak najis mughallazah menggunakan sabun tanah liat	" Sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh di gunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain serta penggunaanya mengikut syariat"
35.	Hukum penyalahgunaan dadah jenis syabu dan jenis-jenis dadah baru yang lain	" Dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain mempunyai kesan mudharat yang sama seperti ectasy, katamine, dan Gamma Hyroxybutyric Acid (GHB). Maka penggunaanya adalah haram dan semua aktiviti yang berkaitan dengannya adalah haram."

36.	Hukum mengagihkan zakat secara persendirian dan qada' zakat	AJK Fatwa memutuskan: i- Dari segi siasah dan maslahah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. ii- Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara sendiri tanpa melalui pemerintah adalah sah jika diagihkan kepada yang layak. Tapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang dalam perkara kebaikan adalah berdosa. Kerana taat kepada pemimpin adalah wajib. (kebaikan) iii- Mengenai qadho' zakat ia wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat tapi tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya.
37.	Memuat turun (Download) Imej Lucah ke dalam Telifon Bimbit	Dipanjangkan kepada JAKIM.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR 2007

BIL	TAJUK KERTAS KERJA / CADANGAN	KEPUTUSAN
1.	Penetapan harga fitrah Negeri Selangor 2007/1428	AJK Fatwa memutuskan penetapan harga fitrah Negeri Selangor pada tahun 2007/ 1428 adalah sebanyak RM 5.20 seorang.
2.	Penetapan kadar nisab zakat harta Negeri Selangor 2007/1428	AJK Fatwa memutuskan kadar nisab zakat harta adalah mengikut kadar purata setahun dan kadar itu hendaklah dirujuk kepada kadar emas. Contohnya kadar nisab zakat harta tahun 2007 adalah mengikut kadar nisab tahun 2006.
3.	Hukum pelaburan ke atas Syarikat SwissCash Mutual Fund	Keputusan: Pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti SwissCash Mutual Fund dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur-unsur riba' dan gharar. Maka umat Islam dilarang terlibat dengan pelaburan seperti ini kerana banyak alternatif lain berlandaskan Islam.
4.	Isu kekeliruan jantina Congenital Adrenal Hyperplasia dan Testicular Feminization Syndrome	Bagi kes CAH, pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh di lakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan. Manakala bagi kes TFS , untuk kembali kepada genetik asal(lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Jika individu itu bercadang untuk melakukan pembedahan , ia adalah harus selagi perbuatan itu tidak mendatangkan mudharat. Sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu itu. Bagi kes TFS yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diktiraf berdasarkan fizikal dan genetial zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testis (jika ada) adalah harus. Untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami TFS tidak perlu dipisahkan. Pakar-pakar perubatan perlu memberi penjelasan, bimbingan dan menasihati ibu bapa serta individu-individu Muslim yang terlibat dengan kes-kes CAH dan TFS supaya menjalani rawatan bagi mengelakkan permaslahan hukum agama dikalangan umat Islam.

5.	Pameran jin, hantu dan keranda, Pameran Alam Misteri serta yang berkaitan dengannya	AJK Fatwa memutuskan pameran jin,hantu, dan keranda serta semua yang berkaitan dengannya adalah ditegah oleh syariat Islam. Kerana ia boleh memberi mudharat pada akidah umat Islam. Manusia tidak mampu mencapai hakikat sebenar alam misteri jin dan hantu. Dan kita tidak mahu orang Islam dididik dengan perkara-perkara khurafat dan tahyul seperti ini.
6.	Arahan untuk menyediakan simpanan RM20 juta setiap tahun MAIS	AJK Fatwa berpendapat bahawa kaedah pengagihan zakat perlu diagihkan kepada penerimanya dengan kadar segera tanpa ditangguh atau disimpan. Ini merujuk kepada kitab Fikh Manhaj Imam Syafie Jilid 1 m/s 313. Dalam konteks ini LSZ berperanan sebagai wakil kepada pemilik harta untuk mengagihkan zakat kepada penerimanya. Jika simpanan tersebut dilaksanakan, ia akan memberi kesan negatif terhadap pembayar zakat yang mengharapkan agar zakat yang dibayar sampai kepada penerima dalam tempoh sepatutnya. Maka secara tidak langsung akan menjadi salah satu punca penurunan pembayar zakat di Selangor. Juga mencadangkan wang Baitulmal mengambil peranan dalam perkara ini untuk memulakan simpanan dananya bagi memenuhi keperluan yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.
7.	Amalan kebatinan dalam persembahan kesenian tradisional masyarakat Melayu	Ahli mesyuarat memutuskan kertas kerja ini ditangguhkan ke Muzakarah Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.
8.	Hukum khatan bagi pesakit Heamophilia dan kanak-kanak cacat akal	AJK Fatwa memutuskan tidak wajib berkhatan kerana proses khatan boleh membawa mudharat kepada pesakit. Bagaimanapun aspek taharah bagi pesakit itu perlu dipelajari dan diberi perhatian khusus oleh pesakit berkenaan untuk memastikan kesempurnaan bersuci dan kesahihan ibadah.
9.	Hukum penggunaan ayat-ayat suci al- Quran dan laungan azan dalam nada dering dan paparan skrin di dalam telifon bimbit	AJK Fatwa memutuskan pada prinsip Islam tidak melarang penggunaan nada dering ayat suci al-quran. Dengan syarat penggunaannya menepati adab yang telah ditetapkan oleh Islam dan digunakan ditempat-tempat yang tidak mencemarkan kesucian ayat-ayat tersebut seperti didalam tandas.

10.	Kajian semula hukum penjualan air zam-zam	AJK Fatwa memutuskan berdasarkan nas-nas daripada hukum syarak, Islam membenarkan penjualan, perdagangan air zam-zam. Walaupun begitu , pihak pemerintah boleh mengenakan sekatan jika terdapat pihak yang mencemarkan kesucian dan kemuliaan air zam-zam.
11.	Hukum berkaitan pembangunan tanah wakaf di bawah Rancangan Malaysia Ke- Sembilan (RMK9)	AJK Fatwa memutuskan kertas ini dipanjangkan ke MAIS untuk disesuaikan dengan projek tersebut di Negeri Selangor.
12.	Penetapan had kifayah Negeri Selangor 2007 – 2010	AJK Fatwa memutuskan bersetuju dengan had kifayah yang dicadangkan. Iaitu individu muslim yang pendapatannya kurang 50% dari had kifayah akan dikatogarikan sebagai asnaf fakir, manakala individu muslim yang pendapatannya dibawah had kifayah namun melebihi kadar 50% akan dikatogarikan sebagai asnaf miskin. Kadar had kifayah tersebut adalah dipakai dalam tempoh dua tahun mulai 2007-2009.
13.	Hukum orang Islam mengucapkan tahniah dan ucapan selamat bersempena perayaan agama orang bukan Islam	i. Apa jua amalan dan perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam sekiranya melibatkan akidah atau iktiqad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau maka ia menganggap semua agama adalah sama, ditegah oleh Islam. ii. Walaubagaimana pun sekiranya amalan atau perlakuan tersebut hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan sosial antara Islam dan bukan Islam untuk tujuan perpaduan, maka ia dibenarkan oleh Islam. iii. Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti emel atau sistem pesanan ringkas (sms) dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan agama mereka dengan syarat ucapan itu tidak adalah harus, mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Islam serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>iv. Orang Islam terutama pemimpin, orang-orang yang mempunyai kedudukan, pengaruh dan contoh tauladan tidak boleh sama sekali menyertai atau melakukan apa-apa aktiviti perayaan agama orang bukan Islam.

v. Amalan kongsi raya antara orang Islam dan bukan Islam hedaklah diberhentikan kerana boleh mengelirukan umat Islam.

.v Mengadakan jamuan atau acara keramaian sempena hari raya dan hari-hari kebesaran semua kaum diharuskan.</td>
</tr>
<tr>
<td>14.</td>
<td>Penentuan hukum syara' di dalam pelaksanaan skim pajak gadai Islam (al-Rahnu) di Malaysia (cadangan kadar upah simpanan barang gadaian)</td>
<td>.i Kadar upah simpan barang gadaian skim al-rahnu adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Nilai Barang Gadaian</th><th>Tempoh (Bulan)</th><th>Kadar Upah Yang Ditetapkan 1 % (Sebulan)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">RM 100.00 – RM 1,000.00</td><td>3 bulan pertama</td><td>sebulan 0.60%</td></tr>
<tr><td>3 bulan berikutnya</td><td>sebulan 0.70%</td></tr>
<tr><td rowspan="2">RM 5,000.00 – RM 1,001.00</td><td>3 bulan pertama</td><td>sebulan 0.65%</td></tr>
<tr><td>3 bulan berikutnya</td><td>sebulan 0.80%</td></tr>
<tr><td>RM 5, 001.00 -</td><td>3 bulan pertama</td><td>sebulan 0.80%</td></tr>
<tr><td>RM 10,000.00</td><td>3 bulan berikutnya</td><td>sebulan 0.95%</td></tr>
</table>
.ii RM 10,000.00 Gadaian yang melebihi %1upahnya hedaklah dihadkan tidak melebihi sebulan.

.iii Sekiranya setelah tamat tempoh yang barang gadaian tersebut masih dinyatakan, persetujuan kedua-dua belah gagal ditebus, pihak perlu diperolehi bagi menentukan tempoh lanjutan dan kadar yang dikenakan.</td>
</tr>
<tr>
<td>15.</td>
<td>Anak tak sah taraf; perspektif hukum syarak dan undang-undang</td>
<td>.i Mengesyorkan agar jawatankuasa teknikal undang-undang Majlis Agama Islam Selangor pindaan terhadap enakmen dari segi membuat peruntukan hukuman takzir kepada pesalah zina dan pembelaan kebajikan anak tak sah taraf. Pindaan dicadangkan pada:</td>
</tr>
</table>

		(a) enakmen undang-undang keluarga Islam (b) enakmen jenayah syariat; dan (c)lain-lain enakmen yang difikirkan perlu Mengesyorkan agar Jabatan Mufti Selangor dengan kejasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mengadakan Muzakarah Khas mengenai mempertingkatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah.
16.	Hukum menggunakan najis babi sebagai baja tanaman	AJK Fatwa memutuskan hukum menggunakan najis babi untuk tujuan baja tanaman adalah haram.
17.	Cadangan Untuk Pelaksanaan Wakaf Irshad Oleh Kerajaan Negeri Selangor .	Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa Kerajaan Negeri boleh mewakafkan harta sebagai penggunaan khusus kepada orang Islam termasuk tapak masjid, surau, kubur dan sekolah Islam.
18.	Penggunaan Kemudahan Awam seperti dewan serbaguna Komplek Komuniti dalam melaksanakan Kegiatan Kemasyarakatan oleh masyarakat setempat.	Setelah meneliti dan berbincang, Jawatankuasa Fatwa telah berpandangan bahawa penggunaan kemudahan seperti dewan dan komplek komuniti bleh digunakan untuk semua pihak adalah disarankan supaya sebarang kekayaan atau acara dilaksanakan di tempat tersebut hendaklah dipastikan sentiasa memelihara keharmonian masyarakat.
19.	Hukum orang Islam mengucapkan tahniah dan ucapan selamat sempena perayaan agama orang bukan Islam.	Ucapan tahniah dan selamat adalah harus dengan syarat tidak bermaksud memberikan pujian terhadap agama orang bukan Islam.
20.	Kertas cadangan Pembiayaan elaun kehadiran mesyuarat Mais dengan menggunakan peruntukan Asnaf fi-sabilillah.	Elaun kehadiran mesyuarat MAIS hendaklah menggunakan peruntukkan Baitulmal.
21.	Kertas cadangan Pembiayaan peruntukan dana zakat bagi skim latihan dalam perkhidmatan khas bagi peringkat sijil,diploma,sarjana muda,sarjan dan kedoktoran (phd) untuk pegawai MAIS.	Harus menggunakan peruntukkan dana zakat untuk membiayai skim latihan dalam perkhidmatan bagi bidang yang amat di perlukan oleh MAIS setakat menampung kekurangan kos sahaja. Keutamaan khusus dan pengajian hendaklah di sediakan di dalam negeri.
22.	Kertas kerja permohonan untuk melantik	Jawatankuasa telah berbincang dan menyatakan

	pegawai dan kakitangan bagi mewujudkan unit runding cara akidah(kaunseling) di jabatan mufti selangor dalam menangani permasalahan murtad.	bahawa harus menggunakan peruntukkan dana zakat fisabilillah untuk membiayai pegawai dan kakitangan bagi unit runding cara akidah (kaunseling) di Jabatan Mufti bagi menangani permasalahan murtad.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR 2008

BIL	TAJUK KERTAS KERJA / CADANGAN	KEPUTUSAN
1.	Permohonan untuk melantik pegawai dan kakitangan Bahagian Falak, Jabatan Mufti Selangor	i. Harus menggunakan peruntukan zakat dari asnaf fisabilillah bagi membiayai emolumen kakitangan kontrak Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor; dan ii. Bahagian Falak hedaklah berusaha untuk mendapatkan waran perjawatan tetap daripada kerajaan negeri.
2.	Anak tak sah taraf; perspektif hukum syarak dan undang-undang	ii. Mengesyorkan agar jawatankuasa teknikal undang-undang Majlis Agama Islam Selangor membuat pindaan terhadap enakmen dari segi peruntukan hukuman takzir kepada pesalah zina dan pembelaan kebajikan anak tak sah taraf. Pindaan dicadangkan pada: (a) enakmen undang-undang keluarga Islam (b)enakmen jenayah syariat; dan (c)lain-lain enakmen yang difikirkan perlu Mengesyorkan agar Jabatan Mufti Selangor dengan kejasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mengadakan Muzakarah Khas mengenai mempertingkatkan bidangkuasa Mahkamah Syariah.
3.	Hukum orang Islam mengucapkan tahniah dan ucapan selamat bersempena perayaan agama orang bukan Islam	AJK Fatwa memutuskan: i- Apa jua amalan dan perlakuan orang Islam dalam hal-hal yang berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam jika melibatkan akidah atau iktikad seperti mengiktiraf agama bukan Islam atau menganggap semua agama adalah sama, maka ia ditegah oleh Islam. ii- Walaupun begitu jika amalan atau perlakuan itu hanya atas dasar kemasyarakatan atau hubungan social antara Islam dan bukan Islam untuk perpaduan maka ia dibenarkan oleh Islam. iii- Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirim ucapan melalui kad atau alat-alat komunikasi seperti emel, sms, dan sebagainya kepada orang bukan Islam sempena dengan perayaan mereka adalah harus.

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>Dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf atau memuji agama orang kafir. Dan juga tidak menggunakan lambing atau symbol agama mereka.

iv- Orang Islam terutamanya pemimpin dan sesiapa yang mempunyai kedudukan atau pendek kata orang Islam la. Tidak boleh menyertai keraian orang kafir.

v- Amalan kongsi raya antara orang Islam dan orang kafir hendaklah diberhentikan segera.
vi- mengadakan jamuan dan keraian sempena hari raya dan hari kebesaran semua kaum adalah diharuskan.</td>
</tr>
<tr>
<td>4.</td>
<td>Penentuan hukum syara' di dalam pelaksanaan skim pajak gadai Islam (al-Rahnu) di Malaysia (cadangan kadar upah simpan barang gadaian)</td>
<td>AJK Fatwa memutuskan:
i) kadar upah simpan barang gadaian skim ar-Rahnu adalah:

<table>
<tr><th>NILAI BARANG GADAIAN</th><th>TEMPOH/BULAN</th><th>KADAR UPAH DITETAPKAN</th></tr>
<tr><td rowspan="2">RM 100.00 – RM 1,000.00</td><td>3 Bulan Pertama</td><td>0.60 % Sebulan</td></tr>
<tr><td>3 Bulan Berikutnya</td><td>0.70 % Sebulan</td></tr>
<tr><td rowspan="2">RM 5000.00 – RM 1,001.00</td><td>3 Bulan Pertama</td><td>0.65 % Sebulan</td></tr>
<tr><td>3 Bulan Berikutnya</td><td>0.80 % Sebulan</td></tr>
<tr><td>RM 5,001.00</td><td>3 Bulan Pertama</td><td>0.80 % Sebulan</td></tr>
<tr><td>RM 10,000.00</td><td>3 Bulan Berikutnya</td><td>0.95 % Sebulan</td></tr>
</table>

ii) Gadaian yang melebihi RM 10,000.00 upahnya hendaklah dihadkan tidak melebihi 1% sebulan.

iii) Jika telah tamat tempoh yang dinyatakan, barang gadaian tersebut masih gagal ditebus, persetujuan kedua-dua belah pihak perlu diperolehi bagi menentukan tempoh lanjutan dan kadar yang dikenakan.</td>
</tr>
</table>

5.	Kertas kerja menetapkan hukum kutipan derma / sumbangan untuk Kolej Islam Melaya (KIM) sebagai wakaf	AJK Fatwa memutuskan: i- Penubuhan Kolej Islam Malaya (KIM) pada asalnya adalah daripada wakaf orang ramai, maka segala harta yang berkembang daripadanya juga dianggap sebagai wakaf. ii- Segala yang berkaitan dengannya seperti pemberian, derma, tabaruk, atau seumpamanya juga dianggap sebagai wakaf. iii- Menurut Islam, harta wakaf merupakan hak milik Allah Ta'la dan pemegang amanah keatasnya adalah Baitulmal.
6.	Kertas kerja hukum menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang (*surrogate motherhood*) untuk mendapatkan zuriat	AJK Fatwa Selangor memutuskan: " Menggunakan kaedah khidmat ibu tumpang untuk mendapatkan zuriat adalah diharamkan oleh Islam. Walaupun sperma dan ovum adalah diambil daripada pasangan suami isteri yang sah kerana ia menyebabkan berlakunya kekeliruan keturunan dan nasab anak yang dilahirkan"
7.	Membangun tanah wakaf khas dengan pembangunan selain daripada niat asal pewakaf	AJK Fatwa Selangor memutuskan: " Membangunkan tanah wakaf khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan itu hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan Syariat Islam.
8.	Hukum menggunakan barangan yang mempunyai lambang agama lain contohnya salib dan seumpamanya	AJK Fatwa Selangor memutuskan : " Orang Islam adalah diharamkan menggunakan barangan yang mempunyai lambing agama lain seperti salib atau bintang 6 (lambang Yahudi)jika lambang-lambang itu dinyatakan secara zahir dan jelas"
9.	Kertas kerja hukum menternak dan menjual lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik	AJK Fatwa Selangor memutuskan: i- Mengikut adat, lintah dan cacing adalah haiwan yang tidak halal dimakan kerana termasuk dalam kelas haiwan jijik. ii- Hukum berjual beli atas atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan itu adalah harus pada syarak.

		ii- Menggunakan lintah dan cacing sebagai satu kaedah perubatan dan bahan kosmetik adalah harus.
10.	Penyelesaian permasalahan tanah wakaf Masjid as-Syarif, Meru melalui mekanisme istibdal	AJK Fatwa Selangor memutuskan: i- Tidak harus istibdal keatas tanah wakaf Masjid As-syarif Meru kerana tidak menepati syarat istibdal. ii- Perjanjian yang telah dibuat diantara penyewa tanah dengan pihak masjid adalah tidak sah dari segi undang-undang sivil mahupun Syariat. iii- Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Selangor, disyorkan supaya MAIS mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan penyewa tanah agar masalah ini dapat ditangani sebaik mungkin.
11.	Hukum menggunakan wang tabung masjid bagi pemberian saguhati AJK yang menghadiri kursus	" Harus menggunakan wang tabung masjid selain tabungan yang khusus bagi pemberian saguhati kepada ahli jawatankuasa masjid yang menghadiri kursus. Kadar pemberian saguhati itu hendaklah mengikut kadar munasabah. Bagi ahli jawatankuasa yang tidak mempunyai pendapatan tetap, kadar pemberian saguhati adalah merangkumi elaun sara hidup sepanjang kehadirannya berkursus. Jika tabung masjid tidak mencukupi , JAIS hendaklah berusaha untuk mendapatkan dana daripada mana-mana sumber. Disyorkan supaya setiap masjid mewujudkan tabungan khas pendidikan bagi tujuan pendidikan ahli qaryah.
12.	Hukum bersuci bagi pekerja loji rawatan kumbahan	AJK mesyuarat memutuskan: - Bagi orang Islam yang bekerja diloji kumbahan jika , diyakini waktu atau temph bekerja tidak akan melebihi waktu solat, maka kaedah pelaksanaan solat hendaklah dilakukan seperti biasa setelah bersuci mengikut kaedah bersuci yang telah ditetapkan dalam Islam seperti berikut: i- menghilangkan ain najis pada badan dan pakaian; ii- membasuh dengan air suci hingga peringkat yakin. (hilang bau, warna dan rasanya). iii- Bagi menyucikan najis mughallazah, selain daripada syarat (i) dan (ii) di atas, ia perlu dibasuh dengan tujuh kali air yang suci termasuk sekali air tanah. - bagaimanapun jika tempoh bekerja menjangkau waktu solat dan timbul kesukaran

		untuk membersihkan diri sebelum solat, maka mereka diharuskan untuk menjamak solat berkenaan setelah sempurna bersuci mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam.”
13.	Isu tuntutan penganut Kristian terhadap penggunaan kalimah Allah	AJK Fatwa membuat keputusan: i- Lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. ii- Oleh itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan jika terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam perlembagaan persekutuan.
14.	Cadangan pembiayaan zakat fitrah melalui pembayaran elektronik	“i- Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui SMS sama ada secara pra-bayar atau pasca-bayar. ii- Harus menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui Internet,mesin ATM dan mesin E-debit. iii- Pihak CELCOM hendaklah mendahulukan bayaran zakat yang telah dibayar melalui pasca-bayar sebagai jaminan bayaran telah diterima. iv- Pihak CELCOM/ Bank adalah menjadi wakil kepada Lembaga Zakat Selangor dan hendaklah menghadkan tempoh masa penggunaan kaedah-kaedah ini bagi mengelakkan pembayaran zakat dilakukan melepasi waktu wajib zakat yang ditetapkan. v- Pihak CELCOM/Bank disyorkan mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan Lembaga Zakat Selangor mengenai penyerahan jumlah wang zakat yang telah terkumpul.”
15.	Permohonan kelulusan dan pandangan berkenaan isu-isu kewajipan membayar zakat perniagaan	” i- Hukum membayar zakat adalah wajib keatas semua bentuk perniagaan yang memenuhi tuntutan syarak sama ada perniagaan tersebut berdaftar ataupun tidak berdaftar. ii- Hukum membayar zakat adalah wajib keatas semua kumpulan perniagaan Muslim dan syarikat perniagaan yang dimiliki oleh kerajaan, sama ada kerajaan negeri atau kerajaan pusat. iii- Pembayaran zakat oleh syarikat yang dimiliki individu atau berkumpulan Muslim yang menjalankan perniagaan di Negeri Selangor hendaklah di buat di Negeri Selangor.

		iv- Hukum membayar zakat perniagaan adalah wajib ke atas setiap syarikat dalam kumpulan syarikat korporat yang terdiri dari pelbagai anak syrikat. Jika syarikat induk telah membayar zakat yang wajib dikeluarkan oleh anak syarikat, maka anak syarikat tidak perlu membayar zakat lagi “
16.	Panduan penggunaan wang saham wakaf Selangor, Majlis Agama Islam Selangor	“ I- Harus menggunakan wang saham wakaf untuk membiayai segala keperluan bagi mewujudkan sesuatu asset II- Harus menggunakan wang manfaat wakaf untuk membiyai segala kos yang penyelenggaraan berkaitan keperluan bangunan III- Pihak MAIS disyorkan agar mempergiatkan usaha untuk menyuburkan harta-harta wakaf yang telah diwujudkan supaya hasil atau manfaat wakaf yang diterima akan lebih memberi keuntungan. IV- Pihak MAIS hendaklah memastikan terlebih dahulu sesuatu harta yang diterima untuk tujuan diwakafkan adalah merupakan harta milik sempurna yang tidak ada sebarang tanggungan.
17.	Hukum peraduan SMS Celcom 100 hari 100 kereta	“ a- peraduan ini adalah tidak mematuhi syariat kerana mengandungi unsur judi, gharar (tak jelas) eksploitasi dan menggalakkan pembaziran. b- mesyuarat panel kajian syariah menasihatkan CELCOM supaya menyediakan konsep peraduan yang selari dengan tuntutan syarak.”
18.	Kajian pelaksanaan pembiayaan pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berasaskan konsep ju'alah 1.	1. bersetuju dengan cara perkhidmatan yang dikenakan oleh PTPTN kepada pelajar atas konsep upah (ijarah) dengan kadar yang munasabah dan tidak membebankan pelajar. 1. Pihak PTPN boleh menuntut ganti rugi (ghramah) kepada pelajar yang telah mendapat pekerjaan tetap dan berkemampuan daripada aspek kewangan tetapi sengaja tidak mahu membayar semula pembiyaan PTPN. Bagi pelajar yang tidak mampu daripada aspek kewangan tidak dikenakan ganti rugi (gharamah). 2. Pihak PTPTN hendaklah memberikan rebat kepada pelajar yang berjaya melangsaikan pembiayaan lebih awal daripada tamat tempoh perjanjian. 3. Bersetuju supaya pebiayaan PTPTN berasaskan konsep upah ini diaplikasikan kepada semua kategori pelajar di setiap peringkat pengajian dan terpakai kepada seluruh pelajar tanpa mengira

		agama dan bangsa. 4. Sebarang perubahan keatas dasar pembiayaan PTPTN yang sedia ada hendaklah merujuk kepada muzakarah fatwa kebangsaan bagi hal ehwal islam.
19.	Memberi bonus kepada penyelia dan guru KAFAI, Negeri Selangor Darul Ehsan	Fatwa bersetuju dengan pengagihan bonus berjumlah RM 3,144,000.00 kepada penyelia dan guru-guru KAFAI Negeri Selangor yang dibiayayai melalui 3 sumber kewangan iaitu JAKIM, Kerajaan Negeri, dan Baitulmal.
20.	Mewujudkan jawatan Pembantu Tadbir (Kew) Gred W17 kontrak di Sekolah Rendah Agama Integrasi Tahfiz Istana Bandar (MITIB) di Negeri Selangor	Fatwa bersetuju mewujudkan jawatan pembantu tadbir (kewangan) gred W17 kontrak di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Agama Integrasi (SRAI) dan Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar (MITIB) di Negeri Selangor mengikut keperluan guna tenaga yang optimum; Harus menggunakan wang zakat dari asnaf fi sabilillah untuk membiayayai emolumen pegawai-pegawai yang telah dilantik.
21.	Sistem pengurusan online pentadbiran masjid bagi Negeri Selangor	" Fatwa bersetuju mengadakan sistem pengurusan online pentadbiran Masjid Negeri Selangor (SPMS) kerana ia dilihat sebagai satu usaha murni kearah memantapkan institusi masjid di Selangor.
22.	Meminta fatwa mengenai penggunaan wang zakat bagi membiayai kos berkaitan kes permohonan pengisytiharan murtad dalam proses istitabah di Baitul Iman	- Harus menggunakan wang zakat untuk membiayai perbelanjaan berkaitan kes murtad dalam proses istitabah di Baitul Iman. - Jika pemohon murtad masih dalam tempoh mualaf (5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf mualaf. - Sebaliknya jika pemohon murtad telah melebihi tempoh mualaf (5 tahun) hendaklah wang tersebut digunakan dari peruntukan asnaf fi sabilillah.
23.	Penggajian pegawai-pegawai MAIS mengguna kod Fi Sabilillah	" Fatwa memutuskan: harus menggunakan wang zakat dari peruntukan asnaf amal untuk membiayai emolumen pegawai-pegawai MAIS di bahagian tertentu yang mana bidang tugasnya adalah terlibat secara langsung dalam mengurus hal ehwal kewangan zakat."

24.	Berandam dalam perkahwinan Melayu	Fatwa bersetuju dengan cadangan ini dipanjangkan kepada pihak JAKIM untuk dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.
25.	Mengemaskini fatwa pengurusan agihan zakat di Selangor	Fatwa bersetuju dengan pindaan berikut: i- perkara 6 (الفور) muka surat 9 dipinda kepada (الفورية) ii- perkara 6 (kriteria) muka surat 13 dipinda kepada tua/uzur/sebatang kara/cacat dan tiada upaya untuk menyara hidup. iii- perkara 7 (konsep agihan) muka surat 15 dipinda kepada membantu kemiskinan yang sementara yang amat mendesak. iv- perkara 5 dan 6 (konsep agihan) muka surat 24 hendaklah dipindahkan ke item (konsep agihan) bagi fi sabilillah: * usaha membasmikan ummah daripada kongkongan ekonomi dan * pengagihan zakat boleh dibuat bagi tujuan mencegah asnaf daripada berlakunya kemudharatan. v- perkara c dan d (perincian skop – 81 C/BTI) hendaklah dikeluarkan iaitu: * bantuan perkahwinan dan * saguhati hari raya vi- perkara c,b, dan e (perincian skop – 81 I/BTI) hendaklah dikeluarkan iaitu: * kalendar * diari * dan lain-lain
26.	Berandam dalam perkahwinan Melayu	Fatwa bersetuju dengan cadangan ini dipanjangkan kepada pihak JAKIM untuk dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.
27.	Kedudukan senaman Yoga di kalangan umat Islam	AJK Fatwa memutuskan : a- Senaman yoga yang berasal daripada masyarakat Hindu sejak sebelum masihi lagi menggabungkan amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan dan pemujaan bagi tujuan tertentu adalah tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah orang Islam. b- Apa juga jenis atau bentuk senaman yang mengandungi unsur-unsur tersebut adalah dilarang dan bertentangan dengan syariat Islam.

28.	Skim Takaful Hayat Berkumpulan Guru Kelas Al- Quran dan Fardhu Ain Integrasi (KAFAI) Negeri Selangor Darul Ehsan	Fatwa bersetuju dan memutuskan bahawa harus menggunakan wang zakat dari peruntukan asnaf fi sabililliah untuk membiayai caruman Skim Takaful Hayat Berkumpulan bagi guru-guru KAFAI Negeri Selangor.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR 2009

BIL	TAJUK KERTAS KERJA / CADANGAN	KEPUTUSAN
1.	Hukum bersumpah menurut Islam	AJK Fatwa memutuskan: i) Isu bersumpah, cara-cara melakukan serta hukumnya perlu diberi penjelasan kepada masyarakat Islam supaya mereka tidak keliru. ii) JAKIM disaran mengeluarkan risalah penjelasan mengenai kedudukan dan penggunaan sumpah termasuk sumpah mubahalah menurut kehendak syarak supaya kekeliruan seperti yang berlaku baru-baru ini tidak berulang.
2.	Kerja penggantungan kaligrafi Islam di premis orang kafir	- " Bagi menjaga kehormatan dan kemuliaan ayat-ayat suci al-quran dan kalimah-kalimah suci agama Islam, perbuatan menggantung apa-apa jua ayat-ayat suci al-quran atau kalimah-kalimah suci agama Islam dipremis-premis orang kafir atau mana-mana tempat yang boleh mendedahkannya kepada penghinaan, penipuan, atau penyalahgunaan adalah dilarang oleh Islam. Penjualan dan penyimpanan kitab suci al-quran - dikedai-kedai yang dimiliki oleh orang kafir adalah juga dilarang oleh Islam kerana ia boleh membawa kepada penghinaan keatas kehormatan dan kesucian kitab suci tersebut."
3.	Hukum wanita menyerupai lelaki (*Pengkid*)	Fatwa memutuskan: " Pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram disisi Islam".
4.	Sistem pengurusan *online* pentadbiran masjid bagi Negeri Selangor	Fatwa memutuskan : " Tidak harus menggunakan wang zakat bagi melaksanakan sistem pengurusan online pentadbiran masjid. Walaupun begitu ia boleh dijalankan dengan menggunakan sumber yang lain seperti wang sumber daripada kerajaan negeri atau wang Baitulmal.

5.	Pelaksanaan pengurusan dan pelupusan harta luqatah simpanan MAIS	" i- Setiap harta luqatah yang diterima hendaklah dilaksanakan proses hebahan **selama setahun.** Jika telah tamat tempoh hebahan itu, maka bolehlah melupuskan harta luqatah tersebut secara lelong dan hasil dari lelongan itu dimasukkan kedalam Baitulamal. ii- Harta luqatah yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah disimpan ditempat yang selamat. iii- Jika harta luqatah itu kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walaupun telah tamat tempoh hebahan (setahun) . Pihak MAIS hendaklah memulangkan semula jika harta tersebut masih ada atau nilai barang (mengikut nilai semasa) jika telah dilelong atau telah dicairkan. iv- Pemungut harta atau pemegang amanah harta luqatah harus mengenakan caj perkhidmatan yang munasabah kepada pemilik harta luqatah tersebut jika pemilik hadir untuk memungut harta. v- Harta luqatah tersebut harus diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Adalah menjadi kewajipan menyerah kepada Baitulmal apabila tiada individu atau agensi yang sanggup menjadi pemegang amanah. vi- Harta luqatah tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut harta (Baitulmal) untuk dimanfaatkan kepada perkara yang tidak bercanggah dengan syarak Islam."
6.	Pelaksanaan penyaluran wang syubhah ke Baitulmal MAIS	"Fatwa memutuskan: a- Wang syubhah yang diperolehi boleh dijadikan sumber Baitulmal dan harus dimasukkan kedalam akaun Baitulmal. b- Penggunaan wang syubhah harus untuk kegunaan menjalankan operasi perjalanan kerja di MAIS seperti pembinaan, penyenggelaraan bangunan,emolumen, pendidikan, pertanian,penyelidikan-penyelidikan, perubatan, kemudahan asas seperti pembinaan dewan,tandas, jambatan, dan lain-lain untuk kegunaan umum."
7.	Cadangan penetapan harga zakat fitrah Negeri Selangor tahun 1430 H / 2009 M	Fatwa memutuskan berikut: " Kadar harga zakat fitrah bagi tahun 1430H/2009M ditetapkan sebanyak RM 6.50/ individu.

8.	Cadangan membangunkan tanah wakaf Masjid Sirajuddin al- Anuar.	Fatwa menangguhkan keputusan ini kerana terdapat keperluan kepada pihak masjid untuk mendapatkan beberapa maklumat tambahan iaitu dengan membuat semakan dengan pejabat tanah daerah berkaitan status syarat guna tanah serta semakan dengan unit wakaf MAIS.
9.	Cadangan bagi kenaikan mas kahwin Negeri Selangor.	" Fatwa menetapkan had minima kadar nilai maskahwin sebanyak RM 300 bagi anak dara atau janda tanpa ada had maksima. Jika terdapat wang hantaran daripada pihak lelaki, ianya dianggap maskahwin."
10.	Kedudukan tariqat Naqsyabandiah al-Aliyyah Syeikh Nazim al- Haqqani di Malaysia	Fatwa seperti berikut: " i) Kandungan 7 buah buku yang dinyatakan di perenggan 6 secara keseluruhannya tidak mengandungi fakta-fakta yang bercanggah dengan ahli sunnah waljamaah. Walaubagaimanapun ianya tidak sesuai disebarkan kepada umum dan perlu dihadkan bacaannya di institusi pengajian tinggi sahaja sebagai rujukan ilmiah. Buku ini juga tidak perlu diharamkan. ii) Ketujuh-tujuh buah buku yang diberikan oleh Yang Mulia Raja Asyman Shah Ibn Sultan Azlan Shah tidak boleh dijadikan sebagai sandaran rujukan bagi membuat pertimbangan terhadap kandungan sebenar tariqat Naqsyabandiah al- Aliyyah Syeikh Nazim al- Haqqani. Kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan bagi mendapatkan sumber sebenar amalan tariqat ini untuk dibuat kajian dan penilitian yang mendalam. iii) Keputusan Muzakarah Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 48 bertarikh 3 April 2000 dan Muzakarah Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 85 pada 12 Februari 2009 hendaklah dikekalkan."
11.	Hukum bertatu mengikut pandangan Islam.	" i- Di dalam Islam hokum bertatu iaitu pembuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu adalah haram. ii- Orang yang telah bertatu wajib bertaubat dan menyesal serta menghilangkannya dengan menggunakan kaedah teknologi yang ada jika tidak mendatangkan sebarang mudharat pada diri dan nyawa, maka ia boleh dibiarkan dan dimaafkan. Bagi orang yang bertatu dan tidak sempat menghilangkannya setelah mati, maka tatu tersebut tidak

		wajib dihilangkan kerana ianya akan menyeksa mayat tersebut. iii- Pihak berkuasa yang meluluskan lesen membuka premis membuat tatu perlu mengenakan syarat iaitu pemilik dan pekerjanya mestilah bukan beragama Islam serta orang Islam dilarang sama sekali mencacah tatu tersebut.”
12.	Hukum pembinaan monumen peringatan bagi angkatan tentera Malaysia.	Fatwa memutuskan: “ Islam menegah umatnya melakukan apa jua perbuatan dan amalan yang mempunyai unsur-unsur syirik dan menyerupai amalan jahiliyah serta berlebih-lebihan dan membazir. Oleh itu Islam mengharamkan membina, mengukir, atau memahat apa jua bentuk patung sama ada berupa manusia atau binatang untuk tujuan peringatan dan sebagainya.”
13.	Mengemaskini Fatwa Zakat Harta Pendapatan Negeri Selangor	Pindaan kepada perkara 8.5 (Cadangan .i Penyelarasan Had al-Kifayah Pembayar Zakat dan Jenis-jenis Tolakan Yang Dibenarkan) dipinda kepada had kifayah yang bersesuaian kepada perbelanjaan sebenar atau terkini seperti : Had kifayah untuk isteri. .a Had kifayah untuk dewasa tidak bekerja .b (18 tahun ke atas). Had kifayah untuk tanggungan anak cacat. .c Had kifayah untuk kos perubatan penyakit .d kronik.
14.	Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain	Dalam Islam, harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, *gharar*, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah <u>haram</u> dan <u>tidak boleh digunakan</u> untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut: (a Diserahkan kepada <u>Baitulmal</u> untuk maslahah-maslahah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya; (b Diserahkan kepada golongan <u>fakir miskin</u>; atau (c Jika harta tersebut merupakan harta rompak, curi dan seumpamanya, maka harta tersebut perlu <u>diserahkan semula</u> <u>kepada pemiliknya</u>. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada <u>ahli warisnya</u>. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada <u>Baitulmal</u>.

15.	Status Agama Anak Bawah Umur Selepas Salah Seorang Pasangan Memeluk Islam.	(i Apabila salah seorang pasangan (ibu atau bapa) memeluk agama Islam, status agama bagi anak di bawah umur pasangan tersebut adalah secara langsung <u>beragama Islam</u>. (ii Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga memutuskan supaya Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya <u>tidak perlu dipinda.</u> (iii Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah bersetuju dan membuat pindaan kepada perkara 21 (vii) seperti berikut : Hak hadhanah hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan syarat yang ditetapkan memberi keutamaan kepada status agama anak.
16.	Kertas Laporan Ajaran Kumpulan Negara Islam Indonesia (N11) Di Negeri Selangor.	AJK Fatwa memutuskan ajaran ini adalah menyeleweng dari Islam yang sebenar kerana: **Dari Segi Akidah.** Membuat Pembahagian Tauhid Bertentangan Dengan Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah - Ajaran ini menjadikan suatu simpulan *Rububiyyah-Mulkiyyah-Ubudiyyah* (*RMU*) yang dikatakan pembahagian tauhid yang mempunyai hubungan langsung dalam pembentukan sistem bernegara berdasarkan kepada surah al-Fatihah dan surah an-Nas. Kalimah رب sebagai *Rububiyyah* (pengatur, peraturan, hukum-hukum), ملك sebagai *Mulkiyyah* (penguasa, kawasan dan wilayah) dan نعبد sebagai *Ubudiyyah* (disembah, penyembah dan umat) yang disebut juga *Uluhiyyah* oleh sesetengah penyampai. **1- Mengkafirkan Selain Pengikut Ajaran** Hanya pengikut ajaran ini sahaja yang dianggap beragama Islam dan berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wa al-Jamaah yang sebenar. Manakala orang Islam yang lain adalah tidak sah Islamnya. Sekiranya mereka ingin menjadi Islam yang sah, mereka dikehendaki membayar sejumlah wang yang disebut juga sebagai Wang Taubat. **2- Memahami Al-Quran Mengikut Tafsiran Sendiri** Ayat-ayat al-Quran ditafsir secara salah, meragukan dan tidak bersandar pada mana-mana pendapat ulama', mengikut logik dan bebas ditakwil mengikut fahaman pemimpin ajaran.

3- Berbai'ah Dan Ta'asub Kepada Ketua
Dalam mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan Islam, seseorang itu hanya dibenarkan mempelajari dan merujuk kepada ketua atau pemimpin dari kalangan mereka atau kalangan mereka yang telah diberi kebenaran sahaja.

4- Rukun Iman Dan Rukun Islam Ditafsir Mengikut Kepentingan Ajaran.
Memberi tafsiran yang salah dan meragukan terhadap rukun Iman dan rukun Islam seperti berikut :

a- Rukun Iman

Alla	NII
Malaikat	Komandan/ Pemimpin
Kitab	Perintah/ Arahan NII
Rasul	Kakitangan/ mujahid/ wakil
Qiamat	Kebangkitan/ kemenangan
Qada' & Qadar	Kaedah/harakah/proses

b- Rukun Islam

Shahadah	Binayatul Aqidah
Solat	Binayatul Dzurfiah
Puasa	Binayatul Mas'uliah
Zakat	Binayatul Maliah
Haji	Binayatul Silah

Dari segi syariah
1- Membuat Pungutan Wang Untuk Menubuh Daulah Islamiah Wilayah Malaya (Malaysia).
Pungutan yang dibuat adalah di atas pelbagai nama seperti infaq, harakah ramadhan, harakah korban, wakaf tarbiyah, sedekah operasi, projek mega dan syura ta'lim, wakaf tanah, granite, gromas serta bayaran untuk lawatan atau berhijrah ke Maahad al-Zaitun di Indonesia.

2- Solat Ritual Dan Aktual
Mendakwa solat yang dilakukan lima kali sehari hanyalah rekaan para ulama sahaja ia disebut sebagai ritual. Solat yang sebenar atau disebut juga sebagai aktual ialah usaha merekrut ahli-ahli baru. Walau bagaimanapun, solat aktual biasanya tidak ditonjolkan sehingga ahli tersebut telah mencapai tahap-tahap tertentu dalam kumpulan tersebut.

3- Tidak Berpuasa
Berpuasa pada bulan ramadhan adalah tidak diwajibkan bahkan cukup sekadar membayar infak. Manakala puasa sunat dimestikan apabila melakukan dosa atau tidak merekrut ahli baru sebagai satu kafarah.

		Dari Segi Akhlak **1- Membolehkan Ahli Kumpulan Mencuri Untuk Kepentingan Ajaran** Ahli kumpulan dibolehkan untuk mencuri, termasuk mencuri al-Quran milik masjid bagi tujuan pengembangan ajaran. **2- Berkata Bohong** Sebagai langkah keselamatan, ahli ajaran dibolehkan berbohong dan menipu untuk menyimpan rahsia kepada bukan ahli atau disebut sebagai *difak*.
17.	Pembinaan Rumah Ibnu Sabil (MAIS) Untuk Pelawat Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang Di Masjid Rahimiah, Klang, Selangor	Fatwa bersetuju dan memutuskan bahawa harus menggunakan wang zakat dari peruntukkan Ibnu Sabil (zakat) untuk membina dan membiayai pengurusan yang berkaitan dengannya.
18.	Penyelidikan Bahan Produk Seramik *Bone China* Yang Menggunakan Bahan Asas Dari Abu Tulang.	Fatwa memutuskan Bone China adalah najis kerana zatnya mengandungi 50% daripada tulang babi atau binatang lain yang tidak disembelih menurut syarak.
19.	Fatwa Zakat Pelaburan Saham	Wajib zakat
20.	Hukum Pembayaran Hutang Muallaf Sebelum Islam Menggunakan Wang Zakat	Kertas kerja perlu dilengkapkan untuk dibentangkan semula dalam mesyuarat akan datang.
21.	Kertas Kerja hukum pelaksanaan wasiat wajibah	Pelaksanaan wasiat wajibah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut : i. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan perempuan (cucu) kebawah adalah layak untuk menerima wasiat wajibah. ii. Hendaklah kedua ibu atau bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek atau ibu atau bapa meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan. iii. Cucu lelaki dan perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara fardhu dan taasub maka mereka tidak layak untuk mendapat wasiat wajibah walaupun bahagiannya sedikit berbanding wasiat wajibah. iv. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan

		berlainan agama dengan ibu atau bapa atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat wasiat wajibah daripada harta pusaka datuk. v. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan mereka sekiranya mereka masih hidup, cucu tidak lagi berhak untuk mendapat wasiat wajibah. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut. vi. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar 1/3 daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah 1/3 atau kurang daripada 1/3, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi 1/3 maka hendaklah dikurangkan pada kadar 1/3 melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli warisnya yang lain. vii. Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, wasiat ihtiariah dan hutang piutang. viii. Pembahagian wasiat wajibah kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian-bahagian orang perempuan.
22.	Cadangan prasarana tandas kecil di masjid kampung sungai kelambu ,banting kuala langat.	Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana : i. Pembinaan tandas tersebut adalah dibawah satu bumbung yang sama dengan bumbung masjid. ii. Berdekatan dengan tempat wudhu dan ruang masjid. Ini memungkinkan jamaah tidak dapat menjaga kesucian apabila keluar masuk tandas. iii. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor mengsyorkan supaya tandas yang akan di bina hendaklah berasingan daripada bumbung masjid serta dapat dijaga / diawasi kesucian masjid

		apabila masuk / keluar daripada tandas. iv. Urusetia perlu memaklumkan perkara tersebut kepada pemohon secara bersurat.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR 2010

BIL	TAJUK KERTAS KERJA / CADANGAN	KEPUTUSAN
1.	Kertas Cadangan Memohon Pandangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Mengenai Peguam Syarie Bukan Islam	Fatwa memutuskan bahawa Orang Bukan Islam tidak dibenarkan menjadi Peguam Syarie.
2.	Hukum Pembayaran Hutang Muallaf Sebelum Islam Menggunakan Wang Zakat	Fatwa memutuskan pembayaran hutang Muallaf sebelum Islam adalah diharuskan menggunakan wang zakat.
3.	Mengemaskini Fatwa Zakat Harta Pendapatan Negeri Selangor	Ahli Jawatankuasa Fatwa bersetuju dengan cadangan mengemaskini fatwa zakat harta pendapatan Negeri Selangor.
4.	Meminta Fatwa Mengenai Penggunaan Wang Zakat Asnaf Riqab Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial Dalam Menjamin Akidah Umat Islam Agar Kembali Ke Pangkal Jalan	Ahli Jawatankuasa Fatwa bersetuju menggunakan wang zakat Asnaf Riqab bagi mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dalam menjamin akidah Umat Islam agar kembali ke pangkal jalan berdasarkan mekanisma berikut : a) Kraiteria : i. Beragama Islam. ii. Tiada sumber kewangan yang cukup atau tidak mendapat bantuan daripada sumber-sumber lain. iii. Seseorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya dari belenggu yang dihadapi. b) Konsep Agihan : i. Pemberian adalah berasaskan permohonan dan siasatan serta pengesahan. ii. Meringankan beban. iii. Pemberian hanya kepada individu yang bersedia untuk menjalani pemulihan dan pemantauan yang diaturkan untuk mereka. iv. Usaha memulihkan akhlak dan aqidah. c) Jenis Bantuan : i. Bantuan pemurnian aqidah. ii. Bantuan pemulihan akhlak. iii. Tabung pembebasan fir Riqab.

5.	Cadangan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Moden Ditanah Wakaf Milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa memutuskan untuk tidak meluluskan Cadangan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Moden ditanah wakaf milik Majlis Agama Islam Selangor dengan alasan seperti berikut : .ix Di dalam hukum Syarak, apabila berlaku kematian hendaklah dikebumikan, di mana sahaja samada berbentuk liang atau lahad. .x Tujuan tanah wakaf adalah untuk kemaslahatan umum khususnya untuk fakir miskin. .xi Tanah wakaf adalah hak milik Baitulmal, tidak sesuai dijadikan tempat perkuburan berbentuk komersial seperti yang dicadangkan. .xii Adalah disyorkan supaya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melaksanakan perkuburan dengan kaedah menimbus tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapan
6.	Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah	Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakkan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagaimana suatu muamalat yang fasad kerana akadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu mengandungi gharar, unsur judi dan muamalat riba.
7.	Hukum Memakai Mask (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram Dan Umrah	Jamaah haji dan umrah didalam ihram diharuskan menutup sebahagian muka dengan memakai mask (penutup muka dan hidung) serta tidak perlu membayar dam.
8	Haruskah Solat Sunat Tasbih Secara Berjamaah	Harus solat sunat tasbih dilakukan secara berjamaah tetapi tidak digalakkan dilakukan berjamaah secara berterusan kerana yang lebih awali ialah dilakukan secara bersendirian. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bersetuju keputusan ini disebarkan dan ditambah dengan dalil-dalil disunatkan solat sunat tasbih.
9.	Orang Bukan Islam Memasuki Masjid	Orang kafir adalah diharuskan memasuki masjid dan surau dengan beberapa syarat : .i Mendapat keizinan pihak masjid dan surau. .ii Hendaklah menutup aurat dan bersopan. .iii Masuk ke masjid kerana berurusan yang diharuskan oleh syarak.

10.	Kertas Cadangan Pembayaran Emolumen Pegawai-Pegawai MAIS Yang Terpilih Menggunakan Peruntukan Asnaf Amil	Harus menggunakan wang zakat daripada peruntukan asnaf amil untuk membayar emolumen kepada pegawai-pegawai MAIS yang terpilih. Ini selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada 2 Disember 2008.
11.	Kertas Kerja Cadangan Fatwa Pembayaran Zakat Oleh Syarikat Pengurus Dana Saham Amanah (Unit Trust)	Ahli Jawatankuasa Fatwa bersetuju mengenakan zakat terhadap dana saham amanah (Unit Trust) berasakan pelaburan sebagai (عروض تجارة)
12.	Mengenai Kedudukan Kursus ESQ Leadership Training	Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 3/2010 yang bersidang pada 21 September 2010 telah memutuskan seperti berikut : i. Bahawa kebanyakkan unsure-unsur keraguan yang terkandung dalam buku edisi lama dan dalam kursus yang dikendalikan boleh diperbetul dan di perjelaskan. ii. Pihak ESQ hendaklah membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti / perlakuan samada dalam buku keluaran ESQ ataupun semasa mengendalikan kursus yang boleh menimbulkan keraguan. iii. Buku-buku edisi lama, artikel-artikel dan lain-lain yang telah disebarkan kepada peserta-peserta kursus, atau di pamerkan di kedai-kedai dan di mana-mana sahaja ianya disebarkan hendaklah ditarik balik dan di batalkan dengan kenyataan dan hendaklah digantikan dengan buku ESQ edisi baru yang telah dibetulkan dengan kadar segera. iv. Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertanggungjawab memantau sepenuhnya pembetulan dan pindaan yang dibuat oleh panel syariah ESQ dan memantau perjalanan kursus yang diadakan dalam Negeri Selango dari masa ke semasa. v. Mesyuarat juga memutuskan bahawa tiada halangan bagi mana-mana badan atau agensi di Negeri Selangor mengikuti kursus ESQ Leadership Training setelah para (ii) dan (iii) di atas diambil tindakan oleh pihak ESQ.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

115. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 140: "Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan peserta pada keseluruhannya belum memuaskan kerana peserta di tiga TKPM belum mencapai purata pendapatan bulanan RM3,000 pada tahun 2008".

Audit dalam muka surat 140 mendapati lima faktor utama kenapa sasaran ini tidak dicapai.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sebelum penemuan Audit, Jabatan telah juga mengenal pasti kelima-lima faktor tersebut?

b) Jika tidak, apakah sebab-sebabnya Jabatan gagal mengenal pasti kelima-lima faktor tersebut dengan lebih awal?

c) Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan untuk mengatasi masalah-masalah yang berpunca daripada kelima-lima faktor tersebut?

JAWAPAN :

a), b) & c)

Jabatan Pertanian telah mengenal pasti kelima –lima faktor yang menjadi cabaran kepada pencapaian pendapatan purata RM3,000 peserta di TKPM Sungai Blankan, Sepang, TKPM Kundang Kuala Langat dan TKPM Batu Arang, Gombak Selangor sebelum penemuan Jabatan Audit pada tahun 2008.

Bagi mengatasi masalah-masalah yang terdapat di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Jabatan Pertanian telah merancang beberapa penambahbaikan ke arah transformasi pertanian secara menyeluruh agar pencapaian TKPM dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan secara berterusan ialah :

1. Pemuliharaan Tanah Gambut

Tanah-tanah di TKPM Sungai Blankan Sepang dan Kundang Kuala Langat terdiri daripada tanah gambut yang mengambil masa agak lama untuk dipulihkan. Oleh itu usaha-usaha pemuliharaan tanah berkenaan seperti pengapuran dilakukan secara berterusan setiap kali penyediaan tanah dibuat. Ini akan dapat mengurangkan kemasaman tanah agar akar tanaman dapat menyerap baja dan nutrien dengan kadar yang cepat. Selain itu sistem perparitan dan saliran telah ditambah dan diselenggara agar kawasan tidak ditakung air dan pada masa ini masalah tersebut telah dapat diatasi.

2. Pemuliharaan Tanah Berbukit

Bagi tanah di TKPM Batu Arang yang berbukit dan terdapat tanah berbatu usaha-usaha pemulihan dijalankan melalui galakan kepada peserta projek agar melaksanakan pertanian organik dan integrasi tanaman dengan ternakan seperti lembu dan kambing secara terkawal. Terdapat empat peserta telah menggunakan tinja ternakan untuk dijadikan baja organik dan digunakan untuk menyuburkan tanaman buah-buahan seperti nangka madu, belimbing dan limau nipis.

3. Amalan Teknologi Pertanian:

Teknologi merupakan aspek penting dalam industri pertanian dan sebahagian peserta TKPM belum sepenuhnya menggunakan teknologi yang ada.Oleh yang demikian usaha sedang dilakukan agar peserta mendapat maklumat dan mengamalkan teknologi pertanian terutama dalam aspek:

i. Penggunaan benih dan varieti tanaman yang berkualiti dan disyorkan Jabatan Pertanian.

ii. Penggunaan baja berasaskan mikrob (organik) yang boleh meningkatkan tahap kesuburan tanah dan keupayaan pokok menyerap sumber nutrien.Ini juga meliputi penggunaan kawalan musuh dan penyakit secara organik

iii. Amalan teknologi mekanisasi ladang bagi mengurangkan tenaga manual.

iv. Penggunaan teknologi sistem pengairan yang lebih efisien.

4. Skala Ladang Yang Kecil

Di TKPM Sungai Blankan dan TKPM Kundang kebanyakan peserta mengusahakan tanaman ubi kayu dan keledek dengan keluasan tanah seperti berikut :

TKPM	Luas Tanah Diusahakan		
	> 6.0 hektar	4.0-5.9 hektar	1.0 – 3.9 hektar
SungaiBlankan (151 peserta)	6 peserta	12 peserta	133 peserta
Kundang (41 peserta)	6 peserta	3 peserta	32 peserta

Bagi meningkatkan pendapatan peserta beberapa langkah telah diambil iaitu melalui usaha pemuliharaan kesuburan tanah agar hasil meningkat ke tahap maksimum. Selain daripada itu peserta juga digalakkan untuk mengusahakan pemprosesan produk seperti kerepek ubi yang mempunyai nilai tambah pasaran yang sangat baik.

5. Kekurangan Modal

Jabatan Pertanian juga telah memberikan galakan kepada peserta projek agar memohon pinjaman melalui agensi kewangan seperti Agrobank bagi memastikan mereka mempunyai modal yang mencukupi untuk memastikan projek dapat beroperasi dengan baik dan mendatangkan hasil yang memuaskan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : TRANSFORMASI KERAJAAN TEMPATAN

116. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan melantik seorang timbalan YDP di setiap PBT untuk membawa transformasi dalam sistem penyampaian?

b) Apakah rancangan kerajaan dalam melaksanakan pemilihan Datuk Bandar di setiap bandar raya?

JAWAPAN :

a) Kajian mengenai transformasi PBT telah dilaksanakan di peringkat negeri. Segala hasil kajian telah pun dibentangkan. Walau bagaimanapun rancangan untuk melantik timbalan YDP masih di dalam kajian terperinci memandangkan ia mewujudkan perubahan struktur dan implikasi kewangan yang besar. Kajian ini merangkumi skop tugas dan kriteria yang diperlukan untuk pengisian jawatan ini dan adakah ia praktikal. Proses transformasi akan mengambil masa yang panjang. Adakah dengan mewujudkan jawatan ini ia dapat mempercepatkan proses transformasi perlu di ambil kira dan dikaji dengan lebih terperinci.

b) Seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan undang-undang. Oleh yang demikian pemilihan Datuk Bandar akan menggunakan mekanisme sedia ada.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: PENUTUPAN IKYS

117. INSTITUT Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) Bagan Terap Bagan Terap telah ditutup dan pelajarnya dipindahkan ke INPENS Kuala Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah penutupan IKYS menjejaskan dasar negeri untuk melatih belia bagi mencapai gaji RM 1500 sebulan?

b) Adakah langkah ini akan membantutkan sosioekonomi di daerah Sabak Bernam?

c) Apakah status semasa bangunan IKYS yang dikosongkan?

JAWAPAN:

a) Penutupan IKYS tidak menjejaskan dasar negeri untuk melatih belia bagai mencapai gaji RM1500 sebulan. Ini disebabkan pelajar-pelajar IKYS yang dipindahkan/diserapkan ke INPENS Kuala Selangor tetap menjalani kursus kemahiran di INPENS sama seperti kursus kemahiran yang mereka jalani di IKYS dengan mendapat sijil pentauliahan yang sama seperti di IKYS. Dengan sijil pentauliahan yang sama, peluang mendapat pekerjaan tetap sama, walau di mana saja tempat mereka belajar samada di kolej atau institut lain dengan mengambil/menjalani kursus kemahiran yang sama.

b) Penutupan IKYS tidak akan membantutkan sosioekonomi di Daerah Sabak Bernam kerana asalnya juga kompleks ini dibina untuk tujuan **Kompleks Pertumbuhan Desa Bagan Terap.** Walau bagaimanapun pada akhir tahun 2007, Kompleks ini diserahkan kepada Yayasan Selangor untuk mengendalikan Program Latihan Kemahiran

c) **Status semasa** adalah bangunan ini masih digunakan lagi untuk pembelajaran Pelajar-pelajar IKYS sehingga 31 Disember 2010. Ini kerana perpindahan/penyerapan pelajar-pelajar IKYS ke INPENS Kuala Selangor dilakukan secara berperingkat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : KUALITI ALAM SEKITAR

118. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh manakah kualiti Alam Sekitar telah menurun di Lembah Klang ?

b) Apakah langkah-langkah berkesan dan jumlah bajet 2011 yang dirancangkan untuk di sediakan bagi menambahbaikkan kualiti Alam Sekitar yang telah tercemar di Lembah Klang ?

JAWAPAN :

a) Pada keseluruhannya kualiti alam sekitar di negeri Selangor tidak menunjukkan penurunan yang signifikan berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Kualiti alam sekitar di Selangor berada pada tahap yang sama untuk tempoh 5 tahun kebelakangan dengan sedikit peningkatan dan penurunan bagi parameter-parameter tertentu disebabkan oleh faktor atau pengaruh cuaca. Perincian perubahan adalah seperti berikut:

(i) KUALITI AIR SUNGAI

Berdasarkan Indeks Kualiti Air Di Negeri Selangor bagi tahun 2009, status keseluruhan satu (1) sub-lembangan sungai, iaitu Sungai Bernam dikategorikan **bersih**. Manakala lima (5) sub-lembangan, iaitu Sg. Selangor, Sg. Tengi, Sg. Langat, Sg. Sepang dan Sg. Klang sebagai **sederhana tercemar** dan satu (1) lagi sub-lembangan, iaitu Sg. Buloh didapati **tercemar**. Manakala paras kepekatan pencemar bagi parameter pepejal terampai (SS) di semua sungai di Negeri Selangor didapati meningkat. Peningkatan tersebut berpunca daripada hakisan tebing sungai dan pengorekan pasir. Sementara itu, paras kepekatan pencemar bagi parameter ammoniakal nitrogen (NH_3-N) di Sg. Klang, Sg. Tengi, Sg. Sepang, Sg. Langat dan Sg. Buloh didapati meningkat yang mana berpunca daripada pelepasan air kumbahan tanpa rawatan atau separa terawat dan juga aktiviti pertanian. Bagi parameter keperluan oksigen biokimia (BOD_5) menunjukkan peningkatan di Sg. Sepang, Sg. Tengi, Sg. Selangor, Sg. Bernam dan Sg. Buloh manakala di Sg. Langat dan Sg. Klang didapati paras BOD_5 menurun. Paras keperluan oksigen kimia (COD) direkodkan meningkat di Sg. Buloh, Sg. Tengi dan Sg. Selangor pada tahun 2009 manakala penurunan paras COD dikesan di Sg. Langat, Sg. Klang dan Sg. Sepang.

(ii) KUALITI AIR MARIN

Manakala bagi pengawasan kualiti air marin pada tahun 2009 secara keseluruhannya, iaitu parameter bakteria *E coli,* pepejal terampai (SS) serta minyak dan gris adalah pencemar utama kepada air marin di pantai Negeri Selangor. Keseluruhan kawasan pemantauan kualiti air marin mencatatkan paras *E coli* yang melebihi piawai yang ditetapkan. Paras *E coli* yang tinggi di lokasi pensampelan yang dinyatakan dipercayai berpunca daripada pelepasan air sisa daripada kedai-kedai makan, restoran dan

kumbahan domestik yang tidak dirawat dengan sempurna di sepanjang pantai ini. Di samping itu, aktiviti perkapalan dan bot nelayan dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada pencemaran minyak dan gris manakala aktiviti-aktiviti pembukaan atau kerja-kerja tanah di sepanjang tepi pantai dan muara sungai menyumbang kepada meningkatnya paras pencemar pepejal terampai. Kesan hakisan pantai semula jadi, juga boleh menyumbang kepada peningkatan paras pencemar pepejal terampai.

(iii) KUALITI UDARA

Sepanjang tahun 2009, status kualiti udara di Negeri Selangor berada pada tahap sederhana pada kebanyakan masa berbanding tahap baik. Semua lokasi mencatatkan beberapa hari paras udara berada pada tahap tidak sihat di mana penyumbang utama adalah parameter ozon yang merupakan indikator pencemaran dari kenderaan bermotor. Bagi daerah **Kuala Selangor**, peratusan kualiti udara mengikut bilangan hari dalam tahun 2009 adalah 48% berada pada paras baik, 49% berada pada paras sederhana dan 3% berada pada paras tidak sihat. Manakala stesen di **Kajang** menunjukkan 27% bilangan hari berada pada paras baik dan 69% pada paras sederhana dan tidak sihat sebanyak 4%. **Bandaraya Petaling Jaya** mencatatkan 30% kualiti udara berkeadaan baik, 67% pada paras sederhana dan 3% paras tidak sihat, manakala **Daerah Klang** mencatatkan 18% kualiti udara pada paras baik dan 78% pada paras sederhana sihat dan paras tidak sihat sebanyak 4%. Bandaraya **Shah Alam** pula mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik sebanyak 20% dari bilangan hari, manakala 69% pada paras sederhana dan 11% pada paras tidak sihat.

b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2010 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO HAJI AMIRUDDIN SETRO
(JERAM)

TAJUK: PADAT

119. Kerajaan Selangor telah menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT)

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah sasaran jangka panjang dan jangka pendek PADAT?

b) Apakah program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun ini?

c) Apakah strategi PADAT untuk memasyarakatkan adapt dan nilai-nilai baik dalam kalangan rakyat?

JAWAPAN:

a)

1. Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tugas utama PADAT iaitu:

   i. Mengemukakan dasar-dasar dan landasan-landasan pembangunan dan perkembangan adat Melayu dan warisan Selangor,

   ii. Meningkat dan menambahkan keupayaan tradisi ilmu, bahasa dan persuratan,

   iii. Menggali bahan-bahan sejarah dan mendokumentasikannya untuk dijadikan bahan rujukan mengenai Adat-Adat Melayu dan Warisan Selangor,

   iv. Mengenal pasti, mengadun dan mempersembahkan warisan kesenian Melayu dan warisan Selangor,

   v. Menerbit dan mengarkibkan bahan-bahan penulisan mengenai adat Melayu dan warisan Selangor ,

   vi. Memoden dan mengemas kini sistem pengurusan Perbadanan Adat Melayu dan warisan Selangor,

   vii. Memasukkan idea dan peralatan teknologi moden dalam sistem pengurusan,penambahbaikan dan pembangunan Perbadanan.

2. Mewujudkan desa budaya di setiap pintu masuk utama ke Negeri Selangor dengan tujuan untuk mengetengahkan adat Melayu dan warisan,

3. Jalinan kerjasama antara PADAT dengan perbadanan negeri lain atau agensi lainnya yang mempunyai perkhidmatan teras (*core business*) yang sama termasuk di Asia dan peringkat antarabangsa,

4. Mengujudkan kumpulan pakar permuziuman, adat dan warisan. Bagi merealisasikan hasrat ini satu bentuk bantuan sama ada biasiswa ataupun geran akan diwujudkan,

5. Kebolehupayaan pembangunan daripada segi infrastruktur dan modal insan,

6. Lawatan kerja rasmi dalam dan luar Negara utama terpilih untuk melihat amalan membangun dan mempromosi adat dan warisan,

7. Penambahbaikan ekshibit di ruang pameran semua muzium di bawah PADAT,

8. Mengadakan Konvensyen Adat Melayu Selangor dengan tujuan memperjelaskan peranan adat dalam pembentukan jati diri dalam masyarakat Melayu,

9. Mengangkat dan mewarta seni warisan sebagai identiti Negeri Selangor.

<u>Sasaran Jangka Pendek</u>

1. Mengadakan penyelidikan adat dan warisan dengan bantuan pakar-pakar dan pengkaji daripada Universiti Tempatan,

2. Menaiktaraf pameran di muzium-muzium di bawah PADAT,

3. Melaksanakan pengembangan organisasi melalui penambahan kualiti dan kuantiti warga kerja PADAT,

4. Pembangunan modal insan dengan menyediakan serta melaksanakan kursus-kursus dan latihan kepada warga kerja PADAT ,

5. Meneruskan kerja-kerja ekskavasi arkeologi di daerah Kuala Langat dan Kuala Selangor,

6. Mengadakan bengkel yang berkaitan seni dan warisan Negeri Selangor

b. Sepanjang tahun 2010 PADAT telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti mengikut peringkat Bahagian-bahagian yang ada di PADAT iaitu :

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Menyertai Pameran Padi Di Sungai Besar (Homestay Sg. Haji Dorani) Sempena Lawatan DYMM Sultan Selangor.	03 - 04 Jan 2010	Sungai Besar, Sabak Bernam.
2.	Melaksanakan program 'Bicara Tradisi Ilmu, Menilai Waktu'.	10 Februari 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
3.	Melaksanakan program Bicara Tokoh Budayanita Selangor Prof. Dr. Siti Zainon Ismail.	24 Februari 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
4.	Melaksanakan Bengkel Seni Kelingkan 'Satu Tradisi'.	02 Mac – 31 Mei 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
5.	Menyertai Pameran *Izish Premier Inter-Cultural Exchange Carnival 2010.*	15 - 17 Mac 2010	Kuala Lumpur.

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
6.	Menyertai Program Kembara Minda Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan.	18 – 21 Mac 2010	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Sabak Bernam.
7.	Forum Sehari Metodologi Penyelidikan.	22 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
8.	Melaksanakan program Bengkel Tradisi Lisan : Mengenal Warisan Bangsa	31 Mac 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
9.	Pameran Warisan Adat Melayu Sempena Karnival Adat Melayu	23 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
10.	Mengadakan pertandingan sirih junjung dan pertandingan masakan Selangor (Nasi Ambeng dan kuih tradisi)	24 - 25 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
11.	Menganjurkan Pertandingan Permainan Tradisional (Congkak, Batu Seremban & Sepak Raga Bulatan)	24 April 2010	Stadium Utama, Shah Alam.
12.	Menganjurkan Pertandingan Wau Kapal Selangor.	24 April 2010	Stadium Mini Shah Alam.
13.	Pameran Sempena Perayaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2010.	6 - 21 Mei 2010	Kota Kinabalu, Sabah.
14.	Menyertai Demontrasi Pesta Masakan Warisan Melaka 2010 anjuran PERZIM.	04 - 06 Jun 2010	Jalan Kota, Kompleks Warisan Melaka.

15.	Pameran Sempena Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2010	05 - 0 6 Jun 2010	UKM, Bangi.
16.	Projek Membuat Mural 8"x20" Wajah Atlet Kelahiran Negeri Selangor Di Balai Sukan.	23 Jun - 08 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
17.	Melaksanakan Bengkel Pemahaman Naskah Melayu Lama : Tak Kenal Maka Tak Cinta	06 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
18.	Melaksanakan Bengkel Seni Tekat 'Warisan Tradisi Ilmu'.	07 Julai – 28 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
19.	Melaksanakan Program Diskusi Tradisi Ilmu 'Satu Pandangan Umum'.	22 Julai 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
20.	Melaksanakan Bengkel Penyediaan Transkripsi/Diskripsi Sejarah Lisan	02 Ogos 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
21.	Kursus Diploma Muziologi, UIAM Modul 6 - Konservasi Dan Pemuliharaan.	02-06 Ogos 2010	Balai Seni Lukis Negara.
22.	Pameran Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2010.	01 - 30 Sept. 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.

23.	Program Memasak Bubur Lambuk & Kuih Kacau, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih anjuran PADAT.	02 Sept 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
24.	Menganjurkan Bengkel Mengenali Muzik Cempuling.	11 November 2010	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam.
25.	Menjalankan Penyelidikan Mengenai Kelingkan dan Telepuk Dalam Naskah Melayu Lama.	Januari hingga Disember 2010	- Kelantan - Terengganu - Sarawak
26.	Kajian dan pendokumantasian rumah-rumah Warisan lama untuk Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam.	April – Disember 2010	- Kuala Selangor - Sabak Bernam
27.	Kajian lanjut berkaitan senibina masjid dalam rekabentuk, ragam hias dan seni taman.	April – Disember 2010	- Kuala Selangor - Sabak Bernam
28.	Kajian dan pendokumentasian makanan warisan negeri Selangor.	Mei – Disember 2010	- Klang - Kuala Langat
BIL	**PROGRAM/AKTIVITI**	**TARIKH**	**TEMPAT**
29.	Menjalankan Penyelidikan Selangor sebagai tempat tumpuan pelbagai etnik : Etnik Pariaman (Minang)	Jun 2010 hingga Disember 2010	- Hulu Langat
30.	Menjalankan Penyelidikan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Jawa di Selangor.	Jun 2010 hingga Disember 2010	- Klang - Kuala Langat
31.	Melaksanakan Penyelidikan Tradisi Ilmu Cerapan Hilal Ramadan dan Syawal.	Julai hingga Disember 2010	- Bukit Malawati - Pulau Angsa - Sabak Bernam

32.	Menyediakan data inventori etnik-etnik di Selangor : Daerah Hulu Langat.	September 2010 hingga November 2010	- Jugra Hulu Langat

c) Pepatah Melayu "Biar mati anak, jangan mati adat", merujuk kepada betapa pentingnya adat serta amalannya dalam masyarakat Melayu. Terdapat banyak pepatah serta ungkapan yang merujuk kepada perlaksanaan sesuatu adat itu. Kebanyakan adat adalah juga merupakan peraturan terhadap kehidupan sehari-harian, ia juga dipanggil ritual. Antara strategi PADAT untuk memasyarakatkan adat dan nilai-nilai baik adalah melakukan penyelidikan yang berkualiti terutama yang berkaitan Warisan Adat, Tradisi Ilmu dan Budaya masyarakat Melayu. Hasil penyelidikan ini kemudiannya dikembangkan kepada masyarakat melalui penganjuran aktiviti dan program antaranya seperti latihan yang diberi berkaitan warisan ilmu tenunan Kelingkan dan Tekat kepada kakitangan PADAT supaya kakitangan PADAT ini nanti dapat mengembangkan ilmu tenunan ini kepada orang awam seperti pengusaha-pengusaha homestay di negeri Selangor. Antara strategi-strategi lain yang dirancang adalah:

1) Mengadakan program publisiti dan promosi PADAT kepada generasi muda di peringkat sekolah seperti mengadakan program pertandingan Seni Khat, Pertandingan Kompang Berformasi serta Pertandingan Permainan Tradisional negeri Selangor,

2) Program Jalinan Mesra Rakyat di setiap daerah negeri Selangor:- satu daerah satu adat,

3) Mewujudkan Kelab Sahabat PADAT di semua lapisan masyarakat,

4) Melaksanakan Program Keluarga Angkat,

5) Sentiasa berhubung baik dengan Pihak Berkuasa Tempatan di setiap Daerah, dengan menggunakan perkhidmatan e-board yang disediakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PUSAT-PUSAT HIBURAN

120. Umum mengetahui bahawa pusat-pusat hiburan yang tidak terkawal adalah sarang kegiatan-kegiatan maksiat yang di tentangi oleh semua ajaran agama yang menimbulkan kesan yang buruk kepada semua lapisan masyarakat dan bangsa.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah tindakan tegas, drastik dan holistik seperti pembatalan permit, pemotongan api dan air, kompaun yang tinggi serta penyitaan yang berlarutan tidak diambil bagi mengatasi masalah pusat-pusat hiburan yang terbukti bermasalah ini ?

b) Apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi meluluskan permit pusat-pusat hiburan di Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Pihak PBT telah menjalinkan kerjasama dengan Pihak TNB dan SYABAS bagi tindakan pemotongan air dan elektrik di premis-premis yang bermasalah namun kuasa penuh pemotongan elektrik hanya di berikan kepada Ketua Polis Daerah. Undang-Undang yang di guna pakai oleh pihak Polis adalah di bawah Akta Rumah judi Terbuka 1953 dan Kompaun RM10,000.00. Pihak Berkuasa Tempatan hanya boleh membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah dan tindakan pemotongan oleh pihak TNB selain menyita premis pusat-pusat hiburan.

b) Syarat-syarat yang dikenakan bagi meluluskan permit pusat-pusat hiburan di Negeri Selangor adalah berdasarkan Garis panduan Pemberian Lesen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan Di Kawasan Pentadbiran Pihak- Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Selangor dengan syarat seperti berikut :-

   i) Lokasi premis bagi permohonan premis hiburan mestilah tidak kurang dari 300 meter dari kawasan rumah ibadat, sekolah dan hospital. Tidak kurang dari 100 meter dari Pejabat Kerajaan dan rumah kediaman.

   ii) Pendekatan pemberian lesen semasa oleh PBT bagi setiap permohonan baru premis hiburan perlu mengemukakan cadangan konsep dan aktiviti hiburan yang akan dijalankan berserta cadangan lokasi, masa hiburan dan butiran syarikat. Jawatankuasa Mesyuarat Pelesenan akan mempertimbangkan terlebih dahulu sebelum sesuatu permohonan diluluskan. Sekiranya cadangan tersebut diluluskan pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan kepada pihak Majlis dan kelulusan permohonan lesen hiburan adalah tertakluk kepada sokongan pihak Polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : LATIHAN ESQ LEADERSHIP

121. Pihak Mufti Wilayah Persekutuan memfatwakan ESQ (Emotional, Spritual & Q) sebagai menyeleweng (di gazet pada 13 Jun 2010)

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah pendirian kerajaan negeri Selangor terhadap ESQ?

b) Adakah setakat ini ESQ beroperasi di negeri Selangor?

c) Adakah sebarang tindakan yang diambil terhadap ESQ?

JAWAPAN :

a) Setelah Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan mengumumkan bahawa Latihan ESQ adalah menyeleweng, pihak Kerajaan Negeri telah membekukan penganjuran latihan tersebut.

b) Pihak kerajaan negeri telah pun memohon pandangan Jabatan Mufti Negeri Selangor berhubung perkara ini. Maka di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 3/2010 yang bersidang pada 21 September 2010 perkara ini telah dibincangkan..

Hasil dari perbincangan tersebut, Jawatankuasa Fatwa telah membuat keputusan seperti berikut :

I. Bahawa kebanyakan unsur-unsur keraguan yang terkandung di dalam buku edisi lama dan dalam kursus yang dikendalikan boleh diperbetul dan diperjelaskan.
II. Pihak ESQ hendaklah membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti / perlakuan sama ada dalam buku keluaran ESQ ataupun semasa mengendalikan kursus yang boleh menimbulkan keraguan.
III. Buku-buku edisi lama, artikel-artikel dan lain-lain yang telah disebarkan kepada peserta-peserta kursus, atau dipamerkan di kedai-kedai dan di mana-mana sahaja ianya disebarkan hendaklah ditarik balik dan dibatalkan dengan kenyataan dan hendaklah digantikan dengan buku ESQ edisi baru yang telah dibetulkan segala keraguan dikeluarkan dengan kadar segera.
IV. Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertanggungjawab memantau sepenuhnya pembetulan dan pindaan yang dibuat oleh Panel Syariah ESQ dan memantau perjalanan kursus yang diadakan dalam Negeri Selangor dari semasa ke semasa.
V. Mesyuarat juga memutuskan bahawa tiada halangan bagi mana-mana badan atau agensi di Negeri Selangor mengikuti kursus ESQ Leadership Training setelah para (ii) dan (iii) di atas diambil tindakan oleh pihak ESQ.

c) Sehubungan itu, pihak kerajaan negeri kini sedang menunggu pindaan yang akan dilakukan oleh pihak ESQ berhubung perkara di para ii dan iii.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PROGRAM PENDEMOKRASIAN RAKYAT

122. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan butiran terperinci mengenai jumlah pemilih baru yang berjaya didaftarkan menerusi program tersebut mengikut pecahan setiap Parlimen dan DUN ?

b) Sila nyatakan apakah kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan program tersebut ?

c) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan bagi menjayakan program tersebut ?

JAWAPAN :

a) Program Pendemokrasian Rakyat adalah satu program yang diusahakan oleh sekumpulan aktivis yang mahu meningkatkan kesedaran kepentingan kuasa mengundi di kalangan rakyat Malaysia. Ia lebih kepada pendidikan dan bukan membuat pendaftaran pengundi baharu. Kerajaan Negeri menyokong penuh program ini memandangkan lebih 700,000 mereka yang layak mengundi di Selangor belum mendaftar. Mengikut data yang diberi oleh Sekretariat Program Pendemokrasian Rakyat, sehingga Jun tahun ini, seramai 8,000 pengundi baharu telah mendaftar selepas mendapat kesedaran dari program pendidikan ini.

b) Walaupun program ini mendapat sokongan kerajaan negeri, namun rakyat Negeri Selangor masih belum sedar tentang program ini kerana ia adalah kerja sukarela, maka tidak banyak usaha yang boleh dilakukan.

c) Kerajaan Negeri tidak menyalurkan apa-apa bantuan kewangan kepada program tersebut kerana ia dibuat secara sukarela. Walau bagaimanapun, Pejabat Menteri Besar menyalurkan derma untuk kos pelancaran fasa pertama program tersebut pada 22 Mei 2010 dan fasa kedua pada 29 Oktober 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEMULIHARAAN PROJEK RUMAH TERBENGKALAI.

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan projek perumahan RKR terbengkalai yang telah dipulihara semula melalui usaha Kerajaan Negeri Selangor.

b) Apakah peranan Kerajaan Negeri Selangor untuk menyegerakan penyelesaian perumahan terbengkalai ini

JAWAPAN :

a) Satu projek perumahan Rumah Kos Rendah Terbengkalai yang telah dipulihara semula melalui usaha Kerajaan Negeri Selangor ialah Projek Pangsapuri Kos Rendah 14 Tingkat Ukay Bistari 146 unit. Projek ini telah dipulihkan melalui pemantauan Task Force Projek Terbengkalai Pejabat EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan.

b) Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pemulihan projek terbengkalai adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan ia tertakluk di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Di mana Akta 118 ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk melantik syarikat baru mengambil alih pemaju perumahan yang tidak memenuhi obligasi tanpa merujuk kepada Menteri Kewangan terlebih dahulu.

Memandangkan pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku *"breach of contract"* maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. **Kerajaan Negeri tidak mempunyai *"locus standi"* untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat.**

Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri tetap mengambil langkah positif dan mencari idea-idea baru dalam membantu menyelesaikan masalah projek terbengkalai. Antaranya adalah seperti berikut:

1) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai syarikat pemaju perumahan yang terbengkalai. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti ahli lembaga pengarah syarikat seterusnya menyenaraihitamkan agar sebarang projek pembangunan pada masa akan datang tidak lagi dibangunkan oleh mereka.

2) Mengenal pasti projek-projek terbengkalai yang peratus penyiapan telah menjangkau 80% seterusnya mengadakan perbincangan antara pembeli, pemaju, bank dan pihak-pihak yang terlibat bagi mencari jalan penyelesaian. Contohnya sekiranya pemaju menghadapi masalah kewangan bagi menyiapkan baki projek tersebut pembeli dan pemaju dengan persetujuan bank dicadangkan menambahkan jumlah pinjaman bagi menyiapkan baki projek tersebut dengan syarat pinjaman tambahan tersebut dikawal oleh *'stake holder'*.

3) Mengadakan mesyuarat bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi memantau secara berkala dan mempercepatkan proses kelulusan pembangunan seperti pengeluaran CF.

4) Menubuhkan **Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT)** yang bertindak sebagai '*one stop centre'* bagi pemulihan projek terbengkalai. Di mana saya sebagai pengerusi dan ahli-ahlinya terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Y.B Tuan Saari Sungib, Ketua Eksekutif Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pentadbir Tanah berkaitan, Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Yang Dipertua/ Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Pengarah Jabatan Insolvensi / Liquidator (sekiranya berkaitan), pemaju terlibat, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan bank terlibat di mana LPHS bertindak sebagai sekretariat jawatankuasa berkenaan.

5) Mengambil tindakan perampasan tanah atau pengambilan tanah seperti Projek Alam Perdana dan Projek Bukit Botak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : SISA PEPEJAL

124. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Berapakah statistik sisa pepejal yang terhasil dan kos penyelenggaraannya mengikut PBT?
b) Apakah langkah yang dilaksanakan oleh PBT-PBT untuk mengawal jumlah sisa pepejal?
c) Adakah semua PBT mampu menyelenggarakan sisa pepejal dengan baik?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : RUMAH PEKERJA LADANG TAMAN PERMATA. PENDUDUK TAMAN PERMATA TELAH MENGANJURKAN DEMONTRASI BANTAHAN KESELAMATAN RUMAH MEREKA DAN MENDAPAT RESPON DARI EXCO BERKENAAN.

125. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Dimanakah tapak perumahan baru yang dicadangkan bagi menggantikan perumahan yang sedia ada?

b) Adakah pihak kerajaan negeri telah membuat siasatan terperinci ciri keselamatan perumahan yang didakwa tidak selamat untuk dididuki.

JAWAPAN :

a) Projek perumahan Taman Permata Dengkil yang telah dibina merupakan projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya ketika itu setelah ladang yang didiami oleh para pekerja ladang telah diambil untuk tujuan pembangunan Putrajaya. Setelah disiapkan, ia diserahkan kepada Pemerbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) untuk tujuan penjualan kepada para bekas pekerja ladang yang layak pada tahun 1998. Walau bagaimanapun sejak akhir-akhir ini kediaman tersebut mengalami beberapa kerosakan yang menyebabkan para penduduk membuat aduan berkaitan keselamatan kediaman tersebut. Satu siasatan telah dibuat oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) iaitu anak syarikat di bawah SSI baru-baru ini dan mendapati bangunan tersebut masih selamat dididuki. PNSB akan melakukan kerja-kerja baik pulih setelah mendapat peruntukan Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri bersetuju untuk mencari tanah ganti bagi perumahan tersebut sekiranya Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menanggung kos pembinaan. Ini kerana pemindahan bekas pekerja ladang Putrajaya adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

b) Kerajaan Negeri melalui PNSB telah membuat siasatan terperinci setelah menerima aduan daripada penduduk dan mendapati bangunan tersebut masih selamat dididuki. Kerosakan yang berlaku hanyalah terhadap 'apron' bangunan itu sahaja, tetapi struktur bangunan masih lagi kukuh dan selamat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: KES CURI PASIR

126. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan aduan mengenai kecurian pasir diterima oleh kerajaan negeri ?

b) Berapakah kes curi yang telah diambil tindakan?

JAWAPAN:

a) Aduan kecurian pasir yang dilaporkan sehingga 26 Oktober 2010 oleh semua Pejabat Tanah Daerah melalui Jawatankuasa Teknikal Pemantauan dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan dan Mineral yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mencatatkan **sembilan puluh enam (96)** aduan telah diterima.

b) Semua kes aduan yang telah dilaporkan seperti yang dinyatakan di bahagian (a) oleh pihak luar telah diambil tindakan segera dan sewajarnya. Hasil daripada rondaan dan serbuan yang dilakukan Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah berjaya merampas dan menahan **15** buah *excavator* dan **58** buah lori.

Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri, semua barang rampasan tersebut telah disita di kawasan parkir SUK dan kawasan parkir Pejabat Tanah Daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : KONTRAK PBT DENGAN SYARIKAT KITAR NIAGA SENDIRIAN BERHAD YANG DITAMATKAN TANPA SEBAB

127. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Meminta kerajaan untuk memberi penerangan tentang laporan akhbar bahawa sebuah PBT dengan tidak memberi sebab menamatkan kontrak yang telah ditandatangani dengan Syarikat Kitar Niaga Sendirian Berhad yang dikatakan lebih murah, cekap dan berteknologi tinggi sehingga prestasinya juga diiktiraf oleh PBT itu sendiri.

JAWAPAN :

a) Tapak pelupusan sisa pepejal Bukit Beruntung adalah satu tapak pelupusan yang di selenggara oleh Majlis Daerah Hulu Selangor. Pada bulan Jun 2009 Majlis telah bersetuju dengan tawaran daripada Syarikat Kitar Niaga. Sdn. Bhd. Dengan harga tawaran RM19,800.00 sebulan, bagi kerja penyelenggaraan Tapak Pelupusan tersebut pada asa inden bulanan. Pihak syarikat bersetuju melaksanakan kerja penyelenggaraan tersebut di samping menggunakan kaedah rawatan menggunakan Mikrob '*Effective Microganisme'* dan laporan bertulis hasil penggunaan kaedah tersebut akan dilaporkan setiap bulan kepada pihak Majlis. Namun begitu kontraktor gagal melampirkan perkara tersebut setiap bulan seperti yang dijanjikan, Cuma sekali sahaja iaitu bulan Julai 2009. Namun begitu, kontraktor terus menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan tapak pelupusan dengan menyewa jentolak bersilih ganti daripada beberapa pembekal tempatan kerana kontraktor tidak mempunyai jentolak sendiri. Ada ketika jentolak rosak, kontraktor gagal menggantikannya menyebabkan sisa pepejal berlonggok beberapa hari sehingga ke tas jalan masuk dan surat amaran terpaksa dikeluarkan dan bayaran bulanan terpaksa dipotong, Paling serius pada bulan Jun 2010 yang lalu jentolak rosak dan kontraktor sekali lagi gagal menggantikan dengan yang lain, menyebabkan kuantiti sampah yang dihantar masuk setiap hari terpaksa dilonggokkan di atas jalan masuk hingga ke pintu masuk dan pihak Majlis terpaksa menutup sementara operasi tapak pelupusan tersebut hampir dua minggu untuk kerja-kerja baik pulih dan memberi kesan kepada kontraktor kutipan sampah sekali gus menimbulkan aduan daripada penduduk. Kontraktor iaitu Kitar Niaga Sdn. Bhd. Telah menghantar surat kepada pihak majlis mengaku bahawa mereka telah gagal menyelenggarakan tapak pelupusan tersebut. Selain itu, pihak Malis juga mendapati Jabatan Timbang kepunyaan Majlis di tapak tersebut hilang dan satu laporan Polis mengenai kehilangannya telah dibuat di Balai Polis Bukit Sentosa.

b) Untuk makluman semua, Majlis Daerah Hulu Selangor telah menamatkan Kontrak mulai bulan Julai 2010.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PERBADANAN ADAT-ADAT WARISAN MELAYU

128. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah pencapaian Perbadanan adat-adat dan warisan Melayu dalam memulihara dan memelihara adat-adat Melayu di negeri Selangor setakat ini.

b) Apakah perancangan perbadanan untuk menjadikan adat-adat Melayu itu menjadi amalan masyarakat Melayu masa kini.

c) Apakah kerajaan negeri Selangor ada mengenal pasti adat-adat orang Melayu yang tidak bertentangan dengan syariat Islam yang boleh di implementasikan dalam masyarakat majmuk menjadi satu budaya negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan ketara dan tidak ketara Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif di dalam memulihara dan menghidupkan kembali kegemilangan warisan Melayu zaman silam.

PADAT telah melaksanakan penyelidikan dan juga melaksanakan bengkel yang berkaitan dengan tradisi tekstil warisan Melayu iaitu kesenian kelingkan dan juga kesenian menekat. Kedua-dua kesenian warisan ini telah hampir pupus dan tidak dikenali lagi bagi generasi kini.

Padat telah melaksanakan bengkel kelingkan selama 3 bulan bermula dari Mac hingga Jun, dan bengkel tekat dilaksanakan bermula pada bulan Ogos hingga Oktober dan output dari bengkel ini kakitangan PADAT telah mahir dalam kerja-kerja menyulam kelingkan dan penyelidikan berkaitan kelingkan masih dijalankan dan ianya dalam usaha untuk membuktikan bahawa kesenian menyulam kelingkan ini adalah warisan dari kesenian Selangor .

Selain daripada warisan kesenian PADAT juga telah melaksanakan Pertandingan Nasi Ambeng dan juga Sireh Junjung. Kedua-dua ini adalah warisan ketara yang cuba di pulihara oleh PADAT.

b) Dalam konteks untuk mewujudkan adanya kesinambungan pengamalan elemen-eleman adat-adat Melayu bagi di dilaksanakan dalam masyarakat kini PADAT telah melaksanakan perancangan dengan menyediakan Pelan Strategik PADAT.

Pelan Strategik PADAT ini telah memformulasikan beberapa teras strategik bagi mencapai sasaran PADAT sebagai pemangkin adat-adat Melayu ini.

Teras strategik PADAT adalah:

i) Penyelidikan Saintifik kepada budaya dan warisan
ii) Pengurusan konservasi terhadap artifak dan budaya
iii) Mempromosikan adat Melayu dan Warisan Negeri
iv) Warga kerja yang kompeten dalam bidang adat melayu dan warisan negeri

c) Melalui kerja-kerja penyelidikan yang berterusan pihak PADAT sedang mengenal pasti beberapa adat-adat yang menjadi amalan masyarakat Melayu pada masa kini.

Sehubungan dengan itu juga Kerajaan negeri Selangor melalui PADAT akan bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi dalam rangka menganjurkan satu Konvensyen Adat yang dijangka akan berlangsung pada Oktober 2011. Konvensyen ini akan dihadiri oleh pelbagai golongan masyarakat terutama mahasiswa yang terlibat secara langsung dalam penyelidikan budaya Melayu. Antara objektif konvensyen ini diadakan ialah untuk memperjelaskan peranan adat dalam pembentukan jati diri masyarakat Melayu. Selain itu, konvensyen ini juga akan mengupas isu adat dan kaitannya dengan agama Islam.

PADAT mengharapkan penganjuran konvensyen ini akan dapat menggariskan adat Melayu yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan bagaimana adat yang terdapat dalam masyarakat Melayu sebenarnya telah sebahagiannya diterima dalam masyarakat majmuk di Selangor seperti adat gotong royong, adat menziarah serta adat memuliakan tetamu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: KELULUSAN TOL

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Pihak manakah yang meluluskan TOL dan sila jelaskan kenapa ADN-ADN tidak terlibat dalam kelulusan ini.

b) Bagaimanakah kerajaan boleh memastikan mekanisme ini tidak akan disalahgunakan?

JAWAPAN:

a) Mengikut Pekelilliing Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 1/2008 mengenai Penyelarasan Dasar-Dasar Baru Berkaitan Urusan Tanah di Negeri Selangor bertarikh 28 Mei 2008 di para 3.1.2 Pentadbir Tanah Daerah diberikan kuasa penuh dalam meluluskan permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS).

ADN-ADN tidak terlibat kerana Jawatankuasa Tanah telah dibubarkan serta-merta sebagaimana yang dinyatakan di para 3.1.2 (ii) pekeliling Bil. 1/2008.

Catatan: Jawatankuasa Tanah Daerah sebelum ini adalah di anggotai oleh semua ADN-ADN dan dipengerusikan oleh Pentadbir Tanah Daerah dan setiausahanya adalah Penolong Pegawai Tadbir (Tanah)

b) Sebelum Pentadbir Tanah meluluskan apa-apa permohonan LPS, Pentadbir Tanah terlebih dahulu mendapatkan ulasan/pandangan daripada Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN MODAL DAN BANTUAN PENUH.

130. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Sekolah-sekolah Agama yang masih dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal dan bantuan penuh pada masa kini?

b) Apakah sebab-sebab dan/atau alasan-alasan mengapakah masih terdapatnya sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang belum menjadi sekolah-sekolah bantuan penuh?

c) Berapakah jumlah sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang telah diberikan tanah dan/atau tanah tambahan seluas 10 ekar untuk sekolah-sekolah mereka?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah jumlah sekolah-sekolah Cina, Tamil dan sekolah-sekolah agama yang masih dikategorikan sebagai bantuan modal dan bantuan penuh pada masa kini :

JENIS SEKOLAH	BANTUAN MODAL	BANTUAN PENUH
SJKC	53 BUAH	55 BUAH
SJKT	67 BUAH	30 BUAH
SABK	23 BUAH	-
MUBALIGH	29 BUAH	-

b) 1. Persetujuan 100 % ibu bapa / penjaga /LPS / PIBG

2. Tanah sekolah mesti menjadi milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP)

3. Kesediaan pihak sekolah untuk menyerahkan tanah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) jika ia milik pihak tertentu / individu.

4. Tiada isu berbangkit tentang kewangan sekolah atau tanggungan yang belum diselesaikan.

5. Trend enrolmen yang menunjukkan bilangan murid sekolah berkaitan kekal atau boleh berkembang

6. Sekolah perlu terdiri daripada pelbagai kaum

c) Pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak ada menerima sebarang permohonan pewartaan tapak sekolah Tamil dan Jenis Kebangsaan Cina kecuali Sekolah Agama Islam sahaja yang diwartakan yang dipohon oleh JAIS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : INDUSTRI AIR

131. Kerajaan Negeri Selangor belum memuktamadkan penstrukturan industri perkhidmatan air negeri walaupun telah banyak masa yang diberikan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Kenapakah kerajaan negeri dilihat tidak cekap untuk memuktamadkan penstrukturan industri air negeri ?

b) Adakah wujud tekanan politik untuk kerajaan negeri terus menangguhkan cadangan yang penstrukturan yang ada ?

c) Adakah kerajaan negeri sedar penangguhan ini telah meresahkan rakyat, menyusahkan pihak operator dan Kerajaan Persekutuan ?

JAWAPAN :

a) Dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, terdapat banyak perkara yang perlu diteliti dan diperhalusi oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya apa jua keputusan yang dibuat tidak mendatangkan sebarang kesan buruk kepada rakyat negeri Selangor khususnya dan pada masa yang sama tidak menjejaskan operasi perkhidmatan air. Selangor sebagai negeri yang menjadikan kepentingan rakyat sebagai agenda utama, matlamat akhir yang perlu dicapai di dalam memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air antaranya adalah:-

   i) Tarif air yang adil dan munasabah yang tidak membebankan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan syarikat operator air. Kenaikan tarif yang tinggi adalah bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor;
   ii) Nilai pampasan yang perlu dibayar kepada Syarikat Konsesi Air di dalam penstrukturan semula merupakan satu nilai yang berpatutan (*fair value)* yang tidak merugikan mana-mana pihak di mana Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan nilai yang adil dan berpatutan. Dalam membuat penilaian ini, Kerajaan Negeri Selangor mengambil kira faktor jumlah, tempoh pelaburan yang telah dibuat oleh pemegang saham dalam Syarikat Konsesi Air termasuk jumlah hutang yang ditanggung serta memberikan pulangan sebanyak 12% atas pelaburan tersebut. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor perlu menghormati terma dan syarat Perjanjian Konsesi Air yang masih berkuat kuasa dan hak-hak Syarikat Konsesi Air di bawah Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai;

iii) Kos operasi syarikat operator air yang munasabah dan tidak membebankan pengguna kerana setiap kos yang dibelanjakan oleh operator air akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna melalui kenaikan tarif. Semakan awal terhadap bayaran jualan pukal dan bayaran tetap/kapasiti yang dituntut oleh pemegang konsesi sedia ada menunjukkan bahawa Syarikat Konsesi Air telah meraut pulangan yang tinggi berbanding dengan kos pembangunan, cukai dan faedah/untung institusi kewangan. Hasrat Kerajaan Negeri Selangor dalam mencapai matlamat Merakyatkan Ekonomi Selangor, keuntungan ke atas operator air yang baru setelah penstrukturan dimuktamadkan ditetapkan antara 0 hingga 1% sahaja; dan

iv) Dasar pemberian 20 meter padu air percuma.

b) Model penstrukturan secara holistik yang diutarakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah Model yang terbaik dan mengutamakan kepentingan pengguna serta mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dengan ciri-ciri berikut:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Namun demikian, Model Holistik Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat diterima oleh kesemua Syarikat Konsesi Air sedia ada. Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) seterusnya bersetuju supaya Model Kerajaan Persekutuan yang mengekalkan operasi semua syarikat konsesi air melalui *Authorisation* di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) digunakan dalam penstrukturan semula air di Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor tidak bersetuju dengan Model yang diutarakan oleh KTTHA kerana melalui Model tersebut, SYABAS masih mengekalkan operasinya dan hasrat untuk mewujudkan satu operator tunggal secara holistik tidak akan dapat tercapai.

Dalam memuktamadkan penstrukturan semula air di Selangor, tekanan utama yang ujud adalah untuk memastikan rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapat hak yang adil melalui kadar tarif munasabah yang tidak membebankan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak. Melalui Model Kerajaan Persekutuan, kadar tarif yang munasabah adalah belum terjamin lagi kerana di bawah Model yang *fragmented* akan *transfer pricing* di dalam operasi yang mana ini boleh menyumbang kepada kos operasi yang tinggi. Kos operasi yang tinggi akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk kenaikan tarif air.

Masalah kekurangan air adalah berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur bekalan air sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan bekalan air. Pembangunan infrastruktur bekalan air memakan belanja yang tinggi dan setiap sen yang dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur bekalan air akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi.

c) Model penstrukturan secara holistik yang diutarakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah Model yang terbaik dan mengutamakan kepentingan pengguna serta mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam Dewan Rakyat dengan ciri-ciri berikut:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;
ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan
iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Walaupun Model Holistik tersebut diakui sebagai yang terbaik, namun masih terdapat banyak kesukaran untuk meyakinkan semua pihak yang terlibat dalam menerima Model Holistik sebagai kaedah untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Selangor.

Di dalam menjayakan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor, faktor utama yang dititik beratkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah nilai yang berpatutan dan tidak membebankan pengguna. Kerajaan Negeri Selangor perlu menghormati segala terma dan syarat di dalam Perjanjian Konsesi Air yang masih berkuat kuasa dan pada masa yang sama akur akan hak Syarikat konsesi Air di bawah Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai. Dalam memuktamadkan penstrukturan air ini, Kerajaan Negeri Selangor masih konsisten dengan matlamat untuk Merakyat Ekonomi Selangor dan dasar pemberian air percuma 20meter padu masih dititik beratkan.

Kerajaan Negeri Selangor sedar kelewatan dalam memuktamadkan penstrukturan semula air boleh mendatangkan kesan yang besar dari segi operasi. Dari segi pasaran kewangan, kelewatan ini memberi kesan yang besar di mana baru-baru ini bon-bon bagi industri air telah diturun taraf nilaiannya. Memandangkan kelewatan ini bukan semata-mata disebabkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka pada 22 Oktober 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah menggesa Y.B. Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air untuk menyelesaikan segera penstrukturan semula ini.

Akta 655 memperuntukkan bahawa Menteri mempunyai kuasa dalam menetapkan kepentingan awam bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula, di mana ini termasuk ketetapan mengenai jumlah isu kepentingan awam dalam negara di mana ini termasuk penamatan perjanjian konsesi dengan nilai pampasan yang bersesuaian, yang mana sebarang ketetapan yang dibuat oleh Menteri adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi. Keputusan Menteri ini tidak boleh dicabar, dirayu, dinilai, dimansuhkan atau dipersoalkan di mahkamah. Namun demikian, Menteri masih belum bersedia menggunakan kuasa yang telah diberikan di bawah Akta tersebut. Oleh itu sebagai langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan penstrukturan semula ini, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju dengan konsep *willing buyer willing seller* dan telah mencadangkan supaya sebarang pertikaian yang ujud ke atas nilai pampasan yang akan dibayar kepada Syarikat Konsesi Air hendaklah dirujuk kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi menentukan nilai yang adil dan munasabah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : PEMIMPIN POLITIK MENJADI KHATIB

132. Masih ramai lagi pemimpin politik yang menjadi Khatib pada hari Jumaat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri membenarkan atau memberi tauliah kepada pemimpin politik sama ada wakil rakyat atau pemegang jawatan dalam parti untuk membaca khutbah atau memberi ceramah dalam masjid?

b) Apakah tindakan yang boleh diambil kepada nazir masjid dan ahi jawatankuasanya yang membenarkan pemimpin politik atau wakil rakyat membaca khutbah atau berceramah tanpa tauliah?

JAWAPAN:

a) Pemberian tauliah adalah berdasarkan kepada kelayakan seseorang dengan syarat mereka mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Tauliah mereka boleh ditarik balik jika mereka gagal atau tidak mematuhi syarat yang dikenakan. JAIS juga memberi tauliah kepada beberapa pemimpin politik yang layak untuk menyampaikan ceramah di masjid dan surau. Kebenaran juga boleh diberikan oleh JAIS kepada mereka yang berkelayakan untuk berceramah dan membaca khutbah di masjid dan surau di Selangor.

b) Berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) (Pindaan) 2001, nazir yang melakukan tindakan seperti itu boleh diambil tindakan dengan menggantung atau ditamatkan jawatannya. Walau bagaimanapun tindakan hanya akan dilaksanakan selepas siasatan terperinci dibuat mereka gagal memberikan jawapan yang menerangkan kepada MAIS ke atas surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : DISKAUN BUMIPUTERA

133. Seorang Ahli Parlimen Selangor mencadangkan agar kerajaan negeri memansuhkan diskaun bumiputera dalam pemilikan premis komersial dan kediaman mewah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan tersebut?

b) Bagaimanakah prestasi pemilikan hartanah Bumiputera di Selangor ketika ini?

c) Bagaimanakah prestasi jualan rumah anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk kuota Bumiputera?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Y.B, pada masa kini, kerajaan negeri melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 14 Oktober 2010 telah bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan) sebagai pengerusi, REHDA (ahli) dan LPHS sebagai urusetia bagi membincangkan/ melihat lebih mendalam mengenai pembangunan industri perumahan di negeri Selangor terutamanya dari aspek diskaun Bumiputera dan kaedah pelepasan kuota Bumiputera. Ianya bagi memastikan setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor mampu memiliki kediaman yang selesa untuk diduduki.

   Sehubungan dengan itu, sebarang cadangan pemansuhan diskaun Bumiputera dalam pemilikan pemilikan premis komersial dan kediaman mewah adalah bergantung kepada pertimbangan jawatankuasa tersebut.

b) Berdasarkan kepada data pemilikan hartanah Bumiputera (perumahan) di negeri Selangor yang diperolehi dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bermula tahun 2000 sehingga 2008, secara keseluruhannya pemilikan hartanah perumahan bukan bumiputera adalah melebihi pemilikan hartanah bumiputera. Peratus pemilikan hartanah perumahan **bukan bumiputera secara keseluruhannya adalah tinggi iaitu sebanyak 54%** berbanding dengan pemilikan hartanah perumahan **bumiputera hanya sebanyak 46%.** Namun begitu, pemilikan hartanah Bumiputera meningkat daripada 41% kepada 53% dari Tahun 2006 hingga Tahun 2007.
   Pecahan pegangan pemilikan Bumiputera adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Data Pemilikan Hartanah Bumiputera Mengikut Tahun

	TAHUN 2006	TAHUN 2007	TAHUN 2008	JUMLAH
BUMIPUTERA	380,411 *(41%)*	544,133 *(53%)*	141,286 *(39%)*	**1,065,830** ***(46%)***
BUKAN BUMIPUTERA	542,683 *(59%)*	473,408 *(47%)*	219,290 *(61%)*	**1,235,381** ***(54%)***
JUMLAH	**923,094**	**1,017,541**	**360,576***	

** Data bagi Tahun 2008 masih tidak lengkap disebabkan terdapat PBT yang belum mengemukakan maklumat.*

c) Prestasi jualan rumah milik anak- anak syarikat kerajaan negeri terutamanya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah amat menggalakkan dan berjaya menjual kesemua unit- unit rumah kuota Bumiputera sebanyak 70% yang dikenakan kepada mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM SKIM PINJAMAN MIKRO-KREDIT

134. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan yg diperuntukkan dan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Skim Pinjaman Mikro-Kredit?

b) Apakah bidang-bidang perniagaan yang telah diberi keutamaan?

c) Siapakah golongan yang layak memohon pinjaman ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak 50 juta yang akan disalurkan kepada golongan miskin luar Bandar. Sehingga kini sebanyak RM 540,500.00 telah dikeluarkan kepada 190 orang. Purata pembiayaan RM 2,845.00 setiap seorang. Bagaimanapun peruntukan wang pembiayaan ini disalurkan kepada Yayasan Dar Al Qard Al Hasan secara berperingkat mengikut permohonan dan keperluan dari masa ke semasa.

b) Modal pembiayaan boleh digunakan untuk sebarang usaha yang boleh menambahkan pendapatan seperti perniagaan secara kecil-kecilan, pertanian, penternakan, perikanan dan juga perkhidmatan dengan syarat projek berkenaan sah di sisi undang-undang.

c) Golongan yang layak untuk mendapatkan pinjaman ini ialah Warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik, keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 1500 sebulan atau RM 350 perkapita. Telah menetap di Selangor sekurang-kurangnya 2 tahun, memiliki aset tetap kurang RM 50,000 dan sanggup mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Dar Al Qard Al Hasan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : CARUMAN KUBUR

135. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan jumlah hasil caruman kubur yang dikutip oleh kerajaan negeri mengikut pecahan daerah daripada tahun 2005-2010.

b) Jawatankuasa manakah yang bertanggungjawab memantau caruman ini dan senaraikan program/projek yang dilaksanakan menggunakan caruman ini mengikut pecahan PBT.

c) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi tanah perkuburan Cina dan India yang semakin tidak mencukupi?

JAWAPAN:

a) Senarai jumlah hasil caruman kubur yang dikutip oleh Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah daripada tahun 2005 hingga 2010 adalah seperti jadual di Lampiran A.

b) Jawatankuasa Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah sebuah Jawatankuasa yang bertanggungjawab memantau caruman daripada setiap daerah. Caruman tersebut dikutip daripada pemaju / pemilik tanah yang membangunkan tanah kurang daripada 500 ekar untuk perumahan / kediaman atau pembangunan bercampur setelah diluluskan pemberimilikan tanah atau tukar syarat tanah.

Sehingga September 2010, hanya satu pengagihan telah dibuat iaitu kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi Projek Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Kampung Delek Mukim Klang Daerah Klang berjumlah RM 800,000.00 pada tahun 2009.

c) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor bersama dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan dan sembilan (9) Pejabat Tanah Daerah sedang menyiapkan Kajian Keperluan Tanah Perkuburan dan Cadangan Tanah Perkuburan Wilayah Bersepadu di Negeri Selangor. Kajian ini merangkumi inventori kawasan perkuburan sedia ada dan cadangan tanah perkuburan wilayah bersepadu di Negeri Selangor. Kajian ini kan dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor apabila siap kelak.

LAMPIRAN A

SENARAI JUMLAH CARUMAN KUBUR MENGIKUT DAERAH TAHUN 2005 HINGGA SEPTEMBER 2010

Bil	Daerah	2005	2006	2007	2008	2009	2010 (September)	Jumlah (RM)
		Hasil Caruman (RM)						
1	Petaling	512,511.50	146,062.50	239,578.00	163,250.00	140,187.50	82,825.00	**1,284,414.50**
2	Gombak	198,777.81	481,805.00	164,094.25	388,867.00	116,785.25	81,468.75	**1,431,798.06**
3	Klang	589,843.75	143,310.50	164,094.25	200,526.50	64,470.00	139,594.25	**1,301,839.25**
4	Kuala Langat	47,750.00	41,729.50	74,127.00	46,946.25	27,313.00	41,750.00	**279,615.75**
5	Hulu Langat	690,782.00	225,324.85	186,999.50	336,728.75	416,531.35	498,812.00	**2,355,178.45**
6	Sepang	200,013.75	181,107.00	230,895.50	65,913.50	154,188.75	125,977.75	**803,907.50**
7	Kuala Selangor	'0	14,531.50	117,249.50	125,468.75	45,937.50	242,575.55	**545,762.80**
8	Hulu Selangor	72,562.50	204,193.25	15,719.50	8,000.00	49,250.00	8,750.00	**358,475.25**
9	Sabak Bernam	16,559.00	39,350.00	29,243.00	188,676.00	74,075.25	25,912.75	**373,816.00**
Jumlah Caruman(RM)		**2,328,800.31**	**1,477,414.10**	**1,222,000.50**	**1,524,376.75**	**934,549.85**	**1,247,666.05**	**8,734,807.56**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD (KSSB)

136. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan nama-nama syarikat yang berniaga dengan KSSB berserta dengan maklumat yang terperinci.

b) Sila senaraikan nama-nama syarikat yang berhutang dengan KSSB dan jumlahnya.

c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap syarikat-syarikat yang enggan menjelaskan hutangnya?

JAWAPAN :

a) Jawapan seperti di lampiran A.

b) Hutang-hutang dengan KSSB pada dasarnya adalah kerana terdapat bezantara di antara waktu bayaran pendahuluan dari pelanggan dengan waktu di mana baki akaun mereka telah habis.

KSSB sentiasa memantau situasi akaun pelanggan-pelanggan untuk meminimumkan keadaan ini.

c) KSSB telah mengambil langkah-langkah dari segi perakaunan untuk mengutip mana-mana hutang yang ada.

Tindakan perundangan juga boleh diambil sekiranya penghutang tidak mahu menjelaskan hutang mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PELANCONGAN

137. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan pengusaha-pengusaha program "Homestay" di seluruh negeri Selangor.

b) Juga nyatakan perangkaan jumlah pelancong mengikut negara asal yang menikmati program ini sejak tahun 2008 serta hasil pendapatan daripada program ini kepada negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Senarai pengusaha – pengusaha program "Homestay" di seluruh negeri Selangor adalah seperti berikut :-

BIL	HOMESTAY	ALAMAT	PENYELARAS	NO. TELEFON	NO. FAKS
1	Homestay Banghuris	Lot 1829, Jln. Tailong, Kg. Ulu Chuchuh, 43950, Sg. Pelek, Sepang.	Tn. Hj. Basir bin Wagiman **(Pengerusi Persatuan Homestay Selangor)**	012-662 8548	03-3142 1010
2	Homestay Sg. Hj. Dorani	Pusat Homestay Parit Satu, Sg. Hj. Dorani, Sungai Besar, 45300 Sabak Bernam.	En. Abd. Rahman bin Daud	013-607 7025	03-3241 0846
3	Homestay Air Manis	Lot 2257 Jln. Hj. Marsor, Kg. Batu 37 Darat, 45200 Sabak Bernam.	En. Subani bin Hj. Marzuki	016-689 5763 / 03-3216 1696	03-3216 1077

4	Homestay Batu 23, Sg. Nibong	d/a Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Sabak Bernam.	Tn. Hj. Yusof bin Hj. Sirat	016-676 8671	03-3241 6695 / 03-3224 3658
5	Homestay Sepintas	Batu 4, 45200 Sabak Bernam.	En.Ahmad Yatim bin Saliman	019-644 1721	03-3216 3482 / 03-32164648
6	Homestay Papitusulem	Balairaya Parit Tujuh Baroh Sg. Leman, 45400 Sekinchan. Kuala Selangor	En.Zainurin bin Jubin	017-271 2260	-
7	Homestay Sri Kayangan	Lot 160 Kg. Tebuk Baru, Bagan Terap, 45300 Sg. Besar.	En. Masnan bin Pardi	016-290 3078	03-3216 5537 / 03-3224 5737
8	Homestay Sg. Sireh	Kampong PT 1, Sg. Sireh, 45500 Tanjung Karang, Kuala Selangor	Tn. Hj. Selamat bin Surib / En. Abu Bakar bin Moin	013-305 1470 / 019- 346 7372	03-3269 2400

9	Homestay Sg. Tengi	Pejabat JKKK Desa Maju Sg. Tengi, 44010 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.	En. Mohd Stap bin Osman	019-573 1816 / 012-264 9782	03-6042 1705
10	Homestay Bougainvilla	No.78 Jln KSK 4, Kampong Sg. Kertas, 68100 Batu Caves.	En. Ruslan bin Ahmad	03-6188 5515 / 016-392 0439	03-6189 9732
11	Homestay Kg. Endah	PSK 11 Jln Sekolah, Kg. Endah, 42700 Banting	En. Ramlan bin Hj Misnan	03-3198 1364 / 013-645 6489	03-3198 2312
12	Homestay Kanchong Darat	Jalan Sukun, Kanchong Darat, 42700 Banting.	Tn. Hj. Mahyuddin bin Hj. Bakhri	03-3187 4505 / 019-385 4505	03-3187 4505
13	Homestay Kampung Sg. Lang Tengah	D/A Lot 1594 Kampung Sungai Lang Tengah, 42700, Banting Selangor	Tn Hj. Silim Bin Dasman / En. Zahari	03-3187 1690 / 013-260 7097 / 019-271 0613	03-3187 1676

14	Homestay Batu Laut	No 1. Jln Sekolah, Kg. Batu Laut, 42800 Tanjung Sepat, Kuala Langat.	Pn. Azura bt Ali / En. Mahmud	012-388 1342 / 019-252 3670	-
15	Homestay Kg. Kundang	Kampong Kundang, Pejabat Pos Tanjung Sepat, 42800 Kuala Langat.	En. Arman bin Saiiman	019-643 1816	03-3148 1162

b) Perangkaan jumlah pelancong mengikut nNegara asal yang menikmati program ini sejak tahun 2008 serta hasil pendapatan daripada program ini kepada negeri Selangor adalah seperti berikut :-

NEGARA ASAL	TAHUN	JUMLAH PELANCONG TEMPATAN	JUMLAH PELANCONG ASING	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
1) Singapura 2) Jepun 3) Australia 4) Indonesia 5) Korea	2008	10,342	7,301	917,440
1) Australia 2) China 3) Korea 4) Singapura 5) Indonesia 6) Jepun 7) Chile 8) Sudan 9) Mongolia 10) Sri Lanka 11) Malawi 12) Mozambique 13) Paraguay 14) Syria 15) Oman 16) Vietnam 17) Iran 18) Rusia 19) Filipina	2009	23,367	4,697	1,495,711
1) Jepun 2) Korea 3) Brunei 4) Arab Saudi 5) Afrika 6) Hong Kong 7) Indonesia 8) Jerman 9) Belanda 10) Itali 11) Kanada 12) Bangladesh 13) Australia 14) USA	2010 (Jan – Julai)	12,078	2,106	734,466
	JUMLAH	**45,787**	**14,104**	**3,147,617**

Sumber : Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri (PKPN)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : *BLUEPRINT* SELANGOR

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Mengapakah Kerajaan Negeri merangka *Blueprint* 2011-2013 yang tidak selaras dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) 2011-2015?

b) Apakah *Blueprint* ini mengambil kira faktor pilihan raya yang akan berlaku akhirnya pada 2013?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 30 Oktober 2010 masih terdapat seramai 4,073 keluarga setinggan di Negeri Selangor yang belum dipindahkan ke penempatan baru atau diselesaikan. Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatat bilangan setinggan paling tinggi di atas tapak iaitu seramai 1,318 keluarga, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 1,075 keluarga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 348 keluarga, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 337 keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 331 keluarga, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 256 keluarga dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) 173 keluarga. Manakala PBT-PBT lain menunjukkan bilangan yang lebih kecil iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 112 keluarga, Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) 103 keluarga, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) 12 keluarga dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 8 keluarga. Tiada lagi penempatan setinggan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Walau bagaimanapun, PBT berkenaan sedang menumpukan program pemindahan semula bekas setinggan yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dan PPR Kota Damansara ke projek rumah kos rendah.

b) Strategi Kerajaan Negeri dalam melaksanakan penyelesaian setinggan baru dengan mengamalkan situasi "menang-menang" tanpa melibatkan sebarang kekasaran atau kes mahkamah. Operasi perobohan hanya akan dibuat selepas perbincangan dan persetujuan dicapai antara pihak setinggan dan Kerajaan Negeri. Setinggan tersebut akan diberi pilihan untuk berpindah secara sukarela dengan ditawarkan mana-mana rumah kos rendah yang berdekatan atau tinggal di tapak selagi tiada keperluan pembangunan ke atas tapak tersebut.

c) Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang bentuk pampasan kepada keluarga setinggan baru tetapi sebarang tindakan penyelesaian yang dibuat akan mengambil kira tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh mereka kepada Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK : PERMIT BAZAR RAMADHAN

139. Terdapat aduan permit bazar Ramadhan yang disewakan kepada pendatang asing dan juga pihak tertentu mengeluarkan surat kebenaran untuk mereka berniaga.

Bertanya kepada YAB. Dato Menteri Besar :-

a) Adakah pihak PBT –PBT mengambil tindakan terhadap pemilik permit terbabit?

b) Adakah wujud penyelewengan di peringkat PBT atau ahli majlis sehingga wujud kebenaran untuk pendatang asing berniaga?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : KEMAJUAN PROJEK PERUMAHAN BUKIT BOTAK

140. Pengumuman yang dibuat oleh YAB. Dato' Menteri Besar bagi menyelesaikan masalah yang telah lama dihadapi penduduk setinggan di Bukit Botak telah memberi harapan baru bagi mereka memiliki rumah yang telah sekian lama diidamkan. Rumah-rumah transit yang diduduki kini juga sudah menjadi usang dan menimbulkan kehidupan yang tidak selesa kerana ianya hanya bersifat sementara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh manakah perkembangan pembangunan yang telah dapat dilaksanakan oleh PKNS semenjak pengumuman penyelesaian masalah ini dibuat?

b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menjamin penyelesaian masalah mengikut kerangka masa yang telah diunjurkan sebelum ini?

c) Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan Negeri dalam membantu menyelesaikan masalah-masalah yang sedang dihadapi di rumah-rumah transit oleh pemilik-pemilik rumah Bukit Botak .

JAWAPAN :

a) Setakat Oktober 2010, PKNS telah pun memulakan kerja-kerja awalan di tapak, manakala kerja-kerja fizikal dijangka dimulakan pada awal tahun hadapan dan projek dijangka siap pada Jun 2012. Berikut adalah ringkasan status projek setakat Oktober 2010 :-

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Iklan Tender	25 Mac 2010
2.	Tarikh Tutup Tender	24 Mei 2010
3.	Kelulusan Jawatankuasa Tender	8 Julai 2010
4.	Surat Tawaran Kepada Kontraktor	15 Julai 2010
5.	Tarikh Serah Tapak Bina kepada Kontraktor	21 September 2010
6.	Kelulusan Pelan Pembangunan	15 Ogos 2010 – 15 Nov. 2010
7.	Pembinaan Dimulakan	1 Oktober 2010
8.	Tarikh siap Rumah Contoh	20 Mac 2011
9.	Tarikh Siap Keseluruhan (CF)	20 Jun 2012

b) PKNS memberi jaminan projek akan siap seperti yang dijangka jika tiada sebarang masalah berlaku sepanjang pembinaan.

c) PKNS telah diarah sebagai pelaksana bagi menyiapkan projek pembangunan Bukit Botak yang telah lama tertangguh malah penghuni rumah transit yang diperuntukkan rumah di dalam kawasan Bukit Botak dapat diselesaikan dengan penyiapan rumah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN TEMPATAN

141. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menguruskan sendiri pelaburan langsung asing memandangkan kerajaan pusat seperti kurang membantu? Jika ada, sila huraikan.

JAWAPAN :

a) Soalan berkaitan Kerajaan Tempatan MBI tidak dapat menjawab.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : TANAH

142. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Garis Panduan yang bagaimanakah yang diguna pakai sebagai formula dalam membayar pampasan kepada pemegang-pemegang TOL (Temporary Occupation Lisence) yang mana tanah tersebut diambil alih oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh agensi-agensi pembangunan kerajaan?

b) Berapa lama kah proses pembayaran bagi pengambilan tanah tersebut dan nyatakan agensi-agensi lain yang terlibat dalam pengambilan tanah ini?

JAWAPAN:

a) TOL adalah merupakan salah satu kaedah pelupusan tanah kerajaan di bawah seksyen 75 Kanun Tanah Negara.

b) Tiada keperluan pengambilan balik tanah berdasarkan syarat-syarat Lesen Pendudukan Sementara boleh dibatalkan bila-bila masa oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : TANAH PERTANIAN 2 EKAR UNTUK GOLONGAN MISKIN

143. Bukit Melawati telah mengenal pasti 1000 ekar di Daerah Kuala Selangor. Buat masa ini,tanah ini di bawah kawalan PKPS Bukit Melawati telah mencadangkan setiap 2 ekar lot diberi kepada 400 orang golongan berpendapatan rendah.

PKPS memberitahu mereka mempunyai rancangan tersendiri dalam masa akan datang. Namun sudah 15 tahun tiada sebarang usaha di buat oleh PKPS di tanah ini. Kami berharap Kerajaan Negeri akan mencampur tangan untuk membangunkan dan memberi TOL selama 20 tahun kepada golongan berpendapatan rendah. Ini akan menolong mereka keluar dari belenggu kemiskinan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bolehkah kerajaan negeri menjayakan usaha ini ?

JAWAPAN:

a) **<u>LATAR BELAKANG</u>**

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Selangor Bil 7/80 yang bermesyuarat pada 20 Ogos 1980, YAB Dato' Menteri Besar telah meluluskan supaya Rancangan Revolusi Hijau Daerah Kuala Selangor diusahakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk mengelakkan peserta-peserta yang tidak mampu mengusahakan tanah-tanah tersebut menjual tanah-tanah mereka. Maka itu, peserta-peserta disyaratkan untuk menandatangani perjanjian dengan PKPS untuk perkara ini.

Rancangan Revolusi Hijau oleh Kerajaan Negeri adalah termasuk Rancangan Revolusi Hijau Bukit Cherakah I, II dan III di Daerah Kuala Selangor. Rancangan Revolusi Hijau Bukit Cherakah Peringkat I telah dibangunkan dalam tahun 1981 sementara Peringkat II dan III telah dibangunkan dalam tahun 1983 oleh PKPS. Tanaman yang dipilih adalah kelapa sawit. Peringkat I melibatkan kawasan seluas 2,856 ekar, Peringkat II seluas 2,103 ekar dan Peringkat III seluas 1,502 ekar.

PKPS yang dilantik sebagai agen pelaksana telah melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan kemudian menyelenggara rancangan ini sehingga semua perbelanjaan penyelenggaraan yang telah dikeluarkan oleh PKPS dapat dikutip semula.

Kerajaan Negeri telah menyediakan geran untuk membiayai kos pembangunan tanah iaitu kos membersih tanah dan menyediakan infrastruktur. Perbelanjaan bagi kos penyelenggaraan pula adalah merupakan hutang pemilik tanah kepada PKPS dan perlu dibayar balik melalui kutipan jualan-jualan hasil buah kelapa sawit. Setelah PKPS dapat pengutip balik segala perbelanjaan penyelenggaraan daripada hasil jualan kelapa sawit, tanah tersebut telah diserah balik kepada peserta-peserta projek.

PKPS telah menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pengawasan projek. Sebahagian peserta projek pula telah dilantik untuk bekerja dengan projek dan dibayar upah. Peserta-peserta projek telah menandatangani perjanjian pajakan tanah dengan PKPS untuk tempoh 10 tahun atau sehingga kos projek dapat dikutip semula oleh PKPS.

Pengurusan Peringkat I telah dipindahkan daripada PKPS kepada Syarikat Ladang Bukit Cherakah Nominees Sdn. Bhd. mulai tahun 1993. Syarikat tersebut merupakan sebuah syarikat yang telah ditubuhkan oleh para peserta projek bagi mengambilalih pengurusan projek daripada PKPS.

Perjanjian PKPS dengan peserta Peringkat II dan III pula telah tamat pada 31 Disember 1996 dan penyerahan tanah kepada Kerajaan Negeri telah dilakukan pada tahun 2001.

PKPS tidak boleh memberi ulasan berkenaan perkara ini kerana tanah bagi Peringkat I telah pun diserahkan kepada para peserta projek manakala Peringkat II dan III telahpun diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri. Maka itu, hanya Kerajaan Negeri sahajalah yang berhak untuk menentukan rancangan yang disyorkan oleh Y.B. Ir Muthiah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: HUTANG KUMPULAN TALAM

144. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sila jelaskan jelas status penstrukturan semula hutang Kumpulan Talam dengan Kerajaan Negeri. Daripada sejumlah RM 392 juta aset yang telah dikenal pasti sebagai nilai aset-aset Kumpulan Talam yang dijangka diambil alih oleh Kerajaan Negeri, berapa peratusan dan jumlah sebenar yang telah berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri? Sila jelaskan ke manakah hutang yang dikutip ini disalurkan.

JAWAPAN:

a) Dalam penstrukturan pengiktirafan hutang TALAM Corporation dengan Kerajaan Negeri, jumlah hutang sebanyak RM392 Juta adalah bersamaan nilai aset TALAM yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan akan memperolehi semua bayaran pulangan iaitu RM392 Juta. Setakat ini senarai jumlah yang telah dikutip adalah seperti berikut :-

Bil	**Hartanah**	**Nilai Jualan RM (Juta)**
1.	Tanah seluas 25.94 ekar di Bukit Beruntung telah dibeli oleh PKNS	16.91
2.	Tanah 2,773 ekar di Bestari Jaya dibeli oleh PNSB	181.0
3.	Tanah 1322 ekar di Bukit Beruntung dibeli oleh PNSB	345.6
4.	Tanah 134.2 ekar di Danau Putra yang ditawarkan kepada Syrkt Medilest Properties Sdn Bhd	87.7
5.	Pulangan tunai daripada TALAM atas jualan 11.56 ekar tanah kepada Tet. City Link Express Sdn Bhd	5.0
6.	Pulangan tunai daripada PIYSSB kepada TALAM yang diberi kepada MBI	7.7
7.	Tanah 12 ekar di Puncak Jalil	12.0
8.	Ruang Pejabat di Menara Pandan	11.0
9.	Tanah 400 ekar dan 60% Saham Ulu Yam & Country Resort	22.22
	Jumlah	*689.1*
	(-) Ikatan dan Tuntutan Hutang-hutang Dari Bank atas Hartanah tersebut adalah sebanyak	(266.31)
	Jumlah	*422.8*
	Baki Lebihan (Peruntukan pulangan kepada TALAM)	**(30.8)**
	Jumlah Hutang TALAM	***392.0***

Hasil daripada kutipan hutang TALAM Corporation akan diagih-agihkan mengikut peruntukan keperluan Kerajaan Negeri dari segi projek-projek yang dikenal pasti untuk pembangunan, perkhidmatan dan perkembangan ekonomi Negeri Selangor. Tumpuan peruntukan ekonomi juga akan diberi kepada projek sosioekonomi Kerajaan Negeri seperti Skim Bantuan kepada rakyat dari untuk membasmi dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI DUN MORIB

145. Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor:

a) Selama hampir 3 tahun kerajaan negeri mentadbir apakah pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang dari segi infrastruktur yang telah dirancang untuk Kuala Langat khasnya DUN Morib

JAWAPAN:

a)

1) Perancangan jangka pendek; membaiki sistem lalu lintas di Pekan Banting dan menyediakan jalan alternatif untuk mengatasi masalah kesesakan.

2) Merancang pembinaan laluan kereta api atai LRT untuk menghubungkan Banting dengan bandar-bandar di sekitar Lembah Klang.

3) Membantu perlaksanaan Projek Lebuhraya SKVE dan Lebuhraya Pantai Barat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : PENDAPATAN PASIR

146. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan statistik pengeluaran hasil pasir negeri bermula tahun 2008 hingga kini?

b) Berapakah pendapatan hasil pasir bermula tahun 2008 hingga kini?

c) Adakah kerajaan negeri bercadang menubuhkan tabung khas khusus untuk dana hasil pasir negeri?

JAWAPAN :

a) Berikut statistik pengeluaran hasil pasir negeri bermula September 2008 sehingga September 2010 :-

- Maklumat diperolehi daripada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)

TAHUN	2008	2009	2010	JUMLAH
Kuantiti Jualan (MT)	220,139	1,771,792	4,006,868	5,998,798
Nilai Jualan (RM)	4,824,873	31,190,908	43,073,286	79,089,066

b) Pendapatan hasil pasir (royalti) bermula tahun 2008 hingga 30 September 2010 adalah seperti di bawah :

BIL	PTD	TAHUN / KUTIPAN			
		2008	2009	2010 (sehingga berakhir September 2010)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	Petaling	3,834,032.00	33,000.00	267,729.94	4,134,761.94
2	Klang	90,000.00	0.00	0.00	90,000.00
3	Gombak	92,250.00	75,404.04	48,600.00	216,254.04
4	Hulu Langat	142,500.00	833,426.84	382,500.00	1,358,426.84
5	Kuala Langat	408,000.00	0.00	1,632,000.00	2,040,000.00
6	Kuala Selangor	386,250.00	1,986,434.58	1,998,000.00	4,370,684.58
7	Sabak Bernam	0.00	0.00	0.00	0.00
8	Hulu Selangor	1,157,165.64	627,000.00	2,650,999.71	4,435,165.35
9	Sepang	1,016,250.00	1,735,266.40	1,121,790.00	3,873,306.40
JUMLAH KESELURUHAN		**7,126,447.64**	**5,290,531.86**	**8,101,619.65**	**20,518,599.15**

Nota :

i. Sumber diperolehi daripada PTD dan PWN
ii. Maklumat dikemas kini sehingga 26.10.2010

c) Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menubuhkan apa-apa Tabung Khas berkaitan Dana Hasil Pasir Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)

TAJUK : PENYELENGARAAN DEWAN-DEWAN ORANG RAMAI

147. Banyak Dewan Orang Ramai yang diambil alih oleh PBT-PBT daripada parti politik yang sebelum ini telah menyelenggarakannya dengan baik kini menjadi bangunan terbiar dengan keadaan yang menyedihkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah keadaan ini dibiarkan begitu?

b) Mengapakah pihak PBT yang sebelum ini berkeras pengambil alih bangunan-bangunan tersebut membiarkannya begitu sahaja sehingga boleh menjejaskan keselamatan penduduk sekeliling dan lebih lagi menyakitkan mata memandang?

JAWAPAN :

a & b) Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil 15/2008 yang telah bersidang pada 18 Jun 2008 telah memutuskan Dewan Orang Ramai yang dibina ke atas tanah rezab kawasan lapang perlu diambil alih oleh PBT. Sehubungan dengan itu PBT di negeri Selangor telah mengambil alih penyelenggaraan dewan-dewan tersebut. Walau bagaimanapun, baik pulih dewan-dewan tersebut dilakukan secara berkala kerana bajet bagi penyelenggaraan dewan adalah mengikut kemampuan/bajet PBT. Selain itu, masalah vandalisme terus berlaku menyebabkan kerosakan berlaku setelah di baikpulih.

Bagi mengatasi masalah ini PBT di negeri Selangor telah menyerahkan penyelenggaraan dewan-dewan tersebut di bawah seliaan Jawatankuasa Penduduk (JKP) atau Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan untuk penduduk setempat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT (SKIMSEL)

148. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Bagaimana mendapatkan maklumat mengenai SKIMSEL?

b) Apakah syarat-syarat kelayakan menerima SKIMSEL?

JAWAPAN :

a) Maklumat SKIMSEL boleh didapati melalui:

i. Lokasi pejabat seperti berikut:

Ibupejabat
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-55447104
Fax :03-55105829

Cawangan Hulu Selangor
Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor,
Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-60641258
Fax :03-60641160

Cawangan Kuala Selangor
Pejabat Daerah / Tanah Kuala Selangor,
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-32891355
Fax :03-32892145

Cawangan Sabak Bernam
Pejabat Daerah /Tanah Sabak Bernam,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-32241970
Fax :03-32242178

Cawangan Hulu Langat
Pejabat Daerah /Tanah Hulu Langat,
Bangunan Hisamuddin Alam Shah,
Persiaran Pusat Bandar 1,
Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-89251988
Fax :03-89252173

Cawangan Sepang
Pejabat Daerah / Tanah Sepang,
Bangunan Tun Aziz,
Bangunan Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-87061001
Fax :03-87061731

Cawangan Kuala Langat
Kompleks Daerah / Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah,
Kota Seri Langat,
42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan.
Tel :03-31822555
Fax :03-31872011

ii. Laman WEB: www.skimsel.com

b) Antara syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan skim ini adalah seperti berikut:

i. Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 65 tahun.

ii. Isi rumah berpendapatan RM1,500.00 sebulan atau RM350.00 perkapita.

iii. Taraf bermastautin di Selangor melebihi 2 tahun.

iv. Memilikki aset tidak melebihi RM50,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENEMPATAN ORANG ASLI DALAM HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK)

149. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 63: "Pada pendapat Audit, penempatan Orang Asli di kawasan HSK adalah tidak memuaskan kerana JPNS tidak dapat mengambil tindakan undang-undang mengikut Seksyen 32 Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1993".

Tidak terdapat ulasan daripada Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah anggaran penduduk Orang Asli yang terbabit dalam HSK berkenaan?

b) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan bagi mengurangkan masalah penempatan Orang Asli di HSK seluruh Selangor?

c) Apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN :

a) Jumlah Penduduk Orang Asli yang terlibat sebanyak 12 buah Kampung adalah seramai 2,460 orang

i) KOA Donglai Baru Semenyih Ulu Langat (Pemindahan dari empangan Panson)
ii) KOA Genting Peras Semenyih, Ulu Langat
iii) KOA Gabai Ulu Langat
iv) KOA Ulu Panson Ulu Langat
v) KOA Kuala Perdik Ulu Langat
vi) KOA Sg. Rasau Puchong Petaling
vii) KOA Pertak Hulu Selangor
viii) KOA Gerachi Hulu Selangor
ix) KOA Buloh Telor Hulu Selangor
x) KOA bt. 13 Sg. Buloh Gombak
xi) KOA Bt. 16 Jalan Pahang Gombak
xii) KOA Bkt. Legong Mukim Batu Gombak
xiii) KOA Sg. Relang Gombak

b) Jabatan pernah memohon kawasan tersebut supaya diwartakan di bawah Seksyen 7 Akta 134 (Akta Orang Asli) kepada kerajaan Negeri.

c) Tindakan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : BANDAR SELAMAT DAN TANPA HALANGAN

150. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan dan sasaran kerajaan dalam mencegah jenayah di kawasan perbandaran?

b) Apakah rancangan dan sasaran kerajaan dalam mewujudkan kemudahan dan infrastruktur perbandaran yang mesra OKU?

c) Apakah kemajuan dan kemungkinan setiap PBT melibatkan pasukan penguatkuasa dalam rondaan keselamatan.

JAWAPAN :

a) Pada awal tahun 2004, Jemaah Menteri telah meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan satu program bagi mewujudkan bandar dan pekan selamat. Program ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-52 pada 11 Oktober 2004 untuk dilaksanakan di semua PBT di seluruh negara dan kerajaan Negeri diminta untuk memantau pelaksanaannya. Sehingga Januari 2010, sebanyak 39 PBT yang bertaraf bandaraya dan perbandaran telah menyertai Program Bandar Selamat dan JPBD telah memantau kemajuan pelaksanaan Program Bandar Selamat.

Pihak Kerajaan melalui Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) juga telah memperakukan pelaksanaan 3 strategi dan 23 langkah-langkah Pencegahan Jenayah di bawah Program Bandar Selamat. Mulai November 2009, program bandar selamat yang diperkenalkan pada tahun 2004 telah dibuat kajian semula dan penakrifan baru oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia bagi menambahbaik program bandar selamat ini supaya ianya dapat **mengurangkan jenayah jalanan sebanyak 20% pada akhir 2010**. Jenayah jalanan merangkumi jenayah ragut, samun tanpa bersenjata api dan samun berkawan tanpa bersenjata api.

Kajian semula Program Bandar Selamat sedia ada merupakan di antara aktiviti NKRA di bawah tindakan KPKT. Lanjutan itu, JPBD bersama *stakeholders* Program Bandar Selamat telah berbincang dan bersetuju untuk memantapkan **23 Langkah Program Bandar Selamat** kepada **15 Langkah**. Program Bandar Selamat dipinda dan dimantapkan berdasarkan keberkesanaan pelaksanaan program di PBT, cadangan NKRA Lab Jenayah serta pandangan daripada wakil Kementerian Dalam Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, JPBD Negeri dan NGO.

b) Selaras dengan saranan kerajaan Negeri Selangor yang ingin menjadikan Negeri Selangor sebagai mesra OKU dan bebas halangan. Salah satu pelan tindakan LA21 adalah memberi penekanan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di mana golongan tersebut adalah sebahagian daripada masyarakat yang berhak menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata.

PBT dan NGO yang terlibat akan memberi kesedaran di kalangan orang ramai bahawa orang kurang upaya sebagai anggota masyarakat mempunyai hak dalam masyarakat dan tidak menganggap mereka sebagai kurang kebolehan dan terasing.

Di peringkat PBT turut mengadakan program yang melibatkan kepentingan golongan OKU di samping memberi peluang kepada golongan tersebut terlibat sama dengan sebarang perancangan pembangunan di peringkat PBT.

c) Setakat ini, pihak PBT menggalakkan persatuan penduduk menubuhkan pasukan keselamatan seperti rukun tetangga, pasukan rondaan taman sukarela di kawasan masing- masing. Pihak PDRM turut membuat rondaan dan pemantauan keselamatan ke kawasan- kawasan sekitar terutama di kawasan yang dikenal pasti sebagai *'hot spot'* jenayah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : TOURISM SELANGOR

151. Tourism Selangor telah di amanahkan untuk menguruskan tiket penerbangan pegawai-pegawai kerajaan di Negeri Selangor sama ada di dalam atau di luar negara

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah rasionalnya kos tambang penerbangan yang di kenakan adalah jauh lebih tinggi kalau di bandingkan dengan kos yang di tawarkan oleh agensi *travel and tours* yang lain ?

b) Apakah langkah yang akan di ambil oleh Tourism Selangor bagi mengatasi masalah ini bagi merealisasikan perbelanjaan berhemah dan berjimat yang di laung-laungkan kepada rakyat ?

JAWAPAN :

a) Jabatan Pelancongan menguruskan tempahan tiket penerbangan untuk jabatan kerajaan dan orang awam. Kos tambang penerbangan adalah mengikut harga yang ditetapkan oleh syarikat penerbangan mengikut kategori yang dipilih oleh pelanggan. Tiket penerbangan terbahagi kepada kelas pertama, kelas perniagaan dan kelas ekonomi. Setiap kelas penerbangan ditawarkan harga istimewa mengikut kuota dan terma yang telah ditetapkan oleh syarikat penerbangan.

i. Jabatan Kerajaan
Pelanggan dari jabatan kerajaan akan dinasihatkan untuk membeli tiket penerbangan harga penuh kerana sebarang pertukaran pada masa dan tarikh penerbangan tidak dikenakan bayaran penalti. Walau bagaimanapun, setiap pelanggan dari jabatan kerajaan akan dimaklumkan tentang tambang harga istimewa serta terma tiket istimewa sebelum tiket dikeluarkan (*issued*). Sekiranya pelanggan membeli tiket penerbangan harga istimewa, sebarang pertukaran pada masa dan tarikh penerbangan akan dikenakan bayaran penalti atau tiket tersebut akan terbatal sekiranya tidak digunakan mengikut tarikh asal pembelian. Memandangkan pembelian tiket dari jabatan kerajaan adalah pada saat akhir dan kadang-kala tidak mendapat kepastian dan kelulusan jabatan maka pembelian tiket adalah mengikut kekosongan pada masa penempahan tiket. Pembelian tiket menggunakan waran penerbangan udara adalah menggunakan harga penuh di mana '*upgrading*' boleh dibuat dari kelas ekonomi ke kelas perniagaan tanpa sebarang caj tambahan mengikut kekosongan tempat duduk pada kelas tersebut.

ii. Orang Awam

Pelanggan selain dari jabatan kerajaan iaitu orang awam adalah digalakkan membeli tiket penerbangan harga istimewa kerana murah dan tarikh penerbangan tiada perubahan di saat akhir. Namun, setiap pelanggan akan dimaklumkan terma kelas tiket yang hendak dibeli sebelum tiket dikeluarkan (*issued*).

b) Jabatan pelancongan menyediakan pakej pelancongan yang kompetitif serta memenuhi kehendak pelanggan baik dari jabatan kerajaan dan orang awam. Bagi setiap pakej yang ditawarkan adalah mengikut bajet pelanggan. Jabatan pelancongan memberi khidmat nasihat kepada setiap pelanggan sebelum sesuatu pakej dijual kepada pelanggan. Kami juga memberikan perkhidmatan selepas jualan iaitu membantu pelanggan membuat '*check in'* di kaunter KLIA, menguruskan bagasi sebelum penerbangan di KLIA dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PELABURAN

152. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun pertama 2010 secara perbandingan dengan setengah tahun pertama 2009 mengikut pecahan daerah ?

b) Bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan bagi setengah tahun pertama 2010 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain ?

c) Sila nyatakan sejauh manakah keyakinan para pelabur terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri yang mengamalkan prinsip keupayaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban ?

JAWAPAN :

a) Jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor bagi setengah tahun pertama 2010 secara perbandingan dengan setengah tahun pertama 2009 mengikut pecahan daerah adalah seperti jadual di bawah;-

Jadual 1 (a) : Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Negeri Selangor Bagi Tempoh Januari Hingga Julai 2010

Daerah	Projek	Peluang pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	82	4,518	756,429,026	712,309,334	1,468,738,360
Klang	54	4,624	634,722,301	618,685,137	1,253,407,438
Kuala Selangor	11	1,723	410,775,762	33,830,136	444,605,898
Hulu Langat	16	575	99,229,114	57,107,016	156,336,130
Gombak	14	831	133,602,410	19,704,400	153,306,810
Kuala Langat	9	495	161,776,999	141,321,478	303,098,477
Hulu Selangor	3	149	41,437,548	1,627,452	43,065,000
Sepang	5	164	27,850,000	0	27,850,000
Sabak Bernam	0	0	0	0	0
Lain-Lain Kawasan	3	187	10,542,000	21,380,000	31,922,000
Jumlah	**197**	**13,266**	**2,276,365,160**	**1,605,964,953**	**3,882,330,113**

Jadual 1 (b) : Projek Perkilangan Yang Diluluskan Di Negeri Selangor Bagi Tempoh Januari Hingga Julai 2009

Daerah	Projek	Peluang pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Petaling	58	2,752	507,888,595	667,152,070	1,175,040,665
Klang	39	2,138	490,571,440	567,725,130	1,058,296,570
Kuala Selangor	6	435	33,887,058	43,936,000	77,823,058
Hulu Langat	17	1,194	63,733,387	145,538,260	209,271,647
Gombak	5	647	46,605,814	37,206,924	83,812,738
Kuala Langat	7	715	77,306,828	2,321,200	79,628,028
Hulu Selangor	3	98	17,406,240	803,760	18,210,000
Sepang	0	0	0	0	0
Sabak Bernam	1	66	9,500,000	0	9,500,000
Lain-Lain Kawasan	2	14	6,400,000	172,800	6,572,800
Jumlah	**138**	**8,059**	**1,253,299,362**	**1,464,856,144**	**2,718,155,506**

Sumber : MIDA

b) Bagi tempoh Januari hingga Julai 2010 negeri Selangor merekodkan prestasi yang cemerlang di dalam menarik pelaburan. Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain di mana sebanyak **197 buah projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 3.88 bilion**. Ini diikuti oleh negeri Johor dengan RM 2.73 bilion daripada 108 projek perkilangan dan Pulau Pinang mencatatkan sebanyak RM 2.25 bilion daripada 73 projek yang diluluskan.

Jadual 2 : Projek Perkilangan Yang Diluluskan Bagi Tempoh Januari Sehingga Julai 2010 Mengikut Pecahan Negeri.

Daerah	Projek	Peluang pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Selangor	**197**	**13,266**	**2,276,365,159**	**1,605,964,954**	**3,882,330,113**
Johor	108	10,327	1,579,291,594	1,150,605,064	2,729,896,658
Pulau Pinang	73	4,942	738,059,784	1,508,460,830	2,246,520,614
Kedah	30	3,168	275,736,922	1,585,035,422	1,860,772,344
Sarawak	27	3,093	244,440,933	1,377,843,146	1,622,284,079
Perak	27	3,110	737,034,069	873,334,784	1,610,368,853
Sabah	20	3,133	402,959,969	408,189,714	811,149,683
Melaka	21	2,888	144,461,413	601,542,319	746,003,732
Negeri Sembilan	23	3,412	207,347,168	309,360,236	516,707,404
Terengganu	4	113	268,298,680	0	268,298,680
Kelantan	5	1,328	87,331,000	82,224,000	169,555,000
Pahang	6	282	26,731,756	52,375,425	79,107,181
W. P. Kuala Lumpur	3	137	32,172,606	0	32,172,606
W. P. Labuan	1	30	14,866,935	0	14,866,935
Perlis					0
Belum ditentukan	0	0	0	0	0
Jumlah	**545**	**49,229**	**7,035,097,988**	**9,554,935,894**	**16,590,033,882**

Sumber : MIDA

c) Para pelabur berpandangan positif dan masih berkeyakinan tinggi terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri yang mengamalkan prinsip keupayaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Ini terbukti dimana sebanyak **45% atau RM 1,765,367,211** daripada jumlah pelaburan yang dicatatkan bagi tempoh Januari hingga Julai 2010 iaitu sebanyak **RM 3,882,330,113** adalah daripada projek pengembangan dan penambahan pelaburan daripada syarikat-syarikat yang sedia ada di Negeri Selangor.

Sebanyak **55%** atau **RM 2,116,962,902** pula adalah daripada projek-projek baru

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN BINA RUMAH KERAJAAN PRIHATIN

153. Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan melalui membina Rumah Kerajaan Prihatin membantu rakyat yang kurang berkemampuan .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan bilangan rumah yang telah dibina melalui program ini di Selangor.

b) Senaraikan bilangan permohonan yang telah diterima setakat ini untuk pembinaan rumah percuma warga miskin.

c) Berapa lamakah proses kelulusan permohonan dan pembinaan perumahan tersebut?

JAWAPAN :

a) Pada tahun 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin telah meluluskan sebanyak 172 penerima bantuan bina baru dan baik pulih dengan pecahan seperti berikut:

BIL	DAERAH	BILANGAN RUMAH		JUMLAH
		BINA BARU	BAIK PULIH	
1	Hulu Langat	7	9	16
2	Petaling	4	5	9
3	Sepang	6	16	22
4	Sabak Bernam	3	7	10
5	Kuala Selangor	17	17	34
6	Gombak	2	8	10
7	Klang	14	10	24
8	Hulu Selangor	9	5	14
9	Kuala Langat	18	15	33
Jumlah		**80**	**92**	**172**

b) Pada tahun 2010, Seksyen Sektoral UPEN telah menerima sebanyak **859** permohonan bagi Program Kerajaan Prihatin. Sebanyak **596** permohonan telah disiasat dan dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin dan hanya **172** permohonan yang layak dipertimbangkan dan diberi kelulusan.

c) Setiap borang yang diterima akan diberi surat maklum balas daripada pihak UPEN yang memaklumkan bahawa permohonan telah diterima dan sedang diproses. Selepas enam (6) bulan daripada surat maklum balas tersebut, sekiranya tidak menerima apa-apa maklum balas, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

Permohonan biasanya akan diproses dalam tempoh enam (6) minggu di mana setiap permohonan akan ditapis mengikut syarat kelayakan, disiasat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama wakil daripada Pejabat Daerah. Permohonan akan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin untuk dipertimbangkan. Selepas itu, pemohon akan dimaklumkan mengenai status permohonan sama ada berjaya ataupun tidak berjaya.

Bagi kerja-kerja baik pulih dan bina baru rumah Program Kerajaan Prihatin akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah selepas selesai Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Rumah Kerajaan Prihatin. Lantikan Kontraktor dan Sebut Harga akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah mengikut prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : DISKAUN BUMIPUTERA UNTUK PEMBELIAN RUMAH RM500,000 KE ATAS

154. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri akan bercadang menilai kembali diskaun pembelian rumah berharga RM500,000 ke atas dan digantikan dengan satu sistem alternatif yang meminta pembeli rumah membayar harga penuh di mana sebahagian wang yang dibayar digunakan untuk membantu orang miskin memiliki rumah sendiri di bawah satu tabung amanah?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Y.B, Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor pada 14 Oktober 2010 telah bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan) sebagai pengerusi, REHDA (ahli) dan LPHS sebagai urus setia bagi membincangkan/ melihat lebih mendalam mengenai pembangunan industri perumahan di negeri Selangor terutamanya dari aspek diskaun Bumiputera dan kaedah pelepasan kuota Bumiputera. Ianya bagi memastikan setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor mampu memiliki kediaman yang selesa untuk diduduki.

Bagi cadangan di atas, sekiranya boleh dilaksanakan dan memberi manfaat dan kebaikan kepada seluruh masyarakat dan juga pemaju, cadangan tersebut akan dimasukkan ke dalam syor/ cadangan jawatankuasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK: KEMUDAHAN AWAM

155. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan kerajaan Selangor terhadap balairaya-balairaya yang tidak digunakan bagi manfaat penduduk setempat yang mana sekarang ini terbiar dan ada yang telah dirosakkan juga dicuri oleh penagih dadah.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman semua, balairaya-balairaya di negeri Selangor telah diselenggara di bawah PBT. Bagi balairaya-balairaya yang terbiar, ianya akan dibaik pulih oleh PBT dan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Penduduk (JKP) atau Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) untuk dijaga dan diselenggara. Melalui JKP, balairaya-balairaya ini akan digunakan sebagai tempat untuk menjalankan pelbagai aktiviti penduduk. Selain itu terdapat juga balairaya yang terbiar dijadikan sebagai pusat khidmat ahli Majlis. Penggunaan seumpama ini dapat mengelakkan balairaya tersebut terbiar dan dapat dipelihara dengan baik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : KESELAMATAN PEJABAT

156. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor mengenai kes penemuan kamera kecil yang telah ditemui di pejabat Dato' Menteri Besar Negeri Selangor?

b) Sejauh mana kelemahan kawalan keselamatan tersebut telah dikenal pasti dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan keselamatan bangunan Pejabat Kerajaan Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Pejabat SUK telah mengeluarkan kamera kecil tersebut dari tempat pemasangannya dan dalam proses untuk melantik syarikat yang mempunyai kepakaran khusus untuk memeriksa, mencari dan menghapus kamera tersembunyi/ alat pengintip berdasarkan prosedur kewangan yang ditetapkan di Pejabat Dato' Menteri Besar dan semua Exco di Bangunan SSAAS.

b) Kekurangan bilangan kamera litar tertutup (CCTV) di dalam kawasan bangunan Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dan keupayaan simpanan data rakaman yang rendah telah dikenal pasti sebagai kelemahan utama keselamatan di bangunan Pejabat Kerajaan Negeri Selangor. Sehubungan itu, pihak Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif menambah bilangan kamera litar tertutup dan menaiktaraf Digital Video Recorder (DVR) dengan 'hard disk' berkapasiti lebih besar bagi memanjangkan tempoh rakaman.

Dalam masa yang sama, arahan mengetatkan lagi keselamatan telah dikeluarkan dengan melarang kenderaan pelawat dari memasuki ke dalam Pejabat SUK dan semua pelawat dikehendaki pada setiap masa memakai pas keselamatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)

TAJUK : PERUNTUKAN SEKOLAH TAMIL

157. Wujud pertikaian tentang kaedah penyaluran peruntukan untuk sekolah Tamil di Selangor yang tidak menepati kelompok sasar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah garis panduan penyaluran peruntukan tersebut?

b) Apakah kaedah untuk memastikan masalah pertikaian ini tidak berlaku masa hadapan?

c) Berikan statistik jumlah peruntukan yang telah disalurkan dan pihak penerima mengikut daerah?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PERANAN PENGARAH PENERANGAN PEJABAT MENTERI BESAR

158. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peranan Pengarah penerangan Pejabat Menteri Besar dalam membantu menyebarluaskan informasi kerajaan Negeri Selangor.

b) Apa pula pencapaian JKKK dan TV Selangor dalam membantu melebar luaskan informasi pembangunan negeri Selangor.

c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan untuk tujuan informasi rakyat.

JAWAPAN :

a) Pengarah Penerangan Pejabat Menteri Besar Selangor dilantik untuk memastikan maklumat pembangunan negeri sampai ke akar umbi terutama di kawasan kampung dan desa yang banyak bergantung pada media arus perdana yang kurang memberi liputan adil kepada Kerajaan Negeri.

   Beliau juga bertindak sebagai penyelaras PIKOM bagi memastikan kerja penerangan negeri kini lebih teratur. Bersama PIKOM, Pengarah Penerangan bukan sekadar untuk menyebarkan maklumat terbaharu berhubung kerajaan negeri tetapi untuk menyaingi publisiti negatif yang lazimnya dilontarkan oleh pelbagai media terutama media arus perdana yang cenderung melemahkan persepsi rakyat berhubung keupayaan, keikhlasan kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat.

   Jawatan Pengarah Penerangan Pejabat Menteri Besar Selangor juga diadakan untuk membina hubungan secara peribadi (contact inter-personel) dengan rakyat di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan dengan cara yang lebih teratur.

b) Internet TV masih lagi medium (avenue) baharu untuk rakyat Malaysia dalam mendapatkan informasi semasa. Oleh itu, penyebaran maklumat melalui internet TV masih lagi terhad. Pada tahun ini sahaja, TV Selangor telah menerima seramai 848,083 pelawat (unique visitors) dan 110 juta capaian (hits). Angka ini membanggakan walaupun TV Selangor telah digodam beberapa kali pada akhir Mei, awal Jun dan akhir September tahun ini. Pada bulan Oktober sahaja TVS menerima 15.6 juta

c) Secara pukal tugas untuk merakyatkan informasi bermula Mac 2009 dengan tertubuhnya CCSB dan peruntukan untuk memulakan operasi, termasuk infrastruktur, latihan serta lain-lain kos sehingga hari ini ialah RM9.2 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: MENYEWA TANAH KERAJAAN.

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan pihak manakah yang meluluskan penyewaan tanah kerajaan dan kriteria yang digunakan. Sila nyatakan kenapa pihak tertentu diberikan kuasa yang besar?

b) Adakah ADN berkenaan akan dimaklumkan dan diberi peluang untuk komen satu permohonan. Sila jelaskan

c) Sila sebutkan di manakah sistem *check & balance* dalam perkara ini?

JAWAPAN:

a) Tidak ada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara 1965 yang mana kerajaan boleh dibenarkan untuk sewaan melainkan ia boleh dilupuskan secara pemberimilikan. Lesen Pendudukan Sementara, permit mengusahakan dan lain-lain adalah dibenarkan. Pihak Berkuasa Negeri merupakan pihak yang berkuasa meluluskan permohonan ataupun mana-mana pegawai yang diberikan kuasa berbuat demikian.

b) Semua permohonan akan diproses setelah mendapat laporan-laporan daripada Jabatan Teknikal yang perlu. Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan diperlukan sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Setakat ini, laporan atau komen daripada ADN tidak termasuk sebagai laporan Jabatan Teknikal.

c) *"Check & Balance"* wujud semasa proses ini dijalankan di mana semua ulasan daripada Jabatan Teknikal adalah perlu bagi memastikan sesuatu permohonan dan keputusan dibuat secara adil dan telus.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: KUIL-KUIL HINDU

160. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kuil-kuil Hindu di seluruh Negeri Selangor?

b) Berapakah jumlah kuil-kuil Hindu yang tidak memiliki hak milik tanah mereka sendiri?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan dan menjamin hak milik asal hartanah bagi kesemua kuil-kuil Hindu tersebut dapat dikeluarkan?

JAWAPAN:

a) Mengikut statistik data bancian rumah-rumah ibadat selain Islam sehingga September 2010, terdapat sebanyak 981 buah kuil Hindu di Negeri Selangor dan bilangan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	JUMLAH KUIL
1	PETALING	122
2	KLANG	237
3	GOMBAK	123
4	SEPANG	55
5	SABAK BERNAM	4
6	KUALA LANGAT	112
7	HULU Selangor	65
8	HULU LANGAT	85
9	KUALA SELANGOR	178
JUMLAH		**981**

b) Mengikut statistik data bancian rumah-rumah ibadat selain Islam sehingga September 2010, terdapat sebanyak 685 buah kuil Hindu di Negeri Selangor tidak memiliki hak milik sendiri dan bilangan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	JUMLAH KUIL
1	PETALING	87
2	KLANG	231
3	GOMBAK	122
4	SEPANG	53
5	SABAK BERNAM	4
6	KUALA LANGAT	54
7	HULU SELANGOR	64
8	HULU LANGAT	68
9	KUALA SELANGOR	2
JUMLAH		**685**

c) Kerajaan Negeri akan memproses permohonan dan meluluskan pemberimilikan tanah kepada pemohon yang layak. Bagi permohonan yang tidak diluluskan, pihak Kerajaan Negeri menyarankan agar jawatankuasa kuil atau pihak persatuan mengenal pasti tanah yang bersesuaian dan seterusnya mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah Daerah. Selain itu, kerajaan negeri juga telah melaksanakan proses pewartaan tanah-tanah rumah ibadat selain Islam bagi memudahkan proses pemilikan tanah rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN INFRASTRUKTUR KE SEKOLAH AGAMA, SEKOLAH RENDAH CINA DAN SEKOLAH RENDAH TAMIL

161. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah keseluruhan bantuan yang telah diluluskan dan diberi oleh Kerajaan Negeri sejak PAKATAN RAKYAT memerintah kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Cina dan Sekolah Rendah Tamil setakat ini?

b) Sila berikan pecahan mengikut jenis2 sekolah.

c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi memperbaiki lagi sekolah - sekolah tersebut?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : DADAH. PENYALAHGUNAAN DADAH MERUPAKAN MUSUH UTAMA NEGARA YANG MENGHANCURKAN MASYARAKAT.

162. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah statistik terkini penyalahgunaan dadah.

b) Apakah statistik jumlah serbuan dan nilai rampasan dadah di Selangor ?

c) Apakah inisiatif negeri bersama agensi Persekutuan untuk membendung masalah dadah ?

JAWAPAN :

a) Seperti di lampiran.

b) Seperti di lampiran

c) Seperti di lampiran

STATISTIK AADK

NEGERI SELANGOR

BILANGAN ORANG KENA PENGAWASAN
JANUARI – SEPTEMBER 2010

DAERAH	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT
PETALING	1587	1515	1253	1258	1233	1209	1246	1247	1241
AMPANG	798	834	847	855	842	872	908	920	943
GOMBAK	613	769	809	840	892	933	917	895	906
KLANG	571	623	647	701	743	802	831	822	835
HULU LANGAT	486	499	508	523	536	536	561	558	561
HULU SELANGOR	355	363	325	304	370	382	388	387	379
KUALA SELANGOR	283	275	278	286	294	302	318	326	340
KUALA LANGAT	217	213	230	233	229	234	233	246	229
SABAK BERNAM	296	280	300	320	327	290	305	313	321
SEPANG	228	239	245	258	257	264	272	280	291
JUMLAH KESELURUHAN	5434	5610	5442	5578	5723	5824	5979	5984	6046

BILANGAN ORANG KENA PENGAWASAN
BARU & BERULANG

DAERAH	JUMLAH KESELURUHAN	KES BARU	KES BERULANG	JANTINA		KETURUNAN			
				LELAKI	PEREMPUAN	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN - LAIN
PETALING	1241	889	352	1182	59	722	226	256	37
AMPANG	943	567	376	885	58	712	151	75	5
GOMBAK	906	559	347	897	9	681	62	154	9
KLANG	835	472	363	814	21	535	161	119	20
HULU LANGAT	561	308	253	539	22	409	80	61	11
HULU SELANGOR	379	218	161	371	8	309	27	43	0
KUALA SELANGOR	340	179	161	332	8	261	38	41	0
KUALA LANGAT	229	115	114	228	1	186	24	19	0
SABAK BERNAM	321	222	99	310	11	279	34	6	2
SEPANG	291	230	61	288	3	261	17	13	0
JUMLAH KESELURUHAN	6046	3759 (62.2%)	2287 (37.8%)	5846 (96.7%)	200 (3.3%)	4355 (72.0%)	820 (13.4%)	787 (13.0%)	84 (1.6%)

STATISTIK PDRM

NEGERI SELANGOR

BORANG
BULANAN 3

RAMPASAN DADAH DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA 1952 BAGI BULAN JAN - SEPT 2010 DI KONTINJEN SELANGOR

JENIS DADAH \ DAERAH		KLANG	KLANG (U)	P / JAYA	S / JAYA	SERDANG	A.JAYA	KAJANG	GOMBAK	S/ALAM	H / SEL	K / SEL	K/LGT	S / BER	SEPANG	JUMLAH
CANDU MENTAH	GM	0	0	0	0		0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.00
CANDU MASAK	GM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	255	0	0	0	255.00
HEROIN BASE	GM	0	1.65	0	116	0	0	0.00	0	1	0	0	1	0	0	118.65
HEROIN NO. 3	GM	1,529	58.27	2,826	938	67.6	378	1,416.29	2,508	222	288	148	698	0	198	11,275.85
HEROIN NO. 4	GM	0.00	89.37	0.00	1,466.89	15.35	1,613.58	0.00	0.00	286.30	0.00	0.00	15.58	281.08	0.00	3,747.15
GANJA	GM	11,942.54	262.79	62,874.23	15,173.22	19427.3	33,494.27	7,123.43	4,854.72	2,514.40	449.43	717.42	817.20	40.91	1,323.50	161,015.36
	PKK	0.00	0	0.00	1.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1.00
SYABU	GM	525.64	1.79	21,854.15	593.85	14.89	780.07	12,772.99	210.65	132.73	47.19	28.10	14.36	19.21	168,281.00	205,276.62
KOKAIN	GM	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	19,597.00	19,597.00
KETAMIN	GM	704.21	50.65	1,564.88	7,783.66	21.25	6,455.87	3,147.40	67.12	0.20	14.12	130.90	120.10	14.70	32,391.06	52,466.32
PIL ESCTASY	BIJI	631.00	10	841.00	183.00	0	608.00	513.00	23.00	26.00	0.00	0.00	1.00	0.00	601.00	3,417.00
	GM	0.00	0	0.30	12.50	0	778.00	1,629.05	1.90	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,421.75
PIL ERIMIN 5	BIJI	875.00	468	11,582.00	905.00	4	14,952.00	153.00	141.00	1.00	33.00	271.00	80.00	84.00	9,750.00	39,289.00
	GM	0.00	0	6.00	1.10	0.25	0.00	76.12	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	83.47
PIL PSIKOTROPIK	BIJI	413.00	11	190.00	46.00	0	18.00	0.00	130.00	2,000.00	42.00	10.00	0.00	27.00	27.00	2,914.00
	GM	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	27,000.00	0.00	0.00	0.50	0.00	0.00	0.00	0.00	27,000.50
PIL NOSPAN	BIJI	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	200.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	200.00
PIL DOMICUM	BIJI	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PIL YABA	BIJI	4.00	0	0.00	2,832.00	0	0.00	0.00	0.00	128.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,964.00
	GM	0.00	0	0.00	0.20	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.20
KODEIN	LITER	109.39	0	0.20	0.25	0.42	0.00	22.02	17.32	15.20	0.50	0.00	0.00	0.00	0.19	165.49
METHADON	BIJI	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	GM	0.00	0	0.03	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.03
	LITER	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
MITRAGYNINE (KETUM)	LITER	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	180.00	180.00
	GM	0.00	0	0.00	0.00	0	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,031.00	0.00	2,031.00

my xcll-lap//RMPASAN/rpms blnan formula/ina 2010

29/10 2010 11:08 FAX 55145344 KJSJN IPK SEL

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: BEKAS LOMBONG PASIR

163. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tindakan yang akan diambil ke atas bekas lombong pasir agar ia tidak mendatang kesan buruk terhadap alam sekitar dan penempatan berhampiran ?

b) Adakah operasi korek pasir akan memberi kesan buruk kepada sistem ekologi?

JAWAPAN:

a) Tindakan yang akan diambil ke atas bekas lombong pasir agar ia tidak mendatang kesan buruk terhadap alam sekitar dan penempatan berhampiran adalah dengan melaksanakan aktiviti perlombongan pasir secara mapan dengan mempraktikkan perlombongan terbaik serta penggunaan teknologi terkini yang mesra alam. Perlombongan mapan atau *sustainable mining* ini hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh melalui perancangan komprehensif cara-cara membaik pulih atau *rehabilitate* kawasan perlombongan yang dikenal pasti pada peringkat sebelum aktiviti perlombongan dimulakan. Ini dikuti dengan pelaksanaan *progressive rehabilitation* semasa operasi lombong masih berjalan dan menjalankan kerja-kerja membaik pulih selepas aktiviti melombong pasir telah selesai.

b) Persepsi masyarakat terhadap industri perlombongan / pengorekan pasir adalah industri ini merupakan industri yang merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi. Ini disebabkan pihak industri tidak mempunyai hala tuju yang jelas dalam melaksanakan aktiviti pemulihan lombong pasir. Penyediaan dan pelaksanaan satu pelan perancangan cara-cara membaik pulih atau *rehabilitate* ke atas bekas-bekas lombong secara komprehensif akan memberikan hala tuju yang jelas mengenai aktiviti pemulihan dan seterusnya menghapuskan persepsi masyarakat. Selain itu, dengan adanya pelan pemulihan ini, Negeri Selangor akan dapat mengatasi isu-isu alam sekitar yang berkaitan antara lainnya seperti perubahan iklim dan pemanasan global. Selain itu, penubuhan KSSB merupakan signifikasi dan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan aktiviti perlombongan pasir di Negeri Selangor dijalankan secara terancang dan mengikut *'best practices'*.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : NON REVENUE WATER (NRW)

164. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah kadar *Non Revenue Water* (NRW) untuk Negeri Selangor mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2010?

b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan kadar *Non Revenue Water* (NRW)?

c) Apakah insentif yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada pihak yang dapat mencipta inovasi bagi menjimatkan dan kitar semula air bagi pembangunan mampan?

JAWAPAN:

a) Berasaskan kepada pengawalan dan pemantauan SYABAS, kadar NRW untuk seluruh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya telah diturunkan dari 42.78 pada 1 Januari 2005 kepada 32.43% pada September 2010. Pecahan kadar purata NRW bagi daerah-daerah di Negeri Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya adalah diringkaskan seperti berikut :

Daerah	**200 7 (NRW %)**	**2008 (NRW %)**	**2009 (NRW %)**	**2010-11-04 (Purata sehingga 30 Sept 2010) (NRW %)**
Hulu Langat	36.29	31.96	29.32	29.83
Hulu Selangor	39.23	39.46	37.03	37.41
Kuala Langat	37.43	40.64	36.50	41.43
Kuala Selangor	43.55	36.69	37.75	36.33
Sabak Bernam	40.49	39.25	32.81	33.34
Sepang	24.48	24.43	24.08	23.99
Gombak	35.77	35.10	34.74	34.48
*Klang, Kuala Lumpur, Petaling	33.75	33.29	31.30	31.36

Keseluruhan	34.39	33.17	32.38	32.43

* Nota :Analisa Imbangan Air bagi Klang, Kuala Lumpur & Petaling dihimpunkan sebagai satu zon berikutan jajaran paip yang kompleks dan kawasan tersebut tidak dapat diasingkan buat waktu ini.

Tahap NRW keseluruhan bagi Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya telah kekal pada tahap 32 – 33% dalam tempoh 2008 – 2010 disebabkan pembekuan CAPEX oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan semenjak Ogos 2008 kerana proses rundingan penstrukturan semula bekalan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sedang dijalankan.

b) Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd telah menyediakan Pelan Induk (Master Pelan) untuk Pengurangan Air Tidak Berhasil dilaksanakan secara berperingkat bagi mencapai sasaran Pengurangan Air Tidak Berhasil di Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya.

Program-program strategik yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil adalah seperti berikut :

PROGRAM MENGURANGKAN KEHILANGAN AIR FIZIKAL

1. Penggantian paip utama dan paip komunikasi yang usang
2. Pengurangan Tekanan Air ("*Pressure Management*"
3. Pembentukan Zon Pemeteran Daerah (*District Metering Zone*)
4. Pengawalan Limpahan Kolam
5. *Active Leak Detection*

PROGRAM MENGURANGKAN KEHILANGAN AIR KOMERSIAL

1. Penggantian meter-meter rosak, tersekat atau tidak berfungsi.

2. Program menggantikan meter dengan ukuran yang sesuai

3. Penggunaan jenis meter AMR Electromagnetic Flow Meters untuk pengguna akaun tinggi.

4. Penguatkuasaan terhadap sambungan haram

5. Menambah baik disiplin serta kualiti bacaan oleh pembaca meter.

LAIN-LAIN PROGRAM SOKONGAN

1. Pembangunan sistem perkhidmatan aduan pengguna yang beroperasi 24 jam (PUSPEL) untuk pengguna melaporkan kes paip pecah dan bocor dan lain-lain aduan dengan kadar segera.

2. Pembaikan paip pecah dan bocor dengan cepat dan berkualiti.

3. Pendaftaran dan pemetaan aset dan sambungan pengguna di dalam GEOCODING.

4. Pembangunan sistem SCADA dan memantau melalui Pusat Operasi.

5. Mempertingkatkan garis panduan dan penentuan dalam semua pembangunan sistem bekalan baru oleh syarikat dan pemaju.

c) Kerajaan Negeri Selangor memang menggalakkan mana-mana pihak untuk mencipta inovasi bagi menjimatkan dan kitar semula air bagi tujuan pembangunan mampan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : TARAF HIDUP ORANG ASLI

165. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

Tindakan oleh Kerajaan Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PENGAMBILALIHAN SYABAS

166. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status terkini pengambilan balik Syabas dan bila di jangka akan diselesaikan?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:
   1) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan
   2) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan bersama dengan keempat-empat syarikat pemegang konsesi air. Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Negeri Selangor diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd menolak tawaran tersebut. Nilai tawaran pada ketika ini adalah pada nilai RM9.2 bilion.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari 70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

a) Terma-terma dan syarat-syarat yang mengehendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan

b) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut. Nilai tawaran pengambilalihan adalah pada nilai RM10. 3 bilion. SPLASH dan ABASS telah menolak tawaran oleh KTTHA tersebut. SPLASH pada masa yang sama turut mengumumkan untuk mengambil alih semua syarikat air di Selangor pada nilai tawaran yang serupa dengan PAAB. Puncak juga mengemukakan cadangan pengambilalihan kepada KTTHA.

Berikutan dari gagalnya penerimaan Model PAAB tersebut, pada 29 dan 30 Julai 2010, KTTHA telah mengadakan satu *retreat* bagi membincangkan semula kaedah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Di dalam *retreat* tersebut, wakil Kerajaan Selangor telah dimaklumkan oleh KTTHA bahawa Model Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor yang telah dipersetujui untuk diterima pakai dalam melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor adalah Model Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 08 Julai 2009.

Melalui Model tersebut, kesemua pemegang konsesi air Negeri Selangor akan terus beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi mereka. Kerajaan Persekutuan melalui PAAB akan mengambil alih semua aset dan liabiliti yang berkaitan dengan industri air dari kesemua Pemegang Konsesi dan Pemegang Konsesi akan beroperasi sebagai operator operasi dan penyelenggaraan (*Operation and Maintenance Operator*) secara *asset light.* Sebagai balasan kepada operator di bawah Model ini, Operator Rawatan Air iaitu Puncak, SPLASH dan ABASS akan menerima bayaran melalui *Bulk Supply Rate (BSR),* manakala Operator Agihan iaitu SYABAS akan menerima bayaran melalui tarif air.

Ekuiti Pegangan dalam SYABAS akan berubah di mana melalui Model ini, pegangan Puncak sebanyak 70% akan dikurangkan kepada 51% manakala pegangan Kerajaan Negeri akan ditingkatkan dari 30% kepada 49%. Satu Saham emas masih kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Melalui Model ini, SYABAS akan diberikan lesen sebagai operator agihan manakala Puncak, SPLASH dan ABASS akan kekal diberi *authorisation* sebagai operator rawatan air yang akan beroperasi dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengikut peruntukan dan peraturan yang digariskan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655). Di bawah Model ini juga, semua aset bekalan air milik Kerajaan Negeri akan diambil alih oleh PAAB pada nilai sebanyak RM1.1 bilion dan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan tolak dari nilai aset tersebut.

KTTHA memaklumkan supaya wakil Kerajaan Negeri di dalam SYABAS selepas perubahan pegangan ekuiti hendaklah dari kalangan Kerajaan Negeri sendiri bukan diwakili oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) atau mana-mana syarikat lain.

Model tersebut tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana ia masih mengekalkan *framentation* di dalam perkhidmatan air. Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian Model Holistik adalah yang terbaik dapat menjamin industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan di samping dapat mengekalkan kos operasi dan tarif air yang munasabah.

Memandangkan Model ini tidak dapat dimuktamadkan, pada 20 Oktober 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan Air telah diadakan oleh KTTHA. Di dalam mesyuarat tersebut, KTTHA memaklumkan wakil Kerajaan Negeri Selangor memandangkan sehingga kini penstrukturan air di negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan, maka adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan semula cadangan penstrukturan secara holistik yang akan dikemukakan oleh Syarikat Konsesi Air . KTTHA tidak ada halangan kiranya Model Holistik tersebut diterajui oleh mana-mana syarikat persendirian tetapi bukan oleh Kerajaan Negeri Selangor memandangkan Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan pengambilan balik syarikat konsesi air atas dasar *willing buyer willing seller.*

YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam surat kepada KTTHA pada 22 Oktober 2010 memaklumkan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan pelaksanaan Model Holistik dan akan membuat tawaran kepada Syarikat Konsesi Air dengan mengguna pakai kaedah di mana aset air akan diambil alih oleh PAAB manakala ekuiti akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan membayar pulangan pada kadar 12% kepada Pemegang Saham di dalam Syarikat Konsesi Air.

Sekiranya nilai tawaran baru oleh Kerajaan Negeri Selangor ini tidak diterima oleh Syarikat Konsesi Air, maka perkara mengenai nilai tersebut akan dirujuk kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan *fair market value* nilai pampasan yang akan dibayar kepada Pemegang Saham.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memuktamadkan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini sebelum akhir tahun 2010 bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk ke atas operasi industri itu sendiri dan pasaran kewangan negara berikutan penurunan taraf (*downgraded)* bon-bon berkaitan air di pasaran kewangan negara.

Namun demikian, keputusan akhir mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : TANAH MILIK KERAJAAN

167. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Untuk mengatasi masalah pengangguran yang boleh dikatakan agak serius boleh kah dibenarkan tanah-tanah milik Kerajaan yang terdapat di kawasan pinggir perkampungan dalam negeri Selangor ini dimajukan untuk pertanian jangka pendek (kontan)?

JAWAPAN:

a) Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya melupuskan tanah kerajaan kerana kerajaan sudah ada satu pendekatan baru dalam mengelolakan aset. Walau bagaimanapun, kaedah pelupusan secara jangka pendek melalui Lesen Pendudukan Sementara boleh dipertimbangkan mengikut merit setiap kes untuk tanaman jangka pendek. Ini diputuskan setelah Pentadbir Tanah yang menerima permohonan daripada pemohon dan membuat pertimbangan setelah mengambil kira ulasan daripada Jabatan-Jabatan Teknikal yang berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : HAKISAN SUNGAI

168. Terdapat masalah hakisan sungai dan tebing runtuh yang mengancam kediaman rakyat dan membahayakan nyawa akibat aktiviti perlombongan pasir

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan jumlah aduan dan kes hakisan serta tebing sungai runtuh mengikut daerah dari tahun 2008 ?

b) Adakah pihak kerajaan menyediakan peruntukan khas untuk mengatasi masalah tersebut ?

c) Adakah langkah yang boleh dilakukan untuk mengelak masalah tersebut daripada menjadi lebih buruk ?

JAWAPAN :

a) Jumlah aduan yang diterima oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor mengikut daerah bagi kes hakisan tebing yang disebabkan oleh aktiviti perlombongan pasir adalah seperti berikut :-

Bil	Daerah	Tahun 2008	Tahun 2009	Sehingga September 2010
1.	Sabak Bernam	0	0	0
2.	Kuala Selangor	0	0	0
3.	Klang	0	0	0
4.	Petaling	0	0	1
5.	Kuala Langat	0	0	0
6.	Sepang	15	15	18
7.	Hulu Langat	15	10	18
8.	Gombak	15	24	17
9.	Hulu Selangor	3	3	2
	JUMLAH	**48**	**52**	**56**

b) Tiada peruntukan khas membaiki hakisan sungai dan tebing runtuh di bawah butiran peruntukan RMK9 yang disediakan. Namun begitu kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan di bawah butiran peruntukan mencegah banjir, menaiktaraf saliran dan juga rancangan pengurusan sungai. Walaubagaimanapun, sekiranya berlaku keadaan yang di luar jangka seperti banjir besar dan sebagainya yang boleh membahayakan nyawa penduduk ataupun menjejaskan kestabilan infrastruktur awam, pihak jabatan akan mendapatkan kelulusan kerajaan negeri bagi peruntukan luar jangka. Bagi tujuan perancangan dan pemantauan yang lebih baik, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah mewujudkan butiran khas di dalam RMK10 iaitu penstabilan dan pengukuhan tebing pelbagai daerah bagi tujuan tersebut.

c) Masalah hakisan sungai dan tebing runtuh dapat dibendung melalui pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksana secara berterusan oleh pihak seperti Kumpulan Semesta Sendirian Berhad, Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah serta Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengelakkan masalah tersebut daripada menjadi lebih buruk. Walaubagaimanapun masalah-masalah ini tidak akan wujud sekiranya pengusaha-pengusaha perlombongan pasir tidak bertindak di luar ruang izin yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat JPS dan mematuhi SOP yang dikeluarkan iaitu:

- kuantiti pengambilan pasir tidak melebihi 300 meter padu sehari oleh penguasa;
- pengeluaran pasir dari dasar tidak melebihi 1.5 meter dalam bagi memastikan kejadian hakisan tebing dapat dielakkan.
- pengusaha juga hendaklah memastikan pengambilan pasir dikeluarkan berdasarkan kaedah lapisan (layer by layer) dan bukan secara bertompok-tompok.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : BARANGAN KITAR SEMULA

169. Terdapat pengusaha barangan lusuh kitar semula yang tidak menyelenggara dengan baik barangan tersebut sehingga mendatangkan masalah pencemaran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pihak PBT menyediakan garis panduan dan mengawal aktiviti pengusaha barangan kitar semula?

b) Nyatakan statistik bilangan pengusaha terbabit mengikut daerah?

c) Apakah terdapat aduan atau siasatan pengusaha yang terlibat membeli barangan lusuh curi?

JAWAPAN:

a) Semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor menyediakan garis panduan dan syarat-syarat tertentu bagi mengawal aktiviti pengusaha barangan kitar semula. Berikut adalah contoh syarat-syarat yang diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi pengusaha-pengusaha barangan kitar semula :

i. Beroperasi di kawasan industri
ii. Perlu mendapatkan permit daripada pihak polis
iii. Memohon lesen daripada pihak Majlis (PBT) serta mematuhi syarat-syarat khas Pelesenan

b) Berikut adalah statistik bilangan pengusaha barangan kitar semula mengikut PBT:

PBT	**JUMLAH PENGUSAHA BARANGAN KITAR SEMULA**
MBSA	72
MPSJ	54
MPAJ	3
MPS	8
MPKj	47
MPSp	31
MDKL	79
MDHS	34
MDSB	37
JUMLAH	**365**

c) Buat masa ini PBT di negeri Selangor tidak menerima sebarang aduan berhubung kes curi yang melibatkan pengusaha premis-premis barangan lusuh.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : PUSAT HIBURAN HARAM

170. Pusat hiburan tanpa lesen didakwa banyak beroperasi di Selangor yang juga menyebabkan masalah pelacuran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan statistik serbuan, rampasan, nilai sitaan barangan dan kompaun yang dikeluarkan mengikut PBT-PBT?

b) Adakah setiap PBT memantau jumlah pusat hiburan tanpa lesen dan berapakah anggaran jumlah pusat tersebut mengikut kategori dan PBT pada waktu ini?

c) Apakah pendekatan yang dilaksanakan oleh PBT untuk mencegah pertumbuhan pusat hiburan tanpa lesen?

JAWAPAN :

a) Berikut disenaraikan bilangan Pusat Hiburan yang telah diambil tindakan mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor untuk tahun 2010:

PBT	Serbuan	Premis di kompaun	Premis disita	Nilai sitaan (RM)	Premis ditutup	Premis tidak berlesen
MBSA	30	15	9	50,000.00	0	9
MBPJ	86	43	32	190,000.00	7	0
MPK	7	0	7	13,000.00	3	0
MPAJ	107	72	22	12,000.00	7	0
MPSJ	23	34	38	300,000.00	4	34
MPS	12	30	5	50,000.00	10	30
MPKj	39	22	9	1,300.00	2	21
MPSp	2	9	1	20,000.00	1	0
MDKS	15	15	9	3,900.00	0	8
MDHS	3	3	0	0 .00	0	0
MDKL	20	37	0	10,000.00	0	31
MDSB	78	9	0	2,650.00	0	0
Jumlah	**422**	**289**	**132**	**652,850.00**	**34**	**133**

b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau lesen –lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Selangor. Sebanyak 133 premis pusat hiburan tanpa lesen yang dapat dikesan di Negeri Selangor. Pemberian lesen untuk aktiviti tersebut telah dibekukan dalam Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan berikutan bilangan sedia ada telah mencukupi. Kerajaan Negeri dalam peringkat kajian menambah baik Undang – undang Kecil bagi memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan selain pemantauan yang kerap oleh PBT

c) Kerajaan Negeri memandang serius tentang perkara ini dan telah mengarahkan supaya semua PBT menjalankan operasi bersepadu secara berkala untuk membendung perkara ini terutamanya mengambil tindakan menutup premis –premis yang tidak berlesen. Dalam masa yang sama, PBT juga memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak Polis untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha premis yang tidak berlesen untuk menahan dan mendakwa mereka di mahkamah.

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PINJAMAN MIKRO KREDIT

171. Program Pinjaman Mikro Kredit yang telah dilancarkan oleh kerajaan negeri satu usaha yang baik.

Bukit Melawati sedang menunggu pelancaran Mikro Kredit di sini untuk golongan berpendapatan rendah. Bank Mikro Kredit Kampong ini mesti diuruskan dengan perbelanjaan yang rendah.Ini boleh dijalankan dengan bantuan anggota sukarela dari NGO (Badan Bukan Kerajaan) seperti cara -cara koperasi beroperasi Grameen Bank di Bangladesh adalah salah satu yang berjaya seperti tersebut di atas.

Bank Mikro Kredit Kampong boleh memberi pinjaman dari RM 2000 sehingga maksimum RM 20,000

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Memohon penjelasan bagaimana bank ini akan beroperasi dan bila pinjaman -pinjaman boleh diperolehi ?

JAWAPAN:

a) Skim Mikro Kredit Selangor(SKIMSEL) diuruskan oleh Yayasan Dar Al Qard Al Hasan (YDAQAHS) telah dirasmikan pada 2 September 2010. Daerah pertama operasi di Sabak Bernam.

YDAQAHS akan beroperasi di semua daerah luar Bandar yang terdiri daripada daerah berikut:-

1) Sabak Bernam
2) Kuala Selangor
3) Hulu Selangor
4) Hulu Langat
5) Kuala Langat
6) Sepang

Operasi SKIMSEL sama seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dengan memasuki semua kawasan di luar bandar melalui kakitangan yang terlatih bagi meninjau keadaan hidup dan rumah yang memohon menyertai SKIMSEL. Pemohon tidak perlu mengisi borang. Mereka yang layak atau merasakan layak boleh memberikan nama, alamat dan nombor telefon jika ada kepada pegawai SKIMSEL yang ditempatkan di semua pejabat Daerah yang dinyatakan di atas.

Pinjaman boleh dipohon selepas melalui proses berikut:-

i) Lulus Ujian Temuduga Kelayakan
ii) Selepas Lulus Temuduga mereka diwajibkan menubuhkan kumpulan 5 orang
iii) Menjalani latihan wajib selama 3 hari iaitu dua sejam pada setiap hari
iv) Selepas itu mereka dikehendaki menjalani ujian lisan kefahaman selama satu jam
v) Jika lulus ujian kefahaman peserta boleh membentangkan cadangan pinjaman mereka untuk dinilai oleh ahli kumpulan serta pusat.
vi) vi.Jika lulus akan diproses dalam tempoh sepuluh hari bekerja sehingga dapat pinjaman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: AIR DI NEGERI SELANGOR

172. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Kerajaan Negeri telah mengehadkan kajian tentang permintaan air (industri dan per kapita) di Negeri Selangor berbanding dengan kapasiti dalam negeri. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kapasiti air di Negeri Selangor berdasarkan *economic growth projected method*.

JAWAPAN:

a) Beberapa kajian sebelum ini telah dijalankan bagi mengenal pasti kapasiti pengeluaran dan permintaan air di Selangor antaranya :-

1) Distribution Study and Strategic Planning for Water Supply in Selangor and Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1998 disediakan oleh Tetuan SMHB Sdn Bhd (dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor)
2) National Resources Study 2000
3) SMHB Study 2000
4) ACS Study (daripada KTAK)

Dari data-data yang telah di analisa, *economic growth* merupakan salah satu faktor yang diambil kira di dalam membuat pengiraan tersebut.

Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mempunyai penduduk dianggarkan sejumlah 7.5 juta orang menggunakan bekalan air sebanyak 3,904 JLH di mana sebanyak 61% adalah penggunaan domestik dan bakinya 39% adalah penggunaan komersial, industri dan pelancongan. Kapasiti maksimum pengeluaran dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,256 JLH. Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi serta industri.

Untuk tempoh 20 tahun akan datang, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Adalah dijangkakan dalam keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Pada ketika ini, kapasiti maksimum pengeluaran dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,256 JLH. Dari jumlah tersebut, sebanyak dianggarkan sejumlah 3,904JLH digunakan untuk menampung permintaan dari pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan

pembangunan ekonomi serta industri dengan mengambil kira zon penampan sebanyak 10% dalam unjuran permintaan dan pengeluaran bekalan air bersih.

Dalam mengatasi masalah kekurangan air, langkah utama yang diketengahkan adalah pembangunan infrastruktur bekalan air. Pembangunan infrastruktur bekalan air memakan belanja yang tinggi dan setiap sen yang dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur bekalan air akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi.

Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil langkah berhati-hati di dalam menangani masalah kekurangan air. Apatah lagi dalam keadaan hari ini, kebanyakan loji dan rumah pam sekarang berada di tahap pengeluaran yang maksimum malah terdapat loji dan rumah pam yang beroperasi dalam keadaan *overload* (melebihi beban reka bentuk). Keadaan kekurangan bekalan air ini akan diburukkan lagi jika berlaku kejadian-kejadian seperti berikut:-

i) Penutupan loji disebabkan oleh pencemaran sumber air, gangguan bekalan elektrik kerosakan peralatan loji, penyelenggaraan berjadual loji,
ii) Musim kemarau luar biasa yang boleh menjejaskan pengeluaran air dan meningkatkan permintaan air, atau
iii) Kerosakan paip induk yang disebabkan oleh pihak ketiga.

Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pelbagai usaha telah diambil bagi tujuan tersebut. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah melalui Pelaksanaan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), seperti Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor (2007-2012) yang mana antara polisi utama pelan ini adalah ‘Memastikan Air Bersih’ dan ‘Memastikan Air Mencukupi’.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil langkah-langkah persediaan bagi mengatasi masalah krisis bekalan air sekiranya ia berlaku.

Bagi meningkatkan sumber air mentah, Kerajaan Negeri Selangor telah bercadang untuk menggunakan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif. Dengan penggunaan air bawah tanah ini, penggantungan sepenuhnya terhadap air permukaan dapat dikurangkan. Negeri Selangor mempunyai lembangan sungai yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan sebagai sumber air bawah tanah seperti:-

i) Lembangan Sungai Langat;
ii) Lembangan Sungai Bernam; dan
iii) Lembangan Sungai Tengi.

Berpandukan kepada laporan Jabatan Mineral dan Geosains Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada April 2006, kawasan Lembangan Sungai Langat mempunyai luahan selamat (*sustainable yeild)* air bawah tanah sebanyak 45 juta liter sehari.

Kerajaan Negeri mempopularkan penggunaan air bawah tanah ini terutamanya bagi pengguna industri. Dalam mempopularkan penggunaan air bawah tanah ini, Kerajaan Negeri Selangor berkemungkinan akan memberikan insentif kepada mereka yang menggunakan air bawah tanah.

Penggunaan air bawah tanah yang berlebih-lebihan boleh membawa impak sosial, ekonomi dan alam sekitar seperti penenggelaman tanah dan kerosakan infrastruktur. Sehubungan dengan itu, pengawalan yang berterusan adalah perlu bagi mengelakkan penggunaan air bawah tanah yang tidak terkawal. Penggunaan air bawah tanah di negeri Selangor adalah tertakluk kepada kawal selia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

Selain mempopularkan penggunaan air bawah tanah, pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor turut bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah pro aktif bagi memastikan bekalan air sentiasa mencukupi. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Loji Rawatan Air Sg Labu / KLIA Alternative Water Supply Scheme. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 01Jun 2010 dan dijangka siap pada Disember 2011. Melalui projek ini, dapat meningkatkan sumber air sebanyak 105 JLH.

Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Jun 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM285 juta bagi program mitigasi yang dicadangkan untuk dilaksanakan di Selangor. Projek mitigasi ini telah diperakukan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia ke 10 adalah seperti berikut:-

i) Menaik taraf stesen mengepam air mentah dari Sungai Selangor Fasa 1, dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 190 JLH;

ii) Membina Sistem Pam Bernam River Headworks ke kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam, dapat meningkatkan kapasiti air sebanyak 25 JLH; dan

iii) Projek penggantian paip lama bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Langkah-langkah jangka masa panjang yang akan diambil bagi memastikan bekalan air mencukupi bagi rakyat Selangor pada masa hadapan ialah seperti berikut :

i) Menyediakan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai untuk Sungai Klang dan Sungai Langat bagi memastikan perancangan dan pembangunan secara holistik dan mampan dapat dilaksanakan selari dengan kepentingan sumber air dan alam sekitar amnya.

ii) Penyediaan ‘State of the river Report’ untuk Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Klang yang akan diterbitkan setiap dwitahunan sejak tahun 2006. Ia mengandungi maklumat dan data-data terkini mengenai lembangan sungai terutamanya dari aspek pengurusan kuantiti dan kualitinya. Ia juga melibatkan program/tindakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu yang dijalankan bagi pengawalan pencemaran sungai di samping memberi maklumat kepada orang awam akan status sungai di Selangor.

iii) Pengawalan pelepasan air daripada empangan berdasarkan keperluan loji rawatan air di bahagian hilir sungai untuk memastikan kuantiti air sentiasa mencukupi untuk proses rawatan.

iv) Menganjurkan aktiviti kesedaran awam dengan melibatkan komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi memberi pendedahan akan kepentingan pemeliharaan sumber air dan alam sekitar di samping menjamin bekalan air serta mengekalkan kualiti hidup masyarakat sejahtera.

v) Berdasarkan maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), penggunaan per kapita nasional untuk penggunaan domestik bagi Semenanjung Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah 285 liter/orang/hari. Kaedah yang paling efektif untuk menjimatkan penggunaan air adalah dengan mengurangkan kadar permintaan per kapita bagi penduduk di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Penjimatan 20% daripada kadar penggunaan air semasa iaitu daripada 285 liter per kapita ke 228 liter per kapita, ini bermaksud penjimatan yang besar iaitu sebanyak 304 JLH pada tahun 2010 dan 850 JLH pada tahun 2020 daripada jumlah permintaan air sedia ada. Usaha-usaha lebih giat akan dijalankan bagi mengurangkan penggunaan air per kapita.

vi) Mengadakan kajian untuk menggunakan air dari bekas-bekas lombong dan tasik-tasik.

vii) Memastikan empangan-empangan di Selangor adalah selamat daripada aktiviti pencerobohan dan pencemaran, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan kawasan tadahan air di bawah seksyen 48 Enakmen LUAS 199 'Zon Perlindungan' bagi 7 empangan di Selangor. Melalui pewartaan ini, sebarang aktiviti-aktiviti yang berpotensi mengganggu keselamatan dan kualiti air empangan adalah tidak dibenarkan.

viii) Empangan-empangan ini juga telah dikategorikan sebagai Kawasan Keselamatan Kelas 1 dan 2 di mana setiap pihak yang memasuki empangan perlulah melalui tapisan dari Majlis Keselamatan Negeri terlebih dahulu. Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan di kawasan tadahan air empangan juga dijalankan oleh LUAS dengan kerjasama operator-operator empangan bagi mengenal pasti sebarang aktiviti-aktiviti pencerobohan dan pencemaran.

Pada masa yang sama, dalam mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air, Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil maklum akan pelaksanaan Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor yang dijangka akan siap pada tahun 2014. Projek ini telah menelan belanja yang besar dan kerja-kerja di tapak telah mula dilaksanakan. Sekiranya pembangunan infrastruktur bekalan air bagi projek-projek sumber air tambahan lain diberikan fokus utama sebelum terlaksananya projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor, ini kelak boleh mendatangkan pembaziran kerana akan berlaku berlebihan pengeluaran air berbanding permintaan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan perbelanjaan berhemah bagi setiap projek yang dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

173. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Nyatakan perumahan kos rendah yang pernah dibina oleh PKNS sejak ia diwujudkan

b) Apakah usaha PKNS memulihkan serta menyegarkan semula perumahan-perumahan kos rendah yang lama. Senaraikan perumahan-perumahan tersebut dan yang dipulihkan?

JAWAPAN :

a) Rumah kos rendah yang telah dibina oleh PKNS semenjak diwujudkan adalah sebanyak 58,572 unit.

b) PKNS sedang membangunkan projek pembangunan semula yang berperanan sebagai pemangkin kepada aktiviti sosio ekonomi dan bakal mengubah landskap persekitaran yang lebih vibran berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Antara projek-projek yang sedang dibangunkan adalah :-

Projek yang telah dijalankan

i) 336 Unit Rumah Pangsapuri Kos Sederhana Kelana Impian, Kelana Jaya

Projek yang sedang dimajukan

i) 192 Rumah Pangsa Lama Jalan Jelatek, Pusat Bandar Taman keramat.

Projek yang dirancang untuk dimajukan

i) Rumah Pangsa Lama AU 2, Jalan Enggang, Taman Keramat.
ii) Rumah Pangsa Lama, Seksyen 17, Petaling Jaya
iii) Rumah Pangsa Lama Jalan Kuching, Bandar Kuala Lumpur

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : RUMAH EXCO SHAH ALAM

174. Rumah Exco di Shah Alam telah ditukar kepada Rest House Kerajaan Negeri Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah rasional perumahan berkenaan dijadikan Rest House Kerajaan Negeri Selangor?

b) Mereka yang berkategori apakah yang layak menginap di Rest House ini?

c) Setakat ini dengan operasi sebagai Rest House itu adakah menguntungkan kerajaan negeri Selangor atau sebaliknya?

JAWAPAN :

a) Maklum balas sedang disediakan oleh Y.B.Tuan Iskandar bin Abdul Samad

b) Maklum balas sedang disediakan oleh Y.B.Tuan Iskandar bin Abdul Samad

c) Jika dibandingkan dengan kos perkhidmatan berjumlah RM783,000.00 dan hasil sewa kuarters tersebut sebanyak RM17,430.00, Kerajaan Negeri Selangor tidak mendapat keuntungan.

Kos Perkhidmatan daripada Januari 2010 hingga September 2010	RM783,000.00
Hasil Sewa Kuarters daripada Januari 2010 hingga September 2010	RM17,430.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : IKLAN HARAM

175. Didapati banyak iklan haram di kawasan-kawasan PBT yang boleh menjejaskan persekitaran yang ceria dan cantik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan yang dilakukan untuk membendung permasalahan ini?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan tempat khas untuk menggantung atau menampal iklan-iklan tersebut?

JAWAPAN:

a) PBT secara terus meneruskan melaksanakan penguatkuasaan bagi membendung iklan haram. Di antara penguatkuasaan yang dilakukan ialah mengkompaun pesalah – pesalah yang terlibat. Sekiranya kompaun telah melebihi tiga (3) kali, lesen perniagaan mereka boleh dibatalkan. Bagi iklan haram yang berkaitan dengan pemberi pinjam wang tanpa lesen atau ah long, insentif kewangan diberikan kepada pemberi maklumat mengenai aktiviti menampal iklan tersebut dan nombor telefon terlibat akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) untuk dibatalkan. Di samping itu juga pihak PBT melaksanakan kempen menurunkan iklan haram secara gotong-royong di dalam sesuatu komuniti bagi memohon bantuan masyarakat untuk memerangi gejala iklan haram ini.

b) Pada masa ini, PBT telah pun menyediakan tempat-tempat yang sesuai untuk menggantung kain rentang bagi tujuan promosi. Malahan ada sesetengah PBT telah menggunakan paparan multimedia bagi memenuhi tujuan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : LEPTOSPIROSIS

176. Kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan bahaya penularan penyakit Leptospirosis yang dalam tahun ini sahaja telah menyebabkan beberapa kematian. Tikus dan binatang domestik seperti anjing adalah *reservoir* utama bagi bakteria genus leptosipira yang dirembes melalui air kencing haiwan-haiwan ini. Kita bolehlah mengklasifikasikan bahawa Leptospirosis pada amnya adalah masalah alam sekitar dan kesihatan. Dalam hubungan ini, timbul kebimbangan oleh kerana kita dapati kebanyakan kawasan di negeri ini bukan sahaja menjadi tempat pembiakan tikus, bahkan juga anjing-anjing yang disimpan dalam kawasan rumah serta anjing liar dan tidak bertuan yang bukan sahaja membahayakan penduduk tetapi juga sering mencemarkan kawasan dengan najis dan air kencing. Justeru, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan diperlukan untuk sentiasa berusaha mencari pelbagai pendekatan bagi mengatasi kemungkinan-kemungkinan yang boleh menyebabkan penularan penyakit ini.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan bilangan operasi dan program gotong royong membasmi tikus dan anjing liar yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor di sepanjang tahun 2009 sehingga kini.

b) Apakah rancangan yang akan diambil Kerajaan melalui Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam mencegah pembiakan tikus dan penularan penyakit leptospirosis di kawasan-kawasan perumahan dan perniagaan di negeri ini, khususnya di kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan tikus dan anjing liar.?

c) Ingin mengetahui masih adakah perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya oleh Majlis Perbandaran Selayang untuk menangani masalah anjing liar dan anjing tidak bertuan di kawasan-kawasan perumahan DUN Taman Templer. Jika ada, nyatakan kekerapan operasi yang dibuat dalam satu-satu kawasan.

JAWAPAN :

a) Bilangan operasi dan program gotong-royong yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2009 sehingga kini adalah seperti berikut :-

BIL	PBT	OPERASI DAN PROGRAM	
		2009	**2010**
1.	MBSA	• Operasi penangkapan anjing liar dilakukan hampir setiap hari berdasarkan aduan awam dan pemantauan yang dijalankan dari masa ke semasa. Jumlah tangkapan 1,958 ekor. • Majlis tiada menjalankan operasi membasmi tikus secara intensif di mana aktiviti pencegahan lebih ditekankan seperti penjagaan kebersihan premis:- i) Gotong royong : 151 kali	• Operasi penangkapan anjing liar dilakukan hampir setiap hari berdasarkan aduan awam dan pemantauan yang dijalankan dari masa ke semasa. Jumlah tangkapan 1,323 ekor (sehingga September). • Majlis tiada menjalankan operasi membasmi tikus secara intensif di mana aktiviti pencegahan lebih ditekankan seperti penjagaan kebersihan premis:- i) Gotong royong : 123kali (sehingga September) ii) Operasi penangkapan tikus (berdasarkan aduan awan diterima) : 7 aktiviti.
2.	MBPJ	Operasi dan program gotong-royong membasmi tikus dan anjing liar (2009 sehingga kini) adalah seperti berikut:- i) Program gotong-royong membasmi tikus: 40 kawasan. ii) Menjalankan kerja-kerja kawalan raden di semua gerai dan pasar awam Majlis oleh syarikat yang dilantik setiap 4 bulan sekali. iii) Program tangkapan anjing liar: setiap hari di kawasan terdapat aduan awam dan kawasan yang menjadi tumpuan anjing liar seperti lokasi longgokan sampah dan kawasan semak-samun. Sepanjang tahun 2009 hingga kini sebanyak 3932 ekor anjing liar telah berjaya ditangkap.	

3.	MPSJ	Bilangan operasi dan program gotong-royong membasmi tikus dan anjing liar yang telah dilaksanakan oleh MPSJ sepanjang tahun 2009 sehingga September 2010 ialah sebanyak 74 operasi bagi tikus dan 282 operasi penangkapan anjing liar.	
4.	MPKj	Pihak Majlis telah melantik kontraktor "*Pest Control*" bagi mengatasi masalah tikus. Selain daripada itu Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat juga memainkan peranan dalam membasmi masalah penyakit leptospirosis. Pada masa yang sama sepanjang tahun 2009 sebanyak 141 aktiviti gotong-royong pembersihan kawasan telah dijalankan. Manakala sehingga Oktober 2010 sebanyak 128 aktiviti gotong-royong telah dijalankan.	
5.	MPS	Bilangan gotong royong yang dijalankan daripada tahun 2009-2010 adalah sebanyak 20 kali. Operasi anjing liar dijalankan setiap hari mengikut aduan yang diterima di dalam kawasan Majlis Perbandaran Selayang ,	
6.	MPK	• Sebanyak 181 gotong-royong telah diadakan (Sekolah, JKKK Kampung, NGO, Surau dan Kuil)	• Sebanyak 159 gotong-royong telah diadakan (Sekolah, JKKK Kampung, NGO, Surau dan Kuil)
7.	MPAJ	• Operasi penangkapan tikus: 1,466 ekor. (Di sekitar kawasan Tmn Cahaya, Tmn Cempaka, Pandan Perdana, Cheras Indah, Tmn Maju Jaya dan Tmn Kencana). • Operasi penangkapan anjing liar: 1,497 ekor.	• Operasi penangkapan tikus: 1,725 ekor (sehingga Oktober 2010 di kawasan Pandan Jaya, Pandan Indah, Tmn Kosas, Tmn Rasmi Jaya, Tmn Bkt Indah, Tmn Dagang, Tmn Nirwana, Tmn Muda, Tmn Seraya, Tmn Putra, Bkt. Permai, Tmn Permata, Flat Dato' Ahmad Razali dan Pekan Ampang). • Operasi penangkapan anjing liar: 988 ekor (sehingga September).
8.	MPSp	TIADA OPERASI DIJALANKAN	
9.	MDKS	TIADA	
10.	MDSB	Tiada menjalankan sebarang operasi atau program gotong royong khusus bagi membasmi tikus dan anjing liar. Operasi yang telah dijalankan adalah menembak anjing liar berdasarkan kepada aduan yang diterima daripada orang awam	
11.	MDHS	MDHS menjalankan 74 program gotong-royong bagi mengatasi masalah anjing liar dan tikus.	

12.	MDKL	Operasi dan program gotong-royong membasmi tikus dan anjing liar (2009 sehingga kini) adalah seperti berikut:- i. Operasi Anjing: 210 kali ii. Operasi Tikus: Tiada

b) Bagi menangani dan mencegah penularan penyakit leptospirosis, Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

i. Memastikan kutipan sampah dan pembersihan kawasan di kawasan perumahan dijalankan oleh pihak AFSB mengikut jadual yang telah ditetapkan.
ii. Menjalankan pemeriksaan terutamanya di premis makanan dan restoran bagi memastikan premis-premis ini bersih, bebas dari sebarang rodensia serta mendapatkan khidmat '*pest control operator'* yang berlesen dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak.
iii. Memperbanyakkan promosi kesihatan mengenai masalah kesihatan yang dikenal pasti dikaitkan dengan tikus kepada orang ramai.
iv. Menjalankan operasi penangkapan anjing liar secara berkala
v. Memperbanyakkan promosi kesihatan terhadap pemilik anjing berlesen tentang keperluan penjagaan sanitasi haiwan peliharaan mereka dengan sebaiknya.
vi. Memperbanyakkan operasi penangkapan tikus sama ada melalui pemasangan racun atau perangkap.
vii. Memusnahkan habitat tikus dan memusnahkan anjing liar.

c) Operasi sentiasa dijalankan setiap hari mengikut aduan yang diterima daripada penduduk di kawasan tersebut tidak kira siang atau malam, jika terdapat masalah yang berkaitan anjing liar Unit Haiwan Liar dari jabatan kesihatan akan membuat tangkapan di kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK : PERUNTUKKAN MESRA RAKYAT DUN-DUN

177. Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor?

a) Di bawah peruntukkan mesra rakyat KHASNYA untuk DUN Morib ke manakah perbelanjaan tersebut di salurkan dan siapakah yang diberi tanggungjawab menguruskan perbelanjaan tersebut?

b) Apakah program-program mesra rakyat yang telah dilaksanakan pada tahun ini sehingga Oktober 2010. ?

JAWAPAN:

a) Perbelanjaan Peruntukan Mesra Rakyat adalah berdasarkan kepada empat (4) kategori yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 1 Tahun 2010 : Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor. Bagi DUN Morib, Y.B. Dato' Dr. Hassan Bin Mohamed Ali selaku Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang menjaga kawasan tersebut telah melantik Haji Hasnul Bin Baharuddin sebagai Pengurus Pusat Khidmat DUN Morib Kerajaan Negeri Selangor, bagi mengurus perbelanjaan Peruntukan Mesra Rakyat DUN Morib. Butiran berkenaan perbelanjaan bagi tujuan tersebut adalah seperti di Lampiran A.

b) Program – program Mesra Rakyat yang telah dilaksanakan pada tahun ini sehingga Oktober 2010 adalah seperti di Lampiran A.

LAMPIRAN A

PERUNTUKAN ADUN MORIB 2010

TARIKH PERMOHONAN	NAMA KONTRAK / PEMBEKAL (CEK)	PERIHAL / PROGRAM	AMAUN (RM)	NO.LO (INDEN)	TARIKH BAUCAR	NO BAUCAR	NO CEK & TARIKH
27.1.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Peruntukan Adun 2010 Tabung wang pendahuluan Tabung wang pendahuluan	30,000.00	-	27.1.2010	PMKL M1/10	600916/27.1.2010
28.2.2010	-	-	-	-	-	-	-
1.3.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Noorsaifa bt Sapajan	1,000.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
"	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Nazli B.Tarives	3,000.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
"	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Mohd Zulkifli B Mohd Atan	100.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
"	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Zainab b. Nordin	250.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat	Sumbangan kepada Ustazah Amnah	500.00	-	8.3.2010	PMKL	600917/8.3.20

	Masyarakat Dun Morib	bt Ali				M2/10	10
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada Norhayati bt Idris	300.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada Thilagawathy a/p Tiruganam	100.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada Alawiyah bt Hashim	500.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada surau Darus Saadah	5,000.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Fatimah bt Samin	200.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan tunai kepada Joseph a/l K. Santiago	500.00	-	8.3.2010	PMKL M2/10	600917/8.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Kerja -kerja membina pembentung bulat di Kampung Keliki, Jalan Morib, Kuala Langat	19,100.00		19.3.2010	PMKL M3/10	600918/19.3.2010
	Medan Dagang	Kerja-kerja memcuci parit di Kampung Kelik, Jalan Morib, Kuala Langat	7,500.00		19.3.2010	PMKL M4/10	600919/19.3.2010
	Medan Dagang	Kerja-kerja membina satu unit pondok menunggu di hadapan Sk Kanchong Tengah	9,840.00		19.3.2010	PMKL M5/10	600923/19.3.2010

30.3.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Tabung wang pendahuluan	9,110.00		30.3.2010	PMKL M6/10	600920/30.3.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program mesra rakyat	8,000.00		30.3.2010	PMKL M7/10	600921/30.3.2010
1.4.2010	Maaz Dynamic Ent	Kerja-kerja membina satu unit pondok menunggu di hadapan Sk Kanchong Tengah	9,840.00		6.4.2010	PMKL M8/10	600923/6.4.2010
	MMT Bina Jaya	Membaiki tempat yang rosak (patching) menggunakan premix dilorong Kurau Kampung Bandar	10,000.00		15.4.2010	PMKL M9/10	600924/15.4.2010
	MNS Indah Ent	Kerja-kerja menurap jalan (premix) di jalan Kolam Udang, Kg Bandar (250mx 3.5m)	19,700.00		15.4.2010	PMKL M10/10	600925/15.4.2010
19.4.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bayaran pendahuluan peruntukan DUN Bengkel Smart Learning bagi calon-calon peperiksaan SPM dan PMR di DUN Morib bertempat di Dewan Sri Jugra Telok Datuk pada 21-Mar-10	10,000.00		19.4.2010	PMKL M11/10	600926/19.4.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bayaran Pendahuluan Peruntukan DUN 1. Abdul Rahim bin Ibrahim - 1.350,00 2. Siti Hafizah bt Jamil - 1,520.00 3. Othman bin Dol - 1,000.00 4. Ananthan a/l Madaiallagan 500.00 5. Malayalam a/l Muthusamy - 500.00 6. Mohammad Hamdan b. Sapar - 5,000.00	10,470.00		19.4.2010	PMKL M12/10	600926/19.4.2010

		7. Vanita a/l Sandrakanclam - 100.00 8. Kamarulzaman b Ismail - 500.00					
27.4.2010	Naluri Infra Ent	Membina pagar dan kerja lain yang berkaitan di Pusat Jalur Lebar Komuniti, Kanchong Darat, Kuala Langat	9,854.00		27.4.2010	PMKL M13/10	600927/27.4.2010
17.5.2010	Kejuruteraan Teras Utama Sdn Bhd	Kerja-kerja penambahan dibangunan dan di sekeliling kawasan pasti Darul Muttaqin	17,982.50	N/30/2010	17.5.2010	PMKL M14/10	600928/17.5.2010
	Kejuruteraan teras Utama Sdn Bhd	Kerja-kerja membekal,menimbus,menambah dan meratakan batu crusher run setebal 50mm dikawasan Pasti Darul Muttaqin	8,049.25	N/29/2010	17.5.2010	PMKL M15/10	600929/17.5.2010
20.5.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bayaran pendahuluan peruntukan Ahli Dewan Negeri sumbangan untuk masyarakat Cina Dun Morib dibayar kepada Ng Cheng Kang	4,900.00		17.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program kebudayaan Tahun 2010 dibayar kepada Bathmanathan a/l Muthusamy	500.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan am kepada Ramlan B. Abd Rahman	50.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan sempena Hari Sukan Madrasah Ihya Al Ahmadi dibayar kepada Mohd Sukri b. Noorusdeen	300.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010

	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan bantuan kecemasan kepada Roszurina bt A.Rahim	100.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan masyarakat PIBG Sr Islam Al Taqwa Bkt Changgang	500.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan warga Usia Emas Pkt Dun Morib di Dewan Masyarakat di Kg Kanchung Tengah	565.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan program ponggal dibayar kepada Vannirselvam a/l Ganesan	2,000.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan sempena Pertandingan bolasepak JKKK Kg Tali Air/Morib	2,000.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Hai Anak Siri II dibayar kepada Mohamad Hamdan bin Sapar	10,000.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Kuliah Dhuha mingguan dibayar kepada Hj Safiee Bin Harun	2,020.00		20.5.2010	PMKL M16/10	600931/20.5.2010
10.6.2010	ASZS Resources	Kerja-kerja memindahkan kabin Kabin RELA di Pengkalan Nelayan Kampung Kelanang No.Inden N/38/2010(N)	4,400.00	N/38/2010	4.8.2010	PMKL M17/10	600933/4.8.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Pembelian Singboard lorong 30'x8"	1,750.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat	ProgramPenghayatan Islam JKKK	1,000.00		4.8.2010	PMKL	600932/10.6.2

	Masyarakat Dun Morib	Daerah Kuala Langat				M18/10	010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Pertandingan Ping Pong tertutup Kuala Langat anjuran Briged Amal Selangor	2,000.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program sumbangan warga usia emas peringkat DUN Morib di Kampung Morib/Taliair	570.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Tahsin solat Masjid Al-Azim Kampung Kelanang	2,000.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Kem Tahsin Ibadah anjuran Pusat Khidmat DUN Morib dan Masjid Kg Permatang Pasir	3,500.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Hari Keluarga JKK Kampung Sg Buaya	300.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Hari Anak anjuran SMK Sg Manggis	500.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program gotong-royong Sk Kg Bandar	300.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sambutan Tahun Baru Sithirai dan sumbangan murid UPSR anjuran kuil Sri Perumal	1,300.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Kem Kecemerlangan Sosial anjuran Overseas Academy Tour UNISEL	300.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010

10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan pembelian Komputer Laptop	500.00		4.8.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan untuk aktiviti bagi SRA An Nur Kanchung Tengah	500.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Dana kelas tambahan dan program latih tubi Sk dan SRA Sg Buaya	900.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sewaan mesin fotostet	2,141.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sambutan Hari Guru Sek.Agama JAIS Kuala Langat 2010	1,000.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan bumbung zink kepada JKKK Kanchong Darat	2,000.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Pembelian mesin RISO oleh Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan teknologi Istana Bandar	3,000.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan perubatan kepada Ramayee a/p Chwalinggam	200.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Kem Tahsin Ibadah anjuran Pusat Khidmat Masyarakat DUN Morib,Persatuan Pelajar Islam dan PIBG SMK Jugra.	3,500.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010

10.6.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan untuk PERKIM Banting	200.00		10.6.2010	PMKL M18/10	600932/10.6.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program sehari Ceria Bersama Rakyat MPP Zon 16	3,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan bayaran caj sambungan ke sesalur utama	1,650.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan bayaran caj sambungan ke sesalur utama	3,300.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan perubatan kepada Nongah bt Johari	500.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada PIBG SJK© Tiong Nam Sg Buaya	3,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada PIBG SJK© Simpang Morib	3,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Pertandingan badminton pasukan Tamil Mix K.Langat	1,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program karnival masjid dan keluarga sakinah pejabat Agama Islam Kuala Langat	2,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat	Pusat Asuhan Tunas Islam sempena Hari Guru	500.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010

	Dun Morib						
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program kuliah dhuha bulan april 2010 anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	2,020.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Pertandingan Badminton Komuniti Dun Morib 2010 anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	5,000.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program sehari bersama ulama Ustaz Yusuf b. Embong anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	1,710.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program tusyien tahap 1& 2 bahasa inggeris 2010 Kampung Morib dan Tali Air	1,680.00		4.8.2010	PMKL M19/10	600934/4.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Kerja-kerja dibangunan Pasti As-Syafie, Jln Masjid Kanchong Darat	18,200.00		4.8.2010	PMKL M20/10	600934/4.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program pesta AADI Pantai Morib anjuran Persatuan Kaum Komuniti India Morib & Simpang Morib dan MPP Zon 15	7,000.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program Ihya Ramadhan 2010 anjuran Badan Dakwah dan Tarbiah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar	2,500.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sukaneka Tadika Bestari	300.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010

23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan pelajaran kepada Ananthakumar a/l Thavarajan	500.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan am kepada En.Ali Suffyan	200.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan perubatan kepada Muhammad Nazreen Zaidi	300.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan untuk membeli cermin mata anak Fatwi Fadhilah Bt Md Nasri	200.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada masjid-masjid di Dun Morib Orang Miskin dan anak-anak yatim 11 buah masjid	20,000.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Pertandingan futsal anjuran JKKK Kg Kanchung Darat dan Pusat Khidmat Dun Morib	1,000.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program penyampaian SMUE fasa 2 di Dewan Kanchong Darat	600.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
23.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program mendekati masyarakat India Kg Serdang Belah Sg Buaya anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	2,500.00		23.8.2010	PMKL M21/10	600935/23.8.2010
4.8.2010	Pusat Khidmat Masyarakat	Kerja-kerja menurap premix di Tapak Bazar Ramadhan	15,000.00			PMKL M20/10	600/4.8.2010

	Dun Morib	Kanchong Darat					
20.9.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pusat Kidmat Masyarakat Dun Morib pembekal.Genuine Identity Enterorise	20,000.00	AB935500	20.9.2010	PMKL M22/10	600936/20.9.2010
15.10.2010	JMORI Enterprise	Kerja-kerja mengganti bumbung dan kerja lain berkaitan untuk mangsa ribut di Taman Muhibbah Kelanang	7,500.00		15.10.2010	PMKL M23/10	
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bayaran untuk banner-banner program Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib.Pembekal : FNA Resource	1,165.000	AB936107	15.10.2010	PMKL M24/10	600938/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Membiayai kos pengangkutan membawa anak-anak yatim dan petugas dari rumah anak yatim Sg Manggis ke Hotel Concord Shah Alam	500.00	AB936106	15.10.2010	PMKL M25/10	600938/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program sumbanga sempena perayaan Deepavali tahun 2010 anjuran Pusat Khidmat Rakyat Dun Morib	8,750.00	AB936105	15.10.2010	PMKL M26/10	600938/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan vest dan bantuan kepada enYusman b. Birin	1,740.00	AB936104	15.10.2010	PMKL M27/10	600938/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Membekal dan memasang penghawa dingin split jenama media IHP untuk Pusat Khidmat Dun Morib. Pembekal:Perniagaan Sri Makmur	1,000.00	AB936103	15.10.2010	PMKL M28/10	600938/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat	Sumbangan kerusi roda kepada	380.00	AB9361	15.10.201	PMKL	600938/15.10.

	Masyarakat Dun Morib	Endon bt Abd Latif		02	0	M29/10	2010
15.10.2010	IMTIAZ System Dun Morib	Bayaran untuk banner Salam Ramadhan dan Salam Aidilfitri Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib.	1,320.00	AB936101	15.10.2010	PMKL M30/10	600940/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada Surau al Falah Banting untuk program 3 hari berbuka puasa	1,500.00		15.10.2010	PMKL M31/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program tadarus muslimat Dun Morib	300.00		15.10.2010	PMKL M32/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program sempena menyambut Ramadhan	300.00		15.10.2010	PMKL M33/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan perubatan kepada En.Gopala Krishnan a/l Subramaniam	100.00		15.10.2010	PMKL M34/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada DAP Cawangan Banting	300.00		15.10.2010	PMKL M35/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada PIBG SJK© Choong Hua	3,000.00		15.10.2010	PMKL M36/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Aktiviti Persatuan Kompang Taman Kemuning	1,800.00		15.10.2010	PMKL M37/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat	Program motivasi guru-guru SMK	500.00		15.10.201	PMKL	600941/15.10.

	Masyarakat Dun Morib	Sg.Manggis			0	M38/10	2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Bantuan perubatan kepada See Su Feng	300.00		15.10.2010	PMKL M39/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Sumbangan kepada JKKK Kg Banting untuk kecerian Dewan Komuniti	7,600.00		15.10.2010	PMKL M40/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	Program berbuka puasa dan penyampaian Sijil Tawas dan SMUE anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Morib	3,500.00		15.10.2010	PMKL M41/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pekerti Enterprise	Kerja membekal dan mendirikan pagar dawai rangkai S.W.G No.12 ditapak kubur kaum India, Simpang Morib	5,100.00		15.10.2010	PMKL M42/10	600941/15.10.2010
15.10.2010	Pure Spring Sdn Bhd	Membina tiang gol bola sepak dan penghadang keselamatan di padang Awam Taman Damai Simpang Morib	14,900.00		15.10.2010	PMKL M43/10	600941/15.10.2010
		JUMLAH	393,906.75				

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PEMBALAKAN HARAM

178. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008 berkenaan pembalakan haram, muka surat 52: "Pada pendapat Audit, pelaksanaan penguatkuasaan oleh JPNS tidak memuaskan kerana tidak mengikuti sasaran jadual rondaan yang telah ditetapkan".

Laporan Ketua Audit muka surat 51 menyatakan: "Kecurian kayu balak daripada aktiviti pembalakan haram mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan seperti premium, royalti dan ses".

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 63, Para 3.5.1.2 (b): "Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah membentangkan kertas kerja kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 10 April 2009 menentukan bentuk tindakan yang akan diambil. Jabatan terus meningkatkan kawalan supaya penerokaan baru tidak berlaku".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah anggaran kerugian kepada Kerajaan Negeri di segi premium, royalti dan ses di seluruh negeri Selangor akibat aktiviti pembalakan haram ini?

b) Apakah langkah-langkah yang disyorkan oleh Jabatan dalam kertas kerja yang dikemukakan kepada MTES bagi mengatasi kelemahan ini?

c) Apakah bentuk-bentuk tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri serta hasil-hasil yang telah dicapai sepanjang tahun 2009 dan 2010?

JAWAPAN :

a) Menerusi langkah kawalan yang lebih bersepadu dilaksanakan pada tahun 2009, jumlah kerugian dari segi premium, royalti dan ses hanyalah sebanyak lebih kurang RM18,000.00 berbanding dengan lebih kurang RM100,000 pada tahun 2008.

b) Langkah-langkah yang disyorkan dan dipersetujui oleh MMKN ialah seperti berikut :-

   i) JPNS mengkaji kawasan-kawasan penempatan/ kampung, projek-projek kerajaan dan Lesen Pendudukan Sementara (TOL)yang telah di keluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah dalam HSK bagi tujuan pertimbangan MMKN sama ada diwarta keluar dari HSK atau diambil tindakan undang-undang.

ii) Bagi kawasan penerokaan haram / pendudukan tanpa kebenaran, JPNS mengambil tindakan penguatkuasaan seperti berikut:

- memusnahkan tanaman.
- merobohkan binaan dan infrastruktur.
- menahan jentera, kenderaan dan peralatan kerja.
- merobohkan infrastruktur pertanian antaranya kolam, kandang/reban ternakan.
- menangkap individu yang menduduki hutan simpan tanpa kebenaran.
- mengkompaun atau mendakwa di mahkamah individu terbabit mengikut jenis kesalahan hutan yang dilakukan.

i) Sekiranya kawasan-kawasan penerokaan haram / pendudukan Tanpa kebenaran diluluskan Permit Penggunaan maka hendaklah dikenakan had tempoh masa tertentu bagi membolehkan kawasan ini di hutan semula setelah tempohnya tamat.

ii) Bagi pembalakan haram, tindakan tanpa berkompromi akan diambil mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 termasuk mendakwa pihak terbabit untuk dikenakan hukuman berat iaitu denda dan hukuman penjara.

c) Kerajaan Negeri melalui JPNS telah melaksanakan Operasi Penguatkuasaan dan Pemulihan Hutan di Hutan Simpan Raja Musa di kawasan seluas lebih kurang 1,000 hektar yang dilaksanakan dengan kerjasama NGO dan orang awam pada tahun 2009.

Dua(2) buah kilang papan haram telah disita di Kajang kerana kesalahan beroperasi tanpa lesen dan memiliki kayu balak tanpa dijelaskan royalti. Kedua-dua pemilik kilang telah didakwa di Mahkamah Majistret Putrajaya dan dikenakan denda sebanyak RM4,000 setiap seorang. Salah seorang dari pesalah ini juga didakwa oleh SPRM kerana cuba menyogok pegawai JPNS dan telah dikenakan hukuman penjara.

Pada hujung tahun 2009, JPNS dan Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor telah berjaya mengesan pembalakan tanpa kebenaran di kawasan Tanah Kerajaan di Batang Kali dan tindakan menahan jentera dan kompaun telah dikenakan kepada pelaku kesalahan. Pesalah dalam kes ini juga didakwa oleh SPRM kerana cuba menyogok pegawai JPNS dan telah dikenakan hukuman penjara.

Pada bulan Ogos, 2010, seramai lima orang pendatang asing telah ditangkap kerana kesalahan mengambil kayu bakau dalam Tanah Kerajaan di Daerah Klang tanpa kebenaran dan mereka telah didakwa di Mahkamah Majistret Klang dan dikenakan hukuman penjara antara 10 sehingga 11 bulan di samping bot-bot berserta injin sangkut mereka dilucuthak. Mulai 25 Oktober, 2010, Operasi Penguatkuasaan dan Pemulihan Hutan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dijalankan di kawasan seluas 1,000 hektar di mana tindakan ini di jangka akan mengambil masa setahun untuk disiapkan.

Operasi-operasi yang bakal dijalankan oleh JPNS ialah di Hutan Simpan Bukit Tarek (Kg. Sungai Kerandang), Hutan Simpan Sungai Buloh (Tropicana) dan kawasan terokaan haram lain dalam HSK lain anggaran berjumlah 1,000 hektar dalam program penguatkuasaan JPNS 2010 serta akan menjangkau Rancangan Malaysia Ke10 dengan mengambil kira kekangan tenaga dan kos JPNS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : EKO-PELANCONGAN

179. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar dan strategi kerajaan dalam pembangunan pelancongan berdasarkan alam sekitar, kebudayaan dan pertanian?

b) Senaraikan perbelanjaan mengikut perkara bagi sektor eko-pelancongan dalam tahun 2009.

c) Apakah rancangan dan peruntukan untuk pembangunan eko-pelancongan di Daerah Hulu Langat?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor telah jelas terhadap usaha-usaha pengembangan dan pembangunan sektor pelancongan terutamanya yang berteraskan alam sekitar, kebudayaan dan pertanian. Sehingga kini, ketiga-tiga sub-sektor ini merupakan antara penekanan utama oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada sumber semulajadi dan keadaan ekonomi semasa negeri.

Bagi alam sekitar, di Selangor sendiri mempunyai begitu banyak tarikan alam semulajadinya seperti hutan simpan, air terjun, hutan paya bakau, taman-taman rimba dan beberapa tarikan lain. Oleh sebab itu, atas kepentingan memelihara alam semulajadi, beberapa kawasan seperti Zoo Negara, Hutan Lipur Kanching, Chongkak Park Resort, Bukit Fraser, Hutan Lipur Sungai Tekala, Sungai Selangor, Empangan Batu, Ampang Look Out Point, Taman Rimba Komanwel dan beberapa kawasan yang lain dikekalkan sebagai daya tarikan semulajadi. Ia dikekalkan di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sebagai Hutan Simpan Kekal. Strategi Kerajaan negeri ialah bagi mengekalkan biodiversiti di samping terus menjadi daya tarikan pelancong.

Selain itu, beberapa pendekatan baru seperti pengekalan sebagai tapak warisan semulajadi melalui penyenaraian di bawah UNESCO juga sedang dibuat. Ini melibatkan kajian terhadap Permatang Kuartza Bukit Tabur, Melawati yang dianggap berpotensi oleh kumpulan kajian dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang bekerjasama bersama-sama Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pelancongan. Hutan Simpan Air Hitam di Puchong juga telah melalui fasa perubahan melalui pembukaan Putra Science Park oleh Universiti Putra Malaysia. Ia bukan sahaja sebagai lokasi dan sumber kajian semata-mata malah telah mula menjadi tarikan kepada pengunjung. Ia sangat berpotensi menjadi salah satu lokasi sumber alam semulajadi yang boleh diketengahkan melalui konsep *edu-tourism* (pelancongan pendidikan).

Begitu juga dengan beberapa tarikan lain seperti Taman Alam Kuala Selangor, Kelip-Kelip Kampung Kuantan, FRIM dan Sungai Selangor. Taman Alam telah saban tahun menjadi lokasi kepada berlangsungnya acara Pesta Sayap sempena penghijrahan burung antarabangsa. Kelip-Kelip Kampung Kuantan telah mencetuskan ilham kepada wujudnya program Simposium Firefly, FRIM kekal menjadi sumber rujukan terbaik habitat dan spesies tumbuhan di Malaysia dan Sungai Selangor pula telah mula membuka mata pengunjung dalam dan luar Negara untuk merasai cabaran dalam aktiviti *tubing* dan *rafting*. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa dasar dan strategi oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seimbang. Dalam menarik kemasukan pelancong dan pengunjung, pengekalan alam semulajadi sentiasa dititiberatkan. Ia berupaya mengekalkan biodiversiti dan habitat semulajadi dan pada masa yang sama mampu menjadi sumber rujukan, tarikan dan menjana pendapatan kepada anggota masyarakat.

Bagi kebudayaan, Selangor sedang mengorak langkah kepada pengembangan aktiviti seni dan budaya terutama di kalangan masyarakat. Beberapa dasar dan strategi utama telah mula dilaksanakan. Antara dasar dan strategi yang digariskan ialah penerapan nilai budaya di kalangan masyarakat, membudayakan seni persembahan teater dan bekerjasama dengan penggiat seni. Ketiga-tiga dasar dan strategi ini diterjemahkan ke dalam aktiviti dan program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor dan disokong oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Selangor. Sebagai contoh melalui pembinaan Teater Diraja Selangor dan aktiviti teater rakyat yang mencerminkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri Selangor dalam merangka dan membangunkan industri pelancongan yang berteraskan kebudayaan.

b) Tiada sebarang peruntukan khusus bagi sektor eko-pelancongan di bawah peruntukan pembangunan pelancongan negeri Selangor. Namun begitu, bagi tahun 2009 dan 2010, beberapa projek kecil telah dilaksanakan mengikut pecahan seperti berikut:-

Tahun 2009:-

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Agensi Pelaksana
1	Membina dan menyiapkan 2 unit sistem penapisan tandas Chongkak Park Resort	14 400.00	TSSB
2	Membina semula bangunan Astaka, Hutan Lipur Kanching	9 850.00	TSSB
3	Kerja pemotongan dan pembersihan 2 pokok hutan, Hutan Lipur Kanching	3 125.00	TSSB
4	Menyelenggara 1 unit sistem tangki penapisan tandas Astaka,Chongkak Park Resort	6 850.001	TSSB
5	Membina 4 unit gerai di Hutan Lipur Kanching dan landskap di Taman Rimba Komanwel	460 000.00	TSSB
	JUMLAH	**494 225.00**	

Tahun 2010:-

Bil	Nama Projek	Kos (RM)	Agensi Pelaksana
1	Kerja-kerja Meroboh dan Membina Semula 2 unit Chalet dan Membina 1 unit Tandas di Chongkak Park & Resort, Hulu Langat, Selangor.	569 160.62	TSSB
2	Kerja-kerja menaiktaraf bumbung dan ruang makan di Gerai Makan Hutan Lipur Kanching, Rawang, Selangor.	28 075.00	TSSB
3	Kerja-kerja Membaikpulih Satu Unit Wakaf di Chongkak Park & Resort (CPR), Hulu Langat.	1 650.00	TSSB
4	Kerja-kerja Mengecat Garisan Tempat Letak Kereta di Hutan Lipur Kanching (HLK).	2 480.00	TSSB
5	Kerja-kerja Membekal dan Memasang 49 unit Papan Tanda di Chongkak Park & Resort	26 600.00	TSSB
6	Kerja-kerja Membekal dan Memasang 14 unit Papan Tanda di Chongkak Park & Resort	7 080.00	TSSB
7	Kerja-kerja Penebangan Pokok-pokok Kayu, Pemotongan Dahan Kayu, Memotong, Menyusun dan Membersihkan Kawasan Penebangan di Chongkak Park & Resort	15 000.00	TSSB

c) Pembangunan pelancongan di daerah Hulu Langat adalah satu proses yang berterusan seperti juga di daerah-daerah yang lain di negeri Selangor. Justeru itu, dengan mengambil kira kelebihan dan produk-produk pelancongan sedia ada di daerah tersebut, pembangunan khususnya kepada sektor eko-pelancongan akan menjadi antara tumpuan utama. Secara faktanya, daerah Hulu Langat merupakan antara daerah yang kaya dengan sumber alam semulajadi yang sangat berpotensi. Malah ada di antaranya telah pun dikenali ramai seperti Chongkak Park Resort, Hutan Lipur Sungai Tekala, Hutan Lipur Sungai Tua, Ampang Look Out Point dan Taman Rimba Templer.

Pelbagai rancangan telah disusun meliputi aktiviti promosi dalam dan luar negara serta melalui program menaik taraf produk-produk pelancongan negeri Selangor. Bagi sepanjang tahun 2009 dan 2010, promosi terhadap beberapa produk eko-pelancongan telah dilaksanakan melalui penyertaan di pameran dan promosi pelancongan dalam dan luar negara. Antaranya ialah seperti di Arabian Travel Mart, JATA, World Travel Mart London dan beberapa promosi lain. Promosi ini walau bagaimanapun tidak tertumpu kepada produk-produk di daerah Hulu Langat sahaja, tetapi turut meliputi promosi bagi semua produk pelancongan berpotensi di negeri Selangor. Promosi dalam negara juga turut tidak ketinggalan antaranya ialah melalui Selangor Discovery Fam Tour (2009) dan Selangor Shines Fam Tour (2010) yang antara lain memberi pendedahan dan liputan di kalangan pengamal media tempatan dan antarabangsa terhadap produk-produk pelancongan berpotensi untuk diterokai di negeri Selangor termasuk di daerah Hulu Langat.

Selain itu, melalui program menaik taraf produk pelancongan negeri Selangor, terdapat beberapa projek yang telah dan akan dilaksanakan bagi tahun 2009 dan 2010. Antaranya ialah projek menaik taraf kemudahan di Chongkak Park Resort. Ia meliputi projek membaik pulih wakaf, Astaka, laluan masuk, sistem saliran, tandas awam dan beberapa pembaikan kecil lain. Bagi tahun 2010, Hutan Lipur Sungai Tekala telah menerima peruntukan bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf kemudahan di kawasan berkenaan. Bagi tahun 2011, beberapa projek lain telah dirancang akan dilaksanakan seperti membaik pulih resort dan chalet di Chongkak Park Resort untuk memanjangkan jangka hayat produk sedia ada berikutan sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : TV SELANGOR

180. TV Selangor sepatutnya berperanan menyampaikan maklumat – maklumat penting seperti program-program kerajaan negeri kepada pihak akar umbi di samping menjadi saluran media yang bertanggungjawab bagi menjawab tohmahan-tohmahan yang di lemparkan oleh pihak pembangkang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah satu kajian terperinci di buat untuk mengukur sejauh mana keberkesanan TV Selangor dalam menjalankan amanah ini ?

b) Berapakah kos yang telah di belanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai operasi TV Selangor dan adakah ianya berbaloi ?

JAWAPAN :

a) Oleh kerana TV Selangor pada sifatnya adalah media internet, maka ia memang mempunyai sistem pemantauan capaiannya tersendiri yang dipanggil *Content Management System* atau CMS. Melalui sistem ini setiap hit yang menggunakan Internet Explorer akan direkodkan masa, dan daripada sumber hit itu.

Sehingga 25 Oktober lalu, jumlah hit yang dirakamkan oleh CMS sejak satu Oktober ialah lebih 15.4 Juta hits. Rekod hits TV Selangor sepanjang tahun ini ialah

Januari:	5.14 juta	Julai:	12.5 juta
Februari:	10.5 juta	Ogos:	8.33 juta
Mac:	13.8 juta	September:	8.04 juta
April:	18.6 juta	Oktober:	15.4 juta
Mei:	9.98 juta		
Jun:	8.22 juta		

Yang menariknya dalam soal capaian internet bagi sesebuah *website* atau blog ialah catatan Unique Visitors. Ini akan memberi gambaran jumlah berapa ramai pengunjung baru dan bukan pengunjung berulang. Setakat penghujung Oktober dari awal tahun ini, TVSelangor mencatatkan 843,871 pengunjung unik. Apabila disilang semak dengan sistem pemantauan bebas seperti Alexa adalah didapati lebih 92 peratus daripada hits berkenaan bersumber dari dalam Negara. Justeru maklumat berhubung dasar dan keputusan kerajaan negeri memang sampai kepada khalayak sasaran; iaitu rakyat yang celik IT. Bagaimanapun setiap bahan maklumat berhubung kerajaan negeri yang dihimpunkan oleh TVSelangor tidak berakhir dengan siaran dalam web sahaja. Ia

diulang-sunting dan disiarkan di khalayak ramai seperti dalam sesi Layar Rakyat yang mula dipergiatkan di seluruh negeri. Ini memberi peluang kepada rakyat yang tiada akses kepada IT untuk mendapatkan maklumat yang disebarkan. Maklumat yang dipaparkan juga diolah dalam bentuk surat siaran atau “flyers” seperti dalam isu mengembalikan hak air kepada rakyat. Maklumat ini ditokok bahan dan disebarkan menggunakan medium cetak dalam bentuk Selangor kini. Pengolahan bahan bagi menyebarluaskan maklumat berhubung inisiatif, dasar dan juga tindakan kerajaan negeri demi kesejahteraan rakyat juga dibuat secara pelbagai oleh TV Selangor. Ia dipersembahkan dalam bentuk berita, rencana, temubual eksklusif dan juga ada kalanya secara langsung.

c) Seperti disebut sebelum ini, bahan berhubung kerajaan negeri yang dikumpulkan oleh TVSelangor diproses dan dipersembahkan dalam banyak format – web, cetakan, flyers, cd. Sebagai sebuah medium kontemporari sudah pasti penyebarannya adalah lebih meluas daripada cara konvensional seperti akhbar sahaja.

Sehubungan itu, jumlah kos yang telah dibelanjakan untuk TVSelangor amat sukar untuk diceraikan daripada kos keseluruhan aktiviti media yang dijalankan oleh Communication Corporation Sdn Bhd atau CCSB. Namun sebagai perbandingan, nisbah biaya untuk aktiviti media ini adalah kira-kira 30 peratus daripada keseluruhan bajet CCS atau kira-kira rm1.8 juta setahun. Satu ukuran sama ada usaha TVSelangor ini berbaloi atau tidak ialah hakikat bahawa ia berhasil untuk “menjengkelkan” pihak yang tidak senang dengan pencapaian kerajaan negeri. Tahun ini sahaja sudah dua kali ada usaha tersusun oleh pihak tertentu untuk menggodam (*hacked*) TVselangor. Pertama kali pada bulan Mei dan sekali lagi penghujung September. Alhamdulillah, serangan-serangan ini dapat diatasi setakat ini. Usaha ini nyata berbaloi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH PUSAT PELUPUSAN SISA PEPEJAL

181. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila senaraikan jumlah bilangan pusat sisa pepejal yang masih beroperasi di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan sejauh manakah tahap pencemarannya terhadap persekitaran kawasan tersebut ?

b) Sila nyatakan berapakah keluasan tanah dan anggaran kos untuk pembinaan sesebuah pusat sisa pepejal yang baru ?

c) Sila nyatakan apakah kaedah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang lebih canggih dan mesra alam bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah pelupusan sisa pepejal yang semakin kritikal ?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK : HASIL PADI

182. Ramai pesawah di Sabak Bernam mengalami masalah pengeluaran padi yang merosot pada musim ini.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah hasil pengeluaran dan nilai jualan padi bagi musim ini di Selangor?

b) Apakah masalah dan faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku?

c) Berdasarkan Pakej Rangsangan Ekonomi untuk meningkatkan hasil padi, bagaimana masalah pengeluaran ini boleh diatasi?

JAWAPAN:

a) Hasil pengeluaran pada musim 1/2010 di Selangor mengikut data 'Crop Cultivation Survey' Jabatan Pertanian adalah 93,388 metrik tan dengan nilai jualan berjumlah RM107.4 juta.

b) Masalah dan faktor yang menyebabkan pengeluaran padi merosot musim ini (Musim 1/2010) di Sabak Bernam adalah disebabkan masalah kelewatan bekalan air dan populasi padi angin yang sangat tinggi. Masalah padi angin dipengaruhi oleh 3 faktor iaitu bekalan benih yang dicemari oleh benih padi angin, penyediaan tanah yang tidak sempurna menyebabkan tanah sawah tidak rata dan bekalan air yang lewat, menyebabkan benih padi angin yang terbenam dalam tanah tumbuh di luar kawalan.

c) Beberapa langkah yang akan diberi perhatian pada musim akan datang untuk mengatasi masalah padi angin yang menyebabkan kemerosotan pengeluaran hasil padi:

- Meminta ketua blok menubuhkan pasukan kerja yang akan menyediakan dan atau menyelaras perkhidmatan membajak, mengapur dan merata tanah
- Bekerjasama dengan JPS mengatasi masalah kelewatan bekalan air
- Bekerjasama dengan PPK mengatasi masalah kelewatan bekalan baja
- Menggalakkan petani menanam secara transplanter
- Membantu pesawah membeli benih padi dari sumber luar seperti Perak dan Kedah.
- Pasukan kerja yang ditubuhkan oleh ketua blok mengambil alih urusan kerja di sawah bagi pesawah yang tidak dapat mengikut jadual aktiviti penanaman padi yang disyorkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : RANCANGAN RUMAH KOS RENDAH

183. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar Kerajaan Negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah membeli rumah-rumah kos rendah di dalam kawasan-kawasan Pekan di Negeri Selangor ?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah di kawasan-kawasan tersebut ?

JAWAPAN :

a) Dasar Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini memiliki rumah dengan memastikan pembinaan rumah mampu milik atau kos rendah sentiasa mencukupi dan menampung permintaan di kawasan-kawasan pekan ataupun di luar Lembah Klang. Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan harga rumah kos rendah di kawasan-kawasan tersebut antara RM35,000.00 hingga RM42,000.00 seunit supaya golongan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah kos rendah.

Di samping itu, dasar Kerajaan Negeri telah menetapkan tanah yang berkeluasan 10 ekar ke atas hendaklah mempunyai komponen pembangunan rumah kos rendah. Dasar ini juga terpakai di kawasan-kawasan pekan di mana pemaju mestilah membina rumah kos rendah dan tidak akan diberi pengecualian sekiranya telah disyaratkan membina rumah jenis tersebut.

Beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan hanya golongan yang berkelayakan sahaja memiliki rumah kos rendah (RKR) di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri pada tahun 2008 telah menetapkan hanya mereka yang mendaftar dengan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sahaja layak membeli rumah kos rendah. Dasar ini telah menetapkan 100% nama pembeli RKR mestilah menggunakan senarai nama daripada Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) yang berpusat di LPHS. Bagi memastikan nama-nama pemohon yang ditawarkan RKR tidak dipertikaikan, nama-nama pemohon yang berjaya akan dipaparkan dalam laman web LPHS. Sekiranya ada bantahan terhadap mana-mana nama yang dipamerkan ianya akan disiasat dan jika didapati benar maka tawaran RKR kepada pemohon tersebut akan dibatalkan.

b) Kerajaan Negeri mendapati adanya keperluan perumahan jenis kos rendah di kawasan pekan khusus untuk golongan berpendapatan rendah. Pemaju yang telah disyaratkan membina rumah kos rendah tidak akan diberi pengecualian daripada membina rumah jenis tersebut sebagai langkah memastikan penduduk kawasan pekan dapat memiliki rumah sendiri. Walau bagaimanapun, tanggungjawab membina rumah kos rendah bukan sahaja dibina oleh anak syarikat Kerajaan Negeri malahan turut dibangunkan oleh pemaju-pemaju swasta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK : YAYASAN SELANGOR. YAYASAN SELANGOR ADALAH ORGANISASI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN PRASARANA PENDIDIKAN UNTUK KEBAIKAN ANAK-ANAK SELANGOR.

184. Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah status program-program yang sedang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor.

b) Nyatakan statistik bilangan anak Selangor yang menerima bantuan pendidikan, latihan dan kewangan Yayasan Selangor bermula 2008 hingga sekarang ?

c) Apakah strategi Yayasan Selangor untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, kreatif dan inovatif selaras dengan aspirasi Negara ?

JAWAPAN :

a) Program-program yang sedang dilaksanakan oleh Yayasan Selangor ialah:

1. <u>Program Pendidikan:</u>
   i. Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor (RKPYS) yang dilaksanakan di 4 buah Asrama Pusat Yayasan Selangor.
   ii. Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor (RKPYS) yang dilaksanakan di 15 buah Asrama Harian.
   iii. Program Kelas Bimbingan.

2. <u>Program Motivasi & Jati diri /Modal Insan.</u>
   Yayasan Selangor menyediakan kemudahan prasarana untuk kursus-kursus Bina Insan di Kem Bina Semangat Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu. Modul kursus yang dijalankan di kem tersebut adalah mengikut kehendak pelanggan/Tailor-Made Customers (TMC). Kursus Training of Trainers (T.O.T) dan Kepimpinan Diri & Semangat Sepasukan (K.D.S.S) juga diadakan.

3. <u>Program Pembiayaan Pendidikan:</u>
   i. Pemberian Biasiswa Kecil untuk RKPYS.
   ii. Pembiayaan Pinjaman Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi.

b) Statistik bilangan anak Selangor yang menerima bantuan kewangan Yayasan Selangor dari tahun 2008 hingga 2010

Tahun	Biasiswa	RM	Pinjaman Pelajaran	RM
2008	807	214,750.00	658	3,950,000.00
2009	764	370,100.00	779	4,675,000.00
2010	874	417,800.00	1063	6,379,000.00

c) Untuk melahirkan modal insan yang berkualiti, kreatif dan inovatif selaras dengan aspirasi Negara, Yayasan Selangor melaksanakan program-program yang boleh memperkasakan potensi pelajar dari aspek akademik, sahsiah dan ko-kurikulum. Antara program yang dilaksanakan adalah:

i. Pengurusan masa dan pengurusan diri
ii. Seminar Kecemerlangan Akademik
iii. Program penggayaan dan pemulihan mata pelajaran
iv. Program 'Mentor-mentee'
v. Penggayaan pelbagai bahasa (Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis)
vi. Pengajian Al-Quran dan fardu ain
vii. Program kepimpinan dan jati diri (Itqan)
viii. Program khidmat masyarakat dan lawatan prihatin
ix. Perkhemahan/camping
x. Aktiviti kesenian (Gamelan, *coral speaking, choir*, nasyid, kompang, bahas)
xi. Karnival sukan dan usahawan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : HUTAN SIMPANAN DI KOTA DAMANSARA

185. Pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah positif untuk menggazetkan semu;a hutan simpanan Kota Damansara pada bulan Februari, 2010.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Hutan Simpanan Kota Damansara ini agar ianya menjadi suatu lokasi perkhemahan dan riadah yang istimewa di Selangor?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk melibatkan pihak Badan Bukan Kerajaan dan komuniti Orang asal untuk turut menyumbang memulihara hutan ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah mewartakan Hutan Simpanan Kota Damansara untuk kelas kegunaan hutan sebagai Hutan Lipur, Hutan Pelajaran dan Hutan Penyelidikan menurut Akta Perhutanan Negara 1984. Keunikan hutan ini ialah ia salah satu antara beberapa kepulauan hutan yang masih tinggal dan di kelilingi oleh pembangunan pesat di Daerah Petaling. JPNS menyedari akan potensi hutan ini untuk tujuan eko-pelancongan dan riadah tetapi terkawal bagi menjamin keaslian hutan nya.

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui JPNS mengiktiraf akan peranan komuniti dalam memelihara hutan ini. JPNS akan melibatkan wakil dari komuniti termasuk Badan Bukan Kerajaan dan Orang asal dengan unjuran bahawa komuniti akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan yang akan ditentukan secara persetujuan bersama antara JPNS dan komuniti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : HARGA RUMAH

186. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah kerajaan dapat menetapkan satu dasar untuk membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana untuk memilik rumah mereka yang pertama memandangkan harga rumah di kawasan seperti Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya semakin meningkat?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan keperluan perumahan kepada semua golongan masyarakat di Negeri Selangor khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui Dasar Pembangunan Tanah telah menetapkan sebarang pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Bagi pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 hingga kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang. Melalui dasar tersebut ia secara tidak langsung bukan sahaja membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan keperluan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana tetapi juga bagi golongan belia yang rata-rata masih belum berkemampuan memiliki rumah yang lebih luas dan selesa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PROGRAM '*WORKFARE*'

187. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menjadikan program 'workfare' kenyataan terutamanya untuk meningkatkan pendapatan mereka yang kurang dari RM 1500 sebulan.
b) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan dalam membina satu pangkalan data golongan pendapatan rendah, fakir miskin secara bersepadu.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah membuat satu perubahan besar dalam memastikan bantuan yang disampaikan benar-benar dapat membantu rakyat Selangor mempunyai pendapatan sekurang-kurangnya melepasi tahap Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan Kerajaan Negeri Selangor iaitu RM 1500 sebulan .Kerajaan Negeri Selangor akan menyatukan dan mengintegrasikan data-data setiap agensi kerajaan yang memberikan bantuan kepada rakyat Selangor ke dalam satu pengkalan data pusat. Profil-profil penerima bantuan ini akan diasingkan kepada dua kategori. Kategori yang layak menerima bantuan kebajikan seperti sekarang dan kategori yang boleh berdikari yang akan dibantu di bawah dasar "workfare" untuk dibantu dengan memberi peluang pekerjaan yang lebih baik atau menyertai program-program yang dirangka di bawah dasar "Workfare". Program terkini yang sedang dijalankan Kerajaan Negeri Selangor ialah Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) yang telah bermula pada September yang lalu dan Kerajaan Negeri Selangor telah menemu duga dan mengenal pasti 33 orang yang berpotensi yang mana profil mereka diambil daripada data-data kebajikan sedia ada. MIMBAR memberikan peluang untuk penerima bantuan kebajikan sedia ada menjadi usahawan atau mereka boleh juga memilih sama ada ingin mengikuti latihan industri bagi menambahkan nilai pasaran mereka di dalam pasaran pekerjaan.

b) Sistem pengkalan data pusat menjadi ciri penting di dalam usaha memberikan bantuan berpendapatan kepada rakyat miskin di Selangor ini. Ini adalah kerana data-data bantuan ini bertaburan di setiap agensi kerajaan dan ianya tidak diselaraskan. Ini mengakibatkan jumlah sebenar rakyat Selangor yang berada di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) tidak dapat dikenalpasti. Agensi-agensi Kerajaan yang memberikan bantuan kepada rakyat Selangor telah dikenalpasti. Data-data daripada setiap agensi-agensi kerajaan ini dikumpulkan dan disatukan di bawah satu sistem pangkalan data. Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan diminta untuk memberikan kerjasama dalam usaha mengumpulkan dan menyatukan kesemua data-data daripada agensi-agensi yang berkaitan. Pengkalan data ini akan memprofilkan data-data tersebut dan memberikan cadangan bantuan kebajikan yang bersesuaian berdasarkan potensi diri mereka. Data-data ini akan dapat diakses oleh semua agensi yang terlibat dan ini akan mengurangkan isu penerima bantuan kebajikan menerima lebih daripada satu bantuan kebajikan daripada pelbagai agensi kerajaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PEMBANGUNAN EKONOMI DI NEGERI SELANGOR.

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah penunjuk yang boleh digunakan dalam pembangunan ekonomi di Selangor?

b) Bagaimanakah kerajaan dapat menilai perkembangan ekonomi di Selangor adalah usaha kerajaan Selangor?

JAWAPAN:

a) Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor sentiasa mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan dari setahun ke setahun. Kerajaan Negeri menilai perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negeri melalui beberapa aspek utama yang jelas memperlihatkan pencapaian negeri yang sebenarnya. Penilaian ke atas pembangunan ekonomi negeri adalah wajar jika dilihat secara langsung ke atas nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor yang diperolehi. Hal ini adalah kerana butiran di dalam KDNK yang dicatatkan adalah lengkap dengan merangkumi pencapaian semua sektor yang terlibat di dalam ekonomi seperti sektor pertanian, perlombongan, perindustrian dan perkhidmatan.

Selain daripada itu, pembangunan ekonomi yang di kecapi saban tahun juga boleh dinilai melalui jumlah pelaburan yang diperoleh oleh Negeri Selangor pada tahun tersebut. Jumlah pelaburan yang dicatatkan merangkumkan nilai pelaburan dari dalam dan luar negara yang berjaya diraih. Pencapaian kemasukan pelaburan yang tinggi, akan menjelaskan kejayaan Kerajaan Negeri dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi Kerajaan Negeri untuk mengukur pembangunan ekonomi melalui jumlah pelaburan yang berjaya dicapai sebagai salah satu aspek utama dalam menilai pertumbuhan ekonomi negeri.

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negeri yang berstatus negeri maju di Malaysia, pertumbuhan ke atas pembangunan ekonomi negeri juga wajar diukur melalui kadar kemiskinan dan kadar pengangguran yang dicatatkan saban tahun. Kerajaan Negeri perlu memastikan kadar kemiskinan dan kadar pengangguran yang dicatatkan adalah rendah. Aspek ini akan memperjelaskan kemampuan Kerajaan Negeri dalam merencanakan dan melaksanakan pembangunan dengan baik, komprehensif dan holistik atau sebaliknya.

b) Negeri Selangor telah melalui fasa yang cemerlang dengan pencapaian-pencapaian yang positif di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat sejak dari tahun 2008. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor telah mencatatkan perkembangan yang baik dengan pencapaian sebanyak RM116,882 juta pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor turut menerima tempias akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2009 dengan sedikit penurunan pencapaian KDNK kepada RM115,502juta berbanding tahun sebelumnya. Kejayaan Kerajaan Pakatan Rakyat menempuh pergolakan kemerosotan ekonomi dunia telah memperlihatkan kemapanan Kerajaan Negeri yang sentiasa optimistik dapat mentadbir negeri ini dengan cemerlang. Dengan kemampuan urus tadbir negeri yang lebih mantap kini, Kerajaan Negeri yakin dengan kemampuan negeri dalam menjana perkembangan ekonomi yang positif dengan menganggarkan pencapaian KDNK pada tahun ini adalah berjumlah RM122,524juta dengan lonjakan kadar pertumbuhan ekonomi pada tahap 7% berbanding -1.2% pada tahun lalu.

Nilai pelaburan yang dicatatkan oleh Negeri Selangor sejak tahun 2008 juga amat cemerlang. Pada tahun 2008, jumlah pelaburan yang berjaya diraih adalah berjumlah RM11.87billion yang merangkumi RM9billion adalah pelaburan tempatan manakala selebihnya iaitu RM2.87billion adalah pelaburan asing. Seiring dengan kemelesetan ekonomi yang dihadapi pada tahun 2009, angka pelaburan yang berjaya diraih turut mengalami kemerosotan kepada RM6.76billion sahaja dengan pecahan RM2.75billion untuk pelaburan tempatan dan selebihnya RM4.01billion adalah pelaburan asing. Pada tahun ini, dianggarkan Negeri Selangor mampu untuk meraih nilai pelaburan sebanyak RM7.5billion, di mana sehingga Jun 2010, nilai pelaburan telah mencecah RM3.48billion.

Selain daripada penilaian ke atas pencapaian nilai-nilai ekonomi yang berjaya dicatat ini, penilaian juga boleh dilaksanakan ke atas kejayaan Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang jelas telah memberikan fokus pembangunan secara total. Usaha murni ini dijangka telah berjaya mencipta peluang pelaburan yang luas kepada para pelabur tempatan dan luar negara melabur di negeri Selangor dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat secara langsung. Program-program yang telah dilaksanakan melalui pakej rangsangan ini adalah seperti berikut:-

i) Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang;
ii) Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai;
iii) Pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang;
iv) Peningkatan hasil tanaman padi;
v) Perluasan sistem pengangkutan; dan
vi) Penstrukturan semula industri air Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PEMBERIAN PERUNTUKAN KEPADA SJKT

189. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah peruntukan diluluskan kepada SJKT?

b) Adakah peruntukan ini diuruskan oleh pihak sendiri atau digunakan untuk tujuan aktiviti seminar, pembekalan barangan yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : PEMBANGUNAN FELDA SG BUAYA

190. Masalah bekas peneroka Felda telah berlarutan hingga kini. Ini adalah berkaitan masalah tanah mereka untuk dimajukan

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status tanah bekas peneroka itu kepada kerajaan negeri ?

b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membangunkan tanah tersebut ?

c) Jika terdapat pihak swasta ingin memajukan tanah tersebut, apakah syarat-syarat daripada pihak kerajaan negeri ?

JAWAPAN :

a) Terdapat tanah kerajaan, tanah hak milik individu dan tanah yang menjadi hak milik swasta.

b) Kerajaan Negeri bercadang membangunkan tanah di kawasan yang telah dirampas disebabkan kegagalan menjelaskan bayaran cukai tanah.

c) Bergantung pada kelulusan / ketetapan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang serta jabatan-jabatan yang berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : PENGIMARAHAN MASJID

191. Masjid seharusnya berfungsi untuk menyatukan umat, bagaimanapun wujud masalah politik di masjid dan surau yang boleh mewujudkan perpecahan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah yang diambil untuk menjadikan masjid wadah penyatuan masyarakat?

b) Apakah program-program yang telah dilaksanakan untuk mengimarahkan masjid dan surau?

JAWAPAN:

a) Sebagai langkah untuk memastikan masjid wadah penyatuan masyarakat, kerajaan negeri melalui MAIS telah mengambil langkah untuk memastikan semua program dan aktiviti masjid adalah bebas dari sebarang pengaruh politik kepartian. Nazir dan jawatankuasa masjid sepatutnya berkecuali dan tidak menyekat kepada mana-mana parti politik dan tidak boleh membenarkan masjid diguna sebagai tempat untuk berpolitik.

b) Antara program-program yang dilaksanakan untuk mengimarahkan masjid dan surau adalah seperti berikut :

1) Bulan Pengimarahan Masjid
Program ini dilaksanakan pada bulan Rabiul Awal setiap tahun dan melibatkan 3 program utama iaitu:

i) Forum Diskusi Kitab
ii) Program Gotong Royong
iii) Tahsinul Ibadah kepada kanak-kanak remaja

2) Karnival Masjid
Dilaksanakan 1 tahun sekali bagi masjid-masjid yang berkemampuan. Program yang terlibat ialah :

i) Malam Kesenian Islam
ii) Forum Perdana
iii) Gerai jualan
iv) Aktiviti kemasyarakatan seperti pertandingan marhaban, nasyid, bola sepak dan lain-lain.
v) Pemeriksaan kesihatan

3) Kuliah Maghrib, Subuh dan Dhuha

4) Sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulidul Rasul, Maal Hijrah, Hari Asyura, Nisfu Syaaban, sambutan hari raya dan ibadah korban. Antara pengisian aktiviti yang dilaksanakan :
   i) Forum Perdana
   ii) Marhaban
   iii) Penyediaan bubur asyura
   iv) Penyembelihan ibadah korban
   v) Majlis bacaan Yasin
   vi) Jamuan hari raya dan lain-lain

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: SALURAN PENYIARAN DAN PENERBITAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

192. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah perolehan pendapatan dan juga kerugian yang ditanggung daripada TV Selangor dan Akhbar Selangorkini oleh Kerajaan Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk TV Selangor mengadakan suatu saluran di dalam Bahasa Inggeris, bahasa Cina dan Bahasa Tamil?

c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan untuk menerbitkan Selangorkini dalam Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil pada masa hadapan?

JAWAPAN:

a) Matlamat utama mana-mana jabatan penerangan ialah mengeluarkan kos untuk menyebar secara meluas maklumat kepada rakyat. Objektif utamanya bukan membuat keuntungan. Justeru sebagai "*cost centre*" perkiraan utamanya bukan soal kerugian di segi kewangan tetapi lebih berbentuk dividen dalam konteks kefahaman rakyat terhadap dasar, inisiatif dan keputusan kerajaan negeri untuk kesejahteraan rakyat.

b) Buat masa ini, CCSB lebih memberi tumpuan kepada operasi yang sedia ada.

c) Kerajaan Negeri telah pun memberi kebenaran kepada CCSB untuk menerbitkan Selangorkini dalam versi bahasa Inggeris dan Cina yang akan bermula 26 Nov 2010. Sementara itu akhbar Selangorkini versi Tamil masih lagi dalam perancangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PELAN INTERGRITI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

193. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah visi, misi serta kayu pengukur kejayaan untuk Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor?

b) Siapakah ahli jawatankuasa yang menganggotai badan pelaksana Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau keberkesanan pelan tersebut?

c) Senaraikan polisi dan program yang telah dilaksanakan di bawa Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor dan sejauh manakah pelan tersebut berjaya dalam mewujudkan sistem pentadbiran yang telus, amanah dan bertanggungjawab terhadap rakyat?

JAWAPAN:

a) Tiada Pelan Integriti Negeri Selangor buat masa ini.

b) Pelan Integriti Kerajaan Negeri Selangor belum dilaksanakan buat masa ini. Walau bagaimanapun, Unit Integriti Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang ditubuhkan pada tahun 2008 adalah pihak yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Pelan Integriti untuk Penjawat Awam Negeri Selangor yang masih di dalam peringkat draf.

c) Unit Integriti telah melaksanakan beberapa program seperti Kursus Pembangunan Individu dan Organisasi Berintegriti Penjawat Awam, Seminar Pemantapan dan Pengukuhan Integriti, Kempen Nilai-Nilai Murni dan banyak lagi program berkaitan Integriti yang dibuat khas untuk Penjawat Awam Negeri Selangor dan Pegawai-pegawai Exco Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : SANITARY LANDFILL DI TANJUNG DUA BELAS

194. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah meter luas persegi yang telah digunakan sehingga kini?

b) Untuk berapa lamakah yang dijangka *sanitary landfill* ini boleh diguna?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

195. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan perkampungan-perkampungan orang asal yang terdapat di dalam Negeri Selangor.

b) Juga nyatakan perangkaan jumlah penduduk-penduduk di perkampungan tersebut

c) Apakah perancangan atau program Kerajaan Negeri Selangor mendekati juga membangunkan kehidupan mereka-mereka itu?

JAWAPAN:

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tiada maklumat mengenai senarai perkampungan Orang Asal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL
(SABAK)

TAJUK : ISU PEMBANGUNAN

196. Pembangunan infrastruktur asas dan awam di kawasan luar bandar terabai

Bertanya kepada YAB Dato Menteri Besar-

a) Berapa banyakkah peruntukan yang diperuntukkan untuk projek pembangunan di Negeri Selangor berbanding peruntukan penerangan sebanyak 15 juta?

b) Apakah rasionalnya Penubuhan Penerangan Selangor yang dilihat membazirkan wang rakyat sebanyak 15 juta?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri menganggarkan sebanyak RM 600 juta diperuntukkan bagi projek pembangunan dalam bajet tahun 2011. Anggaran ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM 9.6 juta (1.6%) berbanding projek pembangunan tahun 2010 (RM 590.4 juta). Peruntukan RM 15 juta kepada Penerangan Selangor merupakan 2.5% sahaja daripada keseluruhan bajet pembangunan.

b) Berpegang kepada prinsip bahawa ilmu dan maklumat adalah kunci kepada kewujudan rakyat berilmu dan elemen penting dalam pembangunan modal insan, maka Kerajaan Negeri Selangor memutuskan untuk memberikan maklumat yang tepat serta berguna kepada rakyat. Jumlah cukai rakyat Selangor adalah RM 899,410,613.98. Justeru mereka berhak untuk menikmati hasil dalam bentuk informasi ini. Peruntukan RM 15 juta merupakan 1% daripada anggaran keseluruhan bajet Negeri Selangor tahun 2011. Kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah dan amalan membazir adalah amalan masa dulu yang tidak mendapat tempat di dalam pentadbiran sekarang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PROJEK RUMAH TERBENGKALAI TAMAN WAWASAN TANJONG KARANG

197. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu pemilik rumah di Taman Wawasan Tanjong Karang yang masih tidak dapat diduduki sehingga sekarang ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah berusaha untuk membantu pemilik rumah di Taman Wawasan Tanjong Karang yang masih tidak dapat diduduki sehingga sekarang dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan yang hadiri oleh Ahli Jawatankuasa Bertindak, wakil Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor, wakil pemaju, wakil jabatan teknikal serta arkitek projek bagi tujuan mencari jalan penyelesaian kepada masalah rumah condong di Taman Wawasan.

Berdasarkan kepada mesyuarat penyelarasan yang telah diadakan, arkitek bagi projek tersebut telah diarahkan untuk mengemukakan laporan cadangan pembaikan kepada MDKS supaya dapat disemak dan MDKS telah mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan penduduk memasuki atau mendiami bangunan tersebut demi menjaga keselamatan penduduk. MDKS juga telah bersetuju untuk mengambil tindakan membersihkan kawasan sekitar bagi menjamin keselamatan penduduk serta menyediakan pengawal keselamatan supaya kawasan tersebut tidak diceroboh.

Walau bagaimanapun, tindakan tersebut tidak dapat dijalankan kerana sebahagian penduduk telah memfailkan kes tuntutan terhadap pemaju, Tetuan Radiant Hart Construction Sdn Bhd, MDKS serta Kerajaan Negeri di Mahkamah Seksyen Klang pada 02 April 2007 dan Kerajaan Negeri tidak boleh campur tangan kerana prosiding mahkamah masih belum selesai.

Namun, bagi meringankan beban pemilik, MDKS telah mengambil tindakan secara pentadbiran dengan meminta Jawatankuasa Bertindak menyediakan senarai terkini pemilik yang terlibat bagi membolehkan pihak Majlis membuat Kertas Ringkasan kepada Kerajaan Negeri untuk cuba mendapatkan peruntukan bantuan seperti subsidi sewa serta belanja perpindahan dan mereka telah ditawarkan untuk menyewa kuarters milik MDKS di Kuala Selangor sementara menunggu kes tersebut diputuskan oleh mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERBELANJAAN PUSAT KHIDMAT AHLI MAJLIS

198. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah ahli majlis yang menubuhkan pejabat perkhidmatan seluruh Selangor?

b) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk sebuah pusat khidmat ahli majlis dan jumlah seluruh Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : BAYARAN TERTUNGGAK KEPADA KONTRAKTOR KECIL ALAM FLORA

199. Masalah kutipan sampah dan pembersihan kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor diselia oleh Alam Flora Sdn Bhd :

Banyak rungutan telah diterima daripada penduduk. Siasatan kami menunjukkan bahawa 32 orang kontraktor yang terlibat di kawasan ini tidak menerima bayaran mereka selama 9 bulan. Kerana kekurangan modal pusingan,kerja -kerja kontraktor ini sudah sampai kepada tahap beku, akibat kelewatan pembayaran.

Tunggakan ini sekarang berjumlah lebih kurang 9 million ringgit. Perjanjian di antara Alam Flora dengan pihak kontraktor-kontraktor adalah "*back-to-back basis* " bermaksud sekiranya dapat pembayaran daripada MDKS kepada Alam Flora,barulah pihak kontraktor kutipan sampah mendapat bayaran. Ini dengan jelas menunjukkan perjanjian ini menyebelahi satu pihak sahaja.

Aliran tunai MDKS adalah terhad: hasil pendapatan cukai adalah lebih kurang 10 juta ringgit setahun. Sukarlah untuk MDKS menyelesaikan masalah ini.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini ?

JAWAPAN:

a) Pada dasarnya pihak Majlis akan membuat bayaran kepada Alam Flora S/B dari masa ke semasa bergantung pada kedudukan kewangan.

Pihak Majlis telah berbincang dengan Alam Flora S/B mengenai penstrukturan semula jadula kerja dan kewangan terlibat untuk mengkaji semula jumlah kos yang terlibat bagi menanggung beban hutang pada setiap tahun.

Pihak Majlis juga ada memohon bantuan kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan bagi menampung hutang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: PROJEK-PROJEK RUMAH TERBENGKALAI

200. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan projek-projek rumah terbengkalai yang telah dipulihkan semula oleh Kerajaan Negeri/ Sila nyatakan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri serta status pemulihan projek-projek tersebut.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 22 projek terbengkalai yang melibatkan 8,879 unit telah berjaya dipulihkan dari Mac 2008 sehingga 15 Oktober 2010. Senarai projek tersebut seperti berikut :

BIL	**PROJEK**	**NAMA PEMAJU**	**UNIT**
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit
5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit

7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit
16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit

18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
21	Taman Khalid Al-Walid, Shah Alam	Diambilalih Oleh SPNB	48 Unit
22	Lagoon Perdana, USJ2, Subang Jaya.	IJM / Tetuan Tenaga Gagah Sdn. Bhd.	1,052 Unit
Jumlah Pembeli/Unit		**8,879 unit**	

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan semula projek-projek perumahan terbengkalai merupakan salah satu program di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang diumumkan dalam Bajet 2010. Anggaran kos pemulihan projek sebanyak RM5 bilion diperlukan bagi membaik pulih dan memodenkan perumahan kos rendah di samping menjana ekonomi dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Nilai Pembangunan Kasar (GDV) pula dijangka sebanyak RM 7 bilion hingga RM 9 bilion. Walau bagaimanapun, buat masa ini suntikan dana tidak diperlukan dari Kerajaan Negeri bagi memulihkan projek-projek terbengkalai kerana projek-projek yang dipulihkan adalah bersifat *self financing* (pembiayaan sendiri) seperti contoh projek Bukit Botak yang sedang dipulihkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang mana ia melibatkan tindakan pengambilan tanah yang membolehkan Kerajaan Negeri menyusun semula pembangunan dengan tawaran unit rumah yang lebih menarik dan tinggi nilainya serta membolehkan pembeli bersetuju menambah wang sendiri untuk menanggung defisit tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK : SETINGGAN

201. Bertanya kepada YAB. Dato Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan setinggan dan keluarga di Selangor mengikut PBT – PBT setakat ini?

b) Bagaimanakah perkembangan proses penyelesaian masalah setinggan yang berbangkit?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan laporan bancian yang dibuat oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 30 Oktober 2010 masih terdapat seramai 4,073 keluarga setinggan di Negeri Selangor yang belum dipindahkan ke penempatan baru atau diselesaikan. Majlis Perbandaran Klang (MPK) mencatat bilangan setinggan paling tinggi di atas tapak iaitu seramai 1,318 keluarga, diikuti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 1,075 keluarga, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 348 keluarga, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 337 keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) 331 keluarga, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 256 keluarga dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) 173 keluarga. Manakala PBT-PBT lain menunjukkan bilangan yang lebih kecil iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 112 keluarga, Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) 103 keluarga, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) 12 keluarga dan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) 8 keluarga. Tiada lagi penempatan setinggan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Walau bagaimanapun, MBPJ sedang menumpukan program pemindahan semula bekas setinggan yang menghuni di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang dan PPR Kota Damansara ke projek rumah kos rendah.

b) Kerajaan Negeri komited untuk memastikan masalah setinggan atau peneroka bandar yang sebelum ini tidak mendapat pembelaan atau perhatian serius oleh Kerajaan terdahulu terbela. Kebanyakan penempatan setinggan yang masih di tapak mempunyai pelbagai masalah yang perlu diselesaikan secara teliti memandangkan adanya isu-isu tanah, kes mahkamah, setinggan dan sebagainya.

Sebagai contoh penempatan setinggan Pandan Jaya, Ampang yang didiami oleh 188 keluarga setinggan sukar dipindahkan kerana tiada projek RKR berhampiran yang boleh ditawarkan kepada mereka walaupun bersetuju keluar daripada tapak. Namun demikian ada di antara mereka bersetuju membeli rumah yang dicadangkan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) di projek RKR Taman Harmoni, Balakong yang jauh sedikit daripada penempatan sekarang.

Kerajaan Negeri akan terus mencari jalan penyelesaian dengan mengadakan perbincangan dan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan supaya masalah setinggan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS JALAN RAYA DALAM KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah kesesakan jalan-jalan raya dalam kawasan PBT di Negeri Selangor ?

b) Berapakah bajet yang akan disediakan dalam tahun 2011 kepada PBT dan agensi yang bertanggungjawab untuk memperbaiki sistem jalan bagi mengurangkan masalah kesesakan jalan raya di kawasan-kawasan tersebut ?

JAWAPAN :

a) Rangkaian jalan-jalan dikawasan PBT melibatkan beberapa agensi yang bertanggungjawab iaitu pihak PBT sendiri, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM). Jalan-jalan ini adalah merupakan jalan dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Agensi yang bertanggungjawab keatas jalan negeri adalah PBT dan JKR manakala jalan persekutuan pula adalah LLM dan juga JKR. Pada kebiasaannya jalan-jalan JKR adalah merupakan jalan *arterial* yang menghubungkan jalan-jalan PBT.

Bagi mengatasi masalah kesesakan di jalan-jalan dibawah bidang kuasa JKR, kajian trafik akan dibuat untuk menilai kapasiti jalan dan persimpangan dengan mengadakan banci lalulintas sebanyak dua kali dalam setahun dan seterusnya kajian trafik terperinci. Untuk makluman kajian trafik bagi seluruh Kawasan Lembah Klang telahpun dibuat Unit Perancang Jalan (HPU), Kementerian Kerja Raya. Jalan serta persimpangan akan dinaiktaraf jika terdapat keperluan bagi mengatasi masalah kesesakan ini.

Disamping itu kerajaan negeri melalui JKR juga akan meneliti permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan seperti perumahan dan perindustrian. Kajian Kesan Lalulintas (TIA) dan Audit Keselamatan Jalan (RSA) akan dibuat dan dikaji sebelum kebenaran merancang disyorkan kepada PBT. Dengan ini keperluan menaiktaraf jalan dan persimpangan akan dapat dikenalpasti dan syarat-syarat ini akan dikenakan kepada pemaju untuk dilaksanakan.

Sebagai contoh dari pendekatan diatas jalan-jalan berikut telah, sedang dan akan dinaiktaraf bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Terdapat beberapa kerja menaiktaraf jalan yang sedang berjalan sekarang yang meliputi jalan negeri dan juga jalan persekutuan. Antaranya adalah:

Jalan Persekutuan

- Pembinaan Jalan Pintas Rawang Bagi Mengatasi Kesesakan Lalulintas Di Bandar Rawang.
- Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT3209 Dan Jalan Negeri B27, Jalan Rawang – Tasek Puteri, Daerah Gombak, Fasa 1.
- Cadangan Menaiktaraf Jalan Persiaran Kuala Selangor, Shah Alam, Selangor (Fasa 1).
- Membina dan Menaiktaraf Jalan Lingkaran Pulau Indah, Negeri Selangor (Reka & Bina) Fasa 1
- Cadangan Menaiktaraf Laluan Ft001 Dari Kajang Ke Beranang (Fasa 1-Persimpangan Bandar Sunway Semenyih)
- Naiktaraf Persimpangan Jalan Serdang Raya/ Jalan Puchong - Sungai Besi, Selangor
- Naiktaraf Jalan Ft5 Dari Kapar Ke Klang, Selangor (Fasa 3)
- Menaiktaraf Laluan B9/Ft 015 Dari Lapangan Terbang Subang Ke Hospital Sg. Buloh (Fasa2)
- Membaikpulih & N/T Jln Persekutuan 5,Kapar-Sabak Bernam & Klang-Banting
- Cadangan Menaiktaraf Laluan Persekutuan 5 : Kapar - Klang, Selangor - Fasa 1
- Membina Jalan Penyambung Subang – Kelana
- Projek Menaiktaraf Laluan Persekutuan 54,Sungai Buloh, Selangor (Pakej 1)

Jalan Negeri

- Menaiktaraf Jalan Bangi Ke Kisdar, Hulu Langat.
- Melebar Dan Memperkukuh Jalan-Jalan Kg Melayu Subang
- Melebar dan Memperkukuh Jalan Monterez ke TUDM Subang
- Menaiktaraf Jalan Monfort (B9) Dari Persimpangan
- Politeknik Shah Alam.
- Menaiktaraf Jalan Klang Lama, Daerah Petaling.

b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2010 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK: PERLANTIKAN JAWATAN BARU KETUA KOMUNITI DUN

203. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Adakah jawatan baru ini diwujudkan oleh Kerajaan Negeri?

b) Berapakah elaun bulanan Ketua Komuniti DUN?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : AKTIVITI EKONOMI UTAMA NASIONAL (NKEA) DI SELANGOR

204. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

a) Apakah Aktiviti Ekonomi Utama Nasional yang akan dijalankan di Selangor? Nyatakan bajet yang diperuntukkan baginya.

b) Apakah rancangan pembangunan The Greater KL yang melibatkan sebahagian besar kawasan perbandaran di Selangor seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya dan Shah Alam?

JAWAPAN :

a) Aktiviti atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) adalah program-program yang dirancang untuk dilaksanakan dalam usaha mentransformasikan Ekonomi (Economic Transformation Programme) bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMKe-10). Konsep NKEA juga boleh ditakrif sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bidang Ekonomi Utama Negara telah memilih 12 bidang atau aktiviti utama yang berpotensi berdasarkan kriteria sumbangan sektor tersebut untuk mencapai pendapatan tinggi, kemampuan dan keterangkuman. NKEA ini adalah sebahagian dari usaha mentransformasikan Malaysia menjadi negara ekonomi berpendapatan tinggi dan maju.

Salah satu NKEA yang bakal dijalankan di negeri Selangor adalah Greater Kuala Lumpur (Greater KL) iaitu satu projek yang merangkumi ibu negara Kuala Lumpur dan Lembah Klang untuk menjadikan kawasan ini pusat pertumbuhan nasional dan gerbang ke arah membangunkan ekonomi global dengan kekuatan populasi kosmopolitan dan infrastruktur bertaraf dunia. Inisiatif utama yang telah dikenal pasti di dalam pelaksanaan Greater KL ini adalah dengan melaksanakan bidang keberhasilan utama negara (NKRA) bagi mengatasi isu memerangi jenayah dan menambah baik pengangkutan awam.

b) Rancangan-rancangan yang telah diatur dan sedang dalam pelaksanaan adalah seperti berikut:

1. Menarik minat lebih 100 syarikat multi-nasional (MNCs) untuk melabur di dalam kawasan Lembah Klang yang akan membawa pendapatan kasar negara (GNI) sebanyak RM 40 bilion menjelang tahun 2020.

2. Meningkatkan populasi penduduk di Kuala Lumpur / Lembah Klang kepada 10 bilion orang menjelang tahun 2020 untuk memenuhi keperluan pekerjaan seterusnya menyumbang pendapatan kasar negara sebanyak RM120 bilion.

3. Membina Sistem Kereta api Aliran Berkelajuan Tinggi tanpa henti yang akan merentasi Kuala Lumpur / Lembah Klang terus ke Singapura. Perkhidmatan yang sama diwujudkan antara-bandar *(intercity)* di mana bandar di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah dicadangkan sebagai stesen antara-bandar tersebut.

4. Mengadakan kerjasama dengan sektor swasta untuk projek pembangunan integrasi Sistem Aliran Sederhana (MRT) yang akan menghubungkan Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

5. Menjadikan Sungai Klang sebagai satu mercu tanda unik yang mampu memberi pelbagai bentuk pulangan kepada penduduk Kuala Lumpur / Lembah Klang dan Malaysia secara amnya.

6. Menjadikan dan memastikan Kuala Lumpur / Lembah Klang sebagai destinasi " Green KL" dengan tiga langkah utama iaitu dengan mempromosikan pembangunan hijau semula, menambahkan kehijauan di dalam bangunan, serta membina konsep 'taman hijau' kepada laluan pejalan kaki di sekitar kawasan Kuala Lumpur / Lembah Klang dan menambah baik taman-taman rekreasi.

7. Kuala Lumpur / Lembah Klang perlu mengiktiraf Greater KL / KV sebagai satu ikon pembangunan yang unik dan bertaraf dunia dengan bangunan/ mercu tanda bersejarah sedia ada atau dengan melakukan pembangunan berskala besar kawasan perbandaran.

8. Menjadikan Kuala Lumpur / Lembah Klang sebagai penghubung laluan pejalan kaki yang komprehensif dan berdaya saing antara kawasan.

9. Mengatasi masalah sisa pepejal buangan yang berlaku di pusat bandar Kuala Lumpur serta Lembah Klang dengan lebih praktikal dengan mengambil kira faktor persekitaran dan sekeliling.

Dalam melaksanakan rancangan dan program tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput menganggotai Jawatankuasa pemandu (Steering Committee) Greater KL di mana melibatkan keanggotaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor serta YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENGURUSAN REKOD DAN MAKLUMAT KAFA

205. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008 muka surat 32: "Pada pendapat Audit, pengurusan rekod dan maklumat SIMPENI adalah tidak memuaskan. Penyelia KAFA hendaklah mengemas kini data pada setiap bulan".

Jabatan tidak memberi ulasan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah punca-punca utama yang menjadi sebab kepada kelemahan ini?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan untuk mengatasi kelemahan di atas?

c) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang diperlukan bagi memenuhi piawaian Audit terhadap kelemahan ini?

JAWAPAN :

a) Sistem online telah dibangunkan oleh JAKIM untuk diguna oleh semua negeri di Malaysia. Walaubagaimanapun sisten ini mempunyai kelemahan dan sukar untuk diakses menyebabkan kerja mengemaskini data tidak dapat dilakukan seperti yang dikehendaki.

b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan ialah :-

   i) Mengusul dan memaklumkan kepada pihak ICT JAKIM bagi mengemaskini sistem kepada lebih pantas dan lebih baik
   ii) Mengadakan Bengkel Sistem Simpeni berpusat yang diurusetia oleh JAKIM 3 kali setahun bagi mengemaskini maklumat, murid dan sekolah.

c) Kerja – kerja untuk penambahbaikan sistem adalah tanggungjawab JAKIM dan Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam mengeluarkan peruntukkan bagi tujuan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : JABATAN PENERANGAN SELANGOR (PIKOM)

206. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah tugas dan objektif Pikom dan apakah pencapaiannya sejak penubuhan?

b) Berapakah perbelanjaan Pikom sejak penubuhannya?

JAWAPAN :

a) Pikom adalah singkatan bagi jawatan Penyelaras Komunikasi yang membantu kerja-kerja menyebar dan menyelaraskan aktiviti penyampaian maklumat berhubung kerajaan negeri kepada rakyat. Pikom diuruskan oleh Jabatan Latihan Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB), anak syarikat Negeri Selangor yang ditubuhkan untuk menguruskan kerja-kerja penerangan untuk Negeri Selangor.

PIKOM adalah barisan hadapan dalam kerja :

- Menyebarluaskan penerangan mengenai dasar, inisiatif dan keputusan kerajaan negeri dalam kerja-kerja membawa kesejahteraan kehidupan rakyat.
- Mempertahankan hujah kerajaan negeri berhubung dasar, inisiatif dan juga keputusan kerajaan negeri.
- Membongkar dan mendedahkan anasir yang cuba memutar-belit fakta berhubung dasar, inisiatif dan keputusan kerajaan negeri bertujuan memberi gambaran buruk terhadap pemikiran rakyat.

b) Kira-kira 25 hingga 30 peratus daripada peruntukan bajet CCSB yang dianggarkan kira-kira 1.5 juta hingga RM 1.8 juta sejak CCSB ditubuhkan pada 2009.

LAMPIRAN"B"

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2010

BUTIRAN	PROGRAM / AKTIVITI KOD (OBJEK SEBAGAI)	JENIS PERBELANJAAN	PERBELANJAAN TAHUN 2010	PERATUS
	PENTADBIRAN & KEW, DASAR, WARISAN & PEMBGN, PENERBITAN, WARISAN KESENIAN, SEJARAH DAN TRADISI ILMU			
		JUMLAH EMOLUMEN (10000)	**1,833,151.72**	**73.15%**
		JUMLAH PERKHIDMATAN DAN BEKALAN (20000)	**2,141,139.57**	**69.13%**
		JUMLAH ASET (30000)	**87,361.00**	**63.37%**
		JUMLAH PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP (40000)	**179,533.43**	**70.50%**
		JUMLAH PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN (50000)	**2,137.99**	**14.91%**
		JUMLAH KESELURUHAN	**4,243,323.71**	

LAMPIRAN "C"

LAPORAN KEWANGAN SEHINGGA 20 OKTOBER 2010
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

PERKARA	PERUNTUKAN 2010	PERBELANJAAN	TANGGUNGAN	BAKI	CATATAN
KERJA-KERJA MEMBAIKI					
KEBOCORAN / KERETAKAN					
DI MUZIUM SULTAN ALAM SHAH	**1,800,000.00**	1,187,980.61		612,019.39	**PENGURUSAN**
(m/s : 7, v2)					**JKR**
-					
Terima Peruntukan					
Kerajaan Neg. Selangor					
Cek CIMB 712794 - 21/01/2010					
JUMLAH KECIL	**1,800,000.00**	**1,187,980.61**	**0.00**	**612,019.39**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : ISU RUMAH URUT

207. Media perdana sering membesarkan dan mensensasikan isu kes rumah urut sebelum PR mengambil alih pemerintahan pada 2008.
Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Benarkah sejak Pakatan Rakyat memerintah, rumah-rumah urut bertambah jumlahnya ?

b) Berapakah jumlah rumah-rumah urut yang bertambah tersebut dan tolong senaraikan alamat lokasinya.

c) Apakah syarat-syarat untuk membuka rumah urut ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan seawal tahun 2008 lagi dengan membekukan lesen rumah urut. Perkara ini masih dipantau secara serius oleh Kerajaan Negeri dengan bantuan PBT bagi memastikan gejala sosial dapat di kawal. Namun begitu Kerajaan Negeri masih membenarkan bagi urutan jenis urutan kaki refleksologi .

b) Berikut jumlah Rumah Urut Refleksologi dari tahun 2008 sehingga 2010:

PBT	**Bilangan Lesen Refleksologi**					
	Tahun 2005	**Tahun 2006**	**Tahun 2007**	**Tahun 2008**	**Tahun 2009**	**Tahun 2010**
MBSA	5	8	4	13	24	5
MBPJ	57	44	47	51	43	57
MPK	19	28	30	30	32	34
MPAJ	0	0	44	28	42	39
MPSJ	0	0	31	53	56	56
MPS	4	37	45	64	36	11
MPKj	8	15	24	57	86	96
MPSp	0	2	4	6	8	8
MDKS	0	0	0	2	4	7
MDHS	1	1	5	6	7	7
MDKL	1	3	5	9	11	11
MDSB	2	4	5	8	10	10
Jumlah	**97**	**142**	**244**	**327**	**359**	**341**

c) Untuk makluman, Syarat –syarat untuk membuka rumah urut adalah berpandukan Undang-undang Kecil Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan 2007 di setiap PBT Selangor. Pihak PBT juga telah menyediakan garis panduan bagi pembukaan premis rumah urut. Di antara syarat-syarat untuk membuka rumah urut

i) Pintu masuk pusat penjagaan kesihatan hendaklah diliputi cermin telus bagi keseluruhan daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak di kunci semasa waktu perniagaan.

ii) Had masa operasi dibenarkan sehingga pukul 1.00 pagi sahaja

iii) Pencahayaan dalaman hendaklah sentiasa terang

iv) Semua pusat penjagaan kesihatan kecuali yang merawat ‘wanita sahaja’ dilarang mengambil pekerja wanita beragama Islam kerana bertentangan dengan Seksyen 23 dan 29 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

v) Pekerja asing perlu ada permit dari Jabatan Imigresen dan membuat pemeriksaan kesihatan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)

TAJUK : PEMBATALAN PEMBINAAN KAMPUS CAWANGAN UITM

208. Kerajaan negeri telah menarik balik tanah YBK di Mukim Serendah yang dicadangkan untuk membina Kampus Cawangan UITM .

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Mengapakah pihak kerajaan negeri mengambil tindakan yang begitu drastik ?

b) Adakah kerajaan negeri akan membangunkan kawasan tersebut dengan projek pembangunan yang lain ?

c) Apakah kerajaan negeri memperolehi lebih keuntungan jika dibandingkan memanfaatkan yang diperolehi oleh rakyat sekiranya projek ini dilaksanakan ?

JAWAPAN :

Soalan ini tidak boleh dijawab kerana YBK telah pun memulakan saman sivil terhadap Kerajaan Negeri Selangor dan ianya adalah "*subjudice*" untuk membuat apa-apa kenyataan sebelum mahkamah membuat apa-apa keputusan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tegas mengatakan bahawa keputusan yang dibuat adalah wajar dan berpatutan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : BAHASA PAPAN IKLAN

209. PBT ditegur agar lebih berperanan bagi penggunaan bahasa kebangsaan untuk papan-papan iklan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah statistik aduan dan kesalahan menurut Undang-undang kecil iklan dan Garis Panduan Papan Iklan mengikut PBT-PBT?

b) Apakah langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan di papan-papan iklan?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, sehingga September 2010 beberapa PBT ada menerima aduan mengenai pelbagai kesalahan berkaitan papan iklan. Berikut adalah statistik aduan yang diterima oleh PBT- PBT di Selangor berkaitan papan iklan:

BIL	PBT	BILANGAN ADUAN
1.	MBSA	68
2.	MBPJ	TIADA
3.	MPK	TIADA
4.	MPAJ	76
5.	MPSJ	23
6.	MPKj	48
7.	MPS	TIADA
8.	MPSp	TIADA
9.	MDKS	TIADA
10.	MDHS	TIADA
11.	MDKL	221
12.	MDSB	TIADA

Setiap PBT mengguna pakai peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan 2007 yang menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) seperti berikut:

Seksyen 3(1)

Memperuntukkan Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan mana-mana bahasa lain.

Seksyen 3(2)

Jika bahasa kebangsaan digunakan bersama bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah:

a) Berukuran tiga puluh peratus lebih besar daripada bahasa lain;
b) Diutamakan dari segi kedudukan; dan
c) Digunakan dengan nahu yang betul

Seksyen 3(3)

Mana-mana orang yang gagal mematuhi perenggan (1) atau (2) melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

b) Antara langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan di papan-papan iklan ialah dengan menguatkuasakan undang-undang kecil iklan Majlis,mengguna pakai garis panduan Papan Iklan Luaran Negeri Selangor dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain itu. Penggunaan bahasa kebangsaan di papan-papan iklan boleh diperkasakan dengan mengguna pakai Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006, Langkah-Langkah Memperkasakan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan di tempat awam seperti papan iklan, papan tanda dan premis perniagaan juga terangkum sebagai bahasa yang digunakan dalam urusan rasmiia itu bahasa kebangsaan. Ini telah disyaratkan dalam kelulusan pelan pembangunan dan juga lesen iklan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : PENERIMAAN BANTUAN ZAKAT

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah penerima bantuan zakat mengikut daerah?

b) Berapakah jumlah yang diterima setiap seorang mengikut kategori?

c) Apakah kriteria yang menyebabkan penerima zakat sedia ada diberhentikan?

JAWAPAN:

a) Jumlah penerima bantuan zakat mengikut daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	FAKIR 2010	MISKIN 2010	JUMLAH KESELURUHAN
1.	SABAK BERNAM	280	2972	3252
2.	KUALA SELANGOR	2192	1556	3748
3.	KLANG	686	1625	2311
4.	KUALA LANGAT	1456	1085	2541
5.	SEPANG	107	546	653
6.	HULU LANGAT	1863	2188	4051
7	GOMBAK	1011	1310	2321
8.	HULU SELANGOR	1277	919	2196
9.	PETALING	494	1621	2115
10.	DESA KASIH/EHSAN	64	236	300
	JUMLAH	**9,430**	**14,058**	**23,488**

b) Jumlah yang diterima setiap seorang mengikut kategori adalah seperti berikut:-

KADAR AGIHAN BANTUAN ZAKAT SEMPENA MENYAMBUT RAMADHAN DAN HARI RAYA ASNAF FAKIR DAN MISKIN

KATEGORI	FAKIR	KATEGORI	MISKIN
TT	600	TT	550
T1	650	T1	600
T2	700	T2	650
T3	750	T3	700
T4	800	T4	750
T5	850	T5	800
T6	900	T6	850
T7	950	T7	900
T8	1000	T8	950
		T9	1000

TT = Tiada Tanggungan
T = Tanggungan

c) Kriteria yang menyebabkan penerima zakat sedia ada diberhentikan adalah kerana:-

i) Tidak menepati takrifan asnaf fakir atau miskin

ii) Telah melebihi Had Al-Kifayah sebagaimana yang telah ditentukan oleh pihak Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Selangor.

iii) Tidak menepati Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat serta Pekeliling yang dikeluarkan oleh LZS.

iv) Masih boleh berusaha bagi mendapatkan sumber pendapatan.

Nota:-

Bagi Kes bantuan bulanan maksimum tempoh penerimaan hanya untuk 6 bulan sahaja kecuali bagi mereka yang kritikal sahaja seperti:-

a) Hidup sebatang kara yang tidak disara oleh mana-mana pihak

b) Hilang tempat bergantung seperti di tinggal /dicerai oleh suami tanpa sebarang pendapatan atau pekerjaan.

c) Mempunyai tanggungan yang ramai 5 ke atas dengan syarat hidup amat memerlukan bantuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : BANDAR BARU BANGI MEMERLUKAN SEBUAH `CONVENTION CENTRE`

211. Bangi sebagai sebuah Bandar Ilmu memerlukan sebuah `Convention Centre`. Permohonan diajukan kepada PKNS Bandar Baru Bangi

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang mendirikan `Convention Centre` ini di Bandar Baru Bangi?

b) Dapatkah diterima lokasi `Convention Centre` ini di sekitar kawasan Tasik Cempaka?

c) Apakah konsep `Convention Centre` yang dicadangkan?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

Tajuk : RUNDINGAN PENSTRUKTURAN SEMULA AIR NEGERI SELANGOR

212. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses rundingan penstrukturan air Negeri Selangor dengan syarikat konsesi dan Kerajaan Persekutuan?

b) Sila nyatakan apakah langkah dan pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor sekiranya rundingan tersebut gagal dan bagaimanakah kedudukan tarif air selepas ini ?

c) Sila nyatakan apakah pendirian Kerajaan Negeri Selangor terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh pihak syarikat SYABAS sebanyak RM308 juta kerana mereka mendakwa mengalami kerugian angkara Kerajaan Negeri tidak membenarkan kenaikan tarif air ?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i) Mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

ii) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

iii) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:

   a) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan

   b) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

iv) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambilalihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan.

Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan rundingan bersama dengan keempat-empat syarikat pemegang konsesi air. Tawaran pengambilalihan syarikat konsesi air menggunakan Model holistik Negeri Selangor diterima oleh SPLASH dan ABASS, manakala SYABAS dan Puncak Niaga (M) Sdn Bhd menolak tawaran tersebut. Nilai tawaran pada ketika ini adalah pada nilai RM9.2 bilion.

Lanjutan tidak mendapat persetujuan dari kesemua syarikat pemegang konsesi ke atas Model holistik Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) telah bersetuju supaya Model Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) digunakan untuk proses penstrukturan semula di Selangor.

Di bawah Model PAAB ini, SYABAS akan dilesenkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai operator agihan manakala ABASS, SPLASH dan Puncak Niaga dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN. Di bawah Model PAAB ini juga, pegangan ekuiti Kerajaan Negeri Selangor di dalam SYABAS akan ditingkatkan dari 30% kepada 49% manakala pegangan ekuiti Puncak Niaga di dalam SYABAS akan dikurangkan dari 70% kepada 51% dan saham emas akan kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Penerimaan Kerajaan Negeri Selangor terhadap Model PAAB adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:-

a) Terma-terma dan syarat-syarat yang mengehendaki pengurusan SYABAS yang profesional, berkebolehan dan efisien akan dimuktamadkan di dalam Perjanjian Pemegang Saham yang akan ditandatangani di antara pemegang ekuiti SYABAS dan Kerajaan Negeri Selangor; dan

b) Model PAAB dipersetujui untuk diterima oleh keempat-empat syarikat pemegang konsesi air negeri Selangor.

Antara 16 Mac 2010 hingga 23 Mac 2010, pihak KTTHA telah membuat rundingan bersama kesemua syarikat konsesi air bagi memaklumkan nilai untuk pengambilalihan oleh PAAB. Kesemua syarikat konsesi air diberi tempoh sehingga 06 April 2010 untuk memberikan maklum balas ke atas tawaran tersebut. Nilai tawaran pengambilalihan adalah pada nilai RM10. 3 bilion. SPLASH dan ABASS telah menolak tawaran oleh KTTHA tersebut. SPLASH pada masa yang sama turut mengumumkan untuk mengambil alih semua syarikat air di Selangor pada nilai tawaran yang serupa dengan PAAB. Puncak juga mengemukakan cadangan pengambilalihan kepada KTTHA.

Berikutan dari gagalnya penerimaan Model PAAB tersebut, pada 29 dan 30 Julai 2010, KTTHA telah mengadakan satu retreat bagi membincangkan semula kaedah untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Di dalam retreat tersebut, wakil Kerajaan Selangor telah dimaklumkan oleh KTTHA bahawa Model Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor yang telah dipersetujui untuk diterima pakai

dalam melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor adalah Model Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 08 Julai 2009.

Melalui Model tersebut, kesemua pemegang konsesi air Negeri Selangor akan terus beroperasi sehingga tamat tempoh konsesi mereka. Kerajaan Persekutuan melalui PAAB akan mengambil alih semua aset dan liabiliti yang berkaitan dengan industri air dari kesemua Pemegang Konsesi dan Pemegang Konsesi akan beroperasi sebagai operator operasi dan penyelenggaraan (*Operation and Maintenance Operator*) secara *asset light.* Sebagai balasan kepada operator di bawah Model ini, Operator Rawatan Air iaitu Puncak, SPLASH dan ABASS akan menerima bayaran melalui *Bulk Supply Rate (BSR),* manakala Operator Agihan iaitu SYABAS akan menerima bayaran melalui tarif air.

Ekuiti Pegangan dalam SYABAS akan berubah di mana melalui Model ini, pegangan Puncak sebanyak 70% akan dikurangkan kepada 51% manakala pegangan Kerajaan Negeri akan ditingkatkan dari 30% kepada 49%. Satu Saham emas masih kekal dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Melalui Model ini, SYABAS akan diberikan lesen sebagai operator agihan manakala Puncak, SPLASH dan ABASS akan kekal diberi *authorisation* sebagai operator rawatan air yang akan beroperasi dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengikut peruntukan dan peraturan yang digariskan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655). Di bawah Model ini juga, semua aset bekalan air milik Kerajaan Negeri akan diambil alih oleh PAAB pada nilai sebanyak RM1.1 bilion dan jumlah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan akan tolak dari nilai aset tersebut.

KTTHA memaklumkan supaya wakil Kerajaan Negeri di dalam SYABAS selepas perubahan pegangan ekuiti hendaklah dari kalangan Kerajaan Negeri sendiri bukan diwakili oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) atau mana-mana syarikat lain.

Model tersebut tidak dapat diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana ia masih mengekalkan *framentation* di dalam perkhidmatan air. Kerajaan Negeri Selangor masih berpendirian Model Holistik adalah yang terbaik dapat menjamin industri perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan di samping dapat mengekalkan kos operasi dan tarif air yang munasabah.

Memandangkan Model ini tidak dapat dimuktamadkan, pada 20 Oktober 2010, Mesyuarat Jawatankuasa Penstrukturan Air telah diadakan oleh KTTHA. Di dalam mesyuarat tersebut, KTTHA memaklumkan wakil Kerajaan Negeri Selangor memandangkan sehingga kini penstrukturan air di negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan, maka adalah dicadangkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mempertimbangkan semula cadangan penstrukturan secara holistik yang akan dikemukakan oleh Syarikat Konsesi Air . KTTHA tidak ada halangan kiranya Model Holistik tersebut diterajui oleh mana-mana syarikat persendirian tetapi bukan oleh Kerajaan Negeri

Selangor memandangkan Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan pengambilan balik syarikat konsesi air atas dasar *willing buyer willing seller.*

YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam surat kepada KTTHA pada 22 Oktober 2010 memaklumkan bahawa pendirian Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan pelaksanaan Model Holistik dan akan membuat tawaran kepada Syarikat Konsesi Air dengan mengguna pakai kaedah di mana aset air akan diambil alih oleh PAAB manakala ekuiti akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan membayar pulangan pada kadar 12% kepada Pemegang Saham di dalam Syarikat Konsesi Air.

Sekiranya nilai tawaran baru oleh Kerajaan Negeri Selangor ini tidak diterima oleh Syarikat Konsesi Air, maka perkara mengenai nilai tersebut akan dirujuk kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan *fair market value* nilai pampasan yang akan dibayar kepada Pemegang Saham.

Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memuktamadkan rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini sebelum akhir tahun 2010 bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk ke atas operasi industri itu sendiri dan pasaran kewangan negara berikutan penurunan taraf (*downgraded)* bon-bon berkaitan air di pasaran kewangan negara.

Namun demikian, keputusan akhir mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor adalah tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri. Ini adalah kerana melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan air di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

b) Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan mengenai nilai *fair market value* yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi Air dalam usaha untuk menstrukturkan semula industri air di Selangor. Sekiranya rundingan dengan semua Syarikat Konsesi Air gagal dimuktamadkan atas sebab nilai tawaran yang diminta oleh Syarikat Konsesi Air adalah tinggi, maka Kerajaan Negeri Selangor akan merujuk perkara mengenai nilai tawaran tersebut kepada Badan Timbang Tara Antarabangsa bagi tujuan untuk menentukan apakah nilai *fair market value* yang sewajarnya dibayar kepada Syarikat Konsesi Air sebagai nilai pampasan mengambil alih syarikat tersebut.

Kerajaan Negeri Selangor maklum dan akur akan peruntukkan di dalam Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan pengambilalihan semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi, Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian di mana sejumlah pampasan perlu untuk disediakan untuk dibayar kepada Pemegang Konsesi. Sekiranya Pemegang Konsesi tidak dibayar pampasan yang setimpal, perkara ini boleh mendedahkan Kerajaan Negeri kepada tindakan undang-undang dan pada masa yang sama Kerajaan Negeri boleh dianggap bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa penstrukturan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah mendukung dasar-dasar penyusunan semula Industri Perkhidmatan Air Negara yang telah ditetapkan dengan ciri-ciri sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam persidangan Dewan Rakyat pada 30 Jun 2003 iaitu:-

i) Industri perkhidmatan air diuruskan secara holistik melalui sebuah syarikat yang dimiliki atau di bawah kawalan kerajaan Negeri;

ii) Operator perkhidmatan air yang dilesenkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

iii) Operator yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Cadangan penstrukturan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah untuk mendapatkan tarif yang munasabah kepada pengguna bukan sahaja di Selangor tetapi juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebahagian aset yang digunakan oleh Syarikat Konsesi Air telah dibina semenjak zaman Jabatan Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) melalui cukai yang dikutip dari rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Maka sewajarnyalah kepentingan rakyat Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibela iaitu melalui pemberian kadar tarif yang munasabah dan pengguna tersebut selanjutnya tidak dibebankan dengan kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi sedia ada. Kadar tarif yang munasabah adalah merupakan pulangan kepada pengguna hasil dari pembinaan paip bekalan air yang telah menggunakan cukai yang dikutip dari rakyat.

Sekiranya penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor ini gagal disebabkan Syarikat Konsesi Air enggan menerima tawaran yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan dalam salah satu tindakan yang akan diambil iaitu untuk membawa perkara tersebut ke Mahkamah dalam usaha untuk mendapatkan perintah bagi melindungi kepentingan pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terhadap kenaikan tarif sebagaimana yang telah ditentukan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS.

c) Di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, terdapat peruntukkan bahawa SYABAS boleh menuntut kenaikan tarif air setiap tiga tahun tertakluk kepada syarat bahawa SYABAS telah mematuhi semua kehendak di dalam Perjanjian Konsesi. Kenaikan tarif yang baru sepatutnya berkuat kuasa pada Januari 2009. Sebelum tarif baru dikuatkuasakan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor perlu bersetuju kepada kenaikan tersebut. Sekiranya kenaikan tarif air tidak dipersetujui, maka Kerajaan Negeri Selangor perlu membayar pampasan kepada SYABAS mengikut formula yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Konsesi.

Bagi kenaikan tarif untuk tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor tidak bersetuju dengan sebarang kenaikan tarif sebagaimana yang dipohon oleh SYABAS. Lanjutan dari tidak mendapat persetujuan Kerajaan Negeri Selangor, maka SYABAS bercadang untuk menyaman Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor masih belum menerima sebarang writ saman dari SYABAS. Kerajaan Negeri Selangor akan menjawab semua tuntutan oleh SYABAS dan mempertahankan pendirian Kerajaan Negeri Selangor bahawa SYABAS tidak wajar diberikan sebarang kenaikan tarif bagi tahun 2009. Namun semua jawapan tersebut hanya akan dikemukakan setelah writ saman diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor dari SYABAS bagi mengenal pasti apakah asas tuntutan sebenar yang dikemukakan oleh SYABAS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEMBANGUNAN DI KAMPUNG BARU

213. Difahamkan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai peruntukkan yang akan disalurkan melalui Exco untuk pembangunan Kampung-kampung baru.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah disalurkan kepada Kg.Baru Subang dan Kg.Baru Sg.Buloh ?

b) Senaraikan kerja-kerja yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan/ telah dilaksanakan di Kg.Baru Subang dan Kg.Baru Sg.Buloh menggunakan peruntukkan Exco ini ?

JAWAPAN :

a) Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 5,476,000.00 kepada Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan sejumlah **RM 83,200.00** telah disalurkan kepada Kg. Baru Seri Subang dan **RM 66,385.00** kepada Kg. Baru Seri Sg. Buloh. Walau bagaimanapun bagi tahun 2010, tiada permohonan projek - projek kecil yang diterima daripada Pejabat Daerah/Tanah Petaling bagi kampung-kampung tersebut.

b) Senarai kerja-kerja yang telah dilaksanakan di Kg. Baru Seri Subang dan Kg. Baru Seri Sg. Buloh adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	KAMPUNG	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Petaling	Kg. Baru Seri Sg. Buloh	Membaik pulih taman permainan Kg. Baru Seri Sg. Buloh	30,085.00
			Membaiki jalan kampung Kg. Baru Seri Sg. Buloh depan kilang	36,300.00
		Kg. Baru Seri Subang	Membina longkang di Jalan 1A Kg. Baru Seri Subang	83,200.00
JUMLAH KESELURUHAN				**149,585.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

214. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perkembangan terbaru program pembangunan semula bandar dan apakah faktor-faktor yang melambatkan perjalanan program ini?

b) Adakah kerajaan juga membangunkan semula kampung-kampung baru Cina di kawasan bandar di mana kampung baru ini semakin usang dan perlu dibangun semula?

JAWAPAN :

a) Pembangunan semula bandar merupakan salah satu daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang telah diumumkan pada 10 Mac 2009. Kerajaan Negeri akan memberi fokus pembangunan semula bandar ini terutama di kawasan Petaling Jaya dan Klang, memandangkan kawasan tersebut membangun dengan begitu pesat dan terdapat kawasan-kawasan lama yang telah usang dan tidak mampu untuk bersaing dengan pembangunan sekitar yang kian membangun.

Di dalam Rancangan Tempatan yang telah disediakan telah mengenalpasti tapak-tapak untuk pembangunan semula bandar iaitu di Pekan Subang, Kampung Baru Sungai Buloh, Kampung Melayu Subang dan Kampung Padang Jawa di MBSA. Di kawasan MPK kawasan yang telah dikenalpasti adalah di Jalan Kem Pelabuhan Klang, Jalan Bharu, Pusat Bandar Klang dan Kampung Pandan. Di kawasan MPKj pula kawasan yang telah dikenalpasti adalah Pusat Bandar Kajang, Batu 11 Balakong dan Kampung Sungai Ramal. Taman Greenwood dan Pekan Kuang telah dikenalpasti di dalam kawasan MPS. Di MPAJ kawasan yang telah dikenalpasti antaranya Taman Sri Keramat AU, Kampung Pandan Dalam dan Bangunan Kuarters PDRM. Manakala di MPSJ kawasan yang telah dikenalpasti adalah di Seri Kembangan dan Serdang Lama.

Namun demikian, setelah beberapa siri mesyuarat dan perbincangan pembangunan semula bandar yang dipengerusikan oleh Y.A.B Tan Sri' Dato' Seri Menteri Besar telah diadakan. Untuk peringkat pertama, kawasan Pusat Bandar Taman Keramat di MPAJ dan kawasan Seksyen 51, 51A dan 52 di Petaling Jaya dipilih sebagai fokus untuk pembangunan semula bandar.

Bagi merealisasikan pembangunan semula bandar di Petaling Jaya, Kerajaan Negeri telah menjemput Juru perunding Perancang Bandar untuk bekerjasama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi mengenalpasti kawasan terpilih di dalam Petaling Jaya dengan mengemukakan Kertas Kerja Konsep Pembangunan Semula Bandar Petaling Jaya.

Pada 7hb. September 2010, MBPJ telah mengemukakan pelawaan perunding bagi penyediaan ‘vision plan’ dan ‘management model report’ untuk pembaharuan bandar bagi Seksyen 51, 51A dan Seksyen 52 (termasuk sebahagian Seksyen 14, 7 & 8), Petaling Jaya. Penyediaan ’vision plan’ dan ’management model report’ ini akan melibatkan penyertaan penduduk-penduduk setempat melalui ’focus group discussion’ dan beberapa siri bengkel untuk memastikan perancangan yang holistik dapat dijalankan.

Pada 30hb. November hingga 1hb. Disember 2009, satu Seminar Antarabangsa dengan tema ‘International Conference Urban Regeneration – Towards Selangor’s Sustainable Future’ telah diadakan bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya. Seminar yang melibatkan seramai 300 peserta ini telah dianjurkan secara bersama oleh Kerajaan Negeri, REHDA Negeri Selangor, RICS dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP). Antara peserta yang hadir adalah dari Pihak Swasta, Badan Kerajaan, IPTA, IPTS, Pertubuhan Profesional, Ahli-ahli Majlis PBT, ADUN, Ahli Parlimen, NGO dan individu-individu lain.

Y.A.B Tan Sri Dato’ Seri Menteri Besar Selangor telah merasmikan seminar tersebut dengan menyampaikan Ucaptama yang bertajuk ‘Setting The Local Context – Urban Regeneration in Selangor’. Seminar ini juga turut melibatkan pembentang-pembentang dari luar negara seperti USA, Brisbane dan Singapore untuk berkongsi idea dan cadangan dalam usaha untuk memastikan pembangunan semula dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi kawasan Klang pula, Kerajaan Negeri melalui Pasukan Kajian Pengindahan dan Pemeliharaan Sungai Klang telah pun menjalankan Kajian Inventori dan Gunatanah bagi keseluruhan kawasan Majlis Perbandaran Klang sepanjang 21 kilometer di persisiran Sungai Klang. Kerajaan Negeri juga telah melantik Juruperunding Rekabentuk Bandar untuk mengenalpasti kawasan-kawasan berpotensi untuk dijalankan pembangunan semula atau bandar baru di kawasan tersebut.

Secara ringkasnya, Kerajaan Negeri begitu komited untuk melihat pembangunan di kedua-dua kawasan ini iaitu Petaling Jaya dan Klang terus membangun dengan lebih terancang dan sistematik.
Pihak Kerajaan Negeri begitu yakin dan bersungguh-sungguh untuk merealisasikan agenda pembangunan semula bandar ini berjaya dan mendapat sokongan penuh semua pihak berkepentingan.

b) Setakat ini tiada pembangunan semula kampung-kampung baru cina di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, di dalam penyediaan Rancangan Tempatan di Negeri Selangor pembangunan semula kampung-kampung tradisional termasuk kampung baru cina di kawasan bandar telah diambil kira dan diberi perhatian di dalam perancangan pada masa hadapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENYENGGARAAN DAN BAIKPULIH JALAN-JALAN KAMPUNG

215. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan kerja-kerja menyenggara dan membaiki jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Selangor ?

b) Jika Ya, berapakah jumlah peruntukan tahun 2010 dan 2011 ?

c) Senaraikan jumlah peruntukan kewangan yang dirancangkan untuk di laksanakan mengikut daerah dalam Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor akan terus melaksanakan kerja-kerja menyelenggara dan membaiki jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Selangor. Dalam hal ini, peruntukan bagi tujuan tersebut turut disediakan di dalam bajet tahunan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan taraf infrastruktur khususnya bagi kawasan luar bandar.

b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2010 telah menolak soalan ini.

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 21 Oktober 2010 telah menolak soalan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : KOREK PASIR

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa lamakah tempoh permit pengorek pasir di dalam satu kawasan di jalankan?

b) Adakah kontraktor yang sama boleh menyambung permit tersebut?

c) Adakah kontraktor dibenarkan mengeluarkan pasir diluar kawasan permit yang dibenarkan?

JAWAPAN:

a) Tempoh permit bergantung kepada rizab pasir. Ianya diluluskan untuk sesuatu tahun kalendar dan diperbaharui setiap 3 bulan mengikut tatacara Pentadir Tanah.

b) Kontrak-kontraktor melombong yang dilantik oleh KSSB pada kebiasaannya adalah untuk tempoh selama setahun. Permit adalah atas nama KSSB sepanjang tempoh permit dan operasi pengekstrakan pasir tersebut.

Kontrak untuk cucigali sungai pula adalah untuk tempoh 3 bulan sekali.

Penyambungan kontrak adalah atas budibicara KSSB dan bergantung kepada tempoh permit yang masih sah dan rizab pasir.

c) Kontraktor hanya dibenarkan mengeluarkan pasir dari sesuatu kawasan permit sah sahaja. Pengeluaran di luar kawasan permit adalah dianggap sebagai pengeluaran secara haram.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN REMAJA DALAM MENGURANGKAN KEMISKINAN PENDUDUK

217. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa ramai golongan remaja lepasan sekolah yang dapat di bantu dalam bidang pendidikan lanjutan dalam program mengurangkan kemiskinan penduduk ladang. Adakah anak-anak di tanah rancangan seperti FELDA juga mendapat peluang yang sama.

b) Berapakah peruntukan yang telah di belanjakan dan apakah institusi yang terlibat untuk tujuan tersebut.

JAWAPAN :

a) Pada tahun 2010, seramai 157 orang pelajar dari keluarga yang bekerja di ladang-ladang Selangor telah ditaja oleh Kerajaan Negeri untuk menjalani program kemahiran teknikal di Inpens Selangor. Bagi anak-anak yang tinggal di tanah rancangan FELDA, mereka masih dikategori sebagai keluarga yang tinggal di ladang dan sehubungan itu, Kerajaan Negeri masih boleh menaja mereka untuk menjalani program kemahiran teknikal di Inpens Selangor.

b) Berikut adalah pecahan perbelanjaan bagi tajaan pelajar ke Inpens dan bantuan yuran pengajian di institusi pengajian tinggi:

Bil	Perkara	Jumlah Perbelanjaan
1.	Bantuan yuran pengajian Nimalan a/l Arumugam - UNISEL	RM 5,440
2.	Bantuan Pengajian Jerita A/P Gopalam – Intelect ED Sdn Bhd	RM 5,000
3.	Bantuan Pengajian Gukan A/l Baskaran - UNISEL	RM 8,585
4.	Bantuan Pengajian Desalini a/p Nagapan – Universiti Malaysia Kelantan	RM 1,700
5.	Bantuan Pengajian Hari Prasad a/l Govinda – Universiti Malaysia Sabah	RM 2,712
6.	INPENS International College – Program Kemahiran Teknikal (79 students)	RM 510,250
7.	Bantuan Yuran Pengajian SUbramaniam a/l Chetty - UNITAR	RM 1,925
8.	Bantuan Yuran Pengajian Sivakumuar – Sime Darby Industrial Academy	RM 1,460
9.	Bantuan Yuran Pengajian Thinesh Raj – JCM Consultants	RM 2,500
10.	INPENS Selangor – Bayaran Tajaan Pelajar Anak Pekerja Ladang (78 orang)	RM 252,450
JUMLAH		**RM 792,022**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: SEKTOR SMALL & MEDIUM ENTERPRISE (SME)

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha kerajaan dalam membantu SME?

b) Berapakah syarikat SME yang ada di negeri Selangor?

c) Apakah masalah yang dihadapi oleh SME?

JAWAPAN:

a) Antara usaha – usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu SME adalah seperti berikut:-
   i. Mengadakan program *business matching* antara SME tempatan dengan luar negara.
   ii. Mengadakan sesi dialog bagi mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh syarikat – syarikat SME dan membantu bagai menyelesaikan permasalahan yang dihadapi
   iii. mengadakan pertemuan antara Kerajaan Negeri, syarikat – syarikat SME dan Dewan – Dewan Perniagaan bagi mendapatkan maklumat dan cadangan – cadangan bagaimana untuk membangunkan usahawan – usahawan SME di Selangor.
   iv. Menganjurkan program – program meningkatkan kefahaman syarikat – syarikat SME dalam bidang import dan eksport.

b) Daripada rekod SMIDEC sebanyak 1,793 syarikat SME yang beroperasi di Negeri Selangor.

c) Antara masalah – masalah yang sering dihadapi oleh SME di negeri Selangor adalah seperti berikut
   i. Masalah pemasaran
   ii. Masalah bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan
   iii. Masalah kekurangan pekerja tempatan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: PUSAT KEBUDAYAAN MASYARAKAT KAUM CINA DAN INDIA.

219. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Di manakah dan bilakah Pusat-pusat Kebudayaan Masyarakat Kaum Cina dan India akan beroperasi sepenuhnya di Negeri Selangor ini?

b) Apakah ciri-ciri dan konsep Pusat-pusat Kebudayaan tersebut?

c) Apakah kebaikan-kebaikan yang akan dinikmati oleh semua kaum daripada Pusat-pusat Kebudayaan Cina dan India tersebut?

JAWAPAN:

a) Sehingga kini, perbincangan masih lagi dibuat bagi memilih lokasi yang sesuai bagi pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor. Namun, ia akan terletak di sekitar pesisir Sungai Klang bersama-sama dengan Pusat Kebudayaan Pelbagai Kaum yang lain. Ini sebagai langkah memaju dan membangunkan pesisir Sungai Klang sebagai destinasi tarikan pelancong di samping menyemai rasa cinta terhadap sungai dan sistem-sistem saliran seumpamanya kepada masyarakat. Pihak jawatankuasa telah melantik juruperunding bagi membuat kajian terperinci berkaitan kesesuaian tapak yang akan dipilih kelak. Manakala bagi Pusat Kebudayaan India, sehingga kini masih belum dibincangkan secara terperinci bagi memberi laluan kepada pembinaan Pusat Kebudayaan Cina terlebih dahulu.

Belum dapat dipastikan bilakah pelaksanaan, pembinaan dan operasi bagi Pusat Kebudayaan Cina Negeri Selangor ini dapat disempurnakan. Ini kerana, pemilihan tapak dan reka bentuk projek berkenaan masih lagi di peringkat perbincangan jawatankuasa. Ia tidak boleh dibuat secara terburu-buru kerana pelbagai aspek perlu diberikan perhatian terutama berkaitan kesesuaian tapak, penerimaan masyarakat setempat, kesesuaian reka bentuk, implikasi kewangan / peruntukan dan hal-hal lain yang berkaitan. Selain itu, ia perlu dikemukakan ke peringkat tertinggi Kerajaan Negeri Selangor iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya.

b) Konsep bagi pengisian Pusat Kebudayaan ini meliputi barangan perniagaan, makanan, persembahan dan perkhidmatan yang berunsurkan kebudayaan sesuatu kaum di bawah satu bumbung. Para peniaga sebagai contohnya, akan dapat mempamerkan hasil perniagaan masing-masing seperti cenderamata, kraftangan, barangan antik, perkhidmatan dan rawatan tradisional, akupuntur, rumah teh cina, buah-buahan, galeri seni, restoran dan persembahan seni dan budaya. Melalui konsep ini, ia bukan sahaja sabagai pusat kebudayaan semata-mata, malah berperanan sebagai sumber rujukan, pendidikan dan

pengembangan seni dan budaya sesuatu masyarakat terutama kepada golongan muda.

Manakala dari sudut konsep seni bina ia akan meliputi pembinaan muzium, galeri seni, dataran dan pentas budaya, pintu gerbang, gerai jualan, restoran, kedai cenderamata dan kraf serta taman hiasan. Kesemuanya meniti beratkan aspek seni bina dan landskap dari sesuatu kaum tersebut.

c) Pembinaan Pusat Kebudayaan Semua Kaum ini kelak dijangka akan memberi faedah dari aspek:-

i. Pengembangan kesenian dan kebudayaan sesuatu kaum.

ii. Sumber dan lokasi rujukan utama berhubung nilai-nilai budaya masyarakat, asal usul, kesenian, kraftangan dan makanan.

iii. Menggalakkan pengembangan pendidikan dan pembelajaran di kalangan generasi muda tentang nilai dan budaya masyarakat.

iv. Sebagai pusat dan lokasi rekreasi keluarga yang bukan sekadar untuk beristirahat malah dapat menimba ilmu dan pengembangan minda yang sangat berguna.

v. Tarikan utama kepada pelancong tempatan dan asing. Ini akan membantu memberikan lebih pilihan kepada pengunjung terhadap produk-produk pelancongan di negeri Selangor. Malah secara tidak langsung menggalakkan pelancongan mengunjungi Selangor dan memperkenalkan Selangor sebagai hub-seni budaya terbaik.

vi. Membantu pembangunan ekonomi setempat melalui penglibatan pengusaha restoran, peniaga cenderahati dan kraftangan serta perniagaan-perniagaan berteraskan kesenian dan kebudayaan.

vii. Membantu mewujudkan rantaian kerjasama antara Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat melalui penganjuran acara-acara kesenian dan kebudayaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

220. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam tender Projek Pembersihan Sungai Klang

b) Sejauh manakah pembangunan Sungai Klang dapat menciptakan peluang pekerjaan dan sumber ekonomi kepada warga negeri Selangor serta Kerajaan Negeri Selangor?

c) Apakah bentuk kerjasama yang diwujudkan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor bagi menjayakan Projek Pembersihan Sungai Klang?

JAWAPAN:

a) Syarikat-syarikat yang terlibat pada awalnya adalah TSS-MAKO Sdn. Bhd, GJA Engineering Sdn. Bhd., dan konsortium Wessex Water-I Bhd. Sdn. Bhd. Tiga syarikat ini telah dipilih daripada 13 yang menghantar *business proposal* kepada Kerajaan Negeri Selangor.

b) Projek Sungai Klang yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mengguna pakai konsep Public/Private Partnership (PPP) dan Private Funding Initiative (PFI). Di dalam konteks Kerajaan Negeri, projek-projek perniagaan atau pembangunan akan dilaksanakan terlebih dahulu untuk mendapatkan pulangan tunai dan bukan tunai untuk membiayai projek tersebut.

Sumbangan jangka pendek dan jangka panjang projek tersebut kepada perkembangan ekonomi negeri adalah dari segi:-

1) Menambahkan pelaburan swasta di dalam projek-projek spesifik untuk pemuliharaan Sungai Klang atau projek-projek yang akan digunakan untuk membiayai Projek Sungai Klang
2) 'Multiplier effect' daripada pelaburan-pelaburan yang terbabit
3) Menambahkan peluang pekerjaan terutamanya di dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan
4) Mewujudkan persekitaran yang lebih bersih dan indah di sepanjang Sungai Klang dan meningkatkan nilai hartanah dan potensi pelancongan
5) Menyelesaikan masalah-masalah pencerobohan tanah kerajaan, setinggan, kilang-kilang haram dan masalah setempat yang membantutkan pembangunan dan kelancaran ekonomi terutamanya yang berkaitan dengan Projek Sungai Klang ini

c) Jawatankuasa Greater Kuala Lumpur/Klang Valley telah dibentuk di bawah Program Transformasi Ekonomi Kerajaan Persekutuan, iaitu inisiatif PEMANDU. Jawatankuasa ini diketuai oleh Menteri Wilayah Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor telah pun dijemput sebagai ahli jawatankuasa tersebut melalui Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Dato' Menteri Besar. Salah satu daripada projek Program Transformasi Ekonomi adalah "River of Life", iaitu pembersihan Sungai Kelang di kawasan Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diberi mandat untuk mengetuai projek "River of Life" di Kuala Lumpur. Satu jawatankuasa kerja dicadangkan untuk dibentuk bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri Selangor supaya cadangan dari kedua-dua kerajaan dapat dikongsi dan dilaksanakan bersama. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembentangan kepada DBKL mengenai cadangannya untuk memulihkan Sungai Kelang di kawasan Selangor. Kerjasama antara kedua-dua kerajaan adalah penting supaya terdapat kerja holistik, khasnya kerana Sungai Kelang bertambah kotor setelah mengalir melalui kawasan Kuala Lumpur.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : JPS (PERPARITAN DAN PENGAIRAN)

221. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah Peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2010 untuk menyelenggara parit-parit sebu di dalam kawasan kampung-kampung di luar bandar ?

b) Sila senaraikan pembahagian peruntukan tersebut mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

c) Sila nyatakan perbelanjaan yang telah dilaksanakan sehingga bulan September 2010.

JAWAPAN :

a) Secara keseluruhan, Jabatan Pengairan dan Saliran mendapat peruntukan Mengurus sebanyak RM24.892 juta. Daripada jumlah itu sebanyak RM15.253 juta diperuntukkan bagi kerja menyelenggara parit sebu di dalam kawasan kampung-kampung di luar Bandar.

b) Pembahagian peruntukan adalah seperti yang berikut:

BIL	DAERAH	PECAHAN PERUNTUKAN
1	Hulu Selangor	712,500.00
2	Hulu Langat	800,000.00
3	Kuala Selangor	5,000,000.00
4	Petaling	0.00
5	Klang	1,000,000.00
6	Sabak Bernam	3,900,000.00
7	Sepang	1,230,000.00
8	Kuala Langat	2,065,500.00
9	Gombak	545,000.00

c) Perbelanjaan keseluruhan sehingga bulan September adalah sebanyak RM13 juta iaitu 86%. Pecahan perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

DAERAH	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Hulu Selangor	240,793.00	34
Hulu Langat	720,000.00	90
Kuala Selangor	4,850,000.00	97
Petaling	0.00	100
Klang	920,000.00	92
Sabak Bernam	2,925,000.00	75
Sepang	1,045,500.00	85
Kuala Langat	1,858,950.00	90
Gombak	517,750.00	95
Jumlah	**14,054,268.50**	**86**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : MASALAH SAMPAH

222. Masalah sampah tidak diselenggara dan dibuang di tempat-tempat yang tidak sepatutnya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah ini?

b) Apakah langkah Kerajaan Negeri terhadap sampah-sampah yang dibuang ke dalam sungai?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : SISTEM PENANGKAP KILAT

223. Adalah difahamkan bahawa kebanyakan bangunan-bangunan tidak mempunyai sistem penangkap kilat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini?

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum menguatkuasakan sebarang arahan yang mewajibkan bangunan-bangunan memasang sistem penangkap kilat. Walau bagaimanapun, di peringkat PBT ada mensyaratkan pemasangan sistem ini bagi bangunan-bangunan tinggi dan juga struktur yang berisiko seperti tangki yang menyimpan bahan mudah terbakar. Lanjutan daripada itu, semasa perancangan pembangunan sesebuah struktur, pihak perunding akan mencadangkan pemasangan sistem penangkap kilat sekiranya ia didapati perlu di dalam permohonan yang dihantar ke PBT yang berkaitan untuk kelulusan pembangunan.

b) Kerajaan Negeri akan mengkaji perkara ini dari aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran bersama-sama agensi yang mempunyai kepakaran dalam menentukan keperluan pemasangan sistem penangkap kilat pada bangunan-bangunan sedia ada dan juga mensyaratkannya dalam perancangan pembangunan akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : PREMIUM TANAH

224. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Dalam projek Merakyatkan Ekonomi Selangor, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan **premium tanah** bagi tapak rumah di kampung-kampung tradisi (tanah-tanah Lot) kepada RM2.00 sekaki persegi. Ini kerana kebanyakan mereka yang di tawarkan premium tersebut gagal untuk menjelaskannya.

JAWAPAN:

a) Kadar RM 2.00 sekaki persegi adalah rendah berbanding harga pasaran. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menurunkan kepada kadar yang lebih rendah buat masa ini.

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : BAYARAN SUBSIDI TAMBANG BAS UNTUK MURID SEKOLAH

225. Kerajaan Negeri telah komited untuk memberi subsidi tambang bas kepada murid-murid sekolah. Bukit Melawati telah mengumpul dan menyerahkan senarai murid seramai 231 orang pada bulan Jun 2010 kepada Kerajaan Negeri. Sehingga hari ini, kami tidak menerima sebarang pengesahan. Ibu bapa pula mula mengejar kami.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Setakat ini ,berapa ramai murid dibantu di bawah skim ini ?

b) Bila murid -murid dari Kawasan DUN Bukit Melawati akan mendapat bantuan di bawah skim ini ?

JAWAPAN:

a) Sehingga bulan Oktober, seramai 553 orang pelajar di sekolah ladang telah diberi bantuan subsidi bas.

b) Berkaitan permohonan kawasan Dewan Negeri Selangor (DNS) Bukit Melawati, permohonan bantuan anak-anak tersebut akan diberi pada tahun 2011 memandangkan tahun 2010 sudah sampai ke penghujung tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: BANGUNAN MILIK TOURISM SELANGOR

226. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas bangunan milik Tourism Selangor di Dataran Shah Alam? Sila nyatakan kos perpindahan pejabat dan operasi Tourism Selangor dan SSIC ke Bandar i-City?

JAWAPAN:

a) Kos perpindahan SSIC Berhad ke Bandar i-City adalah berjumlah RM 1.5 juta dan pecahan kos-kos tersebut adalah seperti berikut;-

Bil.	Perkara	Kos (RM)
1.	Kos pengubahsuaian pejabat	1,112,120.00
2.	Kos peralatan pejabat	233,314.00
3.	Kos lengkapan dan kelengkapan	154,566.00
	JUMLAH KESELURUHAN	**1,500,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENYENGGARAAN BAN / BENTENG PANTAI

227. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan ban-ban dan benteng-benteng yang dibina di sepanjang pantai di Negeri Selangor sentiasa selamat daripada ancaman hakisan pantai ?

b) Berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk menyenggarakan ban-ban dan benteng-benteng tersebut tahun 2010 ?

JAWAPAN :

a) Hakisan pantai adalah satu fenomena alam yang akan berlaku berterusan di mana ianya berpunca daripada ancaman ombak yang berlaku ketika ribut semasa air pasang. Ban-ban pantai di sepanjang pantai di negeri Selangor direka bentuk dan dibina untuk melindungi dan memastikan air laut tidak masuk ke kawasan pertanian, pekan kecil dan juga kawasan-kawasan perkampungan tepi pantai. Namun begitu, disebabkan kenaikan paras air laut menyebabkan ban-ban tersebut terdedah kepada risiko *overtopping* dan terhakis terutama ketika air pasang besar.

   Pemantauan bulanan dan penyelenggaraan ban seperti kerja-kerja memperkukuh dan menaiktaraf ban serta pengawalan hakisan pantai seperti pembinaan lapisan lindung batu dilaksanakan mengikut keperluan dan keadaan semasa untuk melindungi ban-ban pantai tersebut daripada ancaman ombak yang menyebabkan hakisan.

b) Bagi Tahun 2010, peruntukan tahunan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyenggara ban-ban pantai adalah berjumlah RM660,000.00.

Maklumat Tambahan :

Peruntukan ini telah diagihkan untuk empat daerah berpantai yang terlibat iaitu :-

i) RM100,000.00 untuk Daerah Klang bagi kerja-kerja menaiktaraf dan memperkukuh benteng pantai

ii) RM200,000.00 untuk Daerah Kuala Langat bagi kerja-kerja membaik pulih benteng pantai,

iii) RM240 ribu untuk Daerah Kuala Selangor bagi kerja-kerja menaiktaraf struktur hakisan pantai

iv) RM120,000.00 untuk Daerah Sabak Bernam bagi kerja-kerja membina dan menyiapkan struktur kawalan hakisan pantai

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : FLAT TAMAN RAKAN, CHERAS.

228. Flat Taman Rakan, Cheras ini tidak diselenggara dengan sempurna dan didapati sampah bertaburan di seluruh kawasan flat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah penyelenggaraan sampah di kawasan ini?

b) Adakah pihak PBT mengambil inisiatif menggalakkan penduduk flat ini untuk menubuhkan JMB?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : KEMUDAHAN ASAS KAFA INTEGRASI

229. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008 muka surat 27: "Pada pendapat Audit, kemudahan asas KAFA Integrasi tidak memuaskan dan perlu dinaik taraf kerana ia menjejaskan keselesaan murid".

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 58, Para 2.5.6.2: "Kerajaan Negeri, BPI, JPN Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) memberi bantuan untuk kemudahan asas. Bantuan akan terus disalurkan mengikut kemampuan".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah keseluruhan peruntukan yang diperlukan bagi memenuhi standard Audit dalam menyediakan kemudahan asas KAFA Integrasi seluruh Selangor?

b) Berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan oleh masing-masing Kerajaan Negeri, BPI, JPN Selangor dan LZS untuk kemudahan asas sepanjang tahun 2009?

c) Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan untuk tahun 2009 dan 2010 bagi meningkatkan kemudahan asas seperti dalam piawaian Audit?

JAWAPAN :

a) KAFA Integrasi (KAFAI) adalah dikelolakan oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh ibubapa pelajar sekolah berkenaan. JAIS hanya menyediakan tenaga pengajar dimana sebahagian elaun dibayar oleh JAKIM dan sebahagian lagi oleh Kerajaan negeri. Peruntukan pembinaan sekolah diperolehi dari bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran secara ' graut' dan sebahagiannya diperolehi dari LZS. Sebahagian bangunan sekolah KAFAI yang telah dibina tidak mengikut standard yang ditetapkan JKR dan kos untuk menaik taraf KAFA yang ada di Selangor dianggarkan berjumlah RM 37 juta.

b) Untuk tujuan memenuhi keperluan asas, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 4,000,000.00 (2009) dan 6,000,000.00 (2010) melalui Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Modal Insan. JPN Selangor (KPM) telah memperuntukkan 5,200,000.00 (2010). LZS telah memperuntukkan 1,750,000.00 untuk bantuan perabot dan 1,654.000.00 untuk bantuan baikpulih (2010).

c) Jumlah yang telah digunakan untuk 2009 dan 2010 adalah RM 18,604,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

230. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan dan strategi kerajaan untuk memulihkan TKPM yang kebanyakannya gagal atau tidak mencapai sasaran?

b) Berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk Projek TKPM dalam tahun 2009 mengikut lokasi?

JAWAPAN :

a) Jabatan Pertanian telah merancang beberapa penambahbaikan ke arah transformasi pertanian secara menyeluruh agar pencapaian TKPM dapat ditingkatkan. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan secara berterusan ialah :

1. Pemuliharaan Sumber Tanah
2. Peserta Projek Yang Berdaya Maju
3. Amalan Teknologi Pertanian Moden
4. Amalan Pertanian Baik (GAP)
5. Rangkaian Pemasaran (Agribazaar)
6. Nilai Tambah Produk (Industri Asas Tani)

1. Pemuliharaan Tanah Yang Bermasalah:

Tanah-tanah di TKPM kebanyakannya adalah tanah bermasalah iaitu tanah gambut (TKPM H.Chuchoh, Sg Blankan,Sg Kelambu,Kg Kundang, Sg Panjang), tanah bekas lombong (Hulu Yam, Bistari Jaya, Semenyih) dan tanah berbukit (Batu Arang, Batangsi)Oleh itu usaha-usaha pemuliharaan tanah berkenaan seperti pengapuran, penggunaan baja organik, pembinaan teres dan tapak tanaman dilakukan secara berterusan agar tanah yang bermasalah dapat dipulihkan dengan kadar yang lebih cepat dan kos yang murah.

2. Peserta Projek Yang Berdaya Maju:

2.1 Sebahagian daripada peserta TKPM masih mendapat pulangan hasil dan pendapatan yang rendah disebabkan faktor kurang mahir menguruskan ladang mengikut kaedah yang betul. Oleh yang demikian peserta-peserta ini akan diberikan latihan kemahiran dalam aspek pengurusan ladang, pengurusan masa dan mematuhi disiplin sebagai pengusaha/peniaga dalam sektor pertanian.

2.2 Pemilihan peserta juga akan diperketatkan di mana bakal peserta perlu menunjukkan bahawa mereka benar-benar berminat, mahir dalam bidang yang dijalankan serta mempunyai modal yang kukuh.

3. Amalan Teknologi Pertanian:

3.1 Teknologi merupakan aspek penting dalam industri pertanian dan sebahagian peserta TKPM belum sepenuhnya menggunakan teknologi yang ada.Oleh yang demikian usaha akan dilakukan agar peserta mendapat maklumat dan mengamalkan teknologi pertanian terutama dalam aspek:

i) Penggunaan benih dan varieti tanaman yang berkualiti dan disyorkan Jabatan Pertanian
ii) Penggunaan baja berasaskan mikrob (organik) yang boleh meningkatkan tahap kesuburan tanah dan keupayaan pokok menyerap sumber nutrien.Ini juga meliputi penggunaan kawalan musuh dan penyakit secara organik
iii) Amalan teknologi mekanisasi ladang bagi mengurangkan tenaga manual.
iv) Penggunaan teknologi sistem pengairan yang lebih efisien.

4. Amalan Pertanian Baik (GAP):

i) Penggunaan benih dan varieti yang bermutu
ii) Penyertaan peserta dalam persijilan SALM dan SO
iii) Penggunaan racun makhluk perosak yang betul dan mengikut kadar MRL yang dibenarkan

5. Pemasaran:

i) Adalah didapati bahawa masalah utama yang sering dihadapi peserta adalah harga pasaran yang tidak menentu , lambakan hasil pertanian dan kurang rangkaian dalam pasaran dalam dan luar negara.Oleh yang demikian peserta TKPM akan dibantu dalam maklumat pasaran hasil pertanian terkini (FAMA XCHANGE) dan sistem rangkaian pasaran (AGRIBAZAAR oleh Jabatan Pertanian)

ii) Peserta-peserta projek TKPM juga akan didedahkan dengan lebih banyak berkaitan pasaran melalui internet dan penyertaan peserta projek dalam program Ladang Kontrak yang dikelolakan oleh pihak FAMA.

6. Nilai Tambah Produk:

i) Hasil bahan mentah pertanian jika diproses akan memberikan pulangan yang lebih baik dan tahan lama. Oleh yang demikian peserta-peserta TKPM digalakkan menambah nilai produk dengan memproses bahan mentah seperti ubi kayu, keledek, pisang, nanas dan lain-lain agar dapat dipasarkan dengan lebih baik hingga eksport ke luar negara. Kerajaan juga perlu menyediakan kemudahan premis, kilang dan pusat jualan produk nilai tambah dari peserta TKPM.

b) Perbelanjaan pembangunan TKPM Selangor bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :

TKPM	**Perbelanjaan (RM)**	**Nilai Pengeluaran (RM)**
1. Hulu Chuchoh	50,000.00	1,347,278.40
2. Sg. Blankan	400,000.00	2,360,225.85
3. Bistari Jaya	350,000.00	2,145,112.67
4. Bukit Changgang	150,000.00	1,242,163.40
5. Semenyih	110,000.00	871,930.37
6. Hulu Yam	400,000.00	12,761,480.00
7. Pusat Komoditi Serdang	100,000.00	78,750.50
8. Sg. Kelambu	450,000.00	941,361.75
9. Sg. Batangsi	500,000.00	419,395.00
10. Kundang	450,000.00	244,356.80
11. Sg. Panjang	150,000.00	90,900.00
12. Batu Arang	100,000.00	181,047.45
Jumlah	**3,180,000.00**	**22,684,001.74**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

231. Adalah di fahamkan peruntukan MARRIS terletak di bawah PBT

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang di peruntukkan di bawah MPK bagi tahun 2010 ?

b) Daripada jumlah berkenaan, berapakah jumlah yang tetapkan bagi setiap DUN dan berapakah yang telah di belanjakan bagi setiap DUN ?

c) Bagaimanakah prosedur untuk mendapatkan peruntukan MARRIS ini ?

JAWAPAN :

a) Jumlah peruntukan MARRIS yang diperuntukkan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM7.5 juta.

b) Untuk makluman Y.B. peruntukan geran MARRIS hanya disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya serta Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Ianya tidak disalurkan mengikut kawasan Dewan Negeri.

c) Prosedur bagi memohon peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Kerajaan (MARRIS) daripada Kerajaan Persekutuan adalah melalui Sistem MARRIS On-line. Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mendaftarkan jalan-jalan baru atau jalan-jalan yang telah dinaik taraf di dalam '*web site'* MARRIS Online. Setelah jalan tersebut mendapat perakuan oleh JKR, ia akan dihantar ke JKR Persekutuan untuk disemak dan jumlah peruntukan setiap Negeri akan di berikan kepada Kementerian Kewangan untuk disalurkan kepada semua Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PERNIAGAAN `UP TOWN`

232. Sekarang ini berkembang perniagaan malam ke pagi di pusat-pusat perniagaan yang dikenali dengan `Up Town`.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Adakah perniagaan seumpama ini mendapat restu Kerajaan Tempatan?

b) Apakah kewajaran dan kesesuaian perniagaan seperti ini?

c) Adakah perniagaan seperti ini menimbulkan gejala sosial?

JAWAPAN :

a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) membenarkan permohonan Bazar Malam mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh setiap PBT dan mana-mana permohonan yang tidak mematuhi dan memenuhi syarat dan peraturan akan ditolak.

b) Pada dasarnya aktiviti ini dapat memberi ruang serta peluang perniagaan kepada penjaja kecil dan pembeli dengan harga yang lebih murah dan secara tidak langsung menjana aktiviti sosioekonomi penduduk setempat. Ia juga memberi peluang penjaja-penjaja kecil menjual barangan yang dibenarkan di lokasi yang sesuai.

c) Maklum balas dari PBT, perniagaan ini tidak menimbulkan masalah gejala sosial dan sehingga ini tiada bantahan yang diterima oleh PBT terlibat. Walau bagaimanapun dengan adanya pemantauan daripada pihak penganjur dan PBT maka permasalahan di kawasan tersebut dapat di kawal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN DI DUN SEKINCHAN

233. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan bagaimanakah pendirian pihak Kerajaan Negeri terhadap permintaan dan cadangan mewujudkan sebuah Muzium Padi di DUN Sekinchan bagi menarik lebih ramai pelancongan datang melawat DUN Sekinchan ?

b) Sila nyatakan setakat manakah pencapaian terkini cadangan pembinaan sebuah hotel bertaraf 3 bintang di Pantai Redang Bagan Sekinchan ?

c) Sila nyatakan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik dan mempromosikan Dun Sekinchan sebagai destinasi pelancongan baru Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan cadangan ke arah penambahbaikan sektor pelancongan di negeri Selangor lebih-lebih lagi dalam rangka kempen Selangor Shines ketika ini. Namun begitu, bagi penubuhan Muzium Padi di DUN Sekinchan ia merupakan satu proses perancangan pembangunan pelancongan yang bersifat jangka panjang. Ia tidak akan dilaksanakan dalam waktu terdekat dengan mengambil kira keperluan semasa terutama dari sudut keupayaan kewangan negeri dan produk-produk lain yang telah sedia ada.

Ketika ini, di daerah Sabak Bernam telah terdapat Muzium Pertanian dan Perikanan yang antara lain turut memfokuskan kepada pengisian bahan-bahan dan dokumentasi terhadap industri jelapang padi di negeri Selangor. Kerajaan Negeri berpendapat, kewujudan muzium ini perlu diperkukuhkan dan dibangunkan secara bersepadu terlebih dahulu. Pengisian, dokumentasi dan pengembangan pembangunan muzium berkenaan perlu mampu menarik minat pengunjung dan menjadikan ia sebahagian daripada produk pelancongan yang lebih menarik di daerah Sabak Bernam.

Justeru itu, muzium sedia ada dilihat masih mampu memberikan maklumat dan informasi di samping sebagai daya tarikan ke daerah berkenaan. Bagi DUN Sekinchan, perancangan mewujudkan Muzium Padi perlu juga pada masa yang sama melihat keupayaan muzium yang telah sedia ada supaya ia benar-benar berfungsi pada skala yang lebih maksimum.

b) Sehingga kini, proses pembangunan di Pantai Redang Bagan Sekinchan telah melalui beberapa peringkat. Antara kemajuan setakat ini ialah bagi proses permohonan tanah, ia telah dikemukakan kepada pihak Pejabat Daerah / Tanah Sabak Bernam pada 18 Oktober, 2010 yang lalu. Manakala, bagi pelan cadangan pembangunan sebuah hotel bertaraf 3 bintang sedang dalam proses untuk dimuktamadkan sebelum dikemukakan untuk tindakan lanjut oleh pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

c) Sekinchan dilihat mempunyai pelbagai potensi yang boleh diketengahkan sebagai salah satu produk / destinasi tarikan pelancong. Kerajaan Negeri sentiasa membantu dan memastikan pembangunan yang berterusan walaupun tidak mempunyai satu pelan pembangunan jangka pendek dan panjang yang dimuktamadkan sebagai pelan pembangunan pelancongan negeri Selangor.

Namun begitu, bagi tahun 2011, Melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri Selangor dan Tourism Selangor Sdn Bhd beberapa perancangan telah dibuat untuk dilaksanakan dalam tempoh berkenaan. Antaranya ialah, beberapa daerah akan dipilih dan diberikan fokus utama iaitu Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Langat. Bagi daerah Sabak Bernam, Sekinchan sudah pastinya akan menjadi antara destinasi / produk utama yang akan diberikan tumpuan. Sebagai contoh, bagi tahun 2010, peruntukan kecil di bawah program menaik taraf produk-produk pelancongan negeri Selangor berjumlah RM 30 000.00 telah disalurkan dengan tumpuan di sekitar Pekan Sekinchan. Ini termasuk melalui pemasangan papan-papan tanda informasi dan program pencahayaan di Pekan Sekinchan. Ini sebagai langkah memberikan imej yang positif dan menarik di kalangan pengunjung dan pelancong.

Selain itu, perbincangan bersama pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) juga telah dibuat bagi merancang dan membentuk semula pakej-pakej menarik di daerah Sabak Bernam termasuk di Sekinchan. Sekinchan mempunyai beberapa daya tarikan utama seperti Homestay Papitusulem, Bagan Sekinchan, jelapang padi, ladang buah-buahan, industri burung walit, restoran makanan eksotik dan beberapa tarikan lain. Malah, acara pelancongan tahunan seperti Pesta Menuai dan Larian Bendang juga boleh digunakan sebagai kesempatan terbaik mempromosi dan menonjolkan Sekinchan sebagai antara destinasi dan produk yang menarik untuk dilawati.

Selain itu, rangka pembangunan Pantai Redang di Bagan Sekinchan juga dilihat sebagai perancangan jangka panjang yang akan memberikan manfaat kepada sektor pelancongan bukan sahaja kepada DUN Sekinchan malahan kepada daerah Sabak Bernam khususnya. Melalui perancangan pembinaan sebuah hotel bertaraf 3 bintang diharap mampu memberikan pilihan penginapan kepada para pengunjung dan pelancong di samping menikmati panorama kehidupan masyarakat nelayan berhampiran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : KOLAM TAKUNGAN UNTUK SISTEM PENGAIRAN PROJEK BARAT LAUT

234. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor yang cuba menghalang pembinaan projek takungan untuk sistem pengairan padi Projek Barat Laut Selangor yang bertujuan untuk membantu meningkatkan hasil pengeluaran padi dui Tanjong Karang ?

b) Mengapa Kerajaan Negeri Selangor denda dan mengambil tindakan menghalang pembinaan projek tersebut ?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah menghalang sebarang pembinaan projek "mega" yang akan memberi manfaat jangka panjang kepada rakyat khususnya para-para petani padi di Tanjung Karang bagi peningkatan hasil padi mereka. Namun begitu, Kerajaan Negeri menghendaki supaya projek-projek yang dilaksanakan ini tidak akan memberi kesan negatif dan merugikan para petani di masa jangka panjang. Bagi Projek Barat Laut Selangor, ianya melibatkan kawasan Hutan Simpan Sungai Karang, Hutan Simpan Raja Musa dan Hutan Simpan Sungai Dusun. Sehubungan dengan itu, pembangunan HSK ini memerlukan pematuhan kriteria tertentu untuk menjamin kelestarian hutan-hutan ini. Selain dari itu, Kerajaan Negeri Selangor memerlukan dokumentasi yang lengkap serta kajian terperinci berhubung rancangan pembinaan ini kerana tanpa kajian menyeluruh, kemungkinan kesan dari projek ini, paras air bagi HSK ini akan turun dan menyebabkan hutan berpaya gambut ini menjadi kering serta terdedah kepada risiko kebakaran hutan. Secara tidak langsung, keadaan ini akan mengakibatkan kepupusan biodiversiti dalam HSK tersebut.

b) Denda yang dikenakan ialah kerana projek ini melibatkan penebangan pokok-pokok hutan dalam kawasan Hutan Simpan Raja Musa, Hutan Simpan Sungai Dusun dan Hutan Simpan Sungai Karang sepanjang kawasan rizab sungai tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri Selangor dan tindakan ini menyalahi Enakmen(Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : KESESAKAN LALULINTAS DI SEPANJANG JALAN HULU LANGAT DARIPADA BATU 9, CHERAS KE PEKAN BATU 14, HULU LANGAT.

235. Setiap hujung minggu akan berlakunya kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Hulu Langat terutama pada waktu puncak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

a) Latar Belakang Jalan

i) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan laluan FT3210 sepanjang 20.3 km dari persimpangan Lebuhraya Grand Saga ke Batu 14 Hulu Langat. Jalan ini adalah jalan satu lorong sehala (single carriageway).

ii) Jalan ini adalah merupakan jalan utama dan sebagai jalan alternatif yang menghubungkan antara pekan di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

iii) Terdapat beberapa perkampungan, taman-taman perumahan dan juga merupakan kawasan rekreasi serta tempat pelancongan.

Kajian pejabat ini memang berlaku kesesakan lalu lintas di waktu puncak dan di hari cuti sabtu dan ahad. Ini adalah disebabkan bilangan kenderaan yang banyak melebihi keupayaan jalan.

JKR telah mengemukakan permohonan cadangan menaiktaraf jalan ini untuk dimasukkan ke dalam RMK9 tetapi tidak diluluskan. Walaubagaimanapun JKR telah mengemukakan semula projek ini untuk dilaksanakan dalam RMK10.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : MEMULIHARA KAWASAN HIJAU DAN LAPANG

236. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah langkah Kerajaan untuk memastikan sesuatu kawasan hijau /lapang yang telah diperuntukkan atau digazet tidak ditukar semula statusnya oleh mana-mana pihak Kerajaan atau pemaju pada masa akan datang ?

JAWAPAN :

a) Mana-mana kawasan hijau/tanah lapang yang dirizabkan menurut pewartaan di bawah peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), ia akan dikawal oleh Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri dan akan dikawal selia dan di selenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan. Oleh yang demikian, segala usaha untuk memastikan pemuliharaan kawasan hijau dan tanah lapang adalah ditentukan oleh PBT berkenaan / Jabatan Perancang Bandar dan Desa selaras dengan penggunaannya yang ditentukan oleh Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Peruntukan undang-undang dan prosedur sedia ada akan memastikan tanah-tanah yang telah diwartakan akan dijaga dan tidak digunakan untuk tujuan lain selain yang diwartakan. Sekiranya suai manfaat tanah yang telah diwartakan tidak sesuai, warta untuk tujuan tersebut perlu dibatalkan terlebih dahulu mengikut prosedur yang dinyatakan oleh peruntukan seksyen 64 KTN. Menurut peruntukan seksyen 64 KTN, notis untuk pembatalan pewartaan perlu disiarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri Selangor dan satu

siasatan/pendengaran pembatalan akan dibuat oleh Pengarah Tanah dengan pihak-pihak berkaitan bagi membolehkan input diberikan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar berkenaan dengan permohonan untuk pembatalan warta tersebut. Kelulusan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar adalah selaras dengan perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui Sel.P.U.17 bertarikh 7 Jun 1984.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : KEMUDAHAN JALUR LEBAR UNTUK BANGUNAN BARU

237. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan akan menetapkan dasar mensyaratkan bangunan-bangunan baru yang akan didirikan di Selangor dilengkapi dengan kemudahan jalur lebar sebagai satu langkah untuk mempertingkatkan penggunaan internet oleh rakyat Selangor?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum menetapkan sebarang dasar mensyaratkan bangunan- bangunan baru yang akan didirikan dengan kemudahan jalur lebar. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan memilih Shah Alam sebagai perintis projek perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar di Selangor. Pengguna boleh mengakses rangkaian dan perkhidmatan Internet secara percuma menggunakan komputer peribadi, PDA dan telefon bimbit masing-masing. Kerajaan Negeri Selangor telah menandatangani satu perjanjian persefahaman (MOU) dengan Syarikat Prosontech Sdn Bhd bagi melaksanakan program "HyWIN" iaitu Hybrid Wireless Infrastructure Network di negeri ini. Kerajaan Negeri mensasarkan tahun 2015 untuk menghubungkan seluruh Selangor dengan kemudahan ini, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PENGEMASKINIAN KEMUDAHAN AWAM

238. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri dalam mengemas kini kemudahan awam, balai raya dan dewan-dewan masyarakat, mewartakan tanah, membaik pulih atau merobohkan bangunan yang telah usang.

b) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan untuk baik pulih dan mengecat balai raya pada tahun ini. Adakah ianya dapat membina satu identiti baru kepada kerajaan negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri melalui PBT melaksanakan pemantauan dan penyelenggaraan berterusan untuk memastikan kemudahan awam, balai raya dan dewan-dewan masyarakat berada pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun ia bergantung pada peruntukkan sedia ada dan dilaksanakan mengikut keutamaan. Bagi kawasan lapang, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pewartaan bagi memastikan kawasan lapang tersebut terpelihara dan dikekalkan. Manakala bagi bangunan – bangunan usang yang tidak relevan untuk diguna pakai akan dirobohkan.

b) Peruntukkan membaik pulih dan mengecat balai raya adalah seperti berikut:

PBT	**PERBELANJAAN**
MBSA	RM42,000.00
MBPJ	Di pihak Majlis, sejumlah RM 795,050.00 telah diperuntukkan bagi usaha penyelenggaraan dan baik pulih semua dewan-dewan yang diselenggarakan oleh pihak Majlis. Manakala sebanyak RM 2,044,600.00 diperuntukkan bagi membayar kontraktor untuk kerja-kerja pembersihan.
MPK	Pada masa ini Majlis hanya menyelenggarakan dewan-dewan orang ramai yang berada di dalam pentadbiran / pengurusan penyelenggaraan Majlis manakala balai raya di luar kawasan pentadbiran Majlis, berada di dalam pengawalan pejabat tanah.
MPAJ	RM200,000.00
MPSJ	RM624,000.00

MPS	a) Cadangan kerja-kerja membaik pulih bangunan dewan orang ramai Pinggiran Batu Caves sebanyak RM18,610.00 b) Cadangan kerja-kerja membaik pulih semula dewan JKKK di Kampung Kundang sebanyak RM16,040.00 c) Cadangan kerja-kerja membina tandas baru di dewan Komuniti Kampung Sungai Tua Gombak sebanyak RM19,974.40
MPKj	Pihak Majlis tidak menyediakan peruntukan untuk penyelenggaraan balai raya. Kerja-kerja penyelenggaraan di bawah tanggungjawab persatuan penduduk yang dilantik dengan persetujuan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)
MPSp	RM41,645.00
MDKL	Tiada peruntukan
MDHS	RM100,000.00
MDKS	RM100,000.00
MDSB	Tiada peruntukan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PEMBINAAN WAYAR BERVOLTAN TINGGI OLEH TNB MELALUI KAWASAN CHERAS HARTAMAS.

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah projek tersebut dapat kelulusan teknikal dari Pejabat Daerah, MPAJ dan kerajaan Negeri Selangor. Sila lampirkan semua dokumen-dokumen yang berkenaan.

b) Pihak manakah yang meluluskan tapak untuk pembinaan tersebut?

c) Dalam apakah keadaan projek tersebut boleh ditangguhkan atau dipindah?

JAWAPAN:

a) Isu adalah berkaitan tanah. Perlu merujuk ke Pejabat Tanah & Daerah Hulu Langat berkaitan kelulusan teknikal.

b) Pihak yang meluluskan jajaran tapak tersebut adalah pihak Pejabat Tanah & Daerah Hulu Langat dan pihak TNB.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: KAWASAN LITTLE INDIA DI JALAN TENGKU KELANA, KLANG

240. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah rancangan-rancangan Kerajaan Negeri Selangor di dalam mencantikkan serta membaik pulih Kawasan Jalan Tengku Kelana, Klang bagi memajukannya sebagai sebuah "Little India" Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membelanjakan peruntukan yang besar bagi membaik pulih kemudahan infrastruktur dan sebagainya untuk lebih mencantikkan lagi kawasan "Little India" tersebut?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mengambil apa-apa langkah bagi menjadikan Kawasan Jalan Tengku Kelana, Klang di identitikan sebagai kawasan "Little India of Selangor" pada masa terdekat ini?

JAWAPAN:

a) Antara rancangan bagi mencantikkan serta membaik pulih Kawasan Jalan Tengku Kelana, Klang bagi memajukannya sebagai sebuah "Little India" Selangor adalah menyelaras Program Mengecat dan Mengindahkan Pusat Bandar Klang Selatan 2010. Program mengecat semula premis perniagaan di Jalan Tengku Kelana adalah bertujuan untuk mengekalkan nilai estetika bangunan di sepanjang jalan tersebut dan secara tidak langsung dapat meningkatkan imej Pusat Bandar Klang sebagai satu tarikan pelancongan.

b) MPK sangat berbesar hati sekiranya Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan khas bagi meningkatkan taraf dan membaik pulih kemudahan asas di kawasan 'Little India' sejajar dengan matlamat untuk menarik lebih ramai pengunjung dan sebagai salah satu aset dan destinasi pelancongan terpenting di Negeri Selangor Darul Ehsan.

c) Cadangan untuk menjadikan kawasan Jalan Tengku Kelana Klang sebagai kawasan 'Little India of Selangor' perlu dikaji dan diteliti dengan mengambil kira pelbagai aspek agar selari dengan imej dan identiti Bandar Klang sebagai Bandar Diraja dan Bersejarah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK: PEMILIKAN DAN PERMOHONAN TANAH OLEH KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI

241. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan pekeliling yang membenarkan pegawai kerajaan negeri untuk memohon serta memiliki tanah dan perumahan kos rendah.

b) Apakah polisi kerajaan negeri yang terbaru dalam membenarkan kakitangan kerajaan memohon tanah dan membeli rumah kos rendah atau kemudahan lain kerajaan negeri?

c) Badan manakah yang bertanggungjawab memproses dan meluluskan segala permohonan tersebut?

JAWAPAN:

a) Setiap pegawai kerajaan negeri boleh memohon serta memiliki rumah kos rendah dengan syarat pemilikan tersebut diisytiharkan kepada Ketua Jabatan masing-masing. Walau bagaimanapun, pemilikan rumah kos rendah adalah tertakluk kepada dasar rumah kos rendah yang sedang berkuat kuasa bertujuan untuk mengawal pembelian rumah yang melibatkan rumah kos rendah bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berkelayakan iaitu mereka yang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana sahaja yang boleh memiliki rumah kos rendah. Di samping itu, pengawalan ini adalah perlu bagi mengelakkan daripada wujudnya pihak-pihak yang cuba mengaut keuntungan melalui pembelian rumah kos rendah atas tujuan pelaburan semata-mata. Selain dari itu, dasar kerajaan negeri turut mengawal pemilikan hartanah kos rendah di bawah pegangan bumiputera bagi memastikan syarat pemilikan pegangan bumiputera dipatuhi sepenuhnya.

   Sehubungan dengan itu, syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi pemilikan rumah kos rendah adalah seperti berikut:-

   i) Warganegara Malaysia ;
   ii) Berumur 18 tahun ke atas ;
   iii) Pendapatan bersama (suami/isteri) bakal pembeli tidak melebihi RM2,500.00 untuk pembelian dari pemaju dan tidak melebihi RM5,000.00 bagi pembelian secara *subsale* ;
   iv) Bakal pembeli (suami & isteri pembeli) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor;
   v) Pemilikan rumah kos rendah hendaklah melebihi 5 tahun sebelum dijual semula ; dan
   vi) Hartanah di bawah pegangan bumiputera hanya boleh dipindah milik kepada bumiputera sahaja.

b) Pegawai kerajaan negeri yang berhasrat untuk memohon atau memiliki rumah kos rendah juga tertakluk kepada dasar pemilikan rumah kos rendah yang berkuat kuasa dan kelayakan bagi pemilikan rumah kos rendah hanya terhad kepada satu buah rumah sahaja bagi seisi keluarga dengan syarat pemohon belum memiliki sebarang jenis rumah kediaman di Selangor.

c) Buat masa ini dasar pemilikan kos rendah seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan (a) masih diguna pakai dan berkuat kuasa. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bertanggungjawab untuk memproses permohonan rumah kos rendah di Selangor serta permohonan yang melibatkan urus niaga berkenaan rumah kos rendah seperti kebenaran pindah milik, kebenaran melelong, pelepasan gadaian bagi rumah awam kos rendah serta kebenaran pindah milik melalui lelongan awam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : MODERN PIG FARMING DI TUMBUK

242. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah kedudukan Projek Modern Pig Farming di Tumbuk sekarang?

b) Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri semasa ingin melaksanakan projek ini?

c) Sehingga kini, ada berapakah syarikat-syarikat yang sedia bekerjasama melaksanakan projek in?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri akan melihat **kajian kemungkinan** yang akan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada 15 November 2010 oleh Syarikat PPAD Integrated (M) Sdn. Bhd. Kajian tersebut akan menentukan sama ada projek ini wajar teruskan atau sebaliknya.

b) Memandangkan projek ini masih di dalam peringkat kajian kemungkinan maka masalah yang dijangka adalah seperti:-
   i. Keengganan tuan tanah menyerahkan tanah untuk dibangunkan
   ii. Keengganan/ karenah penternak yang akan meletakkan pelbagai syarat untuk berpindah
   iii. Penerimaan masyarakat bagi melaksanakan projek ini

c) Terdapat enam (6) syarikat yang berminat untuk membangunkan projek ini dengan mengemukakan pelbagai kaedah, teknologi dan agihan keuntungan yang bakal diterima oleh penternak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)

TAJUK : KENDERAAN RASMI

243. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapa buah kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat dengan saman ekor, minta nyatakan jumlah sama dan amaun denda yang telah dibayar dan jumlah tunggakan?

JAWAPAN:

a) Sejumlah 3,568 saman ekor bernilai RM 462,060.00 telah dikenakan terhadap kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Selangor.

BIL	JABATAN	JUMLAH SAMAN	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM) (a)	JUMLAH BELUM DIBAYAR (RM) (b)	JUMLAH (a) + (b)
1	Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	0	0.00	0.00	0.00
2	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	*2,229	9,770.00	206,710.00	216,480.00
3	Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor	**163	0.00	36,110.00	36,110.00
4	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	31	2,100.00	6,900.00	9,000.00
5	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor	34	1,300.00	7,860.00	9,160.00
6	Jabatan Mufti Negeri Selangor	0	0.00	0.00	0.00
7	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	1	0.00	300.00	300.00
8	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	7	0.00	2,100.00	2,100.00
9	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	52	0.00	8,250.00	8,250.00

BIL	JABATAN	JUMLAH SAMAN	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM) (a)	JUMLAH BELUM DIBAYAR (RM) (b)	JUMLAH (a) + (b)
10	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	23	300.00	2,930.00	3,230.00
11	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	5	0.00	1,250.00	1,250.00
12	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	92	0.00	17,150.00	17,150.00
13	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	162	0.00	32,050.00	32,050.00
14	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	15	0.00	3,040.00	3,040.00
15	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor	48	0.00	7,090.00	7,090.00
16	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	5	600.00	600.00	1,200.00
17	Majlis Bandaraya Shah Alam	216	900.00	29,860.00	90,760.00
18	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	23	0.00	6,700.00	6,700.00
19	Majlis Perbandaran Klang	2	***0.00	0.00	0.00
20	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	120	0.00	19,030.00	19,030.00
21	Majlis Perbandaran Subang Jaya	18	0.00	4,430.00	4,430.00
22	Majlis Perbandaran Selayang	48	2,350.00	0.00	2,350.00
23	Majlis Perbandaran Kajang	0	0.00	0.00	0.00
24	Majlis Perbandaran Sepang	16	0.00	3,990.00	3,990.00
25	Majlis Daerah Kuala Langat	60	1,800.00	9,490.00	11,290.00
26	Majlis Daerah Hulu Selangor	116	0.00	20,840.00	20,840.00
27	Majlis Daerah Kuala Selangor	1	0.00	300.00	300.00

BIL	JABATAN	JUMLAH SAMAN	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM) (a)	JUMLAH BELUM DIBAYAR (RM) (b)	JUMLAH (a) + (b)
28	Majlis Daerah Sabak Bernam	81	15,960.00	0.00	15,960.00
JUMLAH		**3,568**	**35,080.00**	**426,980.00**	**462,060.00**

Nota :-

* saman termasuk saman kenderaan jabatan lain yang didaftarkan di atas nama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta Unit Perancang Ekonomi SUK Selangor.

** saman termasuk saman kenderaan jabatan lain yang didaftarkan di atas nama Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor.

*** diselesaikan dengan pengecualian pembayaran

PERTANYAAN - PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN IR. MUTHIAH A/L MARIA PILLAY
(BUKIT MELAWATI)

TAJUK : SKIM PERUMAHAN MILIK PEKERJA LADANG

244. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah -langkah yang telah diambil untuk menguatkuasakan Skim Perumahan Milik Pekerja Ladang di Negeri Selangor?

b) Bila Skim ini akan dikuatkuasakan ?

c) Apakah syarat dan terma yang akan dikenakan di bawah skim ini ?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK: ANAK-ANAK SYARIKAT DAN BADAN-BADAN BERKANUN

245. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas anak-anak syarikat dan badan-badan berkanun Kerajaan Negeri yang *dormant*? Sila nyatakan perancangan Kerajaan Negeri ke atas badan berkanun Institut Perkembangan Minda (INMIND).

JAWAPAN:

a) MBI tidak dapat menjawab persoalan ini kerana bukan dalam bidang kuasa MBI.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : ELAUN GURU KAFA

246. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008 muka surat 14: "Pada pendapat Audit, pembayaran elaun Guru KAFA adalah tidak memuaskan walaupun Kerajaan Negeri telah menaikkan elaun berjumlah RM1,000 mulai bulan Januari 2009".

Audit dalam muka surat 13 juga menyatakan: "Guru KAFA yang mengajar 70 jam sebulan sepatutnya menerima RM1,458 sebulan".

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 56, Para 2.5.3.5: "Bayaran Guru KAFA adalah berbentuk elaun dan tanggungjawab JAKIM dan Kerajaan Negeri yang boleh menambah elaun. Akan mengadu kepada pihak berkuasa sekiranya usaha yang dibuat gagal".

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Jabatan bagi memenuhi piawaian Audit di atas?

b) Berapakah jumlah penambahan peruntukan sekiranya garis panduan bayaran RM1,458 sebulan mahu dilaksanakan terhadap guru-guru KAFA berkenaan?

c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memenuhi sasaran elaun RM1,458 sebulan bagi guru-guru berkenaan?

JAWAPAN :

a) Elaun KAFA di Selangor adalah paling tinggi berbanding negeri lain. Kerajaan negeri telah menambah elaun KAFA sebanyak RM 500 bagi setiap guru KAFA menjadikan jumlah elaun RM 1000 sebulan. Kerajaan negeri juga akan turut menaikan elaun guru KAFA kepada RM 1300 sebulan sesuai dengan pengistiharan kerajaan Persekutuan menaikan elaun KAFA kepada RM 800 iaitu kenaikan sebanyak RM 300 sebulan mulai 1 Januari 2011.

b) & c) Jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan kepada 6236 orang guru KAFA sekiranya meningkat dari RM1000.00 kepada RM1,458.00 ialah RM 34 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : TUISYEN RAKYAT

247. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan perbelanjaan program Tuisyen Rakyat mengikut DUN bagi 2009-2010.

b) Apakah sistem pengurusan dan pemantauan yang diguna pakai dalam program tersebut?

c) Apakah keberkesanan program tersebut?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PINJAMAN MIKRO KREDIT

248. Pinjaman Mikro kredit Selangor telah dilancarkan di Sabak Bernam oleh YB Exco Dr Hassan Mohd Ali.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapa ramaikah rakyat Negeri Selangor yang telah mendapat pinjaman mikro kredit dan berapakah jumlah wang yang terlibat ?

b) Sila senaraikan nama-nama DUN yang telah menjalankan skim mikro kredit ini.

c) Apakah syarat-syarat seseorang itu untuk melayakkan dirinya menerima bantuan mikro kredit ?

JAWAPAN :

a) Bilangan dan jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

Maklumat Pengeluaran Pembiayaan Sehingga 25hb. Oktober 2010

Bil.	**Daerah**	**Bil. Peminjam**	**Jumlah Pembiayaan(RM)**
1.	Sabak Bernam	190	540,500.00

b) DUN yang terlibat ialah Sekinchan, Sabak dan Sungai Panjang.

c) Antara syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan skim ini adalah seperti berikut:

i) Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 65 tahun.

ii) Isi rumah berpendapatan RM1,500.00 sebulan atau RM350.00 perkapita.

iii) Taraf bermastautin di Selangor melebihi 2 tahun.

iv) Memiliki aset tidak melebihi RM50,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : UNIVERSITI MADINAH DI SELANGOR

249. Sebuah Cawangan Universiti Madinah telah diwujudkan di Selangor

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Bila dan dimanakah cawangan ini ditubuhkan?

b) Apakah fakulti-fakulti yang ditubuhkan setakat ini?

c) Bagaimanakah jangkaan perkembangan masa depannya?

JAWAPAN :

a) MEDIU diiktiraf sepenuhnya sebagai universiti oleh Kementerian Pengajian Tinggi, dan beroperasi di bawah Akta Pendidikan Tinggi Malaysia. Universiti ini dikendalikan sebagai sebuah badan bukan keuntungan yang didaftarkan pada **23 Jun 2007**. Kini **Ibu pejabat MEDIU** adalah **di Shah Alam,** MEDIU mempunyai pusat perkhidmatan (*Service Center*) di luar negara antaranya di Al-Madinah AL-Munawwarah, Kuwait, Cairo, London dan Thailand.

b) Fakulti-fakulti yang ditubuhkan setakat ini adalah seperti di jadual berikut :

BIL	FAKULTI	BIDANG PENGAJIAN
1	Sains Pentadbiran dan Kewangan	**Peringkat Sarjana Muda** - Diploma Sistem Maklumat Perniagaan - Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan - Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan E-Commere
2	Sains Islam	**Peringkat Sarjana Muda** - Ijazah Sarjana Sains Islam Muda Fiqh dan Usul - Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Ususluddin - Ijazah Sarjana Muda Hadith - Ijazah Sarjana Muda Sains Islam, Sains dalam Al-quran

Bil	Fakulti	Bidang Pengajian
		Peringkat Sarjana - Sarjana Fiqh - Sarjana di dalam Usul Fiqh - Sarjana di dalam Ulum Hadith - Sarjana di dalam Dakwah - Sarjana di dalam Kepimpinan dan Siasah Syari'yyah - Sarjana di dalam Fiqh dan Sunnah - Sarjana di dalam bidang Tafsir dan Ulum Quran . - Sarjana di dalam Aqidah - Sarjana di dalam Qira'at - Doktor Falsafah Fiqh (penyelidikan) - Doktor Falsafah Fiqh dan Sunnah (penyelidikan) - Doktor Falsafah Tafsir dan U'lum Quran (penyelidikan)
3.	Bahasa	**Peringkat Sarjana Muda** - Sarjana Muda Kesusasteraan Bahasa Arab **Sarjana** - Sarjana Bahasa Arab - Sarjana Kesusasteraan Bahasa Arab
4.	Teknologi Maklumat	**Peringkat Sarjana Muda** - Diploma teknologi maklumat - Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat - Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan pengurusan maklumat - Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Pembangunan Sistem

c) Mediu akan terus menjayakan matlamatnya bagi melahirkan siswazah yang berkualiti dan para sarjana yang memenuhi keperluan masa kini tanpa meminggirkan kualiti keimanan terhadap pencipta. MEDIU akan mempertingkatkan jumlah fakulti dan kursus seperti Fakulti Pendidikan dan Kejuruteraan yang kini di dalam proses kelulusan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kursus yang diperkenalkan oleh MEDIU akan dipastikan mendapat kelulusan dan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sebelum dijalankan. Dengan tenaga pakar dari dalam dan luar negara dan teknologi pembelajaran yang dimiliki serta usaha mewujudkan kampus utama di Selangor Science Park 2, Cyberjaya, MEDIU akan terus berusaha untuk berada di puncak kejayaan dalam merealisasikan misi dan visi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KUTIPAN HASIL CUKAI NEGERI SELANGOR

250. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah kutipan hasil cukai yang berjaya dikutip oleh Kerajaan Negeri sehingga bulan September tahun 2010 ?

b) Sila senaraikan jumlah kutipan hasil cukai Negeri Selangor secara perbandingan sejak 5 tahun yang lalu ?

c) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mempengaruhi prestasi kutipan hasil cukai Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a) Pendapatan Kerajaan Negeri Selangor adalah terdiri daripada kutipan Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Sehingga 30 September 2010, Hasil Cukai adalah sebanyak RM452.99juta, Hasil Bukan Cukai adalah sebanyak RM425.66juta dan Terimaan Bukan Hasil adalah sebanyak RM161.18juta. Keseluruhan hasil Negeri Selangor sehingga 30 September 2010 adalah berjumlah RM1,039juta seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1 : Prestasi Kutipan Hasil Negeri Selangor
Sehingga 30 September 2010

PERIHAL	**2010**		
	Anggaran RM	**Sebenar (30 September 2010) RM**	**%**
HASIL CUKAI	460,020,000.00	452,993,092.69	98.47
HASIL BUKAN CUKAI	422,679,000.00	425,660,826.61	100.71
TERIMAAN BUKAN HASIL	417,301,000.00	161,180,388.62	38.62
JUMLAH	**1,300,000,000.00**	**1,039,834,307.92**	**79.99**

Kutipan Hasil Cukai berjumlah RM452.99juta adalah terdiri daripada Kutipan Hasil Cukai Langsung berjumlah RM426.61juta dan Kutipan Hasil Cukai Tidak Langsung (Cukai Hiburan) berjumlah RM26.38juta. Butiran kutipan Hasil Cukai mengikut jenis hasil adalah seperti **Jadual 2.**

Jadual 2 : Prestasi Kutipan Hasil Cukai Negeri Selangor Sehingga 30 September 2010

PERIHAL	Anggaran Tahun 2010 RM	Sebenar (30 September 2010) RM	(%)
HASIL CUKAI			
Cukai Tanah	400,000,000.00	410,851,676.45	102.71
Cukai Parit & Taliair	8,000,000.00	9,265,807.31	115.82
Cukai Hasil Hutan	15,000,000.00	6,496,545.06	43.31
Royalti	14,000,000.00	0.00	0.00
Duti Eksais	20,000.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	23,000,000.00	26,379,063.87	114.69
JUMLAH HASIL CUKAI (I)	**460,020,000.00**	**452,993,092.69**	**98.47**

b) Perbandingan Kutipan Keseluruhan Pendapatan Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti di **Jadual 3** di bawah:-

Jadual 3 : Perbandingan Prestasi Kutipan Hasil Negeri Selangor Daripada Tahun 2005 Sehingga 30 September 2010

PERIHAL	2005	2006	2007	2008	2009	2010
	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	Sebenar RM Juta	Sebenar 30 Sept. RM Juta
Hasil Cukai (I)	360.77	452.12	446.05	495.83	471.56	452.99
Hasil Bukan Cukai (II)	474.62	491.91	559.82	676.94	471.15	425.66
Terimaan Bukan Hasil (III)	132.37	216.18	279.23	343.57	821.15	161.18
JUMLAH HASIL (I+II+II)	**967.76**	**1,160.21**	**1,285.10**	**1,516.34**	**1,763.86**	**1,039.83**

Butiran perbandingan Kutipan Hasil Cukai Negeri Selangor mengikut jenis hasil sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti di **Jadual 4.**

Butiran perbandingan kutipan Hasil Keseluruhan Negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu adalah seperti di **Jadual 5.**

c) Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi prestasi kutipan hasil Negeri Selangor. Di antara faktor utama yang mempengaruhi kutipan hasil secara tidak langsung adalah keadaan kegawatan ekonomi global yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memberi kesan kepada kutipan hasil Negeri Selangor.

Faktor kegawatan ekonomi tersebut dan penunggak tegar yang sukar membayar cukai tanah tertunggak pada tahun 2009 telah menyebabkan penurunan kutipan Hasil Cukai berbanding tahun 2008 iaitu Cukai Tanah menurun sebanyak RM7.05juta dan Cukai Parit Tali air menurun sebanyak RM3.97juta.

Faktor lain yang mempengaruhi Hasil Cukai Negeri Selangor adalah daripada Royalti Air oleh Pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) yang berjumlah RM14.6juta setiap tahun, namun hasil Royalti Air tahun 2008 dan 2009 tidak dapat dikutip memandangkan Kerajaan Negeri masih dalam peringkat perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan bagi Penstrukturan Semula Industri Air negeri Selangor.

Manakala, faktor utama yang mempengaruhi Hasil Bukan Cukai yang diperolehi daripada urus niaga berkaitan tanah adalah permohonan dan kelulusan pembangunan tanah yang melibatkan Pemberimilikan, Tukar Syarat Nyata, Pindah Milik dan sebagainya. Berikutan daripada kekurangan permohonan pembangunan tanah, kutipan hasil Perolehan Jualan Barang-barang (Premium Tanah) telah menurun sebanyak RM189.75juta pada tahun 2009 menjadi sebanyak RM271.18juta sahaja berbanding kutipan sebanyak RMRM460.93juta pada tahun 2008.

Jadual 4 : Perbandingan Prestasi Kutipan Hasil Cukai Negeri Selangor Daripada Tahun 2005 Sehingga 30 September 2010

PERIHAL	2005	2006	2007	2008	2009	2009	2010	Perbandingan Prestasi 2009-2010	
								+ / (-)	
	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (30 Sept) RM Juta (A)	Sebenar (30 Sept) RM Juta (B)	RM Juta (B-A)	%
HASIL CUKAI									
Cukai Tanah	317.40	392.38	383.91	433.23	426.18	394.67	410.85	16.16	4.10
Cukai Parit & Taliair	17.03	12.90	11.54	12.24	8.27	6.44	9.27	2.82	43.82
Cukai Hasil Hutan	9.22	11.94	14.29	11.73	9.56	5.02	6.49	1.48	29.53
Royalti Air	0.00	14.08	14.45	14.61	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Eksais	0.032	0.022	0.017	0.014	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	17.08	20.80	21.84	24.01	27.55	21.48	26.38	4.90	22.82
JUMLAH HASIL CUKAI	**360.77**	**452.13**	**446.04**	**495.83**	**471.56**	**427.61**	**452.99**	**25.37**	**5.93**

Jadual 5 : Perbandingan Prestasi Hasil Negeri Selangor
Daripada Tahun 2005 Sehingga 30 September 2010

PERIHAL	2005	2006	2007	2008	2009	2009	2010	Perbandingan Prestasi 2009-2010	
								+ / (-)	
	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (31 Dis.) RM Juta	Sebenar (30 Sept) RM Juta (A)	Sebenar (30 Sept) RM Juta (B)	RM Juta (B-A)	%
Jumlah Hasil Cukai (I)	360.77	452.12	446.05	495.83	471.56	427.62	452.99	**25.37**	**5.93**
Hasil Bukan Cukai (II)	474.62	491.91	559.82	676.94	471.15	343.44	425.66	**82.22**	**23.94**
Terimaan Bukan Hasil (III)	132.37	216.18	279.23	343.57	821.15	167.91	161.18	**(6.73)**	**(4.01)**
JUMLAH HASIL (I+II+II)	**967.76**	**1,160.21**	**1,285.10**	**1,516.34**	**1,763.86**	**938.97**	**1,039.83**	**100.86**	**10.74**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PROGRAM BAYARAN TUNGGAKAN SEWA SECARA KHIDMAT KOMUNITI

251. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program pembayaran tunggakan sewa rumah PPR Lembah Subang secara melakukan khidmat komuniti.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah bilangan keluarga yang terlibat dalam program ini ?

b) Bagaimanakah kejayaan perlaksanaan program tersebut ?

JAWAPAN :

a) Program khidmat komuniti di Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bertujuan untuk membantu penyewa-penyewa yang tidak mampu membayar tunggakan sewa kerana faktor pendapatan yang rendah atau mempunyai tanggungan yang tinggi. Peserta akan melakukan kerja-kerja khidmat komuniti mengikut kadar jam yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) sehingga selesai untuk membolehkan tunggakan sewa mereka sebelum tahun 2010 dilupuskan.

   Pada peringkat pemilihan peserta seramai 30 nama penyewa telah dipilih untuk menyertai program khidmat komuniti ini. Seramai 14 orang penyewa sahaja memberi maklum balas dan bersetuju menerima surat tawaran daripada MBPJ. Sesi taklimat kepada peserta telah diadakan pada 10 Ogos 2010 dan seramai 7 orang sahaja yang hadir pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, hanya 4 orang peserta sahaja yang melaporkan diri pada hari pertama program khidmat komuniti dijalankan di PPR Lembah Subang.

b) Pelaksanaan khidmat komuniti sebagai pembayaran tunggakan sewa di kalangan penyewa PPR Lembah Subang didapati tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Kebanyakan peserta yang dipilih merupakan ibu tunggal yang sukar memberi komitmen sepenuh masa untuk menyertai program komuniti di samping tidak berminat dengan kerja-kerja yang ditetapkan kepada mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : HUTANG SYARIKAT TALAM

252. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyak hutang syarikat Talam yang telah berjaya dikutip balik oleh kerajaan negeri?

b) Bagaimana wang yang dikutip ini digunakan untuk kebaikan rakyat Selangor? Sila senaraikan?

JAWAPAN :

a) Jumlah hutang TALAM Corporation kepada Kerajaan adalah sebanyak RM392 Juta di mana kesemua jumlah akan dikutip oleh Kerajaan Negeri.

b) Hasil daripada kutipan hutang TALAM Corporation akan diagih-agihkan mengikut peruntukan keperluan Kerajaan Negeri dari segi projek-projek yang dikenal pasti untuk pembangunan, perkhidmatan dan perkembangan ekonomi Negeri Selangor. Tumpuan peruntukan ekonomi juga akan diberi kepada projek sosioekonomi Kerajaan Negeri seperti Skim Bantuan kepada rakyat dari untuk membasmi dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : SISTEM PELUPUSAN SISA PEPEJAL

253. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh Alam Flora bagi memastikan sistem pelupusan sisa pepejal sekarang lebih cekap dan berkesan.
b) Adakah kerajaan negeri merancang menggunakan perkhidmatan pelupusan sisa pepejal yang lebih baik dan mesra alam sekitar.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: PEMBELIAN AIR DARI PAHANG

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan sebab-sebab negeri Selangor membeli air dari Pahang.

b) Bagaimanakah rakyat boleh dijamin oleh pihak berkenaan supaya air yang disalurkan dari Pahang tidak di cemar oleh racun *Cyanide*.

JAWAPAN:

a) Peristiwa krisis bekalan air tahun 1998 yang telah berlaku di Selangor yang melibatkan hampir 1.8 juta orang dan berlarutan selama 6 bulan menjadi iktibar kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Lanjutan dari peristiwa krisis bekalan air tahun 1998, satu kajian telah dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, Malaysia dengan kerjasama Juru perunding SMHB bagi menghasilkan *National Water Resources Studies 2000.*

Hasil dari kajian tersebut, Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mempunyai penduduk dianggarkan sejumlah 7.5 juta orang menggunakan bekalan air sebanyak 3,904 JLH di mana sebanyak 61% adalah penggunaan domestik dan bakinya 39% adalah penggunaan komersial, industri dan pelancongan. Kapasiti maksimum pengeluaran dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,445 JLH. Unjuran purata permintaan bekalan air dikira berdasarkan kepada pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi serta industri.

Berdasarkan kepada kajian tersebut, dijangkakan akan berlaku pertambahan penduduk dan pembangunan ekonomi. Pertambahan penduduk serta pertumbuhan ekonomi yang rancak secara langsung akan mendorong kepada permintaan air bersih yang lebih tinggi manakala pembekalan air tidak berubah. Adalah dijangkakan dalam keadaan yang sedemikian, Kerajaan Negeri Selangor akan menghadapi masalah kekurangan bekalan air.

Masalah kekurangan bekalan air boleh mendatangkan kesan dan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik serta imej kerajaan. Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air yang dijangka melanda Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Projek Penyaluran Air dari Pahang ke Selangor pada tahun 2001. Dengan terlaksananya projek ini, ia dapat membekalkan air mentah sejumlah 2260 JLH bagi menampung permintaan air di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

b) Lombong emas di Bukit Koman, Raub adalah di luar kawasan tadahan air Empangan Kelau. Air dari Bukit Koman mengalir ke Sg Gali di mana arah aliran air sungai ini tidak mengalir ke kawasan tadahan air khususnya ke kawasan takungan air Empangan Kelau.

Hasil kajian Jabatan Kimia terhadap sampel air Sungai Koman serta air bawah tanah di Bukit Koman, Raub, Pahang mendapati tiada unsur sianida dikesan di kawasan itu. Bagi memastikan tidak ada ujud sebarang pencemaran yang disebabkan oleh *Cyanide,* Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Mineral dan Geosains akan terus membuat pemantauan terhadap tahap penggunaan sianida dalam aktiviti perlombongan emas di Bukit Koman.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: TANAH PERKUBURAN CINA DAN INDIA.

255. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Mengapakah tanah-tanah perkuburan masyarakat kaum Cina dan India tidak dijaga dan dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan?

b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan bebanan rakyat jelata di dalam menanggung kos perbelanjaan pengebumian yang pada masa kini semakin meningkat di kalangan masyarakat kaum Cina dan juga India?

c) Berapakah jumlah wang peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 dan juga tahun 2009 bagi tujuan menjaga dan meningkatkan kemudahan infrastruktur di perkuburan masyarakat kaum Cina dan India?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, pengurusan pembersihan tanah-tanah perkuburan adalah di luar skop perkhidmatan pihak berkuasa tempatan kecuali bagi tanah-tanah perkuburan Islam awam tertentu yang terletak di bawah tanggungjawab PBT, penyelenggaraan tersebut dilakukan oleh pihak masjid/institusi atau penduduk sekitar. Tanah-tanah perkuburan bukan Islam di negeri Selangor kebanyakannya di selenggara oleh persatuan-persatuan agama Cina dan India. Walau bagaimanapun, di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terdapat tanah perkuburan bersepadu di Seksyen 21, Shah Alam diurus tadbir oleh pihak majlis.

b) Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa, bagi tanah-tanah perkuburan yang dijalankan di atas tanah kerajaan, tidak boleh dijadikan sebagai tujuan komersial. Kos perbelanjaan yang semakin meningkatkan kebanyakannya adalah dari tanah-tanah perkuburan komersial yang di selenggara oleh persatuan atau pertubuhan NGO.

c) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang peruntukan khas bagi infrastruktur tanah-tanah perkuburan selain Islam di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menetapkan bagi setiap pembangunan yang berkeluasan 100 hektar atau lebih diwajibkan untuk menyediakan tapak perkuburan. Bagi pembangunan yang kurang daripada 100 hektar, pemaju atau pemilik tanah diwajibkan untuk menyumbang kepada Tabung Amanah Perkuburan yang berperanan untuk menyalurkan dana atau kewangan untuk menyediakan tapak-tapak perkuburan di Negeri Selangor. Selain itu, kerajaan negeri juga telah menetapkan melalui Pihak Berkuasa Tempatan, keperluan bagi menyediakan tapak tanah perkuburan atau caruman tapak perkuburan dikenakan sebagai syarat tambahan di dalam setiap kebenaran merancang yang dikemukakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PINJAMAN MIKRO KREDIT DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN SELANGOR

256. Kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi pinjaman di atas

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Bilakah skim di atas akan dilaksanakan?

b) Siapakah yang berhak mendapat pinjaman berkenaan?

c) Apakah syarat-syarat dikenakan?

JAWAPAN :

a) Yayasan Dar Al Qard Al Hasan : Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) telah ditubuhkan pada 8hb Julai 2010 dan di daftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dengan nombor pendaftaran 907361-A. Yayasan Dar Al Qard Al Hasan adalah sebuah g*overnment link company* (GLC) kerajaan Negeri Selangor. Perlaksanaan program SKIMSEL telah dilancarkan di daerah pertama operasinya iaitu Daerah Sabak Bernam pada 2 September 2010. Operasi bagi daerah-daerah berikutnya iaitu Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang mula beroperasi pada Oktober 2010 dan dijangka beroperasi penuh pada November 2010.

b) Antara syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan skim ini adalah seperti berikut:
   i. Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 65 tahun.
   ii. Isi rumah berpendapatan RM1,500.00 sebulan atau RM350.00 perkapita.
   iii. Taraf bermastautin di Selangor melebihi 2 tahun.
   iv. Memiliki aset tidak melebihi RM50,000.00

c) Syarat-syarat yang dikenakan adalah seperti berikut:

SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

- Pembiayaan tanpa cagaran dan penjamin.
- Caj pembiayaan 8% setahun.
- Bersetuju membentuk kumpulan 5 orang ahli dan menjalani latihan wajib selama 3 hari (2 jam sehari).
- Bersetuju menubuhkan pusat dan menabung ke dalam Tabung Kumpulan sebanyak RM5.00 seminggu.
- Menghadiri mesyuarat pusat setiap minggu dan membayar balik pembiayaan secara mingguan.
- Mencarum Takaful Kredit
- Bersetuju menyumbang deposit *security* tiga minggu dari pembiayaan ke dalam Tabung Kumpulan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN 5

257. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan bilakah masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah jalan khususnya dari kilang BERNAS hingga Ke Balai Bomba Sekinchan dapat diselesaikan.

b) Sila perjelaskan apakah punca sebenar permohonan tersebut tidak diendahkan walaupun sudah berulang kali masalah yang sama telah diutarakan ?

c) Sila kemukakan statistik terkini jumlah kemalangan yang berlaku dari Jan hingga Jun tahun 2010 dan nyatakan kaedah yang berkesan bagi mengurangkan berlakunya kemalangan di sepanjang jalan tersebut ?

JAWAPAN :

a) Masalah kekurangan lampu jalan dan pemisah Jalan antara Kilang Bernas hingga ke Balai Bomba Sekinchan bermula sejak jalan tersebut dinaiktaraf dari 2 lorong kepada 4 lorong. Masalah-masalah tersebut telah dikenal pasti dan telah diambil tindakan oleh JKR Malaysia Cawangan Jalan. Kajian dan penelitian juga telah dibuat oleh Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik Ibu Pejabat JKR Malaysia di Jalan tersebut antara Seksyen 506.20 hingga 509.6. Cadangan untuk penambahbaikan dan menaiktaraf adalah amat perlu. Perlaksanaan adalah bergantung kepada penyediaan reka bentuk dan peruntukan yang akan diluluskan.

b) Pejabat ini menjalankan kajian dan penelitian di kawasan tersebut. Berdasarkan borang data kemalangan (POL 27) yang diterima daripada polis, lokasi yang paling tinggi mata HPU adalah di Sek 507 iaitu sebanyak 10 mata dan masih di bawah kriteria lokasi yang perlu ditambahbaikkan iaitu 15 mata. Oleh itu, pejabat ini telah menjalankan penambahbaikan membina pemisah jalan di lokasi yang kritikal dahulu. Walaubagaimanapun pejabat ini juga telah memohon peruntukan untuk memasang pemisah jalan di lokasi 506.20 hingga 509.60 dan kerja-kerja akan dilaksanakan segera setelah peruntukan diterima.

c) Bersama-sama ini disertakan statistik jumlah kemalangan di kawasan berkenaan Seksyen 506.20 hingga 509.60 dari bulan Jun hingga Jun 2010 sebagaimana yang dikehendaki. Kaedah yang paling berkesan untuk mengurangkan berlaku kemalangan adalah dengan meningkatkan aspek keselamatan jalan raya dan kerja-kerja tersebut sedang dilakukan dari masa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYELARASAN SEWA RUMAH PPR DARI RM 250 KE RM 124

258. Sewa perumahan PPR telah dinaikkan pada pertengahan tahun 2008 dari RM 124 sebulan ke RM 250 sebulan . Isu ini telah menimbulkan ketidakpuashatian penduduk miskin kota dan pihak Kerajaan Negeri yang prihatin telah bersetuju untuk mengekalkan sewa RM 124 sebulan untuk keluarga yang tidak mampu bayar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sehingga kini berapa banyak keluarga yang telah diselaraskan sewa mereka dari RM 250 ke RM 124 di perumahan PPR Seksyen 8 Kota Damansara dan perumahan PPR Putra Damai , Lembah Subang ?

b) Bagaimana pula dengan tunggakan sewa penduduk yang dijumlahkan mengikut kadar RM 250, adakah ianya juga akan dikurangkan jika penduduk tersebut layak ke kategori sewa RM 124 sebulan ?

JAWAPAN :

a) Seramai 469 penyewa di PPR Seksyen 8 Kota Damansara dan 1,289 penyewa PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang sehingga 25 Oktober 2010 telah diselaraskan sewa mereka dari RM250.00 ke RM124.00 sebulan.

b) Penyewa yang layak diberi pengurangan kadar sewa RM124.00 sebulan daripada RM250.00 yang mempunyai tunggakan akan diselaraskan semula mengikut kadar sewa baru dan ianya tetap dianggap tunggakan yang perlu dijelaskan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PERANAN PBT DALAM MENANGANI GEJALA SOSIAL

259. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah peranan yang di mainkan oleh pihak berkuasa tempatan dalam memastikan gejala sosial yang berlaku sekarang ini dapat dibendung terutamanya dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah kekuasaannya.

JAWAPAN :

a) PBT secara berterusan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan terhadap aktiviti pusat refleksologi, pusat siber, hotel-hotel dan pusat hiburan yang mana kuasa PBT adalah lebih menjurus kepada pelesenan perniagaan. Sekiranya sesuatu premis didapati tidak berlesen maka semua peralatan akan disita dan akan di kompaun. Bagi premis yang berlesen, sekiranya wujud perlanggaran syarat pemegang lesen boleh di kompaun. Jika didapati perlanggaran syarat dilakukan berulang kali, lesen boleh dibatalkan. Walau bagaimanapun, bagi penguatkuasaan yang tidak diperuntukkan di bawah kuasa PBT, bantuan agensi lain seperti JAIS. Imigresen dan PDRM akan dimohon bagi memastikan objektif membanteras gejala sosial dapat dicapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK: TANAH RIZAB UNTUK SEKOLAH TAMIL DAN CINA.

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah tapak telah diwartakan sebagai tanah rizab sekolah Tamil dan Cina? Sila senaraikan semua tempat dengan butir-butirnya.

JAWAPAN:

a) Bagi sekolah Tamil dan Cina, ia tidak diwartakan sebaliknya diberi pemberimilikan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK: HOSPITAL & KLINIK

261. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah dan lokasi hospital, klinik dan rumah-rumah sakit di seluruh Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor memainkan apa-apa peranan bagi menjaga keselamatan dan kebajikan kesemua rumah-rumah sakit di seluruh Negeri Selangor pada masa kini?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga kebajikan pesakit-pesakit di kesemua rumah-rumah sakit di Negeri Selangor ini?

JAWAPAN:

a) Terdapat 10 buah hospital kerajaan di negeri Selangor iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Serdang, Hospital Selayang, Hospital Ampang, Hospital Sg Buloh, Hospital Kajang, Hospital Tanjong Karang, Hospital Banting, Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam. Jumlah Klinik Kesihatan pula ialah 58 buah dan Klinik Desa 131 buah. Lokasi Klinik Kesihatan dan Klinik Desa mengikut daerah di negeri Selangor adalah seperti berikut :

b) Tidak Berkenaan.

c) Tidak Berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : UGUTAN KEMENTERIAN TERHADAP NEGERI SELANGOR

262. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air pada 5 Oktober mengugut untuk menyaman Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan tertangguhnya Projek Menyalurkan air dari Pahang ke Hulu Langat.

Bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar:

a) Apakah sikap kerajaan Selangor terhadap ugutan ini?

b) Sejauh manakah terlibatnya kerajaan dahulu (BN) berhubungan dengan Projek Penyaluran Air ini?

c) Adakah kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menyaman balik mereka yang bertanggungjawab dengan projek yang menyebabkan seperti kerosakan alam sekitar dan sebagainya?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor bersikap profesional di dalam menangani setiap ugutan yang dikemukakan oleh man-mana pihak menerusi surat khabar. Namun sekiranya terdapat writ saman dikemukakan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air atau mana-mana pihak lain, maka Kerajaan Negeri Selangor akan sentiasa bersedia dalam menyediakan segala pembelaan . Dalam kes Projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor, tidak ada sebarang writ saman yang dikemukakan oleh mana-mana pihak kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor beranggapan ugutan tersebut hanyalah mainan politik sahaja.

b) Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor adalah projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan pinjaman dari Jepun melalui JBIC. Projek ini melibatkan 3 komponen utama iaitu:-

1) Pembinaan Empangan Kelau di Sungai Semantan, Pahang
2) Pembinaan terowong sejauh 13 km bagi menyalurkan air mentah dari Empangan Kelau ke Loji Rawatan Air Langat 2; dan
3) Pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 di Hulu Langat

Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Kerajaan Pahang dan Kerajaan Selangor berhubung dengan projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor pada 27 Mac 2001. Pada 14 Ogos 2001, Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan pelantikan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), sebuah anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor sebagai *Turnkey Contractor* di dalam pembinaan projek Loji Langat 2 dan sebagai

pemegang konsesi bagi menjalankan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan bagi projek tersebut.

Pada 09 Jun 2003, *Head of Agreement* telah ditandatangani bagi memperakukan pelantikan KDEB sebagai *Turnkey Contractor.* Pada 22 November 2007, Perjanjian Jual Beli Air Mentah dari Pahang ke Selangor telah ditandatangani. Pada 16 Januari 2008, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa KDEB ditawarkan kontrak pembinaan bagi pakej utama secara rundingan terus selepas syarikat perunding yang dilantik oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) menyiapkan kerja-kerja reka bentuk kejuruteraan (*detailed design)* dan mengemukakan anggaran kos keseluruhan projek Langat 2.

Namun demikian, selepas dari Mac 2008, pelaksanaan Projek Penyaluran Air Pahang ke Selangor seolah-olah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan tanpa kerjasama Kerajaan Negeri Selangor. Sehingga hari ini, tidak ada sebarang perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor mengenai pelantikan kontraktor dan operator bagi Loji Langat 2 walaupun keputusan Jemaah Menteri bertarikh 16 Januari 2008 telah memperakukan pelantikan KDEB.

c) Dalam kes Projek penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor, Kerajaan Negeri Selangor setakat ini tidak menerima sebarang writ saman dari mana-mana pihak. Projek ini pada dasarnya tidak akan merosakkan alam sekitar dan mencemarkan sungai di Hulu Langat kerana aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar amat dititikberatkan di bawah pelan pengurusan alam sekitar (EMP) yang disediakan oleh pasukan projek. Setiap pelaksanaan projek akan dipantau dengan teliti oleh semua jabatan teknikal di bawah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Sekiranya dikenal pasti bahawa projek ini menyebabkan kerosakan alam sekitar, Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang terlibat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : PROGRAM HARI TANPA PLASTIK

263. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimana pencapaian program hari tanpa plastik sehingga kini.

b) Adakah program ini benar-benar dapat mendidik rakyat negeri Selangor dan membantu usaha kerajaan di dalam program tersebut.

JAWAPAN :

a) Sejak kempen ini dikuatkuasakan pada Januari 2010, bilangan pasaraya yang menyertai Kempen Tanpa Beg Plastik ini semakin meningkat dari masa ke semasa. Sebanyak 74 pasaraya/peruncit telah menyertai kempen ini setakat bulan September 2010 berbanding hanya beberapa pasaraya yang terlibat semasa kempen ini mula-mula diperkenalkan. Ini menunjukkan satu pencapaian yang besar kerana kempen ini secara beransur-ansur dapat memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan dan tanggungjawab mereka dalam menjaga alam sekitar.

   Selain itu,sehingga sekarang, orang ramai mulai kelihatan membawa beg sendiri daripada rumah untuk membeli belah bukan hanya pada hari Sabtu tetapi juga pada hari-hari lain bagi mengurangkan penggunaan beg plastik.

b) Tidak dinafikan terdapat beberapa aduan yang diterima tentang keberkesanan kempen ini semasa ianya mulai diperkenalkan pada awal tahun 2010. Walaubagaimanapun, sehingga kini rakyat Negeri Selangor telah mula menerima kempen ini sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah alam sekitar dan bagi memastikan kemampanan alam sekitar di masa yang akan datang.

   Caj beg plastik ini telah dibuktikan keberkesanannya memerangi masalah pencemaran beg plastik di kebanyakan negara maju sebagai contoh, Ireland mengenakan caj 33 sen bagi setiap beg plastik dan telah berjaya mengurangkan 90% penggunaan beg plastik. Sekiranya langkah ini tidak diambil di Negeri Selangor, nescaya masalah pencemaran alam sekitar khususnya beg plastik tidak akan dapat diselesaikan.

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

LAMPIRAN

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		P.K.1 : PELBAGAI RANCANGAN													
	01001	*Membaikpulih Cerun*													
		Daerah Gombak													
1		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B27, Jalan Rawang - Kuala Selangor di Sek.34.5, 36.0 dan 36.8 Anggaran kos : RM1,500,000.00	SELAYANG / RAWANG							✔					
2		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B23, Jalan Sg.Tua - Ulu Yam di Sek.12.5, 14.1 & 15.8 Anggaran kos : RM600,000.00	GOMBAK / BATU CAVES							✔					
3		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B25, Jalan Bristol/Kuang - Sg.Plong di Sek.3.4 & 4.2 Anggaran kos : RM400,000.00	SELAYANG / KUANG							✔					
		Daerah Sepang													
4		M/pulih cerun & kerja2 berkaitan di Laluan B13, Seksyen 6.80 (Kanan) Jln Jenderam - Sungai Merab	SEPANG / DENGKIL		200,000.00	200,000.00				✔					
5		M/pulih cerun & kerja2 berkaitan di Laluan B48, Km 22 (Kanan) Jln Sepang - Jenderam dlm Daerah Sepang Anggaran kos : RM200,000.00	SEPANG / DENGKIL & SG.PELEK		200,000.00	200,000.00				✔					
6		Kerja2 Penyenggaraan cerun & kerja2 berkaitan			60,000.00	60,000.00				✔					

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		Daerah Hulu Langat													
7		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B116, Jalan Sg.Tekali - Sg.Lalang di KM3.6 Sek. A Anggaran kos : RM443,950.00	HULU LANGAT / SEMENYIH							✔					
8		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B116, Jalan Sg.Tekali - Sg.Lalang di KM3.6 Sek.B Anggaran kos : RM326,050.00	HULU LANGAT / SEMENYIH							✔					
9		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B32, Jalan Semenyih - Kuala Klawang di KM35.7 Anggaran kos : RM311,830.00	HULU LANGAT / SEMENYIH							✔					
10		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B32, Jalan Semenyih - Kuala Klawang di KM36.4 Anggaran kos : RM199,870.00	HULU LANGAT / SEMENYIH							✔					
11		M/pulih cerun & kerja2 berkaitan di laluan B32 Km 35.7 & Km 40.2 Jln Genting Peras-Kuala Klawang	HULU LANGAT / DUSUN TUA		200,000.00	200,000.00				✔					
		Daerah Hulu Selangor													
12		M/pulih cerun runtuh di Kg.Orang Asli Garachi Jaya Anggaran kos : RM200,000.00	HULU SELANGOR / BATANG KALI							✔					

BM=Belum Mula DP=Dalam Perancangan LJ=Lewat Jadual IJ=Ikut Jadual DJ=Dahulu Jadual SS=Sudah Siap

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		Daerah Petaling													
13		M/pulih cerun runtuh di Jalan Klinik Anggaran kos : RM150,000.00	KAPAR / MERU							✔					
14		M/pulih cerun di Laluan Negeri B49, Jalan Shah Alam - Batu Arang Anggaran kos : RM500,000.00	SHAH ALAM / KOTA ANGGERIK							✔					
		Daerah Kuala Selangor													
15		M/pulih tebing jalan runtuh di KM4.6 dan KM4.7 Laluan B27, Jalan Rawang - Kuala Selangor Anggaran kos : RM400,000.00	KUALA SELANGOR / IJOK							✔					
16		Membaiki Jalan & Tebing Runtuh Serta Kerja Berkaitan Di Sek.8 dan Sek.8.5 Laluan Negeri B 104 Jln Merbau Kg. Bukit Kuching, K. Selangor Anggaran kos : RM768,000.00	KUALA SELANGOR / JERAM							✔					
		JUMLAH		-	660,000.00	660,000.00	-			16					

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		P.K.2: KERJA-KERJA PERMULAAN PROJEK													
	02001	*Permulaan Projek,Ukur & Penyiasatan Tanah*													
		Daerah Kuala Selangor													
		Penyediaan Dokumen Tender			10,000.00	10,000.00									
		Daerah Sabak Bernam													
		M/t & Melebar Jln Sambungan Sekinchan Ulu Bernam Perunding : Kumpulan Jurutera Perunding	SG.BESAR / SUNGAI PANJANG		3,771.70	3,771.70	3,771.70								Bayaran percetakan
	02003	*Membina Jejantas Di Seluruh Negeri Selangor*			169,220.23	169,220.23									
		Daerah Petaling													
17		Membina Jejantas Pejalan Kaki di Batu 8, Jalan Puchong	PUCHONG / SERI SERDANG							✔					
		JUMLAH		-	**182,991.93**	**182,991.93**	**3,771.70**	**2.06%**		**1**					

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		P.K.3: MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN													
	03100	***Daerah Gombak***													
18	03101	Membina Jmbt RC Di Daerah Gombak Kos Siling : RM	GOMBAK	200,000.00	-	-		0.00%		✔					
19	03102	Membina Jalan Kg Sg Chinchin Kos Siling : RM 3,000,000.00	GOMBAK / GOMBAK SETIA	50,000.00	500,000.00	500,000.00		0.00%		✔					
20	03103	Membina Jalan Sg Kertas Mukim Batu Kos Siling : RM	GOMBAK / GOMBAK SETIA	100,000.00	500,000.00	500,000.00		0.00%		✔					
21	03104	Membina Jalan Melati Kuang Ke Bandar Baru Sg Buloh Kos Siling : RM	GOMBAK / KUANG	50,000.00	500,000.00	500,000.00		0.00%		✔					
	03300	***Daerah Kuala Langat***													
22	03305	Membina Jalan Sg.Kelambu - Genting Sanyen (Fasa 2) Kos Siling : RM 10,000,000.00	KUALA LANGAT / TELOK DATUK	-	-	-		0.00%		✔					Dibawa ke RMK-10
23	03311	Membina Jalan Dari Persimpangan FT05/B126 Jln.Kg.Jenjarom Ke Jln B3 Kebun Tambahan/ Jalan Bkt. Kemandul Kos Siling : RM 3,500,000.00	KUALA LANGAT / TELOK DATUK	-	-	-		0.00%	✔						Dibawa ke RMK-10
	03600	***Daerah Kuala Selangor***													
24	03601	Jln Dari Kg Rantau Panjang Ke Berjuntai Bestari Kos Siling : RM 7,000,000.00	KUALA SELANGOR / IJOK	-	-	-		0.00%		✔					
25	03607	Jalan Kg Parit 2,3,4 Kos Siling : RM 2,000,000.00	TG.KARANG / SUNGAI BURONG	50,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00		0.00%		✔					Menunggu kelulusan SST
		JUMLAH		**450,000.00**	**2,500,000.00**	**2,500,000.00**	-	**0.00%**	**1**	**7**					

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
	P.K.4: MENAIKTARAF JALAN DAN JAMBATAN														
	04100	*Daerah Petaling*													
26	04108	Melebar Jln, Menaik Aras & Memperkukuhkan Jln. Kg. Baru Sg.Buloh Kos Siling : RM 3,500,000.00	SUBANG / PAYA JARAS	197,000.00	500,000.00	500,000.00		0.00%		✔					
27	04110	Cad. Bg Kerja2 Melebarkan Jln Di Seluruh Kaw. Tmn Medan Kos Siling : RM 1,000,000.00	PETALING JAYA SELATAN / TAMAN MEDAN	47,100.00	1,000,000.00	1,000,000.00		0.00%		✔					
	04200	*Daerah Gombak*													
28	04209	Menaiktaraf Jln Sg.Pusu B22 Kos Siling : RM 1,000,000.00	GOMBAK / GOMBAK SETIA	50,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00		0.00%		✔					Iklan 1/7/2010
	04300	*Daerah Klang*													
	04301	Mengganti Jambatan Dlm Daerah Klang		4,830,100.00	500,000.00	500,000.00		0.00%							
29		i. Mengganti jambatan di Jln Wan Hassan,Rantau Panjang Kos Siling : RM 3,500,000.00	KAPAR / SEMENTA							✔					
30		ii. Mengganti jambatan di Jln.Kunci Air, Rantau Panjang Kos Siling : RM 2,000,000.00	KAPAR / SEMENTA							✔					
31		iii. Mengganti jambatan di Jln Keretapi Lama, Kapar Kos Siling : RM 2,000,000.00	KAPAR / SEMENTA							✔					
32	04308	Melebar, Memperkukuh & Menurap Semula Jln2 Kg Telok Gong Kos Siling : RM 3,500,000.00	KLANG / SELAT KLANG	108,000.00	-	-		0.00%		✔					Dibawa ke RMK-10
		JUMLAH		**5,232,200.00**	**3,000,000.00**	**3,000,000.00**	-	**0.00%**		**7**					

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
	04500	***Daerah Hulu Langat***													
33	04509	Menaiktaraf Jln Sg Tekali Kos Siling : RM	HULU LANGAT / DUSUN TUA	-	562,306.00	562,306.00	562,306.00	100.00%		✔					
34		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B116, Jalan Sg.Tekali - Sg.Lalang di KM3.6 Sek.A Anggaran kos : RM443,950.00	HULU LANGAT / DUSUN TUA		437,694.00	437,694.00	397,489.00	90.81%		✔					
	04700	***Daerah Kuala Selangor***													
35	04705	Jalan Negeri B42 (Jln Spg Tiram Burok - Btg Berjuntai) - Fasa 2 Perunding : SSI Consulting Engineers	KUALA SELANGOR / IJOK	10.00	-	-		0.00%		✔					
		Kos Siling : RM1,800,000.00													
	04900	***Daerah Sabak Bernam***													
36	04907	M/t & Melebar Jln Sambungan Sekinchan Ulu Bernam Kos Siling : RM 23,000,000.00 Perunding : Kumpulan Jurutera Perunding	SG.BESAR / SUNGAI PANJANG	-	5,000,000.00	5,000,000.00		0.00%		✔					Penilaian Tender
	04975	Membina Lampu Jalan Dan Lampu Isyarat		-	2,120,670.00	2,120,670.00		0.00%							
		JUMLAH		**10.00**	**8,120,670.00**	**8,120,670.00**	**959,795.00**	**11.82%**		**4**					
		JUMLAH BESAR		**5,682,210.00**	**14,463,661.93**	**14,463,661.93**	**963,566.70**	**6.66%**	**1**	**35**	**0**	**0**	**0**	**0**	

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT. 2010 (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		P.K1: PELBAGAI RANCANGAN													
	01001	*Membaikpulih Cerun*			6,703,917.31	6,703,917.31									
		Daerah Sabak Bernam													
1		Membaikpulih Jalan Mendap di Jalan 2,Bagan,Sg.Besar Kont.: KPS-HCM Sdn.Bhd. H. Kont. : RM 1,500,000.00	SG.BESAR / SUNGAI PANJANG		495,355.44	495,355.44	495,355.44	100.00%			✔				TMT : 7/07/2009 TSK : 6/10/2009 EOT 1 : 3/02/2010 EOT 2 : 16/7/2010
2		Membaikpulih Jalan Mendap di Jalan Bagan - Sg.Labu, Sekinchan Kont. : Excellent Tribute Sdn. Bhd. Kos Siling : RM 3,500,000.00	SG.BESAR / SEKINCHAN									✔			7.0& / 3.0% TMT : 24/8/2010 TSK : 7/2/2011
		Daerah Klang													
3		Membaikpulih Jalan Mendap di Jln.Revolusi Hijau / Jln.Johan Setia Kont. : Kos Siling : RM 3,000,000.00	KOTA RAJA / SRI MUDA									✔			60.0& / 55.0% TMT : 21/5/2010 TSK : 20/12/2010
4		Membaikpulih Jalan Mendap di Jalan Kebun Nenas Kont. : - Kos Siling : RM 2,500,000.00	KOTA RAJA / SRI MUDA									✔			7.0& / 4.0% TMT : 20/07/2010 TSK : 6/12/2010
		Daerah Gombak													
5		M/pulih cerun & Kerja2 Berkaitan di laluan B23 km 4.50 Jln Sg Tua/ Hulu Yam Dlm Daerah Gombak	GOMBAK / BATU CAVES		500,000.00	500,000.00	464,570.00	92.91%				✔			
6		Kerja m/pulih cerun & kerja berkaitan di laluan B23 Sek 15.80 (kanan) Jln Sg. Tua- Hulu Yam, Gombak	GOMBAK / BATU CAVES		200,000.00	200,000.00	180,015.00	90.01%				✔			
7		Kerja2 Penyenggaraan cerun dlm daerah Gombak			80,000.00	80,000.00	80,000.00	100.00%				✔			

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT. 2010 (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		Daerah Hulu Selangor													
8		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B44, Jalan Sg.Besar Sek.64.2 dan Sek.60.1 Anggaran kos : RM400,000.00	HULU SELANGOR / HULU BERNAM		200,000.00	200,000.00	200,000.00	100.00%				✔			
9		M/pulih cerun runtuh di Laluan Negeri B66, Jalan Batang Kali - Genting Sek.13.1 dan Sek.13.2 Anggaran kos : RM400,000.00	HULU SELANGOR / BATANG KALI		200,000.00	200,000.00	200,000.00	100.00%				✔			
10		Kerja2 Penyenggaraan cerun & kerja2 berkaitan			100,000.00	100,000.00	53,510.00	53.51%				✔			
	01002	***Membaikpulih Jambatan Seluruh Selangor***													
		Daerah Kuala Langat													
		Jln Kg Sawah Ke Telok Panglima Garang Membina Jambatan Kg Sawah (Pakej 1) Kontrak kedua Kont. : Dua Medan Sdn. Bhd. H. Kont. : RM 30,199,920.00	KUALA LANGAT / SIJANGKANG		1,131,910.00	1,131,910.00	1,131,910.00	100.00%							Butiran asal P12-03303
	01005	***Pengambilan Balik Tanah***		15,000,000.00	4,584,135.28	4,584,135.28									
		Jln Bangi Ke Kisda	SERDANG / BANGI												
		Menaiktaraf Jalan Monterez Ke TUDM Lot 3561 - Pengambilan balik Tanah Lot 3561 - lain2 kos Pengambilan balik Tanah	SUBANG / KOTA DAMANSARA				2,164,853.55 32,650.00								
		JUMLAH		**15,000,000.00**	**14,195,318.03**	**14,195,318.03**	**5,002,863.99**	**35.24%**	**0**	**0**	**1**	**9**	**0**	**0**	

BM=Belum Mula *DP=Dalam Perancangan* *LJ=Lewat Jadual* *IJ=Ikut Jadual* *DJ=Dahulu Jadual* *SS=Sudah Siap*

VOT : P.12 JKR SELANGOR

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR RMK9
SEHINGGA 15 OKTOBER 2010

BIL	KOD PRJK	NAMA PROJEK	DAERAH/ PRLMN/ DUN	PERUNTUKAN RMK9 (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2010 (RM)	WARAN YANG DITERIMA	PERB. HING. 15 OKT. 2010 (RM)	BELANJA %	STATUS						CATATAN JADUAL / SEBENAR
									BM	DP	LJ	IJ	DJ	SS	
		P.K2: PERMULAAN PROJEK													
	02001	*Permulaan Projek, Ukur & Penyiasatan Tanah*			596,109.35	596,109.35		13.02%							
